



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 60

Khamis

21 November 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 9)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2020

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.21 (Halaman 39)

Maksud B.43 (Halaman 116)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 38)

Anggaran Pembangunan 2020

Jawatankuasa:-

Maksud P.21 (Halaman 39)

Maksud P.43 (Halaman 116)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 21 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Tahun ini merupakan ulang tahun ke-60 Parlimen Malaysia. Hari ini merupakan hari ke-60 Dewan rakyat bersidang. *[Tepuk]* Oleh kerana itu pada Khamis yang mulia ini, hari ini saya tidak menghadihkan pantun ataupun kata-kata pujangga tetapi saya berikan kata-kata hikmah daripada Imam Syafie untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. "*Barang siapa yang menginginkan husnul khatimah, hendaklah dia selalu bersangka baik dengan manusia*". Juga ada kata-kata kalimat daripada Confucius dengan izin, "*life is really simple but men insist of making it complicated*". Renung-renungkan lah.

Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang kemukakan pertanyaan dalam masa satu minit. Yang Berhormat Ledang.

1. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan dan keperluan Majlis Penasihat Kerajaan memandangkan Menteri-menteri telah mempunyai pengalaman sepanjang dua tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ledang yang telah pun bertanya soalan pada hari yang bermakna pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* telah pun ditubuhkan pada 12 Mei 2018. Dengan penubuhan CEP ini, lahir lah Jawatankuasa Reformasi Institusi iaitu dikenali sebagai IRC.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Reformasi Institusi ini dengan keanggotaan seramai lima orang ahli telah pun ditubuhkan dan untuk mengkaji langkah-langkah dan juga cadangan melakukan penambahbaikan terhadap institusi penting yang ada di negara ini selepas Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu.

Pihak IRC telah mengemukakan laporan berkaitan sembilan institusi penting iaitu Parlimen, Suruhanjaya Pilihan Raya, Badan Kehakiman, Mahkamah, Jabatan Peguam Negara,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, majlis ini telah pun tamat melaksanakan tugas mereka pada 19 Ogos 2018 tahun lalu. Urusan pentadbiran kerajaan kini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jemaah Menteri yang telah pun dibentuk. Kerajaan akan sentiasa bersikap peka dan prihatin terhadap semua perkara atau pandangan yang diberikan dalam majlis tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Menteri di atas jawapan tadi. Saya melihat bahawa adalah penting supaya peralihan itu berlaku supaya tidak ada kekenduran dari segi rakyat kepada kerajaan. Soalan tambahan saya, apakah pihak Majlis dan Jawatankuasa IRC tersebut telah membincangkan dan menasihati perkara-perkara dalam manifesto Pakatan Harapan yang masih belum ditunaikan termasuk janji 100 hari yang mungkin belum nampak kemajuan untuk dilaksanakan? Adakah pihak Majlis Penasihat ataupun JKIRC tidak memberikan nasihat yang sewajarnya kepada kerajaan supaya tidak ada kekenduran daripada segi keyakinan rakyat kepada kerajaan?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat kurang lebih ada 256 cadangan yang telah pun diberikan oleh pihak IRC. Terdapat 223 cadangan yang berkaitan dengan skop *governance*, integriti dan pencegahan rasuah di bawah 20 janji-janji kerajaan. Dalam hal ini, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional telah pun dijadikan penyelaras di peringkat dasar bersama-sama dengan agensi yang lain sebelum sebarang cadangan dilaksanakan.

Seperti yang kita sedia maklum, penubuhan IRC ini telah pun tamat dengan pelaksanaan mereka pada bulan Ogos yang lalu. Kurang lebih daripada setahun pada masa itu. Kita telah pun menghapuskan janji yang kita janjikan dalam manifesto iaitu menghapuskan GST dan juga Akta Berita Palsu. Pada masa yang sama, kita telah mengembalikan status sama rata Sabah dan Sarawak walaupun pihak pembangkang pada masa itu tidak setuju dan tidak memberikan undi sepenuhnya kepada kerajaan. Terpaksalah kita kalah pada masa itu tetapi saya berharap bahawa isu itu akan dikembalikan pada masa yang terdekat.

■1010

Pada masa yang sama juga kita telah pun menambah 13 kerusi di Dewan Undangan Negeri. Kelulusan itu telah pun dibuat oleh Dewan yang mulia ini pada masa setahun ini. Pada masa yang sama, kita juga telah pun mewujudkan pelantikan empat Jawatankuasa yang penting iaitu Chairman (MACC Chief), Pengerusi MACC dan juga SPRM, SPR bagi *Judicial Appointment Committee* juga dirujuk kepada pihak *Parliamentary Select Committee*.

Jadi, ini lah perubahan yang telah pun dibuat selama setahun lebih ini dan banyak lagi reformasi yang kita akan teruskan kepada Parlimen, pilihan raya kita, di mana kita juga telah pun membenarkan orang muda kita 18 tahun untuk menjadi pengundi. Mereka juga layak untuk menjadi calon sekiranya parti yang mereka wakili itu membenarkan mereka menjadi calon. Jadi,

itu lah satu reformasi yang telah pun dikenalkan selama setahun lebih ini sejak Kerajaan Pakatan Harapan menjadi pemerintah dalam negara ini. Sekian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Pagi ceria. Saya ingin bertanya Menteri tentang- berdasarkan kenyataan daripada Menteri Luar, di antara tugas Pengerusi Majlis Penasihat ini ialah membawa balik wang dan aset 1MDB. Saya ingin dapat penjelasan sehingga kini, berapakah jumlah wang yang telah berjaya dibawa pulang dan aset-aset 1MDB? Beliau juga ada berhubung dengan Jho Low, sejauh mana perkembangan tentang siasatan terhadap Jho Low untuk bawa balik ke Malaysia? Ini kenyataan daripada Menteri Luar berhubung dengan tugas CEP. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya hanya boleh menjawab melalui apa yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa perbahasan bajet. Di mana telah pun diumumkan terdapat kurang lebih RM150 bilion yang telah pun dilaporkan hilang ataupun dicuri. Di situ telah pun kembali kurang lebih ada RM1.5 bilion. Jadi, hanya kurang lebih 1 peratus sahaja daripada RM150 bilion yang telah pun ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Jadi, setakat ini seperti Yang Berhormat sedia maklum kita telah pun menguruskan *National Anti-Financial Crime Centre Bill* (NAFCC) ini untuk menjadikan satu pusat koordinasi untuk mengkoordinasi semua agensi-agensi berkenaan untuk mencari wang-wang yang telah pun disimpan di luar negara. Jadi, ini adalah satu inisiatif yang telah pun dibuat oleh kerajaan untuk pastikan wang-wang yang telah pun disimpan di luar negara dapat dikembalikan kepada negara dan untuk manfaat rakyat kita di sini.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula, saya mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar *Japanese School of Kuala Lumpur*.
[Tepuk]

2. **Tuan Teh Kok Lim [Taiping]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan usaha dan perancangan kerajaan dalam meningkatkan aplikasi sains dan teknologi yang dapat memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ignatius Dorell Leiking]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi. *Kopivosian*. Pertama sekali saya ingin memohon maaf bagi Menteri MESTECC kerana tidak dapat hadir menjawab soalan disebabkan hal kecemasan keluarga beliau. Yang Berhormat Ahli Parlimen Taiping bagi menjawab soalan Yang Berhormat. Di era ekonomi baharu...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Timbalan Menteri pergi mana?

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Yang saya faham, dalam *Minister's Questions Time* dengan izin, *Ministers* sepatutnya jawab. So, kita telah diberikan punca kuasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di era ekonomi baharu dan revolusi industri 4.0, peranan sains, teknologi dan inovasi penting dalam memacu kemajuan ekonomi, perkembangan sosial dan juga sebagai sumber

pertumbuhan baru negara. Industri yang berasaskan pengetahuan mempunyai nilai tambah tinggi dan cepat beradaptasi dengan perubahan akan sentiasa berada di barisan hadapan dan mampu bergerak seiring dengan perubahan pesat ekonomi yang dipacu oleh teknologi.

Bagi memangkin pertumbuhan ekonomi selari, kerajaan memberi fokus terhadap penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, *commercial* dengan izin dengan usaha sama industri dalam penghasilan produk berasaskan permintaan *or demand driven* dengan izin yang boleh dikomersialkan, sekali gus menjana kekayaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia telah melancarkan inisiatif I-CONNECT bagi kemajuan industri negara melalui inovasi. I-CONNECT adalah rangkaian kerjasama *or collaborative network* di antara Quadruple Helix iaitu kerajaan industri penyelidik dan masyarakat, bagi mewujudkan dan memupuk ekosistem inovasi yang kondusif di Malaysia ke arah meningkatkan inovasi disruptif dan seterusnya memanfaatkan peluang ekonomi baharu bagi industri Malaysia memasuki pasaran baharu muncul, *the emerging markets globally*.

Inisiatif ini akan berfokus kepada empat bidang strategik dalam bidang industri 4.0 *manufacturing, fintech in islamic finance services, health and wellness* dan halal *supply chain* dengan izin. Sebagai permulaan, MESTECC memperuntukkan dana RM16 juta bagi penyelidikan dan pembangunan berdasarkan permintaan dan pasaran. *It is demand driven R&D and market-driven system* Tuan Yang di-Pertua. Melalui rangkaian kerjasama ini, pihak industri akan turut memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan atau pun bukan kewangan, terutamanya penggunaan fasiliti di industri, bagi pelaksanaan ujian kepada produk perkhidmatan yang dihasilkan dan juga penghasilan produk perkhidmatan tersebut dalam skala yang besar untuk dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, rangkaian kerjasama ini akan membolehkan maklumat pasaran serta pematuhan SDI diterapkan secara kreatif untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang unik dan berbeza di industri tempatan. Kerjasama ini juga akan membolehkan perkongsian risiko yang akan mengurangkan risiko dan halangan yang dihadapi secara bersama. Ianya juga akan menggalakkan industri mengambil inisiatif inovatif supaya produk atau perkhidmatan tempatan lebih mudah memasuki pasaran baharu di peringkat global. Ini secara langsung akan dapat membantu pertumbuhan dan peningkatan ekonomi negara.

Kerajaan turut menyediakan program-program dalam usaha meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan. Program-program seperti perniagaan, *pitching* dan juga penggalakan inovasi khususnya melalui program bimbing dan pupuk, *the Coach & Grow Programme* oleh Cradle Fund dapat menyediakan latihan dan geran untuk melahirkan usahawan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedang meneliti insentif cukai R&D sedia dan ada supaya insentif yang diberikan dapat menarik minat industri untuk mendapat manfaat dan seterusnya merencanakan aktiviti *research and development* negara. Insentif cukai R&D boleh menjadi satu instrumen berkesan untuk mendorong penyelidikan daripada pihak industri. Insentif

dalam bentuk pengecualian cukai dan juga pemotongan berganda untuk perbelanjaan R&D telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu agenda menggalakkan aktiviti R&D di Malaysia.

Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan agensi yang berkaitan antaranya MIDA dan LHDN bagi memastikan pengurusan insentif ditambah baik di dalam belanjawan tahun hadapan supaya memudahkan syarikat memohon insentif tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1020

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang mengambil soalan saya. Memandangkan sains dan teknologi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara, soalan saya seterusnya, apakah usaha kerajaan dalam memupuk minat dalam bidang sains dan teknologi di kalangan pelajar iaitu generasi muda? Terima kasih.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Dengan *talking points* yang saya ada, saya minta izin untuk menjawab.

Bagi memperluaskan program kesedaran dan pembudayaan *energy, science, technology, environment and climate change* (ESTECC) dengan izin, di sekolah-sekolah yang merangkumi tiga sektor utama di bawah kementerian, serta sektor alam sekitar dan perubahan iklim, MESTECC telah menyasarkan penglibatan seramai 2 juta orang pelajar seluruh negara melalui Minggu Sains Negara dan Program Pendidikan ESTECC di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang menggalakkan dari semua pihak termasuk rakan-rakan strategik memberikan lonjakan penglibatan pelajar. Saya ingin memberikan maklumat tambahan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Bahawa anak saya sendiri pun adalah *one of the beneficiary* dalam program ini. *I do believe that* ini adalah satu inisiatif yang baik yang datang daripada MESTECC. Minggu Sains Negara mencatatkan penglibatan pelajar seramai 88 ribu orang pada tahun 2018 dan melonjak 10 kali ganda kepada seramai 900 ribu orang pada tahun 2019.

MESTECC telah melancarkan fasa pertama, Minggu Sains Negara 2019 pada bulan April yang bertemakan 'Sains untuk Kesejahteraan'. Fasa kedua, Minggu Sains Negara telah dilaksanakan pada bulan Ogos. Pusat Sains Bergerak yang menjadi sebahagian dari agenda ini adalah untuk digerakkan bagi memberikan peluang kepada pelajar di kawasan luar bandar untuk mempelajari dan membudayakan sains dalam kehidupan seharian.

Program ESTECC di sekolah dengan sasaran seramai 1 juta pelajar dijayakan dengan kerjasama rakan strategik, membawa pelajar keluar dari bilik darjah untuk mengalami pembelajaran yang lebih menyeronokkan melalui kaedah interaktif untuk meningkatkan minat dan kesedaran tentang sains dan teknologi, seterusnya dibudayakan di kalangan pelajar dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit Yang Berhormat Taiping. Di kawasan saya, ada suatu tempat yang dikenali sebagai Terian, Buaian. *It takes about five hours by car to reach there.* Kebanyakan murid-murid di sana tidak ada peluang diberikan akses kepada internet dan komputer. Kita telah membuat program melalui *contribution* daripada *public, through CSR* untuk membuka *lab*, ini adalah suatu inisiatif yang mesti dibuat antara *public and private sector to give more access to our students.* Thank you.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab bagi Menteri MESTECC. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, soalan tambahan kedua- tiga puluh saat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apabila kita bercerita tentang bidang sains dan teknologi, ini tentunya berkaitan dengan Industri 4.0. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian, kedua-dua kementerian untuk memacu Industri 4.0 terhadap PKS termasuklah PKS di luar bandar lebih-lebih lagi apabila pada tahun 2019, peruntukannya sebanyak RM112 juta.

Namun, pada tahun 2020, iaitu tahun depan, dipotong hanya tinggal sebanyak RM43 juta? Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pontian. Berkenaan dengan Industri 4.0 ataupun dasar yang dikenali sebagai *industry forward* di Malaysia, adalah satu kolaborasi antara semua kementerian dalam kerajaan ini.

Bagi program-program untuk membawa Industri 4.0 ataupun *industry forward* kepada sektor pembuatan dan sektor *services* yang kita ada, MIDA, MPC dan juga agensi seperti di bawah MESTECC serta *human resources*, kerjasama selalu untuk membawa dari segi bidang yang perlu dalam Industri 4.0 kepada PKS dan juga kepada individual.

Berkenaan dengan kenapa ada penurunan dalam bajet yang diumumkan, itu saya tidak dapat menjawab sekarang tetapi saya akan memberikan lebih terperinci kepada Yang Berhormat Pontian. Adanya sebab, tetapi *human resource has their own*, MITI pun ada, dan juga MESTECC. *Each one of us have our own ways of doing and upgrading- Industry 4.0* kepada PKS dan juga kepada warganegara kita. Terima kasih.

3. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Perdana Menteri menyatakan, komitmen terkini kerajaan mengenai segala peruntukan dan bantuan yang diumumkan sepanjang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjong Piai. Apakah senarai peruntukan tersebut serta jumlahnya, dan apakah tempoh masa ianya akan direalisasikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai yang telah pun kembali ke Dewan ini sekali lagi. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus komited untuk melaksanakan semua peruntukan yang telah diumumkan untuk kawasan Parlimen Tanjong Piai kerana ia memberikan manfaat kepada rakyat dan juga pengundi di kawasan Parlimen Tanjong Piai.

Untuk makluman, terdapat 17 projek bernilai RM14.75 juta yang telah diluluskan pelaksanaannya semasa arwah Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik menjadi Ahli Parlimen kawasan tersebut dan sepuluh projek bernilai RM5.72 juta yang diluluskan sebelum kempen untuk PRK bermula pada 2 November 2019. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 27 projek dengan nilai RM20.47 juta.

Semua projek ini sekarang berada dalam pelbagai peringkat pra pelaksanaan melibatkan reka bentuk dan juga perolehan. Tempoh pelaksanaan projek adalah antara satu bulan sehingga 24 bulan bergantung kepada jenis projek dan kos. Itu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. saya nampak masih ada projek yang diumumkan tetapi tercicir daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. Menteri Belia dan Sukan ada RM4 juta dan lain-lain lagi. Tidak apa. Saya akan cuba dapatkan maklumat yang lebih tepat.

Soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah keseriusan dan kesungguhan kerajaan terhadap pelaksanaan reformasi pilihan raya dan usaha pindaan Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, dengan tidak lagi menyalahgunakan kedudukan dan sumber kerajaan sebagai alat untuk berkempen dalam mana-mana pilihan raya, meskipun diakui undang-undang sedia ada masih belum lagi menjadikan perbuatan tersebut sebagai satu kesalahan? Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada masa kempen PRK tidak ada pengumuman projek yang telah diumumkan daripada mana-mana pihak. Walaupun Yang Berhormat Tanjong Piai sendiri telah pun dilihat dalam video yang telah berjanji kepada pengundi di kawasan itu yang katanya hendak bawa pengundi kepada umrah pada masa itu, jadi... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat Menteri, saya kena jelas. Saya cuma kata sebelum...

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, Yang Berhormat jangan cuba salahkan...

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Projek itu saya- sudah dilaksanakan semasa saya Ahli Parlimen, bukan janji itu.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are insulting-intelligent...*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk. Ini bukan soalan dari Yang Berhormat Pasir Salak. Sekiranya hendak berucap, minta keizinan. Sila duduk. Ya, Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sememangnya komited untuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cabut mikrofon lagi, gantung lagi.

Datuk Liew Vui Keong: Komited untuk mengerjakan semua projek yang dapat memanfaatkan rakyat di mana-mana sahaja kawasan. Sama ada kawasan kerajaan ataupun

pembangkok untuk memastikan rakyat dapat manfaat daripada projek-projek yang telah pun dilaksanakan. Itulah matlamat Kerajaan Pakatan Harapan ialah untuk memastikan semua rakyat dapat manfaat daripada pelaksanaan projek-projek ini.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Tanjong Piai yang baru, sekiranya mahu melicinkan lagi pelaksanaan projek di kawasan beliau, senang sahaja, berhijrahlah ke blok sebelah sini. Itu sahaja... [Tepuk]

■1030

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengingatkan kita 60 tahun jasa Parlimen kepada kita. Hari ini kita semua boleh duduk dekat sini, *alhamdulillah*.

Saya hendak pergi ke soalan iaitu daripada laporan kesalahan kempen PRK Tanjong Piai yang dikeluarkan oleh SPR. Terdapat 20 laporan dibuat ke atas ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pei Chio, Kukup Laut. Laporan SPR mengatakan ucapan berbaur perkauman dan menyalahi undang-undang pilihan raya. Apakah tindakan lanjut yang akan dikenakan ke atasnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri. Dua minit tiga puluh saat. Yang Berhormat Pendang baca soalan dari *hand phone* ya.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa Yang Berhormat Pendang tahu jawapan itu, bahawa...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak, jawapan- apakah tindakan? Tidak payahlah kata, saya tahu atau tidak tahu. Sebab itu saya bagi soalan.

Datuk Liew Vui Keong: Memanglah. Sekiranya...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Menteri, bila saya tanya soalan jawab sahaja. Apakah tindakan? Tidak payahlah tanya saya tahu tidak tahu. Kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, hanya jawab mengikut apa yang ditanya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Pendang tahu, sekiranya ada laporan yang telah pun dibuat, laporan itu patut diberikan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain dengar...

Datuk Liew Vui Keong: Laporan itu patut diberikan kepada pihak polis untuk membuat siasatan. Jadi, siasatan akan mengambil masa dan selepas itu apabila siasatan sudah pun lengkap, akan dirujuk kepada pihak DPP iaitu timbalan pendakwa raya untuk mendapatkan tindakan seterusnya.

Jadi, saya rasa apa sahaja tuduhan yang telah pun dibuat oleh sesiapa sahaja di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini, maka, siasatan kenalah diambil terhadap mereka. Apa yang penting sekali, mesti ada laporan. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak jawapan itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri Tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah syarat atau kriteria yang perlu dipatuhi sebelum kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dibuka di sesebuah sekolah dan apakah kementerian mempunyai tenaga pengajar yang cukup untuk membuka lebih banyak kelas PPKI di sekolah harian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk memberikan peluang kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) mendapatkan akses pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing.

Hal ini penting supaya semua MBK dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti. Pendidikan bagi MBK dilaksanakan di sekolah pendidikan khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan juga Program Pendidikan Inklusif (PPI). KPM memberikan fokus kepada pendidikan inklusif iaitu MBK untuk belajar bersama-sama, murid arus perdana dalam satu kelas yang sama, selaras dengan pendekatan kepada aspek kasih sayang- *love*, dengan izin, kegembiraan, *happiness*, dengan izin dan saling hormat-menghormati, *mutual respect*, dengan izin.

Merujuk kepada Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi prosedur pembukaan kelas PPKI setiap sekolah perlu mengambil kira beberapa aspek bagi memastikan kelas PPKI yang dibuka dalam keadaan terurus dan bersedia untuk melaksanakan program. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat sekolah yang berhasrat untuk membuka kelas PPKI, perkara-perkara berikut perlu diambil kira iaitu:

- (i) permohonan ibu bapa ataupun penjaga;
- (ii) unjuran murid dan keperluan guru pendidikan khas integrasi; dan
- (iii) infrastruktur fizikal bilik darjah, peralatan dan bahan pengajaran.

Sekolah harian yang berhasrat untuk melaksanakan program ini perlu mengemukakan permohonan ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di negeri masing-masing dalam tempoh dua tahun sebelum pelaksanaan program bagi membolehkan JPN membuat unjuran, perjawatan dan sebagainya.

Selain daripada itu, aspek keselamatan, kelas, kesesuaian lokasi dan keluasan minimum bagi sesuatu kelas PPKI juga perlu diberikan penekanan untuk pembukaan kelas PPKI. Bagi memastikan kriteria dan syarat ini dipatuhi, pihak JPN perlu menjalankan proses naik taraf atau pengubahsuaian bilik darjah sedia ada. Kelas Pendidikan Khas dicadangkan dibuka di lokasi

yang strategik dan perlu berada di aras bawah bangunan sekolah serta mempunyai kemudahan mesra orang kelainan upaya.

Ini bertujuan memudahkan pergerakan murid pendidikan khas. Sekiranya berlaku keadaan yang memerlukan pembukaan kelas PPKI dibuka pada tahun semasa, pihak sekolah perlu memastikan terdapat guru dan bilik darjah yang mencukupi untuk MBK di sekolah berkenaan.

Sehingga 30 Jun 2019, bilangan guru yang mengajar di PPKI adalah seperti berikut, seramai 183 orang di peringkat prasekolah, seramai 8,217 orang di sekolah rendah dan juga seramai 5,846 orang di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan segera untuk mengatasi isu kekurangan guru di PPKI, maka, KPM akan melaksanakan pengambilan guru interim pendidikan khas. Sekian, jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, ingin saya mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar daripada Tenby School, Ipoh. Selamat datang ke Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, *welcome*. Selamat datang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang bagi saya sangat inklusif, sangat teliti tadi.

Cuma, pertanyaan saya, apakah ada peruntukan ataupun insentif khas sebagai galakan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai inisiatif- maksud saya sekolah-sekolah harian tidak kira sekolah rendah ataupun menengah yang mempunyai inisiatif untuk membuka khasnya kelas PPKI. Ini sebab kita kena mengakui hakikat bahawa permintaan daripada murid kelainan upaya khas ini semakin hari semakin bertambah.

Jadi, bagi saya, kalau ada permintaan boleh tidak kita bagi insentif khas sebagai galakan dan juga untuk sekolah yang mana bangunannya ada, tetapi disebabkan kekurangan murid sebab kawasan itu mungkin ramai yang sudah pindah ke lain tempat, jadi banyak bilik darjah kosong. Sepatutnya kita galakkan mereka untuk buat ubah suai bilik darjah supaya disesuaikan dengan kelas PPKI. Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rasah di atas soalan tambahan tersebut. Memang untuk sekolah yang ada mengemukakan permohonan untuk membuka kelas PPKI, kalau mereka mempunyai bilik darjah yang kosong dan juga sudah ada tandas, KPM akan salurkan peruntukan untuk bantu mereka mengubah suai bilik darjah kosong itu untuk menjadi kelas PPKI dan juga untuk menaik taraf tandas itu supaya ia menjadi tandas yang mesra OKU.

Seperti contoh yang saya hendak bagi, untuk sesebuah sekolah yang sudah ada bilik darjah kosong, kalau ia ada empat bilik darjah kosong, kita boleh ubah suai supaya boleh dibuka kepada lapan kelas PPKI. Ini kerana, untuk kelas PPKI, jumlah murid yang kita letakkan di sana adalah seramai tujuh orang satu kelas.

Jadi, empat bilik darjah yang kosong kita boleh ubah suai untuk menjadi lapan buah kelas. Kalau ia sudah ada tandas, kita akan pastikan bahawa kita boleh ubah suai tandas itu supaya ia menjadi tandas yang OKU *friendly*. Jadi, contoh-contoh yang saya sebutkan tadi, kita akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM150 ribu untuk membantu sekolah itu. Kalau kita dapat RM100 ribu kita boleh ubah suai dua bilik darjah dan satu tandas yang sedia ada.

Di sini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah kerana saya baca di dalam surat khabar bahawa beliau telah berjanji kepada sekolah-sekolah di kawasan dia bahawa untuk mereka yang berhasrat untuk membuka kelas PPKI, beliau sedia untuk memberikan peruntukan sebanyak RM100 ribu untuk membantu sekolah itu untuk membuat kemudahan itu...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Wah! Banyak kaya ya.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa ini adalah contoh yang bagus di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Keprihatinan di Parlimen.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Banyak kaya, duit banyak.

Puan Teo Nie Ching: ...Kita kerajaan boleh bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu bukan Yang Berhormat Rasah, duit kerajaan...

Puan Teo Nie Ching: ...Supaya kita buka lebih banyak kelas PPKI. Terima kasih. Sekian, jawapan saya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Segamat pula macam mana, Segamat?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jempol. Soalan tambahan kedua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hantar memo esok Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya- hari yang bersejarah, 60 tahun Parlimen ditubuhkan.

Jadi, saya mendengar jawapan daripada Menteri tadi. Akan tetapi, saya tidak nampak perbezaan yang dinyatakan bahawa pendidikan khas ini mengikut kategori keperluan khas. Maksud saya, permasalahan dari segi fizikal, penglihatan, pendengaran, pertuturan, pelajaran, tingkah laku, lembap, terencat akal ringan, *autism*, pintar, cergas, *extension defects* dan juga disleksia.

■1040

Jadi, kesemuanya dikumpulkan dalam satu kelas. Jadi, adakah pihak kementerian menyatakan bahawa kita perlu menilai murid ini dari segi IQnya kah ataupun dari segi permasalahannya? Jadi, kalau dilonggokkan segala masalah, *down syndrome*, autisme dalam itu macam-macam, apa jadi keadaan murid ini? Sistem pendidikan bagaimana yang kita hendak?

Kadang-kadang perbezaan masalah murid ini berbeza-beza. Ini boleh bercakap, yang ini tidak boleh bercakap, ini tidak boleh bergerak. Jadi, guru-guru ini dilatih yang bentuk macam mana?

Jadi soalan saya, adakah kementerian juga mahukan kolaborasi antara Kementerian Kesihatan agar murid-murid ini di terapi dari segi anggotanya, pertuturannya? Jadi, kita tidak boleh melihat atau '*melepaskan batok di tangga*' sahaja. Asalkan belajar, belajar tetapi dari segi pencapaian, tidak dapat dilihat dari segi kemampuan dan juga masalah yang dihadapi oleh penjaga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jempol, ini soalan bukan perbahasan. Ya, sila tidak apa. Soalan yang baiklah. Sila, sila.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya rasa memang untuk kelas PPKI ini, kita asingkan ataupun alihkan murid-murid itu ikut keperluan, kemampuan dan juga kebolehan mereka. Jadi oleh sebab itu, di dalam satu kelas PPKI itu kita hanya letak tujuh orang. Ini kerana kita juga faham dia bukan budak yang biasa, di mana seorang guru boleh jaga 35 orang murid.

Jadi, kita hadkan kepada tujuh orang murid. Apabila sesebuah sekolah, bilangan kelas PPKI itu melebihi daripada satu, jadi kita bolehlah aturkan bahawa kelas ini adalah untuk murid yang ada masalah disleksia, ini adalah kelas untuk *down syndrome* dan sebagainya. Oleh sebab itu, perluasan kelas PPKI ini adalah satu agenda yang sangat penting untuk kita. Sejak tahun 2018, kita telah melancarkan *Zero Reject Policy*, di mana hasrat kita adalah untuk memperluaskan lagi kelas PPKI.

Saya rasa amat bersyukur kerana tahun hadapan kita dapat peruntukan sebanyak RM23 juta untuk melengkapkan kemudahan OKU *friendly* atau mesra OKU ini untuk memastikan bahawa kita boleh menerima lebih banyak MBK dalam sistem pendidikan kerajaan. Jadi, di sana memang kita komited, KPM komited dan kami akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi, termasuklah MOH, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu golongan MBK dalam negara ini. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

2. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah kerajaan bersedia untuk menerima tawaran Kerajaan Rusia untuk mengambil balik 28 jet pejuang jenis Sukhoi Su30MKM dan MIG-29 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang bermasalah jika Malaysia sedia menggantikannya dengan pesawat baharu buatan negara itu.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pertahanan lebih menumpukan kepada aset pertahanan bercirikan kawalan dan rondaan sempadan maritim bagi menghalang pencerobohan asing.

Sehubungan dengan itu, Tentera Udara Diraja Malaysia telah menyediakan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM 2055 (CAP55) yang menggariskan perancangan menyeluruh Pembangunan Keupayaan TUDM sehingga tahun 2055. Pelan ini merangkumi perolehan aset baharu selari dengan peredaran masa, penggantian pesawat yang usang dan naik taraf aset sedia ada dengan mengambil kira faktor perancangan yang realistik berdasarkan keutamaan

masa yang berfokuskan kepada pengurangan jenis pesawat, menangani isu keusangan dan peningkatan kos selenggaraan.

Justeru dengan itu, TUDM akan terus mengekalkan pesawat pejuang Hornet dan Sukhoi untuk tempoh RMKe-12 dan RMKe-13. Keperluan terkini adalah perolehan *maritime patrol aircraft*, *medium-altitude long endurance unmanned aerial vehicle* (MALE UAV) serta keupayaan tempur ringan dan latihan juruterbang melalui perolehan *light combat aircraft* bagi menambah baik keupayaan dan kesiapsiagaan TUDM. Walaupun pembelian jet pejuang baharu tiada dalam perancangan TUDM, Kementerian Pertahanan masih meneliti tawaran Kerajaan Rusia dengan segala aspek, termasuk aspek ekonomi dan kewangan yang perlu kita teliti dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasar Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Soalan saya ialah berkenaan dengan jawapan iaitu kerajaan akan meneliti. Cuma soalan saya, adakah sekiranya kerajaan menerima tawaran daripada Rusia dan sebelum ini pun kita sudah ada pengalaman menggunakan produk Rusia iaitu Su30MKM yang mana Yang Berhormat Menteri kata empat buah sahaja yang boleh terbang sebelum daripada ini.

Jadi, apakah jaminan kelemahan *after sales support* yang mungkin dialami oleh pihak kementerian selepas tamat tempoh jaminan nanti? Kita tidak mahu kelemahan yang sama berulang. Ini kerana servis yang patut ditawarkan selepas daripada *sales* ini merupakan tanggungjawab daripada pihak pengeluar dan status kesiapsiagaan pesawat menurun dengan ketara selepas beberapa tahun beroperasi, kerosakan sukar diperbaiki dan sebagainya.

Jadi, saya juga difahamkan bahawa pesawat Rusia ini harganya murah berbanding dengan pesawat yang lain. Jadi, setakat manakah Yang Berhormat Menteri dapat berunding dengan isu ini? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Satu peringatan yang baik kepada kementerian. Memang sekarang ini keupayaan Sukhoi telah sampai kepada 75 peratus, syarikat tempatan ATAC menyelenggarakan MRO nya dan menyelenggarakan Sukhoi ini lebih kurang RM200 juta setahun setakat ini.

Oleh itu, sebarang tawaran baharu bukan hanya daripada Rusia, sama ada daripada China, Korea, India atau daripada mana-mana negara, perkara yang paling kita utamakan ialah soal MRO pada masa akan datang. Soal hendak mengendalikan dan juga kemudahan untuk mendapatkan *spare part* dan sebagainya. Ini menjadi satu perkara yang diambil kira dalam kita hendak- kalau hendak membeli kapal terbang baharu, kita teruskan sekarang ini dengan berusaha sebaik mungkin bagaimana yang sedia ada ini dapat diselenggarakan dengan sebaik mungkin.

Ada di negara-negara lain, hayat kapal terbang mereka lebih lama dan lebih hebat di atas keupayaan mereka untuk baik pulih alat-alat kapal terbang itu. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya telah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri

dengan jelas bahawa perancangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sampai ke tahun 2055.

So, amat looking forward 35 tahun pada masa hadapan. Bagaimana perancangan TUDM ini dapat diselaraskan dengan perancangan Kertas Putih Pertahanan- *Defence White Paper* yang sedang dirancang oleh Kementerian Pertahanan? Bilakah Kertas Putih Pertahanan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini? Itulah soalan saya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kertas Putih, *insya-Allah* pada penggal ini, sebelum tamat sesi Parlimen kali ini. Memang perancangan kita, CAP55 ini ialah saya kata tadi perancangan yang dibuat oleh kerajaan terdahulu. Mana yang baik perancangan itu kita teruskan dan kita baiki perkara-perkara yang kita lihat perlu kepada pemodenan yang baharu. Misalnya, sekarang ini ialah kita mesti menumpukan soal radar, UAV atau *drone*.

Ini semua adalah teknologi baharu dalam mempertahankan negara sekarang ini. Maka, tumpuan *White Paper* ialah pergi ke arah itu, iaitu penyediaan kepada peralatan-peralatan baharu yang diperlukan dalam pertahanan negara. Oleh sebab sekarang ini, jet-jet yang mahal itu kadangkalanya perlu tetapi kadangkalanya *drone* yang lebih murah boleh menjalankan tugas yang seimbang dengan jet-jet yang begitu hebat. Oleh itu, pembaharuan dan pemodenan ini perlu...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ia sama dengan kereta terbang atau tidak, *drone* ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sama dengan kereta terbang atau tidak *drone* ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Apa dia?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sama dengan kereta terbang atau tidak *drone* ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak berkaitan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan itu tanyalah kepada kementerian lain. Terima kasih
[Ketawa]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, yang penting soal nyawa. Tambahan satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam pihak kerajaan menimbang hendak meneruskan kapal-kapal terbang dari Rusia ini Sukhoi atau MIG, adakah kerajaan mengambil kira tentang peristiwa kapal terbang MH17 yang ditembak di kawasan bergolak di Ukraine, di mana Rusia ada peranannya di situ. Jadi, ramai mangsa terkorban, termasuk rakyat Malaysia, itu soal nyawa. Adakah dalam kita memikirkan hubungan kita hendak beli atau tidak dari Rusia ini, kita ambil kira peristiwa ini? Terima kasih.

■1050

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya ingat tidak keluar daripada soalan asal, itu adalah soal perkara-perkara yang lain yang tidak timbul dalam perbincangan kita. Ini kerana pembuktian terhadap siapa yang terlibat itu masih lagi di peringkat siasatan antarabangsa.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin untuk saya memperkenalkan di Dewan yang mulia ini kedatangan ataupun kunjungan pelajar-pelajar penuntut Universiti Selangor Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, selamat datang. Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Okey, terima kasih.

Tanjung Piai sudah lega,

Soalan saya nombor tiga.

3. Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik mangsa keganasan rumah tangga di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu keganasan rumah tangga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi penguatkuasaan seperti PDRM, mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Statistik yang diminta adalah bagi tahun ini sehingga Jun 2019 sebanyak 340 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah tersebut, 316 mangsa adalah perempuan dan 24 kes adalah mangsa lelaki. Tiga negeri yang mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang tertinggi adalah Selangor sebanyak 91 kes diikuti Pahang sebanyak 56 kes dan Kedah sebanyak 34 kes.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih. Pihak kementerian ada bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang berperanan untuk mencari kaedah penyelarasan terbaik melalui libat urus pihak-pihak berkepentingan. Soalan saya, bagaimanakah penubuhan jawatankuasa ini dilihat berkesan. Adakah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) perlu ditambah baik agar isu keganasan rumah tangga yang menjurus kepada kes pembunuhan dan kematian dapat dielakkan pada masa hadapan. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh kementerian kita iaitu Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga, ini ada tiga peringkat. Pertama adalah peringkat daerah, kemudian peringkat negeri dan peringkat

Putrajaya. Peringkat Putrajaya mesyuarat pertama akan diadakan pada 28 November dan anggota jawatankuasa, pengerusinya akan dipengerusikan oleh TKSU kementerian kita, keahlian agensi yang terlibat dan wakil Jabatan Peguam Negara.

Aada 16 agensi iaitu wakil Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Mahkamah Persekutuan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, JKM, Jabatan Pembangunan Wanita, wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, wakil hospital yang terlibat dan juga NGO – WAO, *Women Centre for Change* dan NCWO juga akan terlibat. Kenapa kita perlukan jawatankuasa ini? Ini kerana kita perlukan penyelarasan data.

Statistik yang telah saya baca tadi adalah untuk tahun ini kita hanya mempunyai rekod yang kami terima di bawah JKM hanya 340 kes. Akan tetapi seperti yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini, kes keganasan rumah tangga di bawah PDRM adalah 3,139 kes, bermaksud kita di bawah JKM hanya mendapat 10 peratus daripada data yang dikutip oleh PDRM.

Perbezaan ini adalah yang datang kepada JKM kadang-kadang bukan memerlukan intervensi– *emergency intervention* dengan izin. Mereka perlu dapatkan nasihat dan bimbingan apa yang mereka perlu lakukan ataupun bila mereka lihat kalau sudah mula ada trend keganasan dan mereka kluatir mengenai keselamatan kanak-kanak, mereka datang berjumpa dengan JKM. Jadi, data yang kita ada adalah bersama JKM tidak sebanyak PDRM.

Jadi kita perlukan jawatankuasa ini untuk kita memantau, mengutip data dan kita melihat supaya *hotspots* di kawasan masing-masing-masing boleh dikutip dan boleh diturunkan kepada Ahli Parlimen dan juga ADUN untuk melaksanakan program intervensi yang lebih tertumpu kepada kawasan masing-masing. Satu lagi data daripada PDRM yang saya baca tadi hanya melibatkan mangsa wanita tetapi 340 kes yang dibaca oleh saya untuk data JKM termasuk mangsa kanak-kanak juga dalam keganasan rumah tangga.

Ingin saya *highlight* bahawa kita mula melihat mangsa kaum lelaki juga dah mula bertambah. Jadi ini bukan lagi satu isu mengenai gender tetapi kita perlu pastikan kesedaran itu ada bagi semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masalah keganasan rumah tangga memerlukan pemerhatian yang serius. Oleh sebab itu saya akan beri tiga soalan tambahan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bera, Ketua Pembangkang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang berfikir di luar kotak kerana memberi ruang kepada lelaki untuk menanyakan soalan tentang wanita. Ini kerana masalah wanita juga masalah lelaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Gender equality*, Memang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Lelaki pun jadi mangsa. Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan rumah-rumah transit sebagai tempat tinggal sementara untuk mangsa-mangsa keganasan rumah tangga sebelum proses penceraian diselesaikan dan sebagainya. Sehingga kini, sejauh mana keberkesanan rumah-rumah transit tersebut kerana

seperti yang kita tahu mangsa ada mempunyai keluarga yang ramai misalnya, anak yang ramai dan sebagainya. Adakah kegunaan rumah transit itu semata-mata untuk mangsa ataupun termasuk keluarga mereka boleh tinggal di rumah transit tersebut?

Soalan kedua, berapa jumlah rumah transit sehingga kini? Berapa jumlah mangsa yang menggunakan rumah transit sementara proses penceraian dan sebagainya diselesaikan.

Puan Hannah Yeoh: Untuk rumah transit ataupun kita panggil tempat selamat yang telah digazet, termasuk yang dikendalikan oleh NGO. Jumlah seluruh Malaysia adalah 41 buah. Jadi untuk data berapa mangsa yang ditempatkan di bawah 41 buah rumah ini, saya tidak ada datanya sekarang tetapi saya akan dapatkan secara bertulis untuk Yang Berhormat Bera. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ada sesetengahnya takut untuk melaporkan. Jadinya soalan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan mangsa ataupun orang awam yang mempunyai maklumat mengenai kes penderaan ini untuk tampil ke hadapan melaporkan. Apakah kerangka strategi yang telah dirangka oleh pihak kementerian dalam meningkatkan insentif untuk memperkukuhkan lagi hubungan kekeluargaan termasuk memberi motivasi atau kaunseling semasa ataupun sebelum perkahwinan. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, untuk menjawab soalan tersebut, saya kena menjelaskan sebab-sebab berlakunya keganasan rumah tangga yang telah kita kutip. Statistiknya adalah untuk tahun ini sahaja yang paling tinggi adalah disebabkan oleh panas baran, *anger management* itu tidak ada, sebanyak 71 mangsa wanita dan 14 mangsa lelaki. Keduanya adalah perselisihan faham sebanyak 48 kes wanita. Kemudian, ketiga data yang kita ada adalah penagih dadah sebanyak 43 kes mangsa wanita dan seorang mangsa lelaki.

Jadi kalau kita lihat sebab-sebab ini, kita di bawah agensi yang berkaitan LPPKN sudah mula melihat *online courses* untuk pastikan orang tahu bagaimana untuk pergi mendapatkan bantuan. Seperti panas baran, *anger management*, kita tahu wujud perkara seperti ini di dalam sesebuah keluarga. Akan tetapi ramai ahli keluarga tidak tahu mana hendak dapatkan bantuan.
[Disampuk]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ramai panas baran itu.

Puan Hannah Yeoh: Ya, seperti Ahli Parlimen juga semalam di luar pun ada kes...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Itu drama, drama, skrip baru, filem baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ramai perlukan bimbingan dan *anger management*.

Puan Hannah Yeoh: Kalau kita lihat, memang kita lihat ada ramai yang tidak tahu hendak pergi mana untuk dapatkan bantuan. Itu sebab sekarang kita telah meminta Jabatan Pembangunan Wanita untuk tumpukan kepada program kesedaran. Ramai mangsa tidak keluar untuk membuat laporan kerana melibatkan suami ataupun ahli keluarga. Mereka khuatir kalau selepas membuat laporan apa akan berlaku kepada anak-anak. Jadi kita kena wujudkan lebih

banyak lagi infografik untuk pastikan mereka selesa untuk membuat laporan dan mereka tahu kalau saya ambil langkah pertama membuat aduan, apakah langkah seterusnya akan berlaku dan apa yang akan terjadi kepada kanak-kanak.

■1100

Tadi soalan Yang Berhormat Bera saya tidak jawab mengenai mangsa keluarga kanak-kanak. Sudah ada cadangan daripada *Women's Aid Organisation* untuk kita meminda akta kita supaya apabila kita keluarkan *Emergency Protection Order* ataupun *Interim Protection Order*, kita secara automatiknya menyenaraikan ahli-ahli keluarga sebagai mangsa. Jadi kalau ibu yang didera tetapi ada kanak-kanak di rumah, WAO telah mencadangkan supaya kita keluarkan semua ataupun ada lebih drastik lagi cadangan adalah untuk mengeluarkan pesalah dan bukan mangsa-mangsa daripada rumah. Jadi cadangan-cadangan ini akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa ini. Terima kasih.

4. Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah implikasi terhadap penggunaan bubu naga yang mampu menggugat pendapatan nelayan pesisiran pantai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Yang di-Pertua, peralatan bubu naga yang juga dikenali sebagai bubu kamban telah digunakan sejak tahun 2005 oleh nelayan darat untuk menangkap udang galah dan ikan ketutu di sungai dan tasik. Bubu ini kemudiannya digunakan secara meluas oleh nelayan laut di Perak, Johor, Perlis, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan termasuk di Tanjong Karang kerana mudah digunakan dan hanya perlu diletakkan di laut untuk mengutip hasil tangkapan.

Berdasarkan kepada syarat lesen Jabatan Perikanan Malaysia, peralatan bubu tidak boleh mempunyai lebih daripada dua injap. Namun begitu, bubu naga telah diubahsuai sehingga mempunyai puluhan injap dan dipasang secara berangkai. Penggunaan bubu naga memberikan implikasi yang negatif kepada kemerosotan sumber kerana ia bersifat *destructive*.

Bubu ini berupaya menjerat semua jenis spesies dan saiz ikan serta memberikan kesan kepada kitaran pembiakan ikan di pesisir pantai. Selain itu, peralatan bubu juga menimbulkan konflik dan pergaduhan di kalangan nelayan terutamanya yang menggunakan pukot hanyut. Ini kerana sifat bubu naga yang berangkai dan panjang boleh mengganggu pelayaran dan menyebabkan pukot hanyut tersangkut dan koyak.

Kementerian melalui DOF telah mengharamkan penggunaan bubu naga berkuat kuasa pada 1 November 2018. Ini berita baik untuk Yang Berhormat Tanjong Karang ya. Pada tahun 2019, sebanyak 4,261 bubu naga telah berjaya dirampas dan disiasat di bawah seksyen 11(3)(a) Akta Perikanan 1985 dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM182,460. Di samping itu, DOF dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pasukan polis marin juga akan terus mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan larangan penggunaan bubu naga. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab begitu baik dan meyakinkan. Tahniah, rampasan telah dibuat di seluruh negara ya. Akan tetapi boleh tahu atau tidak di Tanjong Karang ini, berapa banyak yang telah dirampas?

Saya hendak tanya Yang Berhormat, sejauh manakah kajian semula Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2019-2020 yang memberikan tumpuan terhadap nasib nelayan terutamanya nelayan Zon 'A' yang kita tahu nelayan pantai, yang bukan sahaja menghadapi masalah bubu naga ini tetapi masalah yang lebih besar lagi ialah pencerobohan pukat tunda yang sepatutnya beroperasi di Zon 'B', tetapi masuk ke Zon 'C' sehinggakan juga berlaku pergaduhan dan menyebabkan nelayan-nelayan Zon 'A' ini terutamanya nelayan Melayu yang rasa amat tertekan dengan pencerobohan daripada pukat tunda daripada Zon 'B' ini. Jadi di dalam pelan strategik ini, bagaimana untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini di luar tajuk. Ini daripada bubu naga kepada pelan strategik pula. Tidak apa. Nanti kita boleh *answer*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Maksud saya, dalam pelan strategik takkan tidak masuk masalah bubu naga ini?

Tuan Sim Tze Tzin: [*Ketawa*] Okey. Kita tahu bahawa isu-isu Zon 'A', Zon 'B' dan Zon 'C' ada pergaduhan. Itu sebab kita gazetkan Zon 'A', Zon 'B' dan Zon 'C'. Masing-masing mereka beroperasi dalam perairan. Nelayan pantai Zon 'A', nelayan pukat tunda di Zon 'B' dan yang laut dalam itu dalam Zon 'C'. Jadi kita akan mengawal dengan penguatkuasaan. Kita menguatkuasakan secara serius. Maka saya tidak ada statistik tetapi kita hendak *maintain the peace at the sea*. Jadi penguatkuasaan itu berlaku dan kita sedang berusaha supaya masing-masing beroperasi dalam zon dan mengurangkan konflik-konflik antara satu sama lain. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang bubu naga dan lain-lain alat menangkap ikan yang *destructive*, yang merosakkan benih dan lain-lain lagi dan penguatkuasaannya, itu selalu disebut dan selalu rungutan yang kita dapat daripada nelayan juga tentang penguatkuasaan. Isunya dikatakan penguatkuasaan itu tidak profesional, dicemari rasuah dan lain-lain lagi. Ada yang benar dan ada yang tidak benar.

Soalan saya ialah apakah rancangan khusus kementerian untuk memperbaiki penguatkuasaan tadi seperti pasukan maritim dulunya Jabatan Laut dan lain-lain lagi. Adakah kementerian telah mengumpulkan segala maklum balas tadi dan datang dengan satu perancangan yang lebih baik penguatkuasaannya? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita tidak toleransi daripada segi isu rasuah dan sebagainya. Kita harus menguatkuasakan secara profesional. Itu prinsip kerajaan yang membanteras rasuah dan penyelewengan. Itu sebab kita selalu berhubung dan memaklumkan isu-isu termasuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tentang penyelewengan, rasuah dan sebagainya kepada APMM, di bawah KDN.

Kita harap bahawa semua penguat kuasa itu menjalankan tugas secara amanah supaya kita memastikan bahawa sumber laut itu tidak akan terjejas. Ini kerana kita tahu bahawa kalau pukuk-pukuk yang *destructive* atau bubu naga-bubu naga yang *destructive* ini tidak diharamkan atau dibersihkan, maka sumber laut kita akan semakin kurang dan suatu hari nanti, kita tidak mempunyai sumber laut yang mencukupi untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

5. Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta Menteri Pendidikan menyatakan serta melihat semula kedudukan pensyarah IPG yang akan ditutup. Apakah perancangan kementerian terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada penutupan Institut Pendidikan Guru (IPG) dibuat oleh kementerian selaras dengan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 10 September 2019 yang bertajuk, “21 IPG ditutup tahun hadapan tidak benar”. Pada masa kini, kementerian sedang melaksanakan penyusunan semula pensyarah berdasarkan bidang kepakaran dan keperluan di setiap kampus.

Pergerakan pensyarah sedia ada adalah bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran di kampus IPG yang menawarkan kursus berkaitan boleh dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, penyusunan ini juga adalah selari dengan amanah tugas pensyarah agar pensyarah boleh memberikan perkhidmatan yang lebih optimum. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya rasa jawapan daripada Timbalan Menteri itu tadi *once for all* akan menyelesaikan persoalan terutama kepada pensyarah dan staf IPG yang terlibat.

Soalan tambahan saya, saya hendak tahu apakah keputusan dan dasar yang direncanakan bagi pendidikan terutamanya yang melibatkan negeri Sabah dibincangkan terlebih dahulu di antara Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Negeri Sabah.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa— Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa jawapan itu *a little bit* luar tajuk. Betul atau tidak? Ini kerana ia bukan berkenaan dengan IPG.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling dalam tajuk.

Puan Teo Nie Ching: Akan tetapi adalah di antara perbincangan di antara KPM dengan JPN, dengan Kerajaan Negeri Sabah.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dia lari tajuk, beri saya sedikit masa untuk beri sedikit jawapan. Saya rasa kita memang mempunyai satu kerjasama yang sangat rapat di antara KPM dengan kerajaan negeri. Sebenarnya ini kita sudah memanggil tiga kali mesyuarat di antara Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan Exco Pendidikan dari setiap negeri termasuklah Exco Pendidikan daripada kerajaan yang bukan di bawah Pakatan Harapan.

Jadi, ini tidak pernah berlaku dahulu tetapi sekarang kita telah panggil tiga mesyuarat di antara Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga Exco Pendidikan dari setiap negeri. Tiga mesyuarat telah dipanggil dan saya memang menggalakkan bahawa kami di Kabinet akan terus bekerjasama dengan semua kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya memerhati jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tiada penutupan kepada IPG. Soalan saya ialah jika benar kenyataan itu, adakah terdapat pengambilan pelajar baharu untuk sesi pengajian terdekat.

Isu berkaitan apakah tindakan kerajaan terhadap isu kelewatan bayaran elaun kepada pensyarah yang terlibat mengajar kursus dalam cuti (KDC) dan juga kelewatan bayaran tuntutan perjalanan pensyarah yang menyelia pelatih termasuk yang terpaksa menyelia di luar kawasan IPG terdekat berkenaan. Mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri dengan tempoh yang agak lama sebelum *claim* tersebut dapat dibayar balik. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengambilan penuntut baharu, tahun ini telah dijalankan seperti biasa, seperti tahun yang lalu. Ini kerana pengambilan penuntut IPG ataupun PISMP telah dijalankan pada pertengahan tahun dan telah dijalankan seperti biasa.

Tentang soalan bahawa ada kelewatan untuk membayar tuntutan, saya perlu *detail*, saya perlu butiran supaya saya boleh jawab dengan lebih terperinci kerana peruntukan telah disalurkan kepada JPN. Kalau ada kelewatan yang diakibatkan oleh JPN, saya perlu tahu mana satu negeri, baru kita boleh buat siasatan yang lebih lanjut supaya kita faham adakah itu diakibatkan oleh kehabisan peruntukan ataupun ada peruntukan tetapi mereka tidak salur. Boleh? Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah kepada kementerian. Hari ini desas-desus yang kita dengar selama ini yang begitu hangat berkaitan dengan hendak tutup 21 daripada 27 kampus IPG ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi tidak ada. Tidak ada pernah bincang pun, terima kasih. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kerajaan Pakatan Harapan berkaitan dengan IPG ini.

Soalan saya, waktu zaman Barisan Nasional dulu, terdapat perancangan untuk mewujudkan kursus *master* dan PhD di IPG. Apakah status terkini berkenaan program-program ini? Adakah sudah terdapat program *master* dan PhD di IPG? Jika tiada, apakah terdapat sebarang perancangan untuk mewujudkan pada masa yang akan datang demi kelangsungan guru-guru ini untuk mendidik anak-anak kita dengan lebih baik lagi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Baling. Saya rasa setakat ini, kita tidak pernah bincang atau tidak ada perbincangan tentang menyediakan atau mengizinkan IPG untuk menyediakan kursus untuk *master* ataupun

PHD, *postgraduate* program. Ini adalah kerana peranan ini telah dimainkan oleh IPTS ataupun IPTA yang sedia ada. Maksudnya untuk guru-guru kerana kita ada *concept scholarly teacher* untuk mereka yang berminat dan berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara ataupun di luar negara.

Memang sudah ada universiti-universiti yang boleh membekalkan peluang sebegini. Jadi, saya rasa tiada keperluan mendesak untuk memastikan IPG juga menawarkan program-program yang sama. Saya hendak bagi contoh, seorang guru pendidikan khas telah mendapat tawaran untuk pergi ke Amerika Syarikat untuk dapat *master* beliau. Jadi, ini adalah satu contoh dan selain daripada itu, kita juga ada banyak guru yang melanjutkan pengajian mereka di IPTA dalam negara. Jadi, tidak perlu lah, saya rasa tidak ada keperluan mendesak untuk melibatkan IPG untuk menawarkan program-program *postgraduate* ini. Ini jawapan saya, terima kasih.

6. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah nelayan-nelayan yang telah mengemukakan permohonan elaun sara hidup dan jumlah yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Pengerang serta apakah kriteria diambil kira dalam proses pemutihan kerajaan memandangkan ramai nelayan-nelayan gagal mendapat bantuan ini yang sangat bermakna bagi menampung perbelanjaan harian mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Dalam usaha menampung kenaikan kos sara hidup dan pendapatan nelayan yang tidak menentu, kerajaan telah melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan bantuan kepada nelayan melalui elaun sara hidup. Mulai tahun 2020, kadar bantuan ini telah dinaikkan ke RM250 daripada RM200 sebulan pada tahun 2019. Ini adalah satu berita baik untuk semua warga nelayan di seluruh negara dan dijangka akan memanfaatkan seramai 37,000 pemilik vessel Zon A dan awak-awak tempatan.

Merujuk kepada rekod Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), jumlah penerima elaun sara hidup sedia ada di Parlimen Pengerang adalah seramai 309 orang. Daripada jumlah tersebut, 25 permohonan baharu telah diterima dan diluluskan untuk Parlimen Pengerang dari tempoh Januari hingga Ogos 2019. Tahniah kepada Yang Berhormat Pengerang.

Kementerian melalui LKIM telah menetapkan beberapa kriteria bagi proses pemutihan elaun sara hidup dalam memastikan bantuan yang disediakan dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja. Antara semakan kriteria tersebut adalah status keaktifan turun ke laut terutamanya bagi nelayan yang berumur 70 tahun ke atas dan nelayan wanita. Kedua, rekod pengisytiharan hasil tangkapan ikan bulanan. Ketiga, rekod transaksi pembelian minyak diesel atau petrol bersubsidi.

Namun begitu, nelayan yang tidak lagi menerima bantuan elaun sara hidup masih boleh mengemukakan rayuan untuk semakan semula dan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat kelayakan elaun sara hidup yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya hendak betulkan lah, berita tidak baik ya. Dahulu, di bawah Barisan

Nasional RM300 sekarang Yang Berhormat Menteri kata RM250 ya. Tahun lepas saya rasa dimaklumkan RM200.

Yang Berhormat, saya hendak tanya, mereka yang dalam proses pemutihan yang mereka didapati tidak benar-benar di dalam kategori perlu mendapat bantuan tersebut, adakah mereka diberikan makluman melalui cara apa, surat bertulis kah, dengan sebab kah ataupun budi bicara pegawai-pegawai yang membuatkan penentuan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak perbetulkan Yang Berhormat Pengerang juga. Dahulu di bawah Barisan Nasional, tahun 2008 elaun sara hidup RM200 sahaja. Lebih kurang tahun 2008 ya. RM200 sampai tahun 2015, tujuh tahun RM200. Selepas itu baru naik RM300. Ini kerana isu-isu penyelewengan dan rasuah daripada – kita terpaksa perbetulkan kewangan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh! Kalau BN menang, kekal RM300 lah. Ini tidak betul. Kalau BN menang kekal RM300.

Tuan Sim Tze Tzin: Jadi – dan Yang Berhormat Pengerang, ini *floor* saya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mungkin tambah lagi RM300.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, jika hendak berucap boleh meminta keizinan. Akan tetapi tidak bolehlah hendak tanya macam ini. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, jadi...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau BN menang, tambah lagi RM350.

Tuan Sim Tze Tzin: Jadi, kalau kita perbaiki keadaan kewangan negara, kita boleh naik lagi, tidak jadi masalah. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pulaui dia berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menaikkan. Jadi, kita kena bagilah kredit kepada Yang Berhormat Menteri yang berjaya naikkan RM200 kepada RM250. Kita akan usahakan lagi untuk memperjuangkan nasib nelayan yang miskin ini.

Untuk jawab Yang Berhormat Pengerang, kita menerima melalui persatuan nelayan kawasan ya. Kalau ada apa-apa, hendak merayu kah atau hendak memohon kah melalui PNK kawasan. Terima kasih dan juga pejabat LKIM kawasan ya. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan saya, adakah sebab diletakkan melalui surat ataupun melalui percakapan dalam penamatan tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini bukan bahas ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, bukan perbahasan. Ada budi bicara.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak jawab soalan. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap dengan saya mungkin jawapan bertulis saya

puas hati lah, jangan cakap fasal tidak bahas. Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pengerang dahulu mantan menteri tahulah. Budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya akan beri jawapan bertulis ya.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah isu yang ada sekarang ialah ramai di kalangan nelayan mengadu, ada di kalangan mereka yang tidak ada lesen yang mereka tidak ada peluang untuk mendapat lesen nelayan terutama di kalangan generasi muda, generasi kedua, anak-anak nelayan ini menyebabkan mereka tidak dapat perlindungan insurans dan tidak dapat memohon bantuan sara hidup nelayan.

■1120

Jadi isu ini banyak terutama di sekitar Johor. Saya dapat maklumat ini masa kempen pilihan raya di Tanjong Piai. Jadi, aduan mereka ini menyebabkan ramai di kalangan mereka yang tidak dapat untuk mendapat perlindungan insurans dan jika berlaku kemalangan di laut, mereka tidak ada perlindungan. Jadi, dalam menangani isu seumpama ini, anak-anak nelayan miskin ini— apa penyelesaian? Apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi pemberian lesen kepada nelayan-nelayan muda ini dan untuk memberi peluang mereka untuk mendapat perlindungan dan bantuan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Isu nelayan yang baru dan ingin mendapatkan lesen, ini adalah isu yang selalu dibangkitkan. Ini kerana kita tahu bahawa sejak 1985 lesen telah dibekukan. Pemberian lesen nelayan zon 'A' telah dibekukan. Rasionalnya adalah kerana kita kena *protect the fishery resources* kerana sumber laut tidak mencukupi.

Kalau terlalu banyak lesen nelayan dikeluarkan, maka nelayan tidak boleh mencari makan, tidak dapat cari makan kerana sumber laut memang terhad dan terlalu banyak bot-bot, maka berlaku *competition* dan mungkin akan berlaku pergaduhan dan sebagainya. Walau bagaimanapun di bawah Barisan Nasional, masa itu mereka— setiap pilihan raya dia beri. Masa pilihan raya dia akan bagi dan kita tahu...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tanjong Piai pun bagi banyak, kalah teruk juga. Janganlah bandingkan begitu.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baling, jika macam ini lain kali tak ada soalan tambahan ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jawab elok-elok, tak payah main politik dalam menjawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh bertanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang penting jawab terus, jangan hendak main politik. Yang Berhormat Timbalan Menteri main politik, kita...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, *sorry* saya bukan ini, tapi dia janganlah main politik. Tak payah.

Tuan Sim Tze Tzin: Barisan Nasional ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita serupa. Sama sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sama, dua kali lima.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini bukan PRK, tak payah mainkan politik. Akan tetapi kita hendak mahu apa yang kita buat adalah kita hendak cari penyelesaian yang lebih sistematik dan kita mahu yang lebih tersusun. Maka kita hendak mengkaji antara caranya yang lebih profesional adalah kita mengkaji sumber sesuatu kawasan dan menggunakan fakta-fakta saintifik, berapa bot nelayan yang boleh beroperasi di kawasan tersebut dan kita hadkan.

Kalau tempat itu mempunyai— boleh menampung lebih banyak bot nelayan, maka kita beri orang muda masuk. Orang yang telah bersara, mereka boleh kembalikan lesen itu supaya masuk ke dalam *pool* tersebut dan orang muda boleh dapat lesen. Akan tetapi kalau tempat itu terlalu banyak sekarang ya, maka sumber laut yang tidak mencukupi. Maka kalau kita letakkan lebih banyak nelayan masuk ke sana mereka pun tidak boleh cari makan. Tidak mencukupi. Nelayan akan menjadi lebih miskin.

Jadi kita tidak mahu *something that is not sustainable*. Kita hendak buat supaya kawasan laut itu *sustainable*. Jadi itulah isu yang telah— ini bukan isu yang sangat senang. Ini kerana kita buat *survey, fishery resources survey* untuk memastikan bahawa sumber laut itu mencukupi. Jadi, ini kerja-kerja yang berpanjangan, kita tidak boleh secara kata, “*okey kita hendak bagi 20 lesen baru, 30 di sini, 80 di sana.*” Susah kita hendak buat. Kita kena *based on side effect and sustainable*. Terima kasih.

7. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] Minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan setakat mana kewujudan *Psychological Care Centre* (PCC) dalam memudahkan masyarakat setempat mendapatkan khidmat kaunseling secara percuma.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, *Psychological Care Centre* (PCC) merupakan sebuah pusat psikologikal setempat yang menyediakan psikologi dan kaunseling kepada masyarakat dan komuniti mulai tahun 2016. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk memperluaskan lagi perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti setempat bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dari aspek psikologikal.

Penubuhan PCC adalah tertumpu di kawasan kepadatan kependudukan yang tinggi, kawasan perumahan kos rendah dan kawasan tumpuan orang ramai bagi mendekatkan kemudahan ini kepada masyarakat dan komuniti melalui perkhidmatan yang percuma. PCC menyediakan kaunselor ataupun pegawai psikologi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menyampaikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti seperti berikut:

- (i) intervensi kaunseling;
- (ii) ujian psikologi;
- (iii) kelompok sokongan;
- (iv) program dan aktiviti psikopendidikan; dan
- (v) program dan aktiviti psikoterapi.

Bagi tahun lepas 2018, seramai 963 orang telah mendapatkan perkhidmatan di semua PCC di Malaysia. Bagi tahun 2020, sebanyak empat buah PCC dicadangkan untuk ditubuhkan di negeri Sarawak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya ingin ucapkan syabas dan tahniah di atas perhatian serius yang diberikan untuk mengatasi masalah kemurungan dan juga masalah mental ini. Soalan saya, berapakah jumlah kos yang diperlukan untuk membuat PCC ini dan apakah perancangan pada masa depan bagi menambah lagi pusat-pusat PCC ini sebab saya yakin dan percaya sahabat saya tak ada di sini, Yang Berhormat Jelebu, dia pun amat gembira dengan berita untuk Negeri Sembilan ini. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Tentang kos PCC. PCC tidak melibatkan sebarang kos untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana PCC sedia ada yang telah ditubuhkan di 11 kawasan di seluruh Malaysia ini diberikan tempat tersebut, ditawarkan oleh PBT secara percuma ataupun agensi kerajaan negeri. So, saya beri contoh di PPR, di mana PBT akan memberikan sewa percuma kepada JKM. JKM hanya turunkan pegawai psikologi mereka untuk bertempat di kawasan itu untuk memberikan khidmat percuma kepada masyarakat di situ.

Jadi, program ini sangat efektif kerana ia adalah *mobile services* kepada tempat khas seperti PPR. Jadi saya minta untuk semua Ahli Parlimen yang berminat, boleh berbincang dengan JKM negeri masing-masing dan kalau ada PBT yang sedia menawarkan tempat percuma, tiada sewa dan kos utiliti juga dibayar oleh PBT, JKM sudi untuk turun dan memberikan bantuan ini. Okey, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya lihat mungkin ada sedikit pertindihan dengan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai kepakaran yang mungkin boleh membantu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya harap ada usaha ke arah itu.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa stigma atau benteng psikologi terbesar dalam menangani soal-soal kaunseling adalah stigma terhadap mangsa-mangsa. Jadi, apakah usaha kementerian untuk menangani perkara ini. Lihat Great Britain, mereka telah melantik *Duchess of Cambridge* untuk menjadi ikon mereka. Di Malaysia, siapa agaknya? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Mengenai penyelarasan antara agensi, kementerian kita telah berjumpa dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melihat program MENTARI yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kita telah mulakan perbincangan dengan

PERKESO juga kerana PERKESO juga mempunyai program *return to work* untuk membantu golongan mangsa yang mempunyai isu kesihatan mental untuk *to be ready again, to go back to work* dengan izin. Jadi memang penyelarasan itu sekarang ada, wujud di antara agensi dan kami sedang berbincang untuk tengok bagaimana kita boleh memperkasakan lagi. Saya tak boleh nampak Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ada.

Puan Hannah Yeoh: Boleh memperkasakan lagi kemudahan sokongan untuk kesihatan mental. Harapan kita adalah untuk membawa *mobile services* seperti ini ke *shopping malls*, tempat membeli belah kerana tempat membeli belah merupakan tempat di mana banyak keluarga pergi berekreasi setiap minggu dan tempat itu akan jadi seperti *one stop centre*. Cadangan ini masih sedang dibincangkan sekarang.

Untuk stigma, soalan stigma mengenai kesihatan mental saya rasa yang paling utama—tempat pertama yang kita kena mulakan adalah di dalam Parlimen. Yang saya lihat di dalam Parlimen setiap kali kita mempunyai isu kesihatan mental, jawapan ataupun soalan kesihatan mental ataupun apabila ada perbalahan, perbahasan; kita akan bergurau dan menggunakan istilah seperti, “*eh! Belum makan ubat? Pergi dapatkan check kesihatan mental*”...

Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol]: Masuk air, masuk air pun termasuk ini.

Puan Hannah Yeoh: Jadi *the starting place*, dengan izin kita kena mulakan—beri teladan yang murni kepada seluruh rakyat Malaysia di sini bahawa kita tidak memperlekehkan isu kesihatan mental. Kalau kita menggunakan isu kesihatan mental sebagai bahan untuk kita ketawa, stigma itu akan sentiasa wujud di luar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kepimpinan melalui teladan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *just* satu lagi. Itu sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri, mesti ada seorang ikon atau beberapa ikon untuk membantu Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya diletakkan usaha untuk menangani penyakit mental ini ke aras yang tertinggi. Terima kasih.

■1130

Puan Hannah Yeoh: Ikon ini, jumlah populasi sekarang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita sokong Tuan Yang di-Pertua ini jadi ikon...

Puan Hannah Yeoh: ...Untuk kesihatan mental adalah lebih kurang 30 peratus...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nak dapat soalan tambahan lebih, kah?

Puan Hannah Yeoh: ...Bermaksud ramai daripada golongan di luar mempunyai masalah ini dan dia ada spektrum. Ada kemurungan dan ada yang lebih serius. Jadi untuk kalau kita pilih satu ikon sahaja, tidak mencukupi.

Saya rasa kita boleh mulakan dengan Ahli-ahli Parlimen. Saya sendiri telah membuat banyak *interview* untuk menceritakan kemurungan yang mungkin saya ada, dan juga Ahli-ahli

Parlimen yang lain- *stress*. Kalau kita- *if we are open about it*, dengan izin, *if we are open about it*, orang akan rasa okey. Kalau Ahli Parlimen sendiri...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Menteri Pertahanan pun boleh jadi ikon.

Puan Hannah Yeoh: ...Mempunyai masalah seperti ini, kita boleh dapatkan bantuan juga, *that they are not alone*, dengan izin. Terima kasih.

8. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, persaingan nuklear, persaingan teknologi yang meliputi pelbagai aspek, persaingan perdagangan dan persaingan pengaruh politik telah berlangsung dengan begitu sengit di antara negara kuasa-kuasa besar khususnya Amerika Syarikat dan China. Adakah Malaysia akan terheret sama dalam persaingan antara kedua-dua kuasa besar ini atau tidak, kerana Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang cukup erat dengan Amerika Syarikat dan juga China.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ignatius Dorell Leiking]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini *I would like to acknowledge the presence*, dengan izin, guru-guru bersama murid-murid Tingkatan 4, dari SMK Bukit Kuching Tengah, Jeram, Kuala Selangor, dan guru-guru bersama murid-murid Tingkatan 4, dari SMK Jeram, Kuala Selangor. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, selamat datang.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Kota Tinggi. Berikan saya sedikit keizinan untuk membaca jawapan yang panjang lebar di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Secepat mungkin ya, kena ikut masa.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kota Tinggi, perang perdagangan dan persaingan terbuka geopolitik di antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China telah memasuki tahun kedua. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, persaingan Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China meliputi pelbagai bidang iaitu termasuk persaingan dalam bidang teknologi, perdagangan, pengaruh politik antarabangsa dan aspek keselamatan kedua-dua negara.

Persaingan geopolitik ini secara langsung memberi implikasi besar kepada kebanyakan negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kedua-dua kuasa besar dunia ini. Ia juga memberi kesan kepada pasaran saham dunia dan mengubah landskap perdagangan dan pelaburan sedia ada bukan hanya di Malaysia, malahan tempiasnya dirasai di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Pada ketika ini, kedua-dua negara masih meneruskan rundingan bagi mencapai kata sepakat dan seterusnya menyelesaikan konflik yang berbangkit.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, dua minggu lalu terdapat perkembangan yang positif di antara Amerika Syarikat dan juga Republik Rakyat China di mana mereka telah bersetuju untuk mengurangkan tarif barangan yang dikenakan kepada Republik

Rakyat China, sekiranya kedua-dua negara bersetuju memuktamadkan suatu perjanjian. Malangnya, perjanjian ini belum ditandatangani dan sepatutnya ditandatangani waktu *APEC Summit* di Chile.

Menurut laporan yang diterbitkan oleh *Economist Intelligence Unit*, perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China telah memberi kesan besar kepada kebanyakan negara memandangkan kebergantungan perdagangan dunia dengan kedua-dua negara ini terutama penglibatan besar mereka dalam *global value chain*, dengan izin, atau rangkaian bekalan global.

Walaupun begitu, Malaysia berpotensi mendapat manfaat daripada krisis ini melalui lencongan pelaburan iaitu *investment diversion*, dengan izin, atau penempatan semula pelaburan- *investment relocation* oleh syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat multinasional Amerika Syarikat serta Republik Rakyat China ke Malaysia.

Malaysia juga berpotensi menerima manfaat melalui lencongan perdagangan, *our trade diversion*, dengan izin, oleh sebab produk RRC- Republik Rakyat China telah menghadapi masalah perdagangan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perang perdagangan ini masih berterusan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yakin bahawa Malaysia mempunyai kemampuan untuk terus menarik pelaburan asing bernilai tinggi dan dalam masa yang sama, meningkatkan perdagangan negara.

Sebagai contoh, bagi bulan Januari hingga Jun 2019, nilai pelaburan dari Amerika Syarikat telah mencatat pelaburan asing tertinggi di Malaysia melalui 19 projek pembuatan yang diluluskan berjumlah RM11.7 bilion. Projek ini akan mewujudkan 3,233 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat. Projek baharu dari *advanced energy industry* yang menghasilkan produk elektrik dan elektronik (E&E) dan projek pembesaran dari ON Semiconductor dan juga Plexus Manufacturing adalah antara pelaburan utama yang diterima dari Amerika Syarikat. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia pada tahun 2018.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat pada tahun 2018 meningkat 1.2 peratus kepada RM155.76 bilion berbanding RM153.9 bilion pada tahun 2017.

Jumlah eksport ke Amerika Syarikat adalah berjumlah RM90.81 bilion, manakala jumlah import bernilai RM64.95 bilion.

Jumlah perdagangan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat dari bulan Januari hingga Ogos 2019 terus menunjukkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.9 peratus mencecah RM106.48 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan- mungkin Yang Berhormat Kota Tinggi, saya akan- *you give me some patience, I read a little bit more*. Saya akan kurangkan apa yang telah dijawab di sini dan akan memberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa. Ada dua lagi soalan tambahan.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Okey. *Let me end this by saying* kerajaan sentiasa merangka strategi dan mencari jalan terbaik bagi menggiatkan usaha untuk mengurangkan risiko krisis perdagangan antara Amerika dan Republik Rakyat China.

Antara usaha telah disasarkan terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi di Republik Rakyat China untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau ataupun *regional production hub* khususnya bagi pasaran Amerika Syarikat.

Pejabat agensi di bawah seliaan MITI iaitu MATRADE di Amerika Syarikat contohnya, turut mempergiatkan aktiviti promosi galakan terhadap pengimport di Amerika Syarikat yang sebelum ini membeli kebanyakan produk dari Republik Rakyat China. *This is one of the efforts that we do*, dengan izin.

Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2020, satu saluran khas akan ditubuhkan di bawah agensi kementerian ini iaitu *InvestKL* bagi menarik pelaburan dari Republik Rakyat China yang mempunyai ciri-ciri *high-tech*, *high value* dan *high impact*, dengan izin. Inisiatif ini bertujuan untuk menarik dan membantu mempermudah pelaburan asing langsung dari syarikat-syarikat Republik Rakyat China serta syarikat-syarikat multinasional asing yang berpusat di Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan menganjurkan persidangan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) pada tahun 2020 yang akan turut dihadiri oleh- ada kemungkinan akan turut dihadiri oleh Presiden Amerika Syarikat, dan Presiden Republik Rakyat China.

Malaysia mengharapkan agar persidangan APEC ini dapat menjadi platform untuk kedua-dua negara besar ini, serta negara-negara serantau lain mencapai kerjasama dan permuafakatan khususnya dalam bidang ekonomi.

Saya mengharapkan agar APEC 2020 dengan sokongan Yang Berhormat Kota Tinggi dan semua rakan-rakan dalam Parlimen ini, dengan tema '*Optimizing Human Potential Towards a Future of Shared Prosperity*' akan turut menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi serantau dan secara tidak langsung dapat menyelesaikan konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan juga hantar jawapan ini dengan penuh kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini nampak muda betul. Saya ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hari lain tua, kah?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ya. Saya ingat pelajar Tingkatan 6 tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tingkatan 6. *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang sangat padat dan terperinci. Saya ada dua persoalan sahaja yang dirangkumkan kepada satu.

Apakah terdapat sebarang aspek positif yang kita, Malaysia peroleh akibat daripada persaingan dua kuasa besar ini?

■1140

Tidakkah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi inisiatif perdagangan dan mengambil peluang daripada ekonomi negara-negara ASEAN itu sendiri yang mempunyai kira-kira 650 juta penduduk? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan saya Yang Berhormat Kota Tinggi. Kerajaan sentiasa mengambil maklum bahawa ASEAN ini adalah satu peluang kita. Baru-baru ini kita telah diberikan mandat oleh kerajaan untuk pergi ke Bangkok untuk menyelesaikan perundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dengan izin, untuk memuaskannya dan untuk membawa suatu tahap perjanjian antara ASEAN iaitu merangkumi 16 negara ekonomi di rantau kita. Ini akan memberikan kita peluang untuk menjadi *global value chain* ataupun ASEAN *value chain* di setakat *production* ataupun *manufacturing* dan juga *supply* di seluruh ASEAN ini untuk negara-negara yang berdagang ataupun yang mengimport barang-barang kita.

We will take opportunity and we will not miss this one Yang Berhormat Kota Tinggi. Ini kerana Malaysia *is seated or placed in the right position*. Kita ada *manufacturing* yang sangat *high tech* di *Peninsular Malaysia*. Di Sabah pun kami perlu, Sabah dan Sarawak. *We need the same technology to be brought to Sabah dan Sarawak*.

Saya harap dengan sokongan Yang Berhormat Kota Tinggi dan juga rakan-rakan yang telah dikenali oleh Yang Berhormat Kota Tinggi semasa kerajaan dahulu, akan dapat dibawa ke Malaysia untuk melabur dan membawa teknologi yang mereka ada untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan juga *our involvement* dalam era baru, dalam *production* melalui *Industry 4.0*, *production* yang kita perlu dalam teknologi yang ada pada setakat masa ini. *We need your support*. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan Menteri. Mengikut satu laporan yang baru dikeluarkan oleh *Bloomberg Businessweek*, *approved manufacturing investment* di Malaysia untuk Januari sampai Jun 2019, tiga negeri telah mencatatkan amat menggalakkan. Di Pulau Pinang sebanyak RM9.2 bilion FDI, Kedah sebanyak RM7.7 bilion FDI, Selangor sebanyak RM6 bilion FDI. Saya rasa itulah – apakah – saya rasa itulah mereka mendapat FDI yang bagus pada baru-baru ini.

Persoalan saya, apakah terdapat pihak MITI *set up a Special Committee* atau *special entity* untuk mempercepatkan kelulusan memandangkan bahawa kita ketinggalan dari segi menarik pelaburan asing. Memandangkan perang dagang antara Amerika dan China, apakah *express lane* ataupun *Special Committee* yang kita boleh mempercepatkan semua ini supaya FDI boleh memilih Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik. Itu soalan saya.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan saya Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya dapati dua soalan dalam ini, tetapi *can I answer two things?*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya.

Datuk Ignatius Dorell Leiking: Satunya adalah *investment* ataupun pilihan di mana *investor* melabur adalah *choice* mereka. *I understand, you mentioned* tiga, Penang, Kedah dan Selangor. Seperti hasrat dan *I am sure* rakan-rakan saya dalam Dewan ini semua pun ingini bahawa pelabur akan memasuki kawasan kita, negeri kita dan daerah kita. *Most of these investors* membuat pilihan daripada analisis ataupun *cost and benefit* mereka.

Kami telah dimaklumkan bahawa satu cara untuk membawa pelabur kepada semua daerah ataupun negeri-negeri yang kita wakili adalah untuk meningkatkan ataupun mempercepatkan kelulusan seperti soalan rakan saya Yang Berhormat Bukit Bendera. Kerajaan telah menubuhkan dua komiti ataupun kita kenali sebagai *National Committee on Investment I* (NCII) dan *National Committee on Investment II* (NCIII). NCII ini dipengerusikan oleh MITI dan juga Menteri Kewangan untuk mempercepatkan kelulusan pelaburan dan insentif.

Kedua adalah NCIII, ini adalah antara MIDA dan juga MOF dan wakil mereka untuk mempercepatkan segala pelaburan ataupun insentif yang telah dimohon oleh *potential investors* kita. Ada juga satu *special lane* yang telah diumumkan dalam Bajet 2020 ini di mana InvestKL telah diberi mandat untuk membawa MNC daripada Republik Rakyat China ke Malaysia. Soalan yang saya rasa dalam hati saudara saya adalah bagaimanakah kita boleh membawa pelaburan ini bukan sahaja ke seluruh Malaysia, tetapi kepada *area* kita. *Now, we need to work* dengan *state government* supaya mereka pun boleh mempercepatkan kelulusan di *local authority* termasuk di negeri mereka.

Sepertimana saya, saya pun selalu disoal oleh rakan-rakan saya, bagaimanakah pelaburan ke Sabah. Sabah *also needs to improve. Some issues in Sabah* kerana kita ada tanah yang mahal, insentif yang mungkin kurang. *So, we have to improve that. I am sure in your kawasan will be the same. I am sure* dalam kawasan-kawasan yang lain pun sama. *So, in order to make it fast, we need to work together with the state government* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan *state government*, dengan agensi-agensi promosi yang ada dalam setiap negeri dan juga dengan wakil rakyat. Wakil rakyat *can remind us, can help us as well to pressure the local authorities as well as the approving authorities on ensuring that investment will enter the kawasan dan negeri kamu. Terima kasih.*

9. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kesediaan kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948, serta adakah kerajaan berniat menggubal sebarang undang-undang bagi menggantikan akta tersebut untuk memastikan keselamatan negara terus terjamin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: '*Tinggi-tinggi tiang Telekom, tinggi lagi Assalamualaikum*'. [Ketawa] Terima kasih dengan soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan janji manifesto, kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948.

Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) termasuk badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menilai dan memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan berdasarkan piawaian hak asasi manusia, selain mengenal pasti implikasi-implikasi keselamatan yang akan timbul jika dimansuhkan.

Kementerian juga perlu mengambil kira implikasi pindaan berbangkit kepada perundangan-perundangan lain sekiranya pemansuhan Akta Hasutan ini berlaku kerana terdapat peruntukan-peruntukan mengenai akta ini turut bersangkutan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan 11 perundangan lain yang berkuat kuasa iaitu pertama, *Federal Constitution, Criminal Procedure Code, Election Offences Act 1954, Extra-Territorial Offences Act 1976, Local Government Elections Act 1960*, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, *Public Order (Preservation) Act 1958, Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969*, Akta Pertubuhan 1966, *Youth Societies and Youth Development Act 2007, Defamation Act 1957, Ministers of Federal Government Order 2019*.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, kementerian berpandangan bahawa pemansuhan Akta Hasutan 1948 hanya boleh dipertimbangkan setelah seksyen khusus mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi raja, kaum dan agama tersebut dipindahkan dan dimasukkan ke dalam undang-undang lain yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan ataupun diwujudkan undang-undang baharu.

Pada masa ini, kajian lanjut bersama Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi kerajaan yang lain masih sedang dijalankan bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan perlindungan institusi diraja, kaum dan agama dapat dipelihara. Ini bagi memastikan tiada kelompangan undang-undang berlaku dan keselamatan negara terus terjamin sekiranya Akta Hasutan 1948 dimansuhkan. Sebelum Akta Hasutan dimansuhkan, perkenan Majlis Raja-raja perlu diperoleh terlebih dahulu kerana terdapat peruntukan mengenai Raja di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152, Perkara 153 dan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan diperuntukkan dalam seksyen 3 Akta Hasutan. Terima kasih.

■1150

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab soalan ini. Saya rasa bagi ramai rakyat Malaysia yang telah mengundi Pakatan Harapan, harapannya adalah untuk kita segerakan pemansuhan ini. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut terdapat 11 undang-undang dan juga beberapa perkara yang perlu dilaksanakan dahulu.

Persoalannya bagi saya, apakah dalam sidang kali ini ataupun yang akan datang, akan dibentangkan pindaan-pindaan yang diperlukan agar kita boleh berkata kepada pengundi bahawa kita memang komited dan akan teruskan. Ini adalah *road map*nya, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih berikan soalan tambahan tadi. Apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa komitmen Kerajaan Pakatan Harapan ialah kita akan memansuhkan akta ini. Pun begitu, kita kena memastikan bahawa sebelum sesuatu pemansuhan itu saya telah sebut tadi, kita kena pastikan bahawa jangan kita mansuh nanti terdapat lompong-lompong yang tidak dapat kita atasi disebabkan oleh masalah pemansuhan yang kita telah lakukan secara terburu-buru. Orang cakap, "*Biarlah lambat asal selamat.*"

Jadi, apa yang kita ingin pastikan di sini Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* sebagaimana kita tahu Jawatankuasa Khas ini sedang giat bersidang bagi memastikan agar Akta Hasutan ini selaras dengan janji manifesto kita yang kita akan mansuhkan. Akan tetapi pun begitu saya tidak dapat beri tempoh masa yang khusus tentang bilakah akta ini akan dimansuhkan.

Akan tetapi ingin saya tegaskan di sini komitmen kita, *in fact* Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga semalam dalam *Post Cabinet* juga ada menyentuh, ada disebutkan bahawa apa yang telah kita janjikan, khususnya mengenai akta ini perlu kita percepatkan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, selalu sebelah kerajaan, bagi dahulu pembangkang. Ini dua-dua belah kerajaan, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah budi bicara pun kena betul. *You have to decide your decision* dengan betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Jangan buang masa. Teruskan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Budi bicara berat sebelah, macam mana?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan komitmen yang dinyatakan tadi. Komitmen ini perkataan yang senang kita kata tetapi selalunya susah kita lihat. So, apa komitmen yang dimaksudkan itu?

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa terdapat lompong-lompong yang mungkin akan wujud sekiranya kita memansuhkan akta tersebut. Lompong hanya satu sahaja iaitu undang-undang berkenaan dengan *protection* atau perlindungan Raja-Raja. Itu boleh diselesaikan dengan senang dengan memansuhkan pindaan kepada *Criminal Procedure Code*.

Jadi, apakah- *what is the delay? Please let us know*, dengan izin, secara terperinci apakah- *rather than just a general statement* bahawa akta ini perlu masa untuk kita kaji, *because* kita sudah dengar alasan, "kita hendak kaji" itu. Kita semua sudah *fed up* hendak dengar alasan-alasan seperti itu.

Adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan menunaikan janjinya dalam memansuhkan Akta Hasutan dan meminda *Criminal Procedure Code* untuk memberi perlindungan kepada Raja-Raja? Itu sahaja halangan yang ada dalam pemansuhan ini. *Are you committed or are you not? Please give us an answer.* Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bukit Gelugor. Jangan marah, nanti darah tinggi lagi.

Insyallah sebagaimana saya sebutkan tadi, kita telah nyatakan bahawa komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk memansuhkan Akta Hasutan ini akan kita lakukan. Cuma kita tidak ingin melakukannya secara terburu-buru. Saya sebutkan tadi ada 11 akta-akta yang ada sangkut paut dengan akta ini.

Jadi, kita kena *make sure* di tempat-tempat ini kita pindahkan dahulu ke akta-akta yang sudah sedia ada. Tadi Yang Berhormat sentuh tentang Raja. Bukan hanya Raja, Ahli Yang Berhormat, termasuk kaum dan agama juga kita perlu ambil kira dalam akta ini. Oleh kerana kita tidak mahu nanti bilamana ada rakyat di luar sana menyentuh tiga perkara ini. Raja, *religion and also race*.

Jadi, kita tidak mahu tiga perkara ini nanti disentuh. Apabila berlaku nanti perkara-perkara yang boleh menyentuh sensitiviti ketiga-ketiga perkara ini, esok nanti bilamana Akta Hasutan ini sudah tidak ada kita akan tercari-cari dan ini akan memberi masalah kepada kita. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah soalan tambahan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiu, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah, inilah Tuan Yang di-Pertua macam ini. Sepatut lepas kerajaan, bagilah pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan buat tuduhan yang bukan-bukan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan. Ini dasar yang *you* buat. Ini dasar Tuan Yang di-Pertua buat selama ini. Saya kalau Timbalan Yang di-Pertua tidak faham, saya akan tanya Tuan Yang di-Pertua. Itu dasar yang kita amalkan selama ini. Selepas kerajaan, pembangkang. Selepas pembangkang, kerajaan. Itu namanya kerajaan adil. Ini kerajaan hancinglah. Menipu tidak habis-habis... [*Dewan riu*] Ini betul tidak adil. Saya hendak cabar, ini adil kah. Adil kah sebelah sana? Semua kita sudah lama dalam Dewan ini. Selama ini macam mana prosedurnya? Selepas kerajaan, pembangkang. Betul?

[*Tuan Yang di-Pertua mepengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, pernah berlaku soalan tambahan semua bagi kepada pihak pembangkang juga.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Lepas pembangkang, kerajaan. Bukanlah, kena adil dalam melaksanakan undang-undang, dalam melaksanakan budi bicara, kita kena adil.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tanjong Karang, ini bukan kali pertama. Pernah juga soalan yang dikeluarkan oleh pembangkang, soalan tambahan juga daripada pembangkang. Pernah berlaku juga. Ini bukan kali pertama.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah bila, bila berlaku, beritahu?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tengok *Hansard* lah, tengok *Hansard*. Soalan yang dikemukakan... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu, sila kemukakan. Keputusan sudah dibuat bukan? Yang Berhormat Setiu sudah dipanggil.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah bagi petua? Kalau sudah bagi petua, saya tidak akan kacau.

Adakah petua daripada Tuan Yang di-Pertua, bersetuju atau tidak, bila kita bagi soalan, bergilir-gilir? Selepas kerajaan, pembangkang. Selepas pembangkang, kerajaan seperti yang kita amalkan sebelum ini. Adakah Tuan Yang di-Pertua bersetuju?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Jangan bazir *timelah* Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu tidak akan mempunyai masa. Terus kepada soalan Yang Berhormat Setiu.

10. Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta Menteri Tenaga, Air, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, peratusan peningkatan tarif baru berkenaan cadangan kementerian untuk mengenakan caj yang lebih tinggi di waktu puncak penggunaan elektrik serta peratusan pengurangan caj tersebut kepada pengguna luar waktu puncak.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim tarif yang berdasarkan masa penggunaan atau *enhanced time of use-ETOU*, dengan izin, telah diperkenalkan kepada pengguna komersial dan industri Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak 1 Januari 2016.

Skim ETOU ini tidak bersifat mandatori dan ia ditawarkan sebagai pilihan kepada pengguna. Oleh itu, pengguna bebas untuk memilih sama ada ingin mengekalkan skim tarif asal ataupun menukar kepada skim baru ETOU ini. Buat masa ini, skim ETOU belum lagi diperkenalkan kepada pengguna domestik atau kediaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Tenaga masih lagi dalam proses mengkaji kadar yang sesuai serta tempoh zon masa untuk puncak, pertengahan puncak

dan luar puncak untuk diperkenalkan kepada pengguna domestik menjelang suku pertama tahun 2021.

Melalui skim ETOU ini, pengguna boleh mengawal penggunaan elektrik mereka. Skim ini menggalakkan pengguna untuk menggunakan elektrik dengan lebih efisien, di mana pengguna boleh mengurangkan penggunaan elektrik pada waktu puncak. Di mana kadar tarifnya adalah lebih tinggi berbanding penggunaan elektrik sewaktu pertengahan dan luar puncak yang mana kadar tarifnya adalah lebih rendah untuk aktiviti yang sama.

Oleh itu, sekiranya pengguna beroperasi pada luar waktu puncak, mereka akan dapat menikmati kadar tarif yang lebih rendah, sekali gus mengurangkan bil elektrik mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu]: Soalan tambahan, apakah jaminan daripada kerajaan kadar tarif elektrik tidak akan meningkat dengan berlakunya perubahan IPP kepada *Malaysia Electricity Supply Industry 2.0* (MESI 2.0)? Adakah kerajaan bersetuju kalau saya katakan bahawa mekanisme harga yang berubah-ubah ini menyusahkan dan membebankan rakyat?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Buat masa ini tidak ada lagi peningkatan tarif elektrik.

Untuk soalan tambahan yang kedua daripada Yang Berhormat, skim ini kenapa kita mahu buat adalah objektif supaya ETOU ini menggalakkan pengurusan sektor permintaan, *demand side management* supaya pelanggan dan pengguna dapat menguruskan penggunaan tenaga elektrik ini dengan lebih cekap. Juga ini bukannya mandatori kepada pengguna. Ingin saya ulang, adalah pilihan dan ia telah diperkenalkan sejak tahun 2016.

■1200

Kita punya *calculation* perbandingan dan ini hanya dikenakan kepada industri buat masa ini iaitu komersial dan juga perindustrian untuk ETOU. Saya akan bagi jawapan di mana perbandingan sekiranya pengguna menggunakan industri komersial ini menggunakan tarif biasa *versus* dengan izin ETOU ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan jawapan kepada soalan asal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sejak 2016 ia telah dilaksanakan kepada pengguna komersial dan pengguna industri. Macam mana dengan pengguna domestik.

Apakah sebab benda ini sudah dilaksanakan tiga, empat tahun apakah pelaksanaan tiga waktu yang berbeza ini akan menguntungkan pengguna domestik terutamanya. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih atas soalan tambahan. Tadi saya ada *mention* buat masa ini skim ETOU ini belum lagi diperkenalkan kepada pengguna domestik ataupun kediaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ST ataupun Suruhanjaya Tenaga masih lagi dalam proses mengkaji kadar yang sesuai dan juga tempoh

waktu puncak, masa pertengahan puncak dan juga luar puncak untuk pengguna domestik ini dan mungkin diperkenalkan pada menjelang suku tahun pertama 2021 sahaja. Terima kasih.

[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.02 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 25 November 2019.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Kesebelas]***

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Maksud B.21 [Jadual] -
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Sekarang adalah giliran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk di bahas.

Seperti biasa ingin terangkan jumlah atau tempoh masa yang dihadkan. Seperti biasa setiap ahli diberikan tempoh 10 minit pada permulaan dan akan dikurangkan, Yang Berhormat Menteri akan diberi tempoh 45 minit hari ini untuk menjawab. Saya ingin mencadangkan bahawa untuk hari ini Menteri menjawab pada pukul 4.00 petang.

Oleh sebab hari ini hari Khamis dan kemungkinan tidak ramai orang yang akan hadir.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, betul tu Tuan Pengerusi, sebab hari ini hari Khamis malam Jumaat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Malam Jumaatlah. Terutamanya di sebelah sana.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Wajib untuk kita balik awal.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terutamanya di sebelah sana.

[Dewan Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tahu, tahu itu. Yang Berhormat Kinabatangan lagi pakar daripada saya. Baik, baik. Jadi saya tengok senarai agak panjang tetapi kalau boleh pada pertengahan nanti kita kurangkan. Sebentar ya, senarainya panjang. Okey saya menjemput Yang Berhormat Beaufort untuk memulakan perbahasan.

12.05 tgh.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: *Alhamdulillah.*

Tuan Pengerusi: Selalu Yang Berhormat Beaufort memulakan perbahasan. Hairanlah saya, hari itu pun Yang Berhormat Beaufort. Silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Saya terus merujuk kepada Butiran 020300 – Pertanian, 020500 – Perikanan, 020700 – LKIM, 021100 – MARDI.

Tuan Pengerusi, saya telah membaca ucapan Yang Berhormat Menteri pada 23 Disember 2018, yang mana di bawah hala tuju kementerian, hala tuju yang baharu kementerian menyasarkan untuk pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang berkualiti dapat dipertingkatkan untuk dieksport serta berharap hasil tangkapan laut juga dapat diperbanyakkan. Juga dimaklumkan bahawa bil import makanan negara kita mencecah RM60 bilion dan ini adalah satu jumlah yang besar tetapi saya melihat di sini bahawa peruntukan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa habis.

[*Dewan ketawa*]

Dato' Hajah Azidah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih kerana di *stop* tadi ya. Di bawah butiran yang saya sebutkan tadi bahawa peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini dalam empat butiran yang saya sebut tadi menurun, Tuan Pengerusi, daripada tahun ini pada tahun 2020 menurun. Sedangkan tadi hasrat hala tuju itu mahu meningkatkan lagi pengeluaran, mahu eksport lagi bukan untuk kita makan sendiri tetapi untuk eksport lagi.

Kita melihat bahawa bil import kita yang begitu tinggi sekali RM60 bilion itu kita mahu turunkan. Jadi bagaimanakah, saya ingin bertanya kepada kementerian, usaha kementerian dengan peruntukan yang diturunkan ini boleh melakukan hala tuju yang baru untuk meningkatkan pengeluaran barang makanan, buah-buahan, sayur-sayuran dan juga tangkapan daripada laut untuk negara kita Malaysia dan seterusnya di sasar kepada untuk dieksport ke luar negara.

Kita perlu meningkatkan lagi pendapatan kaum nelayan kita, meningkatkan pendekatan kaum petani-petani kita daripada seluruh negara termasuklah daripada negeri Sabah juga. Akan tetapi kalau peruntukan ini diturunkan, bererti usaha itu akan menurun juga, tidak akan mencapai seperti mana yang diharapkan.

Jadi saya meminta kepada pihak kementerian supaya melihat kepada perkara ini dengan serius dan meminta supaya tambahan diberikan kepada kementerian ini yang saya rasa adalah satu kementerian yang penting. Ini kerana ia adalah punca makanan kepada rakyat seluruh negara kita Malaysia ini.

Juga satu punca pendapatan kepada rakyat kita khususnya mereka yang berada di luar bandar, kaum bumiputera yang ramai merupakan nelayan, yang merupakan petani dan menghasilkan makanan-makanan yang kita makan setiap hari dan juga kita harap untuk dapat kita eksport ke luar negara supaya kita juga akan menjadi pengeksport makanan bukan sahaja untuk pengimport makanan.

Saya juga difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan Langkawi bakal menjadi pengeluar beras pulut utama. Bagaimana pula dengan negeri Sabah? Difahamkan di negeri Sabah ada macam-macam jenis beras, beras kuning, beras merah, beras coklat, beras wangi dan sebagainya.

Adakah juga kerajaan, kementerian mengenal pasti jenis-jenis hasil pertanian ini, makanan ini untuk dihasilkan daripada negeri-negeri yang tertentu. Ini supaya setiap negeri itu akan mengenal pasti hasil mereka untuk dikeluarkan oleh petani-petani mereka dan dengan itu kita dapat meningkatkan lagi keupayaan mereka. Kita dapat membantu keupayaan mereka, kita dapat juga membantu hasil mereka. Dengan yang demikian kita dapat membantu juga pendapatan mereka.

■1210

Dengan yang demikian dapat kita membantu juga pendapatan mereka. Mereka tidak lagi akan menjadi kumpulan yang sentiasa mengharap sahaja bantuan sara hidup. Walaupun saya mengucapkan terima kasih pada kerajaan kerana meningkatkan daripada RM200 kepada RM250 untuk para nelayan tetapi saya lebih suka untuk melihat para nelayan kita ini menjadi

orang yang berjaya, orang yang tidak lagi mengharapkan bantuan sara hidup setiap bulan daripada kerajaan tetapi mereka boleh berdikari. Mereka boleh menjadi nelayan yang berjaya dan kaya.

Untuk itu saya ingin bertanya kepada kementerian untuk kami di kawasan saya Parlimen Beaufort, berapa ramaikah para nelayan yang berlesen ini. Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada mereka selain daripada sara hidup bulanan itu? Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada mereka untuk menambah kapasiti mereka sebagai nelayan yang berjaya yang boleh membawa hasil yang baik kepada diri mereka dan keluarga mereka dan yang dapat juga menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara kita Malaysia yang tercinta ini?

Saya juga ingin menyebutkan di sini daripada segi bekalan beras negara kita. Dikatakan bahawa 30 hingga 40 peratus bekalan beras Malaysia diimport daripada luar negara. Sebanyak 67 peratus daripada ini adalah dihasilkan daripada penduduk— daripada hasil negara kita sendiri. Bakinya diimport dari Thailand, Vietnam dan Pakistan.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah caranya kita dapat meningkatkan lagi usaha rakyat kita untuk menghasilkan ataupun bertanam padi ini? Saya ucap terima kasihlah kerana ada bantuan untuk kawasan yang terbesar di negeri Sabah di Kota Belud untuk meningkatkan pengairan sawah padi di Kota Belud ini.

Akan tetapi saya juga ingin meminta supaya tempat-tempat yang lain seperti di Kuala Penyu, Keningau dan juga di Tuaran juga dibantu supaya pengeluaran padi dari negeri Sabah itu dapat dipertingkatkan lagi supaya dapat *cover* untuk makanan orang Sabah sahaja. Ini kerana pada setakat ini difahamkan antara 30 ke 40 peratus sahaja hasil dari negeri Sabah, selain itu diimport daripada luar. Jadi, kalau begini berterusan kita akan bermasalah sedangkan makanan beras ini adalah makanan *staple* orang Malaysia dan orang Sabah juga. Walaupun kami makan sagu juga tetapi itu pun sudah berkurangan tetapi nasi itulah yang *number one*.

Saya melihat semasa lawatan saya ke Jepun, satu kawasan di negara Jepun, saya melihat walaupun Jepun itu sebuah negara yang sudah maju, namun kawasan padinya berada dalam bandar. Saya melawat ke rumah seorang profesor, suami isteri itu profesor tetapi di keliling rumah mereka ditanam dengan padi kerana beras juga adalah makanan mereka dimasak dengan sushi dan sebagainya.

Akan tetapi, bagi kita Malaysia ini adalah lebih penting kerana *staple food* kita makan nasi itu sepinggan, dua pinggan kita tambah sampai tiga pinggan lagi kadang-kadang. Maka keperluan nasi itu lebih tinggi daripada orang Jepun. Akan tetapi mengapakah kita di sini tidak menggalakkan tanaman padi yang sedemikian.

Jadi, saya ingin meminta kepada kementerian *seriously look into this*. Saya pasti kamu sudah juga buat kajian melawat negara-negara seperti Jepun dan sebagainya tetapi tengoklah bagaimana mereka melaksanakan. Ini bukan sesuatu perkara yang memalukan. Pertanian bukanlah sesuatu perkara yang dianggap untuk orang miskin sahaja, untuk orang kampung sahaja tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, lawatan saya ke sana dua profesor suami dan

isteri keliling rumahnya penuh dengan tanaman padi. Dipelihara dengan baik, dijaga dengan baik dan sistem pengairannya juga begitu baik.

Jadi, kalau Malaysia ingin mencapai sebuah negara yang *100 percent* pengeluarannya—apa yang kita makan itu dikeluarkan oleh negara kita dan kita dapat pula lagi membekalkan kepada luar negara kerana beras adalah merupakan makanan yang 70 peratus dalam kawasan ASEAN ini dan juga ada lagi lain daripada negara lain juga memerlukan beras ini, ertinya pasaran untuk beras itu adalah sentiasa diperlukan dan terus meningkat.

Oleh kerana itu tidak sia-sia lah kalau negara kita memperuntukkan kewangan yang banyak untuk kita menghasilkan sesuatu yang akan membawa hasil yang baik kepada negara kita. Ini kerana makanan itu diperlukan. Apa pun teknologi tinggi, 4.0 dan sebagainya, digital. Semua orang yang menggunakan ini mahu makan. Jadi, kalau makanan ini tidak dihasilkan, mereka tidak boleh makan digital itu. Mereka tidak boleh makan internet. Mereka kena makan nasi juga. Oleh kerana itu, berikan perhatian kepada perkara yang penting ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Jadi saya mintalah pada pihak kerajaan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Beaufort, boleh sedikit?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Masa hendak hampir habis ini Yang Berhormat Pontian. Hendak hampir habis sudah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit sahaja.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Boleh kah? Boleh kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh.

Tuan Pengerusi: Sedikit.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Okey. Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dari segi tahap sara diri ini, beras baru 71 peratus. Ikan sudah 95 peratus. Bilakah beras ini boleh tahap sara dirinya mencapai 90 peratus? Kemudian, dia tidak cukup dengan beras sahaja, makanannya ada sayuran, ada daging, ada ayam. Bagaimana tahap sara diri dengan makanan lain?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Jadikan sebahagian daripada ucapan saya Tuan Pengerusi. Tambah sedikit sahaja. Saya memang dah sebut awal tadi semua makanan. Sayuran, buah-buahan, beras, daging, ikan, semua ini perlu kita pertingkatkan dan ini merupakan usaha yang dilaksanakan oleh rakyat kita yang berada di luar bandar, kaum Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, semua mereka ini terlibat.

Jadi, kalau kita dapat bantu ini kita berikan perhatian, maka saya tengok kita sudah ke usaha yang baik ke jalan yang benar untuk membantu mereka yang benar-benar memerlukan yang mahu kita majukan lagi. *Insyah-Allah*. Jadi, kalau kita fikir yang tinggi-tinggi, terlalu jauh itu, mungkin susah bagi mereka. Akan tetapi kalau kita tengok kepada perkara yang asas ini, kita berada di landasan yang benar. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang. Silakan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Ayer Hitam ada Kamar Khas 2.30 petang.

Tuan Pengerusi: Kamar Khas? Baiklah. Yang Berhormat Ayer Hitam dulu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya lepas Yang Berhormat Ayer Hitam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Ya Yang Berhormat Ayer Hitam. Silakan.

12.17 tgh.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang. Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 muka surat 196. Di bawah Maksud Bekalan B.21 Butiran 040000 – Program Khusus. Saya hendak menyentuh perkara tertakluk di bawah Butiran 040400 – Subsidi Harga Padi, Butiran 040500 – Subsidi Baja Padi, Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi dan Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah yang dibaca bersekali.

Saya ingin tunjukkan ada tiga iklan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian yang mana bertarikh 24 Julai. Dia kata untuk pembekalan tahun hadapan untuk tiga tahun akan datang ada tiga tender. Dua adalah tentang baja, satu adalah tentang kerja pengapuran. Ini telah dibuka dan saya hendak maklumkan ini yang saya rasa terkilan ialah saya ingin mendedahkan satu perkara yang melibatkan pembatalan beberapa syarikat tempatan yang sebelum ini telah pun dipersetujui sebagai petender secara item mengikut zon satu, zon dua, zon tiga bagi tender membekal penghantaran dan menjalankan kerja-kerja pengapuran bagi kapur di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) untuk tempoh tiga tahun dengan tawaran berjumlah RM52,484,585.95. Melalui surat bernombor tender QT190000000058589.

Untuk makluman, kesemua syarikat ini telah pun melalui proses tender terbuka secara sah. Malah pemilihan syarikat ini juga telah dipersetujui oleh Lembaga Perolehan kementerian yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha MOA, wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya. Persoalannya, apabila tunggu Surat Setuju Terima (SST), tiba-tiba satu perkara telah berlaku. Ia dibatalkan kerana hendak buat satu rundingan terus ataupun *direct nego* dan satu laporan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...SPRM. Sekejap, saya bagi. Sekejap ya. Laporan SPRM telah dibuat pada minggu lalu kerana kenapa pula buat tender terbuka orang sudah kalah, tiba-tiba kita hendak bagi *direct nego* kepada orang yang kalah. Itu pertama.

Satu perkara lagi. Kalau tender dah kalah macam mana orang itu boleh dipilih semula *direct nego*? Di mana perginya GIACC yang hendak memperjuangkan integriti, ketulusan anti rasuah di bawah Tan Sri Abu Kassim?

■1220

Satu lagi perkara lebih besar, isu yang lebih besar hasil rentetan daripada pembatalan pemilihan syarikat yang saya sebutkan sebentar tadi. Tadi satu, kapur tidak besar RM52 juta. Yang satu lagi RM1.4 bilion, ini besar. Terdapat satu surat, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kena jujur dan amanah, konon dia pun daripada parti AMANAH. Adakah beliau akan nafikan satu surat telah dikeluarkan oleh beliau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertarikh 7 November 2019 iaitu ketika kita berkempen di Tanjong Piai untuk memohon melantik secara terus bagi pembekalan import pertanian sektor padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan, NAFAS bagi tempoh tiga tahun iaitu 2020 hingga 2022 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion dan daripada jumlah peruntukan yang diperakukan untuk subsidi dan insentif sub sektor padi dan beras untuk tahun 2020 iaitu RM1.55 bilion.

Kalau hendak cabar, saya pastikan ada kontraktor akan bongkarkan semua dokumen. Jadi, sebelum nafi fikir baik-baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta Yang Berhormat Menteri datang jawab kerana dia yang buat surat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Persoalannya kenapa mahu melibatkan campur tangan Perdana Menteri berhubung dengan perkara ini. Adakah Yang Berhormat Menteri tidak mempercayai keputusan yang telah dipersetujui oleh lembaga perolehan kementerian sendiri. Itu satu masalah besar. Kenapa kita buat tender terbuka, kita sudah maklumkan pada satu dunia kita akan buat tender terbuka. Tiba-tiba orang itu kalah, Yang Berhormat Menteri senang saja tengok ini, tidak ada nama kawan saya, terus dia bagi kepada orang lain. Jadi persoalannya saya hendak tanya kenapa libatkan Perdana Menteri.

Kedua, bukankah Kerajaan Pakatan Harapan dulu beria-ia mahukan semuanya dibuat secara rundingan tender terbuka tetapi kenapa bila sudah berkuasa, dia minta pula secara rundingan terus, *direct nego*. Di mana perginya prinsip perjuangan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjelaskan perkara ini.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ketiga, nanti saya bagi, kejap ya. Kalaupun kementerian hendak melakukan pemilihan secara rundingan terus, kononnya faktor keselamatan, seperti mana yang pernah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini, lima syarat. Akan tetapi persoalannya mengapa tidak dilakukan sejak dari awal proses tersebut. Belum tahu kalah masa itu dan sudah kalah baru kita gunakan *direct nego*. Mengapa menganiaya syarikat-syarikat yang telah terlebih dahulu memohon tender dan membatalkan pemilihan mereka selepas dipersetujui lembaga perolehan kementerian dan seterusnya menganugerahkan kepada NAFAS secara rundingan terus. Itu persoalannya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Keempat, adakah penganugerahan kontrak bernilai RM1.4 bilion kepada NAFAS ini ada kaitan dengan pimpinan NAFAS yang mana kalau kita lihat, kita sudah tahu siapa dia. Kita sedia maklum ahli jemaah Pengarah NAFAS itu sendiri terdiri daripada pimpinan parti politik khususnya Parti Amanah Negara. Bukan seorang, ramai lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boleh sebut tidak siapa dia Ahli Lembaga Pengarah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kejap. Akan tetapi ramai lagi pimpinan politik berada dalam NAFAS atas lantikan politik. Adakah ini bentuk kronisme yang sedang diamalkan oleh Malaysia baharu

Seorang Ahli: Boleh bagi tahu.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Satu lagi, saya akan bongkar. Sekejap ya. Kelima, saya hendak minta kementerian menyatakan, oleh kerana ini ada soal kepentingan, okey. Jumlah tempatan bilik hotel di Pontian yang direkodkan atas nama NAFAS sepanjang tempoh berkempen PRK Tanjung Piai baru-baru ini, kerana setiap orang pergi hotel, dia kata NAFAS sudah *booked*. Saya tidak tahulah. Apabila saya terfikir, sudah dapat kontrak, apakah ini sebagai satu cara untuk membantu. Kebetulan orang yang duduk situ semua pakai baju oren. Itu yang saya hendak minta supaya ianya, tadi Yang Berhormat Pendang ada minta. Saya bagi laluan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ayer Hitam. Tadi, bila *time* saya hendak balik kepada tender tadi, bila disebut tender terbuka, yang inilah yang dilaung-laungkan oleh Pakatan Harapan sebelum ini supaya akan buat tender terbuka. Akan tetapi bila tidak ada dalam senarai, diberi pula *direct award*. Adakah ini kroni, yang pertama. Yang kedua adakah mereka hendak mengheret Perdana Menteri untuk mengesahkan perkara-perkara yang dikatakan terlibat dengan rasuah ini, yang dikatakan menjurus kepada rasuah. Yang ketiganya apakah reformasi yang dilaungkan oleh, ini sebagai halwa telinga. Yang keempat kenapa Lembaga Pengarah ramai orang politik. Sila sebut nama boleh tidak?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Sik minta sikit, sikit. Yang Berhormat Ayer Hitam adakah Yang Berhormat juga menyedari pendedahan ini mungkin juga ada kaitan atau perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri soal harga ataupun harga benih padi yang masih belum selesai, yang hendak diagih kepada para petani. Di Kedah, sehingga sekarang saya berjumpa dengan para petani minggu lepas, 50 peratus petani belum dapat benih subsidi ya dan harga di pasaran melambung sekarang daripada RM28 hingga RM50. Jadi adakah ada kaitan dengan apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih atas pencelahan dua wakil rakyat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap saya jawab dulu. Masukkan apa yang telah diucapkan daripada mereka sebelum saya jawab. Akan tetapi masukkan dalam sebahagian ucapan saya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kedua, memang, ini satu bentuk kronisme. Kenapa.....

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...saya kata begitu, tender terbuka orang sudah kalah akhirnya jalan pintu belakang, terus dapat tender. Apa namanya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Ayer Hitam kenyataan ini menyebabkan NAFAS sudah tidak bernafas tahu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tidak tahu. Malaysia baharu sepatutnya bagi nafas baharu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sudah lemaslah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Akan tetapi, lantikan Yang Berhormat Datuk Haji Fakhru Radzi Mohd Zawawi, Timbalan Pengerusi Amanah Kedah, kemudian ada lagi Pengerusi Amanah negeri Perlis Yang Berusaha Encik Wan Khairizal, kemudian ada calon ADUN Ampang Putra Kelantan, Encik Hishamuddin Ghazali, kemudian ada pula seorang Yang Berhormat Senator, Dr. Yacob, PKR Shah Alam, ADUN Mahkota Kluang, Johor iaitu Tuan Mohd Syed Junid daripada Amanah. Hei, kalau inilah caranya, saya hendak tahu....

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya kasihan kepada Yang Amat..

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya kasihan dengan Yang Amat Berhormat, saya bagi nanti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak tahu, apakah justifikasi Perdana Menteri untuk membenarkan Yang Berhormat Menteri buat begitu. Kalau Perdana Menteri sudah tahu NAFAS kalah dalam tender...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Pontian hendak tanya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak akan Perdana Menteri hendak bersekongkol. Sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri datang jawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh. Tidak adil, dia tidak tahu. Minta Yang Berhormat Menteri datang jawab depan kita. Saya tunggu pukul 4.00 nanti.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Itu yang kita hendak buat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Setujukah Yang Berhormat Ayer Hitam ini adalah skandal terbesar bulan ini PH. Bulan ini skandal terbesar, bulan-bulan yang lain memang banyak lagilah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: RM1.4 bilion.

Tuan Pengerusi: Habis masa.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ini adalah angka yang sangat besar untuk membantu petani. Ini berdosa kalau ianya diselewengkan. Jadi saya minta kerajaan baharu sudah kalah, ambil iktibar daripada majoriti 15,086. Itu adalah satu isyarat yang cukup penting dan kita kena, Yang Berhormat Pasir Gudang, saya bagi kali ini kalau sokong. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam ini sangat serius, menjejaskan integriti kerajaan Pakatan Harapan.

Beberapa Ahli: *[Dewan riuh]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya sebagai ahli Parlimen Pakatan Harapan, kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini, saya minta beliau jawab perkara ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, betul itu Yang Berhormat Pasir Gudang, betul.

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Itu yang terbaik.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi: Masa sudah habis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebab itu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ayer Hitam, masa sudah habis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebab itu saya kata antara kita tidak sepatutnya tidak sepatutnya berbalah. Atas kepentingan rakyat kita boleh perjuangkan sama-sama. Jadi kita memperjuangkan agar Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani datang pukul 4.00, kita sedia menunggu ya. Kita itu adalah satu tanggungjawab Yang Berhormat Menteri, jangan hantar Yang Berhormat Timbalan Menteri, kasihan. Sebab yang tulis surat pada 7 November adalah Yang Berhormat Menteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan minit itu saya hendak tahu apa yang Perdana Menteri tulis kerana kenalah secara terbuka, ketelusan. GIACC ditubuhkan untuk integriti.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: *Don't worry* ada jawapan dia, jangan takut, ada jawapan.

Tuan Pengerusi: Sudah habis masa. Kita harus menepati masa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya pun bersetuju.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]: Ada yang beritahu rahsia ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak tahu cerita. Terima kasih. Saya hendak mengesahkan apa yang Yang Berhormat Ayer Hitam cakap mengenai sewa hotel. Ini dia sewa 38 buah bilik mulai 15 Oktober sehingga 15 November, Hotel Wan Loong di Pontian untuk 38 bilik dan sudah pergi sendiri tengok, ditempatkan yang duduk itu semuanya pegawai-pegawai LPP yang dilantik daripada parti Amanah. Jadi yang ini Yang Berhormat Menteri kena jawab. Hendak minta Yang Berhormat Menteri datang untuk jawab.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya kata, saya tidak membuat satu tuduhan semberono. Itu memang ada bukti. Kalau Yang Berhormat Menteri cabar saya tunjukkan bukti, ramai lagi akan bersama-sama dengan saya bongkarkan apa yang berlaku. Kita hendak Dewan ini serius. Kalau tidak mahu jadi kerajaan satu penggal, ambillah iktibar daripada pengajaran ini. Ini tidak boleh, sudah kalah minta Yang Berhormat Menteri. Kalau macam itu semua Yang Berhormat Menteri tengok senarai orang saya tidak ada, terus saya buat *direct nego*. Tidak payah ada Lembaga Tender. Terus jumpa Perdana Menteri, rayu kepada Tok, bagi tandatangan, itu sahaja. Tidak perlu ada satu sistem yang mana kita mengupayakan penjawat awam. Apa sudah jadi Malaysia baharu.

■1230

Tuan Pengerusi, saya tahu kalau saya hendak berucap, banyak lagi akan tetapi sekadar itu kalau Yang Berhormat Menteri boleh datang menjawab banyak lagi pendedahan yang saya boleh bagi supaya fahamkan pada Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang dan rakan-rakan yang belakang. Kita pejuang bersama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sekarang saya menjemput oleh sebab saya sudah panggil tadi Yang Berhormat Pengerang, silakan.

12.30 tgh.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih saya merujuk terus kepada Butiran 020700, Butiran 020500. Di kawasan Parlimen Pengerang, terdapat sepuluh kampung nelayan majoriti pada mereka mengalami kesukaran ini disebabkan oleh Projek RAPID Pengerang yang dilaksanakan oleh Group Dialog dan RAPID Petronas. Terdapat beberapa orang nelayan tempatan telah ditangkap oleh kerana kawasan penangkapan ikan telah dikecilkan oleh Projek RAPID Dialog dan RAPID Petronas.

Jadi soalan saya pada Yang Berhormat Menteri apakah dasar-dasar baharu yang akan dirangka oleh kementerian untuk membantu meningkatkan pendapatan para nelayan khususnya di kawasan Parlimen Pengerang yang terjejas teruk akibat pemindahan daripada kawasan tangkapan yang semakin kecil?

Kompleks baharu nelayan telah diwujudkan oleh LKIM pada 2 tahun lepas kira-kira jumlah kosnya RM41 juta di Sungai Musuh Pengerang, kompleks perikanan ini memiliki pelbagai

kemudahan untuk membantu dan memudahkan urusan nelayan dan terdapat beberapa kajian dan penyelidikan yang menjadikan kawasan nelayan Pengerang sebagai hab pengumpulan ikan dan pusat makanan laut.

Seterusnya soalan saya yang kedua pada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah kerajaan untuk memperkasa koperasi nelayan dan menggalakkan para nelayan untuk melibatkan diri agar golongan ini memperoleh pelbagai manfaat hasil aktiviti koperasi yang ditubuhkan jika ditubuhkan.

Ketiga, saya adalah Butiran 041000 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan saya dan di sini saya hendak tambah berkenaan dengan masalah pemutihan yang mana Yang Berhormat sendiri berkata bahawa persatuan nelayan yang memberikan nama, jadi saya timbulkan lagi soalan bahawa adakah mereka diberikan nama bersama sebab kenapa mereka tidak dapat disambungkan sebagai penerima kepada elaun sara hidup nelayan.

Soalan saya seterusnya kepada Yang Berhormat Menteri kerajaan berhasrat untuk memberi peluang kepada nelayan yang dikeluarkan untuk merayu menerima bantuan ataupun bentuk subsidi lain, kemungkinan tidak mendapat elaun sara hidup akan tetapi mereka boleh diberikan peluang yang lain dalam bentuk bantuan itu juga daripada kerajaan.

Saya merujuk kepada Butiran keempat 020600 Tuan Pengerusi ini, berkenaan dengan MAQIS. Ini berkenaan dengan pengimportan 40 persen. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri 44 persen pada rakyat Malaysia, banyak yang suka dan memelihara kucing dalam negara kita dan kalau kita tengok dalam negara kita, import kucing termasuknya kucing import pada tangga yang ke-6. Jadi di sini regulasinya ialah tujuh hari dia punya tempoh kuarantin ya.

Jadi, soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, adakah usaha daripada kerajaan untuk memendekkan masa kuarantin? Kadang-kadang kucing yang dikuarantin ini bercampur dengan kucing-kucing asing daripada luar negara. Contohnya Persian Cat ke Oxy Cat ke dia bercampur dia tidak berbeza jadi dalam aspek pada tanggungjawab MAQIS berkenaan dengan isu import kepada kucing-kucing antarabangsa.

Kemudian soalan saya pada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apa yang disebutkan pendekatan di mana banyak orang katakan bahawa generasi muda boleh melibatkan diri dalam ekonomi penggalakan dalam terlibat sebagai contohnya yang berlaku di luar negara banyaknya ada hotel-hotel binatang ya. Orang tidak dapat letak dekat rumah dia, orang letak dekat hotel. Saya tidak tahulah di Malaysia Airlines saya dimaklumkan binatang yang dibawa kata anjing kah kucing kah apa-apa dia tidak boleh masuk dalam kabin ya Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa Air Canada, American Airlines, Delta, Air France sebagai contoh, kucing-kucing ataupun anjing boleh duduk dalam kabin penumpang. Maknanya dia beli satu kerusi.

Jadi adakah kerajaan- kementerian akan mewujudkan satu penggalakan terutamanya sekali dalam aspek-aspek apa kata orang? Kuarantin ataupun aspek-aspek kesihatan. Di negara Eropah, mereka boleh. Akan tetapi di negara kita saya tidak tahu sama ada Malaysia Airlines kah

AirAsia oleh sebab AirAsia kata 'everyone can fly'. Saya tidak tahu 'everyone can fly' itu termasuk binatang ataupun hanya manusia. Jadi, itu mungkin kementerian boleh mengkaji.

Kemudian Butiran kelima ialah 030000 dan juga Butiran seterusnya 030300. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapakah berlakunya penurunan peruntukan untuk industri hidro makanan dengan keusahawanan tani? Tahun 2019 sebanyak RM262.66 juta menurun kepada RM244.88 juta, pengurangan sebanyak 17.8 juta. Peruntukan untuk butiran ini tidak seharusnya dikurangkan. Kadar sara hidup SSL adalah rendah bagi makanan asas seperti beras, 70 peratus daging lembu 28 peratus, daging kambing 10 peratus susu, susu 5 peratus, buah-buahan, 66 peratus dan sayur-sayuran sebanyak 39 peratus.

Malah kini Malaysia menjadi pengimport bersih makanan dengan defisit imbalan dagangan BOT yang meningkatkan dari tahun ke tahun. Salah satu punca produktiviti pertanian yang rendah di Malaysia adalah kurang penggunaan teknologi dalam sistem pertanian. Adakah galakan, soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, adakah galakan dan insentif yang akan diberikan oleh kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dan penyelidikan dalam teknologi sistem pertanian seperti teknologi internet dan dengan izin nano teknologi.

Selain itu bagi menambah kecekapan dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan pengeluaran makanan, sektor pertanian perlu diusahakan secara komersial dengan mengamalkan pengurusan perniagaan dan teknologi pertanian. Negara memerlukan ramai usahawan-usahawan tani bagi menjamin kecukupan bekalan makanan dan boleh mengamalkan pengeluaran makanan secara komersial dan teknologi tinggi.

Di Parlimen Pengerang sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, ramai anak-anak muda yang menceburi bidang usahawan tani seperti usahawan di cili fertigasi, usahawan serai dan macam-macam lagi. Namun mereka menghadapi kekangan yang begitu besar seperti kekurangan modal dan ketiadaan tanah atau tempat yang sesuai untuk mengusahakan tanaman secara komersial di samping masih menggunakan cara tradisional.

Apakah usaha kerajaan Yang Berhormat Menteri, untuk membantu usahawan-usahawan tani di Malaysia khususnya di kawasan Parlimen Pengerang untuk menggalakkan mereka mengusahakan perniagaan mereka secara komersial? Adakah program-program yang akan diadakan untuk memberi pendedahan kepada usahawan-usahawan tani, terutama golongan muda dengan penggunaan teknologi dan juga pertanian?

Apakah langkah terkini yang sedang dijalankan oleh kerajaan, dalam usaha mewujudkan sebuah universiti pertanian di negara kita dan apakah status terkini perbincangan yang dilakukan oleh kerajaan bersama Universiti Putra Malaysia untuk mengembalikan fungsi universiti tersebut sebagai sebuah universiti pertanian? Dengan itu Tuan Pengerusi, saya membahaskan dalam Jawatankuasa, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa, silakan.

12.37 tgh.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk laluan berbahas tentang Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Kementerian sasar tahap sara diri beras ialah 77 peratus pada tahun 2020. Peningkatan 50.5 mata peratusan berbanding tahun 2018. Namun sasaran purata pengeluaran hasil padi tahun 2020 hanya 4.5 tan metrik per hektar berbanding 4.4 tan metrik per hektar pada tahun 2018. Peningkatan pengeluaran yang marginal tidak mampu untuk mencapai tahap sara diri beras 77 peratus atau 80 peratus pada tahun 2020.

Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai beberapa data iaitu:

- (i) berapa juta tan metrik beras tahun perlu dihasilkan untuk anggaran populasi seramai 30 juta pada tahun 2020;
- (ii) berapa kilogram beras per kapita pada tahun 2018 dan unjuran tahun 2020;
- (iii) berapa kecekapan pemprosesan padi kepada beras tahun; dan
- (iv) berapa keluasan tanah bertanam padi pada tahun 2018.

Data-data yang diminta ini sangat penting sebelum kita membuat pilihan sama ada perlu untuk membuka lebih banyak kawasan penanaman padi yang mungkin menjangkau sehingga 4,000 hektar atau terpaksa terus bergantung kepada 30 peratus beras import dan menjadi *net importer*. Kita juga berhadapan dengan beberapa ancaman baharu seperti perubahan iklim, kelemahan mata wang dan permintaan global yang semakin tinggi.

Kemudian Butiran 020300 – Pertanian. Saya dapati tiada dalam *outcome* kementerian dinyatakan secara jelas mengenai sekuriti makanan negara. Tiada juga *outcome* atau indikator untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam *Global Food Security Index* yang kini berada pada aras yang ke-40 daripada 113 buah negara pada tahun 2018.

Oleh itu saya minta pihak kementerian memperincikan usaha serta sasaran tahun 2020 yang akan dicapai dalam indeks ini.

■ 1240

Salah satu misi kementerian adalah untuk menjadi Malaysia sebagai pengeluar utama makanan dunia, walhal kita sangat bergantung kepada import makanan. Bilangan import makanan Malaysia telah mencecah RM20 bilion pada tahun 2018. Sebarang ketidaktentuan global pasti menjejaskan makanan rakyat. Semua makanan asas berada pada kadar sara diri yang sangat rendah. Sebagai contoh daging lembu 28 peratus, daging kambing 10 peratus dan tenusu 5 peratus. Oleh sebab itu, saya berpendapat agar sekuriti makanan negara menjadi misi nasional dan perusahaan sosial dan bukan bermotifkan 100 peratus keuntungan.

Stok bagi makanan ruji negara hanya mampu bertahan selama 45 hari sahaja. Saya juga mahu mendapatkan penjelasan, adakah kementerian telah membuat kajian mengenai dasar guna tanah bagi memastikan tanah pertanian mencukupi untuk pengeluaran makanan, dan tidak bergantung kepada import.

Kemudian Butiran 00203 - Agro Bank. Saya mengucapkan tahniah kepada Agro Bank atas sambutan Jubli Emas ulang tahun ke-50. Saya mengharapkan agar Agro Bank akan membantu sektor pertanian dan menawarkan perkhidmatan kewangan terbaik merangkumi semua aspek kepada komuniti petani. Walau bagaimanapun, saya bimbang dengan prestasi semasa subsektor pertanian kepada KDNK, yang masa depan para petani dan juga penternak. Berdasarkan kepada laporan *Financial Stability Review*, separuh pertama tahun 2019 bank dijangka berhadapan dengan pertumbuhan pinjaman dengan pembiayaan yang semakin perlahan pada tahun ini.

Faktor utama adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang semakin lemah khususnya dalam sektor *agriculture* dan juga perkembangan ekonomi digital. Lanjutan itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, sejauh mana perkembangan nasional ini mempengaruhi prestasi Agro Bank? Bagaimana prestasi semasa Agro Bank? Adakah Agro Bank berhadapan dengan risiko kredit yang tinggi terutama dalam kalangan petani? Selain itu, adakah Agro Bank turut menawarkan produk takaful sekiranya hasil pertanian ini musnah akibat bencana?

Kemudian Butiran 00300 - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan adalah yang berkaitan dengan orang tengah.

Pada awalnya, Yang Berhormat Menteri mahu menghapuskan isu orang tengah kemudian beliau mendakwa pihak MARDI telah menjalankan penyelidikan dan mendapat orang tengah sukar untuk dihapuskan. Akhirnya, Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melesenkan orang tengah. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan laporan penyelidikan MARDI mengenai isu orang tengah tersebut serta keputusan terbaharu kementerian berhubung dengan pelesenan orang tengah.

Kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung dengan teknologi baharu yang diperkenalkan oleh MARDI untuk menghasilkan tanaman yang berkualiti walaupun dengan menggunakan tanah yang terhad, atau diistilahkan sebagai kilang tanaman.

Saya difahamkan teknologi ini mampu meningkatkan produktiviti sebanyak empat kali ganda berbanding kaedah konvensional. Berapakah jumlah pelaburan empat kali ganda berbanding konvensional? Berapakah jumlah pelaburan yang diperlukan untuk projek rintis pertama? Adakah ia sesuai dijalankan di kawasan bandar, atau semua jenis tanaman? Sejauh mana ia mampu menggalakkan lebih ramai *agropreneur* muda untuk meningkatkan pendapatan mereka?

Tuan Pengerusi, itu sahaja saya ingin sebutkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Selepas ini Yang Berhormat Sabak Bernam, diikuti Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Sibuti...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, Papar?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan hendak juga Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Kesian Papar.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan.

Tuan Pengerusi: Saya ikut senarai yang diberikan kepada saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tampin dahululah, dalam senarai ini.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar jangan lupa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sabak Bernam mana, tiada?

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sabak Bernam dahulu, silakan.

12.44 tgh.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kebenaran untuk saya membahaskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 02000 – Bekalan Makanan Negara. Khususnya Butiran 020200 - Pengairan dan Saliran Pertanian, yang mendapatkan peruntukkan sebanyak RM11,481,600 juta.

Berhubung dengan Pengairan dan Saliran Pertanian ini, saya ingin memaklumkan kepada kerajaan berhubung dengan keperluan untuk membaik pulih palung-palung sedia ada, dan seterusnya membina palung yang lebih berkualiti di kawasan sawah padi. Ini kerana, kebanyakan palung ini dalam keadaan rosak dan kurang diselenggarakan yang menyebabkan sistem pengairan terjejas di sawah padi khususnya di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Kerana ini memberi kesan kepada pengeluaran padi kepada dari segi kuantiti dan kualiti. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi menaikkan taraf palung-palung sedia ada dan ini bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi pesawah-pesawah ini.

Di samping itu, baru-baru ini berlaku banjir di kawasan Sabak Bernam, saya mengharapkan mereka yang terlibat diberi sedikit peruntukkan dan data telah dihantar kepada kementerian dan Jabatan Pertanian Daerah.

Berhubung dengan bekalan makanan negara, saya ingin juga menyentuh inisiatif kerajaan terhadap golongan kecil kelapa. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil kepala? Dan adakah kerajaan bercadang menyediakan benih kelapa bermutu seperti 'careca' dan 'matag' bagi menggantikan pokok kelapa yang telah lama dan kurang pengeluarannya.

Tuan Pengerusi, kedua berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin menyentuh Butiran 03000 - Industri Agromakanan dan Keusahawanan Tani, khususnya Butiran 030100 - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM171,570,000 juta bagi bajet tahun 2020.

Langkah kerajaan ini mampu memperkasakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini supaya dapat berkembang dengan baik. Saya ingin beri cadangan agar kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mewujudkan pusat aktiviti setempat berasaskan pertanian seperti integrasi kelapa dan ternakan ayam, lembu dan kambing di kawasan kelapa dan kelapa sawit.

Saya juga ingin mencadangkan agar aktiviti pertanian diperkasakan dan diberikan nafas baharu serta nilai tambah dengan memfokuskan kepada pembangunan pertanian setempat antaranya, saya ingin menyarankan agar kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memartabatkan semula Daerah Sabak Bernam sebagai daerah utama pengeluaran kelapa.

Sehubungan dengan ini saya mencadangkan kerajaan: yang pertama, menjadikan Sabak Bernam sebagai pusat nurseri benih kepala; yang kedua, menaik taraf dan membaik pulih sistem pengairan dan jalan ladang di kebun kelapa; yang ketiga, mewujudkan pusat penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D berkaitan kelapa; dan keempat, mewujudkan IKS berdasarkan kelapa.

Bagi pembangunan pertanian dan industri asas tani ini, saya juga ingin mencadangkan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mewujudkan sekurang-kurangnya satu zon aktiviti ekonomi berdasarkan kesesuaian sumber tempatan, antaranya saya ingin mencadangkan diwujudkan: yang pertama, zon akuakultur di kawasan persisiran sungai dan pantai; yang kedua, zon ternakan ayam dan unggas, yang ketiga, zon ternakan lembu dan kambing; dan yang keempat, zon IKS- terutama makanan berasaskan pertanian, penternakan.

Berhubungan dengan pertanian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk pihak kerajaan hari ini supaya meningkatkan kemudahan prasarana dan infrastruktur pertanian di seluruh negara bagi meningkatkan pengeluaran pertanian yang lebih baik bagi bekalan makanan negara dan sekali gus meningkatkan pendapatan petani, pesawah, dan pekebun kelapa yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Yang terakhir sekali, baru-baru ini Parlimen Sabak Bernam telah terlibat dengan bencana ribut Lekima dan melibatkan petani penanam pisang. Terdapat 35 orang petani yang terlibat dan hampir 25 hektar dengan kos kerugian sebanyak RM920 ribu. Saya berharap kerajaan dapat memberi sedikit bantuan kepada mereka yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin, selepas itu Yang Berhormat Batang Lupar, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Kangar dan seterusnya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Silakan.

■1250

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya secara seterusnya merujuk kepada Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Di mana kita sebagai

rakyat Malaysia ataupun rakyat di negara ini beras ataupun nasi adalah makanan ruji tempatan ataupun makanan asas kepada masyarakat. Persoalan saya, apakah tanaman padi yang ada di negara ini mencukupi dan sekiranya tidak mencukupi, bagaimana kementerian untuk meningkatkan pengeluaran beras ataupun padi di negara ini? Apakah perkara-perkara yang akan dilaksanakan dan bagaimana ia hendak dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran beras negara?

Apakah masih berlaku peruntukan yang diberikan kepada petani-petani ataupun penanam-penanam padi yang tidak sampai kepada mereka? Bagaimana kementerian menangani persoalan ini sekiranya peruntukan-peruntukan diberikan kepada petani itu tidak sampai? Bagaimana kementerian untuk mengatasi ataupun menyelesaikan persoalan-persoalan yang tersebut? Apakah insentif-insentif baru yang akan dilakukan oleh kementerian untuk petani bagi meningkatkan pendapatan mereka sekiranya penanam-penanam padi berhadapan dengan masalah-masalah yang berlaku dan tidak dijangka.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 020500 iaitu Perikanan. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, di mana perairan Malaysia ini mempunyai – boleh menaik ataupun mendapatkan ikan sejumlah 1.8 juta tan ikan dengan nilai semasa sebanyak RM18 bilion dan juga mengatakan bahawa ikan itu mencukupi untuk penduduk di negara ini.

Namun apa yang berlaku, kita masih lagi mengimport ikan daripada negara luar. Persoalan saya, apakah perkara-perkara yang telah dan akan dilakukan oleh kementerian dalam memastikan penangkapan ikan di negara ini dapat dipertingkatkan dan kita tidak lagi bergantung kepada negara-negara luar dalam persoalan pemakanan di negara kita ini. Bagaimana kementerian melibatkan generasi muda untuk terlibat di dalam penangkapan ikan sama ada di kategori 'A', kategori 'B' atau kategori 'C' supaya penangkap ataupun nelayan-nelayan di negara ini yang kita lihat sudah ke tahap yang sepatutnya pencen untuk menangkap ikan diambil alih oleh generasi muda.

Perkara ketiga yang saya hendak sentuh ialah Butiran 021100 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Di mana kita dapati MARDI telah melancarkan Pelan Strategik Korporat 2021-2030. Antara perkara yang menjadi fokus kepada MARDI ini ialah untuk meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan melalui inovasi. Persoalan saya, sejauh mana guna pakai penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan oleh MARDI selama ini dalam meningkatkan produktiviti pertanian di negara ini.

Apakah institusi-institusi yang terlibat di dalam penyelidikan yang dilakukan oleh MARDI ataupun individu-individu yang terlibat di dalam penyelidikan yang bekerjasama dengan MARDI itu betul-betul pakar di dalam melaksanakan penyelidikan yang hendak dilakukan berhubung kait dengan pertanian.

Perkara keempat yang saya hendak sebut ialah Butiran 26400 – Peningkatan Produktiviti dan Pemuliharaan Ekosistem. Kita dapati peningkatan dalam peruntukan yang dikemukakan dalam Belanjawan 2020 bagi mengetengahkan transformasi pertanian di Malaysia. Saya ingin

bertanya, adakah peruntukan ini cukup untuk meningkatkan produktiviti pertanian di negara kita yang kurang memuaskan. Menurut laporan Bank Dunia mengenai transformasi pertanian dan pertumbuhan inklusif Malaysia di mana produktiviti sektor pertanian Malaysia 45 peratus daripada purata dalam kalangan negara berpendapatan tinggi.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan yang diberikan atas butiran ini perlulah ditambah dan digunakan secara profesional dan efisien bagi menjayakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan ataupun yang akan dilaksanakan. Dalam kepelbagaian pertanian untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tanaman tunggal selain daripada melindungi sektor itu daripada kejutan luar. Di samping memodenkan sektor pertanian dalam menangani cabaran baru. Antaranya melahirkan peladang pintar, melahirkan petani ataupun peladang yang menggunakan teknologi baru selaras dengan Revolusi Industri Keempat seperti kecerdasan buatan, automasi analitis data raya, *drone*, robotik ataupun sebagainya.

Perkara yang saya hendak sentuh ialah Butiran 23300 – Pengurusan dan Pemuliharaan Ikan di mana peruntukan yang telah dikurangkan berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu tahun 2019. Peruntukan ini perlulah dipertimbangkan semula oleh kerajaan kerana pengurusan dan pemuliharaan ikan amat penting dalam mengatasi masalah penguasaan berlebihan yang menyebabkan berlakunya kepupusan bekalan ikan di Malaysia pada masa sekarang.

Demikian juga dalam soal alat pengurusan ikan yang cekap perlulah direka dan diperkasa penggunaannya untuk menguruskan beberapa aspek perikanan yang berbeza termasuklah komposisi spesies ikan dan juga perkara-perkara yang lain. Di samping pengurusan perikanan berasaskan ekosistem dan hak perlulah ditekankan kepada pengurusan yang telah disediakan.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah Butiran 00901...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Tampin minta laluan sedikit. Berhubung dengan soal pengurusan ikan tadi, boleh?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ya, boleh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, saya berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi, kita dapati sebahagian di antara nelayan kategori 'A', nelayan pukut 'A', lesen 'A' ini sudah tidak diberi lesen selama 34 tahun. Sekarang mereka terpaksa turun juga menangkap ikan sebab mereka tidak ada pilihan. Operasi yang dibuat oleh pihak kementerian mendapati mereka ini ramai yang ditahan kerana tidak ada lesen.

Persoalan saya ialah, apakah Yang Berhormat Tampin setuju bahawa kementerian perlu menyemak semula untuk berikan lesen kepada nelayan kategori 'A' setelah 34 tahun lesen ini tidak dikeluarkan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Masukkan sebahagian ucapan itu dalam ucapan saya. Perkara yang saya hendak sentuh ialah Butiran 00901 iaitu Agropreneur Muda. Ini penting untuk kita melihat supaya generasi muda terlibat secara serius di dalam soal pertanian ataupun perladangan. Soalnya, bagaimanakah pihak kementerian berusaha untuk menarik golongan muda untuk menyertai program tersebut. Terutamanya apabila sektor ini dilihat sebagai

industri yang tidak berdaya maju ataupun tidak berdaya saing berbanding dengan sektor pembuatan mahupun sektor digital yang semakin berleluasa pada masa ini.

Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Masa sekarang adalah tepat pukul 1.00 tengah hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini dan apabila kita bersidang semula pembahas-pembahas seterusnya akan dihadkan ke lima minit sahaja sebab senarainya semakin panjang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis dalam Jawatankuasa.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Batang Lupar untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul empat petang selama 45 minit. Sila Yang Berhormat Batang Lupar.

2.32 ptg.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara. Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras serta Butiran 020200 – Pengairan dan Saliran Pertanian.

Saya hendak mengetahui apakah langkah-langkah secara terperinci yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa semua jelapang padi negara akan mencapai SSL 80 peratus menjelang tahun 2020 iaitu tahun hadapan? Sekarang SSL adalah dalam lingkungan 70 peratus dan ada juga yang hanya dalam lingkungan 30 peratus. Ada juga seperti jelapang padi Batang Lupar, belum lagi nampak apa-apa pencapaian dalam pelaksanaan walaupun telah bermula semenjak tahun 2014. Ini telah menimbulkan banyak keraguan bagi pesawah-pesawah dalam kawasan terbabit sebesar 5,100 hektar yang meliputi kawasan Stumbin, Bijat, Gran dan Tulang, Seduku, Lingga dan Banting.

Berkaitan dengan hasrat untuk meningkatkan SSL kepada 80 peratus, adalah sangat dialu-alukan untuk memastikan bekalan makanan yang cukup dan selamat, khususnya bekalan

padi dan beras negara. Oleh yang demikian, saya hendak mendapatkan perincian daripada kementerian bagi memastikan semua jelapang padi di Malaysia adalah di dalam keadaan yang produktif dengan pengeluaran yang boleh mencapai SSL 80 peratus. Berkaitan rapat dengan produktiviti, saya ingin menyentuh mengenai pengairan dan saliran dalam negara, khususnya kuantum peruntukan operasi dan penyelenggaraan untuk memastikan kawasan-kawasan skim pertanian yang sedia ada di Sarawak yang berjumlah 84 buah skim yang meliputi kawasan sebanyak 91,601 hektar tidak termasuk kawasan di luar jelapang.

Purata kos ONM adalah dalam purata RM130 sehektar dan memang amaun ini tidak mencukupi dan tidak akan dapat menyelenggarakan kawasan-kawasan ini dengan cara berkesan. Kawasan-kawasan ini dahulunya memang produktif tetapi sekarang telah tidak dapat mengeluarkan hasil disebabkan telah terhakis dan dimasuki air masin. Dengan peruntukan penyelenggaraan yang tidak mencukupi, telah menyebabkan kawasan ini terbiar dan membazir dan kawasan sebegini luas untuk dijadikan sebenarnya berpotensi untuk pengeluaran makanan negara.

Saya sekarang menyentuh Butiran 040000 – Program Khusus. Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah. Saya hendak bertanya dengan perkembangan kilang benih padi sah yang ada di IADA Batang Lupar yang tergendala dan tidak mengeluarkan benih padi dan macam projek ini telah tergendala. Saya hendak mengetahui apakah yang akan dijalankan oleh kementerian untuk memastikan bahawa kilang benih padi sah ini berhasil dan boleh mengeluarkan benih padi sah bagi menjayakan jelapang padi Batang Lupar?

Bagi Butiran 040700 – Insentif Hasil Tangkapan Nelayan. Saya hendak tahu, apakah insentif-insentif yang akan dilaksanakan untuk menyejahterakan nelayan-nelayan, khususnya yang ada di Batang Lupar? Mengenai Butiran 01940 – IADA Batang Lupar. Apakah perkembangan yang terkini, khususnya untuk merealisasikan jelapang padi Batang Lupar akan mengeluarkan hasil menjelang tahun 2020?

Menyentuh Butiran 00400 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Saya ingin mendapatkan penjelasan serta perancangan lembaga ini untuk membimbing dan memberi insentif serta bantuan kepada semua penanam nanas yang ada di Sarawak dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran nanas untuk tujuan eksport dan bukan hanya tujuan bekalan untuk negara. Apakah program-program yang akan diadakan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran nanas, meningkatkan eksport dan menambah *agropreneur* berpendapatan tinggi?

Butiran 04800 – Pembangunan Industri Kelapa. Saya ingin hendak mengetahui apakah program-program untuk kita menambahkan pengeluaran kelapa dalam negara? Di bawah Butiran 12500 – Pembangunan Industri Tanaman Makanan. Adakah ini termasuk tanaman kekal pengeluaran makanan? Apakah perancangan di bawah butiran ini dan bagaimana membuat kerjasama dengan kerajaan negeri? Oleh sebab di Sarawak ada program yang dinamakan Agro Park yang boleh digunakan untuk tujuan yang tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Hulu Selangor. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

2.38 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri— tidak ada? Saya terus pergi kepada Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Oleh sebab populasi rakyat Malaysia meningkat saban tahun, permintaan beras dalam negara juga meningkat. Apakah pelan kerajaan untuk menambah bekalan beras melalui galakan tanaman padi di negeri pengeluar? Kedua, diminta kerajaan berkongsi keputusan hasil kaji selidik padi di agensi penyelidikan kerajaan untuk menambah baik kualiti beras dan padi di Malaysia.

Seterusnya, Butiran 020200 – Pengairan dan Saliran Pertanian. Sebagai negeri pengeluar beras tertinggi di Semenanjung, projek naik taraf sistem pengairan tersiar sangat penting untuk petani padi Kedah. Adakah KPA sudah ada pelan *contingency* untuk mengelakkan bekalan air sawah terganggu semasa musim kemarau? Seterusnya, Butiran 030300 – Latihan Kemahiran Pertanian. Kedah merupakan antara negeri pembekal daun ketum di Malaysia. Selepas pindaan Akta Racun 1952, pembekal akan menghadapi masalah untuk menggantikan tanaman itu di tanah mereka.

■1440

Bagaimana kementerian akan bantu beri latihan kepada mereka untuk menanam tanaman alternatif seperti buah-buahan dan sayuran. Seterusnya Tuan Pengerusi, kita harus bela nasib petani di negara kita. Untuk akhiri, jika petani sawah tidak letak tangan dalam selut, bagaimanakah kita hendak letak tangan dalam periuk nasi. Itu sahaja daripada Padang Serai, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai kerana memberi saya gelaran Tan Sri. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

2.40 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara, 020300 – Pertanian, 020500 – Perikanan, 00100 – FAMA, 10710 – Pembangunan Industri Lembu/Kerbau Pedaging.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kementerian melihat bahawa negara kita ini dalam kritikal, dalam soal makanan. Sebab saya juga ingin bertanya, sejauh mana import dan eksport pekerjaan antara *two floor* ini, import kita makanan mentah dan kita eksport. Sebab kita lihat negara kita ini dalam industri pertanian ini, industri makanan kita punya *stockpile* pun tidak tahu ada. Beras berapa *stockpile* yang kita ada, berapa lama ketahanan dia, gula dan sebagainya.

Kalau ada krisis antara negara yang mengimport dan eksport dengan kita seperti di India, China, Thailand dan sebagainya, apa yang akan berlaku kepada negara kita. Sudah tentu kita akan ketandusan dalam bahan makanan seumpama ini. Jadi seharusnya kementerian harus fokus ke arah bagaimana meletak hala tuju industri pertanian kita. Kita lihat *Singapore* ini dia tidak ada pertanian pun tetapi dia beli bahan-bahan pertanian daripada negara kita, daripada Thailand, dia proses, dia kontrol kualiti kemudian dia eksport *made in Singapore*. Pada hal dia mana ada, mana ada rambutan, mana ada durian, mana ada pisang dan sebagainya.

Harga dia pula melambung tinggi. Apabila eksport daripada negara Singapura ke negara Amerika kah, UK berbanding dengan negara Malaysia, harga yang kita eksport tidak ada harga. Akan tetapi daripada Singapura, harga dia melambung tinggi sebab apa, kualiti kontrol dia yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura.

Oleh sebab itu rasa saya kementerian dan Menteri harus fokus ke arah bagaimana meletakkan industri makanan negara ini sebagai keutamaan utama. Cukuplah Menteri berbicara omong kosong cakap sana, cakap sini. Fokus ke arah bagaimana memberi jaminan kepada negara untuk membangun industri pertanian.

Ini kalau kita lihat rakyat di bawah bercakap, pertanian kita tidak berjaya, perikanan kita tidak berjaya, lembu tenusu kita tidak berjaya semua datang daripada negara luar. Jadi bagaimana? Dulu kementerian ini dia kata memerangi orang tengah tetapi sekarang terbalik pula dia *U-turn* memberi lesen kepada orang tengah. Apa ini? Ini yang masalah. Jadi kementerian jawablah daripada memerangi sistem monopoli sekarang diam-diam, hendak menggalakkan pula sistem monopoli. Bila BERNAS ini hendak diberhentikan supaya dia tidak monopolikan *supply* beras di negara kita. Ini penting sebab dulu Menteri dengan rakan-rakan dia bergolek-golek di jalan raya buat bantahan supaya sistem monopoli ini dihapuskan. Sekarang diam-diam. Ada rundingan kah sebab sudah diam-diam, tidak ada lagi bercakap di Dewan Rakyat untuk menghapuskan sistem monopoli ini.

Ini yang saya dulu waktu duduk sana, dalam Barisan Nasional saya cakap, saya tidak setuju dengan sistem monopoli ini sebab kita memperkayakan hanya seorang dua sahaja. Kalau boleh kita bukalah. Kenapa kalau 10 orang jadi jutawan, jadi bilionair jangan satu orang sahaja. Ini tidak boleh, tidak boleh digalakkan.

Oleh sebab itu, pada saya gedung makanan negara harus diwujudkan sebab ini penting. Kita tidak harus bergantung dengan *supply* lembu, *supply* daging mentah daripada Australia, dari Amerika, dari- kita makan daging kerbau busuk daripada India. Tidak boleh. Ini kita galakkan, bagaimana kementerian boleh menggalakkan satu dasar untuk kita mempunyai banyak tanah di negara ini, tanah terbiar dan sebagainya.

Akan tetapi saya tidak tahu Menteri dia buat apa, dia cakap macam-macam tetapi tidak ada hasil satu pun. Tadi pagi rakan saya Yang Berhormat Ayer Hitam telah membangkit beberapa isu. Jadi saya harap perkara ini harap diberi tumpuan dengan sejelasnya. Kalau tidak, rakyat di bawah akan keliru dan tidak akan menaruh kepercayaan kepada kerajaan yang sedia ada ini. Industri makanan ini, industri pertanian ini amat penting untuk seluruh rakyat Malaysia, kita tidak

digalakkan lagi mendapat barang-barang yang tidak baik daripada negara luar. Sebab dalam – satu minit Tuan Pengerusi.

Kita lihat bagaimana hab halal, Malaysia ketinggalan sedangkan kita sebuah negara yang dikatakan sebagai mengamalkan halal hab tetapi yang untung Korea, Jepun, Australia, *Singapore*, kita di tempat berapa dalam produksi halal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Hari ini tidak garang, pakai *bow tie* ada gaya sikit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Alor Setar. Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan sudah jadi orang baik sekarang, 60 tahun punya fasal.

2.46 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuba sentuh beberapa butiran iaitu terus kepada Kepala Bekalan B.21 Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara yang mengalami penurunan peruntukan sebanyak RM79 juta. Butiran 030000 – Industri Agromakanan dan Keusahawanan Tani pula mengalami penurunan sebanyak RM18 juta. Dengan jumlah penurunan yang sangat tinggi ini, bagaimanakah kementerian dapat memastikan Dasar Agromakanan Negara 2.0 dapat diteruskan. Apakah kekangan atau impak terhadap dasar ini hasil daripada penurunan peruntukkan yang amat ketara.

Kedua, Butiran 040300 – Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) 2020 menerima peruntukan sebanyak RM20 juta. Saya menyambut baik usaha ini kerana pastinya pada tahun 2020 sempena Tahun Melawat Malaysia, dengan adanya penganjuran program ini akan merencangkan lagi industri pertanian dan asas tani di negara kita.

Ketiga, Butiran 041000 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat dikekalkan pada tahun hadapan dan dicadangkan agar dipertingkatkan pada masa akan datang. Ini kerana kita sedia maklum rata-rata golongan nelayan ini merupakan golongan B.40. Oleh itu mereka amat bersyukur di atas bantuan tambahan dari kerajaan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Beralih kepada kepala pembangunan P.21. Butiran 00900 – Projek Pertanian Yang Lain. Apakah perancangan kerajaan dalam menjalankan projek menggunakan peruntukan sebanyak RM51 juta ini.

Butiran 00901 – Agropreneur Muda. Terima kasih kerana meneruskan program ini. Saya percaya dengan peruntukan sebanyak RM20 juta di bawah program ini bakal melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan anak muda di negara kita.

Seterusnya Butiran 02000 hingga 41000 peruntukan bagi sektor pertanian sebanyak RM90 juta. Manakala Butiran 94000 – Projek Pemacu Pertanian sebanyak RM205 juta.

Namun dilihat tiada butiran khas menyentuh mengenai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Projek Pertanian Moden (PPM) di seluruh Malaysia. Oleh itu, berapakah TKPM dan PPM yang telah berjaya diusahakan sehingga ke hari ini dan berapa banyak dana

yang telah dibelanjakan keseluruhannya program berbanding hasil pulangan daripada projek tersebut. Apakah projek ini masih diteruskan pada tahun hadapan dan jika ia, berapakah peruntukan akan digunakan untuk tahun 2020.

Saya tidak pasti adakah betul dari hampir 70 projek, namun hanya 20 projek sahaja yang berjaya mengoptimumkan penggunaan tanah bagi penghasilan makanan. Pada tahun hadapan pula peruntukan masih diteruskan. Oleh itu, saya menyeru agar kerajaan segera mengambil tindakan tegas dalam melaksanakan perubahan struktur bagi memastikan tapak-tapak projek ini dapat dikembangkan dan meningkatkan lagi pengeluaran tempatan. Mohon kementerian menjawab apakah langkah drastik mengenai isu TKPM dan PPM ini.

■1450

Selain itu, pertanian juga mengalami masalah tempoh lesen pendudukan sementara iaitu TOL bagi tanah pertanian. TOL mesti diperbaharui dan dalam tempoh TOL yang pendek serta proses kelulusan agak lambat menyebabkan ramai petani berhadapan masalah untuk mendapatkan perkhidmatan dan faedah tertentu seperti pinjaman bank. Para petani juga berhadapan dengan ancaman dituduh atas kesalahan menceroboh tanah kerajaan jika meneruskan tanpa kelulusan. Mohon pihak kementerian merangka satu penyelesaian menyeluruh bagi membela nasib petani di negara kita.

Butiran 10710 hingga 41800, peruntukan bagi sektor perkhidmatan veterinar sebanyak RM37 juta. Saya lihat pihak kementerian banyak memberi fokus kepada penternakan pedaging lembu dan kerbau. Mohon pihak kementerian pertingkatkan juga bantuan dan galakan bagi pengusaha pedaging arnab dan burung puyuh. Kini, pengusaha mula meneroka dua sumber ini dan permintaan juga makin meningkat. Justeru, bantuan harus disegerakan bagi penternakan arnab dan burung puyuh ini juga dapat sama membangun.

Akhir sekali, ini juga saya tidak pasti butiran mana yang sesuai. Akan tetapi saya ingin mencadangkan mengenai sektor agropelancongan dan inap dusun. Peluang ini wajar diterokai dan dibantu oleh kementerian sebagai satu cara untuk memberi pendapatan sampingan buat para petani, penternak mahupun usahawan. Program khusus boleh direncanakan oleh Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Pelancongan bagi memastikan ia berjalan lancar selaras dengan dasar dan garis panduan yang ditetapkan. Secara tidak langsung dengan kerjasama ini bukan sekadar boleh merancakkan industri agromakanan, malah turut menyumbang kepada sektor pelancongan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai. Sila.

2.52 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terlebih dahulu ingin mengalu-alukan kehadiran di dalam Dewan guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak, Parlimen Setiawangsa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Selamat datang ke Dewan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Selain itu juga pelajar daripada Crescendo International College, Johor. *Welcome.*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: *Welcome.* Sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. 020200 – Pengairan dan Saliran Pertanian. Ini bercakap tentang jelapang-jelapang padi di negara kita ini, termasuklah di Parlimen Bagan Serai. Dikatakan *yield* ataupun hasil yang dikeluarkan hari ini makin merosot disebabkan beberapa perkara. Kalau kita lihat antaranya adalah serangga perosak dan juga penyakit-penyakit. Jadi, saya ingin tanya apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Dari aspek pesawah, dari aspek ilmu, dari aspek sikap, dari aspek racun-racun yang digunakan umpamanya. Bagaimanakah bantuan kerajaan kepada usaha-usaha ini?

Keduanya adalah bekalan air ke sistem pengairan sawah padi. Ini penting sebab apa kalau bekalannya tidak tetap, bekalannya tidak konsisten, maka tanamannya juga akan terjejas. Saya ingin bertanya lah tentang bagaimana, tentang cadangan mewujudkan pemindahan air atau *water transfer* daripada hulu Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah untuk memberikan konsistensi kepada pengairan sawah padi di Parlimen Bagan Serai umpamanya. Bagaimanakah tentang kajian-kajian yang dikatakan telah dilakukan? Sampai bila hendak buat kajian ini? Adakah apa-apa perkembangan terkini mengenai cadangan *water transfer* ini? Ingin saya bertanya satu lagi tentang apakah status skim insurans pertanian yang pernah diuar-uarkan dulu?

Tuan Pengerusi, 021100 – MARDI. Jadi, saya ingin bertanya tentang kajian-kajian yang dilakukan untuk mewujudkan *varieties* padi yang dikatakan lebih rintang, lebih tahan lasak, tangkainya panjang, hasilnya kuat, dapat lawan penyakit umpamanya. Dulu kita pernah dengar tentang UKMRC-2 dan UKMRC-8 ataupun *varieties* seperti MARDI Siraj 297, MR303 dan 307. Apakah lagi *varieties* yang bakal diwujudkan dan berapakah dana digunakan untuk perkara ini?

Saya ingin juga tahu tentang respons pesawah-pesawah? Contohnya UKMRC-2, saya dengar telah dikeluarkan. Adakah *varieties* baharu ini lebih mahal dan lebih susah untuk didapati oleh pesawah-pesawah? Apakah respons mereka?

Tuan Pengerusi, Butiran 020400 dan juga P.21, 41700 – Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Semenanjung (DVS). Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang diberikan untuk Lembaga Kebajikan Haiwan? Berapakah peruntukan untuk penguatkuasaan ataupun DVS dan adakah dana penambahan dari segi fasiliti dan keanggotaan? Berapakah penambahan dari segi fasiliti dan keanggotaan memandangkan semakin banyak kes-kes penderaan terhadap haiwan-haiwan kesayangan ini?

Saya juga ingin bertanya adakah inisiatif tambahan. Adakah kerajaan perlu membuat inisiatif tambahan supaya dari segi polisinya menggalakkan haiwan-haiwan kesayangan mendapat tempat dalam masyarakat seperti terapi, terapi haiwan oleh *other* kementerian, Kementerian Kesihatan umpamanya dan juga program pendidikan oleh Kementerian Pendidikan dan lain-lain keperluan yang relevan supaya haiwan-haiwan kesayangan ini mendapat lebih perhatian?

Adakah kerajaan bersedia untuk menggalakkan inovasi dan mewujudkan inisiatif berupa bantuan dan geran daripada usahawan sebagai *start up* untuk program-program tempatan? Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada bahan-bahan import yang lebih mahal. Adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan KPKT, supaya KPKT menetapkan syarat wajib untuk memantau aktiviti-aktiviti penangkapan anjing atau kucing, serta membenarkan pemerhati-pemerhati NGO untuk memantau serta mengikuti aktiviti-aktiviti ini untuk mengelakkan kejadian *mistreatment* dan sebagainya.

Adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan KPKT sekali lagi untuk menambah baik serta membuat peraturan-peraturan mengenai penubuhan *shelters*, membantu dan menasihati pemilik-pemilik *shelter*. Adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan satu *conference*, *conference* yang akan mengumpulkan semua aktiviti dan mereka-mereka yang cintakan haiwan, yang ada haiwan kesayangan ini supaya mereka dapat ilmu, tatacara dan sebagainya untuk mengadakan *shelters* yang baik, untuk penjagaan yang baik.

Satu lagi ialah kita lihat, saya tahu bahawa perbelanjaan untuk menjaga haiwan-haiwan kesayangan ini juga tinggi. Oleh sebab itu lah kita dapat lihat hari ini, nanti wujud penderaan lah, wujud bunuh dengan kejam dan sebagainya. Adakah kerajaan bersedia untuk mengelolakan satu tabung khas seperti Tabung Pahlawan, ini tabung...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Petani.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Haiwan kesayangan. Tabung haiwan kesayangan. Ini tabung kucing, tabung anjing supaya orang-orang yang sudi menderma dan cintakan haiwan ini memberikan juga seperti kita buat kat tabung pahlawan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti Yang Berhormat Arau cadang tabung lembu pula.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta sedikit boleh Yang Berhormat Bagan Serai?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain. Barang-barang makanan mahal, pasir-pasir najis mahal.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kangar hendak mencelah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kangar peminat, saya tahu. Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ada 40 ekor kucing dekat rumah yang saya selamatkan. Jadi, saya tahu kos untuk menjaga haiwan-haiwan yang terbiar ini memang tinggi. Setuju atau tidak Yang Berhormat Bagan Serai supaya pusat-pusat *shelter* yang ada di seluruh negara ini, diberi pengecualian cukai khusus supaya mereka dapat beroperasi dengan lebih lestari.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Masukkan dalam perbahasan saya. *Tax*, memang saya hendak sebut tadi dan juga kawal lah harga. Harga pemandulan, harga rawatan haiwan kesayangan di klinik, kita kawal sedikit. Kawalkan benda-benda ini dan kalau boleh kerajaan jadikan bangunan-bangunan terbiar dan tanah-tanah terbiar sebagai *shelter*. Jadi, tidak timbul konflik antara manusia hari ini ataupun dengan haiwan-haiwan kesayangan yang kita dapat lihat hari ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Alor Setar. Selepas itu, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Kangar. Sila.

2.59 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun kebetulan hendak sambung apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi iaitu saya hendak sentuh dalam Bekalan P.21 ini Butiran 020400 – Perkhidmatan Veterinar. Di mana saya nampak ada penurunan RM800,000. Saya hendak sentuh juga untuk Butiran 10820 – Pembangunan Makmal-makmal Veterinar Kawasan. Sebenarnya kita boleh perbanyakkan tempat-tempat *shelter* tetapi kita perlu ada kawalan dari segi populasi, itu yang paling penting. Maka, sebenarnya perlu ada penyediaan perkhidmatan operasi untuk pemandulan atau pengkasian.

Ini yang saya hendak tanya. Dalam peruntukan yang turun ini bagaimana kita boleh wujudkan, perbanyakkan lagi perkhidmatan tersebut? Saya pernah tanya dalam sidang ini sebelum ini, seluruh Malaysia hanya ada 16 klinik veterinar kerajaan di Semenanjung tidak termasuk Sabah dan Sarawak yang ada perkhidmatan untuk pengkasian ataupun pemandulan untuk anjing khususnya.

■1500

Akan tetapi di Perlis dan Kedah tak ada, khususnya di Alor Setar, tak ada. Kalau di *private vet*, lebih kurang RM300 untuk sekali untuk seekor anjing. Maka, kalaulah ada orang awam nak cuba tolong untuk kurangkan populasi tersebut dan kita nak cuba kurangkan konflik di antara apa masalah penangkapan yang zalim semua ini. Kita perlu kurangkan populasi tetapi tidak ada penyediaan daripada segi operasi perkhidmatan di veterinar atau klinik veterinar kerajaan sendiri. Maka tak bolehlah orang awam nak cuba usaha untuk nak kurangkan populasi tersebut, maka kalau perbanyakkan *shelter*, tak selesai masalah. Maka kita minta peruntukan tersebut, ambil kira kewujudan perkhidmatan tersebut. Yang kedua, saya nak bahas...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Boleh mencelah?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Kerana isu anjing liar ini, adakah Yang Berhormat Alor Setar setuju kementerian wujudkan satu atau merangka satu *framework* untuk seluruh negara untuk mengurangkan binatang liar khususnya anjing. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih. Saya setuju tetapi itu kerja di antara tiga pihak termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan

Malaysia dan KPKT. Maka daripada segi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang boleh usahakan adalah perbanyakkan perkhidmatan tersebut di klinik veterinar kerajaan supaya kita boleh kurangkan kos dan lagi ramai orang awam boleh kurangkan populasi anjing dan kucing liar ini.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Alor Setar, sikit. Saya juga berharap kerajaan akan mempertimbangkan menaikkan peruntukan ini kerana seperti di Sarawak, kita sebenarnya masih menghadapi rabies dan klinik veterinar ini sangat penting untuk mengawal populasi dan juga memberikan vaksin yang secukupnya kepada anjing tersebut. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih. Haraplah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh ambil serius untuk wujudkan perkhidmatan ini di semua klinik veterinar yang ada. Seterusnya saya nak bahas Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Yang Sah. Didapati bahawa jumlah subsidi yang diperuntukkan, yang dibekalkan adalah sama dengan tahun lepas. Maka saya minta pihak kementerian supaya- kerana tahun ini kita ada masalah di mana bila ada kekurangan daripada segi bekalan biji benih ini, kita tak sempat nak alihkan peruntukan untuk pengilang-pengilang lain untuk *produce* kerana kita tersekat daripada segi prosedur di mana kilang yang sudah lantik untuk kuota dia.

Maka kalaulah kita masih tetapkan jumlah peruntukan untuk subsidi ini, maka saya harap daripada segi atur cara ataupun cara penggunaan peruntukan adalah fleksibel. Ini adalah supaya apabila berlakunya kekurangan daripada segi bekalan biji benih, peruntukan tersebut boleh digunakan secara cepat untuk dialihkan untuk mendapatkan biji benih yang lain. Ya, silakan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya, adakah kerana subsidi dikurangkan menyebabkan bekalan benih ini menyebabkan *suppliers* ini dia *slim* keuntungan, dia lambakan lebih daripada tiga bulan dan petani-petani menerima akibat daripada kekurangan subsidi. Minta pandangan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Tak, saya rasa bukan kerana subsidi ini dia akan dituntut selepas dia ada hasil, maka dia bukan kurang. Jumlah dia sama cuma kerana pengilang yang sama kepada...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Subsidi kepada pembekal-pembekal benih yang mengedarkan benih ini, bukan subsidi ketika kita *harvest* itu. Yang itu, yang lain. Ini subsidi kepada pembekal-pembekal benih. Katanya dikurangkan menyebabkan pembekal ini akan tidak mempunyai keuntungan atau *slim profit* menyebabkan dia lambakan. Jadi, tanggungan dan harga dia meningkat daripada RM28 ke hampir RM50 menyebabkan petani menerima akibat daripada kekurangan subsidi kepada pembekal-pembekal yang membekalkan benih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Itu saya serah kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab tetapi saya rasa subsidi untuk subsidi benih padi ini dia tetap sama kerana harga itu kalau tak dapat subsidi baru dia jual sampai harga RM48. Maka dia tak ada wujudnya sistem bahawa subsidi untuk dia menghasilkan kerana

memang subsidi selepas dia hasil, dia *top up* baru dia boleh jual dengan harga RM28. Kalau tak ada subsidi, maka dia jual dengan harga RM48. Okey, saya serah kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab.

Maka saya ada sikit lagi untuk Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi. Ini subsidi untuk input penghasilan padi khususnya kepada racun. Kita nampak peningkatan daripada RM281 juta kepada RM460 juta, peningkatan yang cukup tinggi. Saya berharap supaya peningkatan ini bukan hanya kerana terpaksa kita naikkan kerana harga racun ataupun kita terpaksa *provide* lebih sedangkan sebenarnya kita boleh bagi dengan peruntukan yang sama tetapi kuantiti yang lebih tinggi kerana dalam siasatan saya, saya nampak ada racun-racun ini mungkin harga dia yang beli daripada NAFAS adalah lebih tinggi daripada pasaran.

Pada waktu yang sama, saya harap pihak kementerian boleh semak sama ada kita setuju ataupun kita menggalakkan bahawa NAFAS membeli daripada pembekal yang NAFAS sendiri mempunyai saham atas syarikat tersebut. Adakah ini daripada segi *conflict of interest* ataupun adakah ini akan mengurangkan usaha kita untuk mengurangkan harga pembelian tersebut kerana salah satu pembekal iaitu ACM, pembekal racun rumput 'dos' kepada NAFAS ini dikatakan bahawa NAFAS mempunyai saham juga atas syarikat tersebut. Adakah ini akan memberi kesan buruk ke atas harga yang kita beli daripada syarikat-syarikat?

Akhir sekali, saya cuma harap daripada segi peruntukan, Butiran 10800 – Pemodenan Sistem Pengairan Padi. Kita boleh guna sebaik mungkin dan bertambah sebaik mungkin kerana ada banyak kawasan bendang ini dahulunya saliran air itu dikongsi oleh semua bendang. Akan tetapi oleh kerana sudah tukar hak milik tersebut barangkali bapa kepada anak akhirnya mereka tak dapat nak kongsi saliran tersebut. Ada juga yang cuba nak halang ataupun tidak membenarkan perkongsian saliran tersebut menjadikan ada bendang-bendang ini yang kekurangan daripada segi *supply* air. Maka minta kalau peruntukan ini boleh diperbanyakkan, dipertingkatkan untuk mempercepatkan pembinaan saliran yang wajar untuk semua sistem pengairan bendang. Sekian saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik, lepas itu Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Machang.

3.06 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya terus Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Saya mohon penjelasan berkaitan langkah kerajaan dalam mengurangkan import beras daripada luar di samping meningkatkan tahap sara diri (SSL) negara kita. Apakah langkah strategi yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pengeluaran tahap sara diri mencapai 80 peratus pada tahun 2023 dan sejauh mana adaptasi teknologi dapat membantu meningkatkan tahap pengeluaran beras negara.

Saya juga ingin bertanya mengenai tahap keselamatan makanan negara dan khususnya apakah Kedah akan kekal sebagai Negeri Jelapang Padi bagi tempoh yang lebih lama? Apakah usaha kementerian bagi memastikan kedah kekal sebagai negeri utama pengeluaran padi di negara ini? Begitu juga saya ingin membangkitkan apakah perkembangan terhadap langkah memecahkan monopoli BERNAS untuk mengimport beras seperti mana yang disebut oleh kementerian sebelum ini.

Seterusnya Butiran 020200 – Pengairan dan Saliran. Saya ingin mendapat maklumat berkaitan dengan Projek Jeniang Transfer empangan untuk pengairan MADA yang sedang dilaksanakan di Kampung Kota Bukit, Sik. Secara khusus, saya ingin membawa aduan daripada lapan orang penduduk di sekitar empangan ini yang telah mengadu kepada pihak Jabatan Pengairan bahawa rumah mereka telah mengalami kerosakan yang serius dan berlaku hakisan tanah akibat projek-projek penanaman cerucuk dan jentera berat yang digunakan dalam pembinaan projek ini.

Seterusnya Butiran 020500 - Perikanan. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara dalam butiran ini. Yang pertama iaitu komitmen kementerian melaksanakan usaha menghapuskan pukut tunda yang beroperasi di Zon 'B' secara berperingkat seperti mana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Pelesenan Bil.4-2015 dan juga penghapusan pukut kenka dua bot berdasarkan Pekeliling Pelesenan 2016 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian. Yang kedua, sejauh manakah semua kompleks dan jeti pendaratan dimanfaatkan sepenuhnya secara optimum setimpal dengan kos yang telah dibelanjakan oleh kementerian dan apakah pihak LKIM ada menetapkan kaedah tertentu supaya semua hasil laut didaratkan di jeti LKIM.

Yang ketiga, apakah kementerian akan menguatkuasakan satu peraturan untuk tidak mensubsidi semua bot yang menggunakan alat tangkapan yang merosakkan ekosistem seperti pukut tunda atau pukut kenka dua ataupun bot Apollo. Yang keempat, saya ingin bertanya mengenai prestasi anak-anak syarikat di bawah LKIM. Apakah di sana terdapat forensik audit oleh pihak audit luar? Saya melihat ketiadaan satu bentuk audit yang selaras antara anak-anak syarikat dengan syarikat induk. Justeru, saya mohon penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya, Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai penanaman padi organik yang projek perintisnya dilakukan di Daerah Sik sendiri dan di negeri Sarawak.

■1510

Begitu juga, saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana *blueprint* yang telah dirangka oleh kerajaan, peruntukan sebanyak RM30 juta bagi penanaman padi pulut di Langkawi. Adakah projek ini telah pun bermula dan bagaimanakah perkembangan terkini?

Seterusnya, Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah. Untuk pengetahuan pihak kementerian, ketika saya bertemu dengan persatuan petani di Kedah pada minggu lepas, dilaporkan sebanyak 50 peratus petani di Kedah masih belum menerima benih padi subsidi. Apakah kementerian menyedari perkara ini?

Apa yang lebih parahnya, harga benih padi di pasaran telah melambung daripada RM28 hingga RM48 ataupun RM50 dan menyebabkan tekanan yang berganda kepada petani ketika ini. Mereka juga telah mengalami kelewatan untuk menanam padi.

Seterusnya yang terakhir, Butiran 020300 – Perlindungan Varieti. Saya ingin menegaskan bahawa kementerian perlu mempertimbangkan semula langkah memansuhkan ataupun meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 serta menolak penyertaan Malaysia dalam Konvensyen UPOV 1991.

Kita sedia maklum bahawa tujuan konvensyen ini adalah untuk memberikan hak monopoli yang berlebihan kepada syarikat-syarikat pengeluar baka benih dan syarikat-syarikat besar, sehingga mengabaikan hak-hak petani yang diiktiraf dalam banyak perjanjian dan deklarasi antarabangsa. Jadi, saya memohon pihak kementerian tidak mengambil langkah terburu-buru untuk memansuhkan akta ini dan menyertai Konvensyen UPOV 1991 yang akan merugikan para petani. Mohon penjelasan pihak kementerian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar. Silakan.

3.11 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca selawat]* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk perbahasan butiran Belanjawan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana saya berpendapat dalam agenda kita menuju Wawasan Kemakmuran Bersama, sudah tentulah kementerian ini sangat penting untuk diberikan perhatian.

Bukan sahaja kerana ia membekalkan makanan kepada orang ramai, tetapi kerana terdapat isu jurang kekayaan individu dan juga wilayah yang banyak tercakup di dalam kementerian ini. Perhatian besar harusnya diberikan kerana sumbangan keluaran dalam negara kasar dalam hasil pertanian ini hanyalah sekarang bernilai sekitar 2.5 peratus.

Jadi, banyak perkara yang perlu kita perhatikan secara bersama. Saya hendak memulakan dengan perbahasan berkaitan dengan Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Di mana kita melihat dalam sasaran *outcome* tahap sara diri telah meningkat daripada 71.5 peratus kepada 77.0 peratus. Jadi, saya ucapkan tahniah. Ini kenaikan yang saya fikir agak besar dalam tempoh yang singkat. Jadi, saya minta kementerian dapat terangkan apakah faktor kenaikan besar ini yang agak mendadak? Ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya boleh mencapai kadar sara diri 100 peratus dalam masa yang mungkin tidak terlalu lama, kalau dengan adanya peningkatan yang sebegini.

Bilakah sasaran untuk kita mencapai tahap sara diri 100 peratus ini? Cuma, Dasar Keselamatan Makanan kita tidak seharusnya hanya bertumpu kepada SSL ini, tetapi kita juga harus melihat bagaimanakah harga makanan, ketersediaan bekalan dan juga kualiti serta keselamatan yang ada. Seterusnya, terkait dengan perkara ini, saya hendak menyentuh Butiran 020900 – Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Butiran 15600 – Program Kawalan

Banjir Kawasan Pertanian serta Butiran 020200 – Pengaliran dan Saliran Pertanian. Ini kerana apa yang ingin saya katakan ini agak berkaitan.

Kita tahu lebih daripada 34 peratus penghasilan beras negara datang daripada tanah MADA, yang mana kawasan daripada keluasan 125 hektar sebanyak, 95 hektar kawasan padi datang berada dari Kedah dan Perlis iaitu yang melibatkan 48,500 orang petani. Cuma, saya tertanya adakah wakil dari negeri Perlis dalam Lembaga Pengarah MADA? Ini kerana saya bimbang isu-isu kebajikan petani, isu-isu yang berkaitan dengan seluruh industri pertanian di Perlis ini mungkin lambat sampai kepada Lembaga Pengurusan MADA apabila tidak ada wakil.

Saya ingin mengambil contoh masalah penyaluran air ke dalam bendang. Kalau di negeri Perlis, dalam dialog saya bersama penduduk, ada masalah. Jadi, yang ini tidak ditangani untuk sekian lama. Akan tetapi, *Alhamdulillah* dengan peruntukan yang saya terima daripada Perdana Menteri, saya dapat menyumbangkan dua pam air yang akan saya sampaikan kepada mereka pada minggu hadapan. Ini melibatkan kawasan seluas 200 ekar kawasan. Sudah tentulah apabila ada masalah begini, banyak kehidupan petani terjejas.

Kita tahu, walaupun kita selalu bercakap tentang kemiskinan petani pada zaman dahulu, sebenarnya peningkatan pendapatan petani ini tidaklah melonjak terlalu tinggi. Ini kalau kita rujuk berpunca daripada kos pengeluaran, *cost of production*, yang tinggi mencecah kira-kira RM4,000 semusim, yang mana dalam kos ini dinilai bahawa paling tinggi ialah kos pada jentera dan juga sewa tanah. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kos pengeluaran ini?

Seterusnya, saya hendak menyentuh program khusus Butiran 040400 – Subsidi Harga Padi, Butiran 040500 – Subsidi Bajet Padi, Butiran 040600 – Insentif Pengeluaran Padi dan Butiran 040800 – Subsidi Benih Padi Sah. Ramai kawan-kawan Ahli Parlimen sudah sebut tentang monopoli BERNAS dan juga NAFAS. Saya tidak bercadang untuk mengulanginya semula. Cuma, saya hendak sebut bahawa pada lewat 1960-an yang direkodkan, kita dahulu ada lebih kurang 1,800 buah kilang padi, tetapi sekarang sudah menyusut tinggal hanya 175 kilang. Jadi, ini mengurangkan faedah persaingan kepada petani.

Jadi, saya berharap macam Timbalan Menteri pernah datang ke Perlis untuk berdialog dengan petani, yang mana saya juga turut hadir. Petani-petani di Perlis berharap kalau boleh kementerian memikirkan supaya ada sebuah kilang padi dibina di negeri Perlis. Jadi, saya tidak mahu menyentuh perkara lain.

Cuma tadi banyak juga yang menyentuh tentang kelewatan penyerahan varieti padi baharu. Ini juga ada masalah dengan soal NAFAS tadi. Saya berharap ini dapat diselesaikan dengan segera. Ini kerana, jika dibandingkan dengan negara-negara lain, varieti baharu padi Malaysia ini kita kira agak ketinggalan. Kita tidak sampai 50 jenis varieti sedangkan negara-negara jiran sudah mencecah 100 varieti, 200 varieti malah India sudah hampir 2,000 varieti padi.

Jadi, sekian lama kita buat penyelidikan dan kajian, seharusnya kita menumpukan kepada aspek-aspek penambahan nilai ini. Seterusnya, saya hendak menyentuh dua perkara sahaja iaitu perikanan dan juga LKIM. Saya mendapat aduan daripada nelayan-nelayan negeri Perlis, ini tentang masalah hendak memperbaiki bot *vesse!*. Terutama yang dalam kelas C2 dan

juga C. Ada lebih kurang 22 bot *vesse*l di bawah kategori C2 dan 80 bot *vesse*l di bawah kategori C. Ini di mana kerja pembaikan ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna di Perlis, malahan di Kuala Kedah sekalipun.

Jadi, mereka minta pertimbangan untuk kelulusan daripada kementerian agar dapat mereka melakukan kerja pembaikan ini di Satun ataupun di negara jiran kita yang mana jaraknya lebih dekat berbanding Kuala Kedah ya. Kalau hendak ke Kuala Kedah lebih kurang empat jam, kalau ke Satun, satu jam. Ini di mana pusat pembaikan di Kuala Perlis ini tidak memenuhi standard kerana kipas dia besar, kedalaman airnya pun tidak cukup. Jadi, ini menimbulkan masalah, ini menyebabkan banyak kerja-kerja pertanian ini tersangkut.

Terakhir saya hendak sentuh ialah Butiran 04900 – Pembangunan Industri Buah-buahan. Kita tahu dalam Projek IMT-GT di Perlis, kita ada *super fruits* di Perlis. Di Perlis ada ladang buah tin yang terbesar di Asia Tenggara. Selain daripada itu, kita ada buah *grape*, lemon dan juga markisa. Akan tetapi, saya difahamkan tidak ada usaha untuk kita hendak memasarkan buah-buahan ini. Jadi, saya sudah sebut dalam perbincangan dasar mengenai projek IMT-GT yang saya tengok *progress*nya agak perlahan. Saya berharap ini juga dapat diberikan perhatian oleh Kementerian Pertanian supaya kalau kita ada ladang buah tin yang terbesar di Asia Tenggara, jadi kenapa tidak kita memperluaskan pasaran dan juga kita menjadikan ia sebagai suatu sumber baru kepada pertanian negara?

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Machang. Sila.

3.18 ptg.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 02000 – Bekalan Makanan Beras Negara. Di sini terdapat pengurangan ataupun penurunan dari segi belanjawan sebanyak lebih kurang RM80 juta. Jadi, di saat pihak kerajaan, kementerian menyasarkan sebanyak 77 peratus daripada pengeluaran padi dan beras negara, daripada sebelumnya lebih kurang 71 peratus. Akan tetapi, terdapat penurunan belanjawan di sini.

Saya hendak sentuh berkenaan dengan kawasan padi luar jelapang. Tuan Pengerusi, di kawasan Machang, adalah antara kawasan padi luar jelapang antara yang terbesar di dalam negara ini. Masalahnya, yang utama ialah masalah pengairan. Terdapat lebih daripada 50 peratus daripada kawasan-kawasan tanaman padi ini hanya dapat diusahakan dalam kadar sekali setahun.

Bagi kita di dalam keadaan ini, ia amat merugikan. Ini kerana kebimbangan kita adalah apabila mereka hanya tanam padi sekali setahun, kemungkinan selepas daripada ini mereka bukan lagi berminat untuk menjadi pesawah dan akhirnya tanah-tanah ini akan dijual dan juga akan dijadikan kawasan-kawasan perumahan dan ditukar syarat di dalam geran-geran tanah ini.

■1520

Juga saya hendak sentuh berkenaan dengan keluasan tanah mengikut Jabatan Pertanian adalah tanah pertanian yang terbiar lebih kurang 120 ribu hektar. Maka kita hendak menyarankan kepada pihak kerajaan agar dapat melihat sejumlah kawasan yang begini besar agar dapat ditebus guna tanah-tanah ini, sama ada tanah ini milik persendirian ataupun milik Kerajaan Negeri.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berkenaan dengan Butiran 030300 – Latihan Kemahiran Pertanian. Terdapat di sini sembilan pusat latihan ini di bawah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) seperti Kolej Pertanian, Kolej Perikanan, Institut Pertanian, Institut Veterinar, Institut Teknologi Unggas, Institut Latihan FAMA. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, berapa ramai kah di kalangan graduan-graduan ini telah terlibat di dalam industri pertanian.

Ini adalah modal-modal insan yang telah pihak kerajaan ataupun kita belanjakan dengan begitu besar, dan kita dapati bahawasanya sebahagian daripada usahawan-usahawan yang terlibat di dalam pertanian ini bukan lahir, datangnya daripada mereka. Sudah tentulah ia amat merugikan pelaburan modal insan yang besar ini.

Untuk maksud P.21 Butiran 10703 – Pembangunan Industri Tenusu. Tuan Pengerusi, peruntukannya adalah sebanyak RM5 juta. Ianya terlalu kecil berbanding dengan apa yang kita lihat di sini ialah keperluan susu segar yang kita import lebih kurang 40 peratus, ataupun 26.74 juta liter, berbanding dengan yang kita keluarkan lebih kurang 60 peratus.

Apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan susu-susu segar yang kita import daripada luar negara ini dapat kita kurangkan. Sudah tentu apabila kita kaitkan dengan soal modal insan daripada institut-institut latihan pertanian yang kita keluarkan graduan ini, ia sudah tentulah mereka ini perlu diberi peluang untuk mengusahakan bidang-bidang berkaitan dengan pertanian ini, yang mana bagi kita kalaulah kita dapat mengurangkan import-import makanan daripada luar negara ini ianya sudah tentulah akan memberikan suatu pulangan dan keuntungan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal, selepas itu Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Rasah.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan pun hendak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

3.23 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terus ke Butiran 010200, berserta dengan Butiran 010300.

Butiran 010200 - Perancangan, diperuntukkan sejumlah RM18.73 juta, dan Butiran 010300 - Pembangunan, diperuntukkan sebanyak RM30.8 juta. Campur kedua-dua ini, menjadi agak besar perbelanjaannya ataupun peruntukannya iaitu RM49.53 juta.

Saya bersetuju dengan maksud ini kerana perancangan bertujuan untuk menentukan dasar dan strategi mikro sektor pertanian bagi memastikan sektor pertanian membangun secara mampan dalam usaha kerajaan untuk mentransformasikan sektor ini untuk kesejahteraan rakyat dan juga pembangunan negara.

Saya juga menyambut baik komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk memodenkan sektor pertanian dengan memberikan peruntukan yang agak besar iaitu sejumlah RM49 bilion pada kementerian ini.

Tuan Pengerusi, Laporan Bank Dunia yang baru-baru ini diterbitkan berkenaan, dengan izin, *Agricultural Transformation and Inclusive Growth - The Malaysian Experience* telah melaporkan yang pertama, sektor pertanian Malaysia memerlukan reformasi secara segera dan perlu mengembangkan sumbangan sektor ini kepada proses pembangunan negara kerana didapati produktiviti sektor pertanian negara adalah kurang daripada setengah pengeluaran purata sektor pertanian negara-negara yang berpendapatan tinggi.

Laporan ini juga menyebut, Malaysia memerlukan transformasi sektor pertanian untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi kerana pertanian adalah nadi ataupun teras kepada transformasi sektor ekonomi. Justeru, tidak ada negara yang berjaya mencapai taraf negara berpendapatan tinggi tanpa berlakunya transformasi sektor pertanian.

Jadi, tanpa anjakan ini akan berlakunya kelewatan kepada transformasi ekonomi yang boleh membantut ataupun merencatkan usaha-usaha keseluruhan pertumbuhan ekonomi untuk mengurangkan kemiskinan, untuk menjamin keselamatan makanan, dengan izin, *food security*, dan juga kesejahteraan kehidupan penduduk bandar dan luar bandar.

Tuan Pengerusi, justeru itu di antara persoalan-persoalan spesifik saya kepada kementerian adalah, apakah usaha ataupun langkah-langkah untuk mentransformasikan sektor pertanian untuk menyumbang dengan lebih *significant* kepada pembangunan negara.

Apakah usaha-usaha kerajaan untuk tangani permasalahan yang menjadi kekangan besar kepada pembangunan sektor pertanian iaitu sektor ini didominasi ataupun kebanyakannya oleh pekebun-pekebun kecil ataupun pesawah-pesawah kecil- *small holders*, dengan izin, dengan populasi peladang yang berumur iaitu bukan lagi muda, *aging community*, dengan izin.

Jadi sehubungan dengan isu ini, apakah langkah-langkah konkrit yang dirancang oleh kementerian untuk tangani permasalahan tanah-tanah perusahaan yang kategori *small holders* ini, yang saiznya adalah kecil dan juga dibebani dengan hal-hal permasalahan tanah pusaka dan juga tanah terbiar. Jadi faktor-faktor ini menyukarkan penggunaan teknologi moden ataupun *modern mechanization*, dengan izin, untuk pesawah-pesawah padi.

Jadi isu ini sudah tentu ada implikasi dan terjejas kepada persoalan produktiviti iaitu isu tunggak kepada usaha untuk membangunkan ataupun mentransformasikan sektor pertanian seperti mana yang diklasifikasikan ataupun diidentifikasi oleh laporan Bank Dunia tadi.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang berkaitan dengan ini ialah berkenaan dengan gaji ataupun upah kepada pekerja-pekerja sektor pertanian. Kita dapati sekarang ini adalah terlalu rendah berbanding dengan lain-lain sektor dalam negara. Justeru dalam usaha kerajaan

untuk menjadikan sektor pertanian sebagai pertanian pintar dan bernilai tinggi, apakah perancangan untuk mengimbangi faktor gaji ataupun upah sektor pertanian dengan lain-lain sektor. Masa sudah habis...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat Nibong Tebal. Oleh kerana Yang Berhormat Pasir Mas tiada dalam Dewan, saya jemput Yang Berhormat Jerai. Sila.

3.29 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras, Butiran 021100 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Sehubungan itu, apakah kerajaan berhasrat mengembalikan semula peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sebagai penjaga industri padi dan beras tempatan.

Seterusnya, apakah usaha-usaha kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kepada beras import kerana kadar pengeluaran beras tempatan sekarang berada pada tahap 70 peratus ketika ini.

Seterusnya Dasar Jaminan Bekalan Makanan- DJBM 2008 ada menyebut, antara langkah-langkah yang dibuat ialah peningkatan pengeluaran beras dan pewujudan stok penimbal beras. Adakah kerajaan baharu meneruskan dasar ini?

■1530

Saya juga ingin tahu, Malaysia berhasrat untuk menjadi pengeluar utama beras di dunia. Sejauh manakah kerajaan memanfaatkan MARDI bagi menjalankan kajian penyelidikan dan inovasi bagi menambah baik industri padi. Mengapa peruntukan MARDI dikurangkan sebanyak RM3 juta pada tahun 2020? Seterusnya, sekali lagi saya ingin menyentuh kerisauan tentang Ahli-ahli Parlimen yang lain di kawasan masing-masing dengan peningkatan kos padi benih. Harap pihak kementerian dapat meredakan keresahan petani di bawah sana.

Butiran 020500 – Perikanan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sik agar sekali lagi Malaysia sepatutnya mencontohi negara seperti Jepun dan Indonesia yang mengharamkan terus penggunaan pukut tunda demi menjamin keselamatan makanan negara. Jikalau tidak, sumber marin negara akan lenyap menjelang tahun 2048. Seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan nasib dan masa hadapan warga nelayan negeri Pulau Pinang yang akan terjejas teruk impak daripada projek tambak laut. Projek tersebut akan memusnahkan kawasan yang terkaya dengan sumber perikanan Pulau Pinang dan merosakkan ekosistem.

Apakah nasib yang akan menimpa terhadap 4,817 orang nelayan yang terjejas sumber mata pencarian hidup mereka? Habitat pantai dan laut juga akan pupus. Warga nelayan ini sudah

pun membuat bantahan melalui himpunan di Parlimen dan juga DUN Pulau Pinang. Persoalan saya ialah apakah usaha yang dibuat oleh kementerian untuk melindungi nelayan yang ditindas akibat projek pembangunan oleh Kerajaan DAP Pulau Pinang.

Butiran 020800 – Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan fungsi LPP, PPN dan PPK yang kini menjadi kenderaan politik Parti Amanah Negara. Yang Berhormat Menteri secara autokratik bertindak meluluskan Warta Kerajaan Persekutuan bagi Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 tanpa berbincang dengan PPN dan PPK. Sepatutnya pertubuhan ini berfungsi membela nasib peladang bukannya menanggung hidup orang politik. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Sila.

3.23 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk saya membahaskan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah di bawah Butiran 020300 – Pertanian. Saya nampak ada pengurangan sedikit peruntukan berbanding dengan tahun sebelumnya daripada RM194 juta kepada RM180 juta. Ingin saya tegaskan bahawa di bawah tajuk besar Bekalan Makanan Negara, bagi saya, saya harap peruntukan dapat sekurang-kurangnya kekal seperti tahun sebelumnya. Ini sebab kita sedia tahu banyak aliran wang kita keluar ke negara asing disebabkan nak membeli makanan untuk rakyat kita dan sekiranya sektor pertanian sendiri boleh dimajukan dengan peruntukan yang lebih, yang akhirnya yang untung adalah mengurangkan aliran keluar wang ke luar negara.

Jadi, saya nak tanya kenapa berlaku pengurangan ini walaupun tidak banyak sebab kita sebenarnya dalam usaha, saya percaya kerajaan khasnya kementerian ini dalam usaha untuk meningkatkan peratusan keberhasilan makanan untuk rakyat kita. Jadi, mohon penerangan daripada kementerian.

Yang kedua, berkenaan dengan Butiran 030100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peruntukan FAMA juga dikurangkan sedikit. FAMA merupakan satu agensi yang sangat mustahak. Saya sendiri pernah menyertai program yang dianjurkan oleh FAMA di Seremban yang bagi saya, saya nampak usaha yang bersungguh-sungguh daripada FAMA sendiri untuk membantu mereka yang duduk di desa, di kampung, di luar bandar terutamanya yang mempunyai hasil-hasil pertanian yang mana mereka tidak tahu, petani tersebut, orang kampung tersebut tidak tahu macam mana hendak memasarkannya.

Dia ada hasil tetapi dia tidak tahu macam mana nak menjana keuntungan. Jadi, di situlah FAMA, agensi yang sangat mustahak untuk membantu menukarkan ataupun daripada produk pertanian, hasil pertanian ditukar kepada hasil pulangan kepada petani ataupun orang kampung tersebut. Jadi, saya mohon penjelasan kenapa ada pengurangan ini.

Akan tetapi saya nampak ada perkara yang bagus di bawah peruntukan pembangunan iaitu di bawah Butiran 00203 – Agrobank. Peruntukan dinaikkan daripada RM60 juta kepada RM80 juta. Cuma saya hendak tanya, bagaimanakah RM80 juta ini akan diagihkan? Apakah ini suntikan dana daripada kerajaan kepada Agrobank untuk diberikan pinjaman dan sebagainya kepada petani ataupun pemohon yang layak ataupun ada cara lain, ada cara kaedah baharu untuk membantu petani kita.

Dua perkara lagi iaitu di bawah Butiran 04900 – Pembangunan Industri Buah-buahan. Sebenarnya kita sebagai rakyat Malaysia, kita tahu dengan cuaca yang baik yang ada di Malaysia, kita sebenarnya mempunyai potensi besar untuk menghasilkan tanaman yang berlandaskan buah-buahan, boleh menghasilkan banyak jenis buah-buahan. Akan tetapi yang kita nampak selama ini kalau kita sebut buah-buahan, mesti sebut durian sahaja. Mesti sebut *Musang King* sahaja.

Padahal negara kita bukan setakat durian tetapi banyak lagi seperti langsung, rambutan, betik, pisang dan macam-macam yang mana walaupun ada dieksport ke luar negara tetapi tidak banyak, yang sepatutnya lebih banyak peruntukan diberikan. Saya nampak peruntukan RM6 juta seperti tahun sebelumnya. Jadi, saya hendak mohon pada petang ini supaya industri ataupun buah-buahan ini diberikan perhatian. Ya lah, padi semua itu penting, betul. Itu yang selama ini kita berikan perhatian tetapi buah-buahan ini saya nampak daripada segi ini kurang perhatian ataupun tidak cukup fokus diberikan.

Saya sendiri nak cadangkan di Dewan yang mulia pada petang ini supaya mana-mana agensi kerajaan termasuk sekolah di mana kalau kita jemput tetamu, biasa kita bagi buah-buahan. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun tahu, biasa kita terima. Saya kena sebut secara terbuka di sini yang saya kecewa adalah agensi kerajaan banyak memberikan buah-buahan seperti limau dan epal. Epal itu daripada mana? Limau itu daripada mana? Bagilah buah-buahan tempatan. Jadi, saya mohon, kalau boleh agensi kerajaan sendiri mulakannya sebelum kita sebut NGO, swasta dan sebagainya.

Saya rasa, kita bukan setakat hendak cakap, kita bukan setakat hendak merancang atau merencanakan sesuatu tetapi kita kena laksanakan. Saya sendiri saya pernah tegur banyak sekolah, saya kata kenapa bagi epal ini? Dari mana? Kita ada tanam kah ataupun oren dan sebagainya. Bagilah buah-buahan lain, pisang kah dan sebagainya. Nenas kah yang banyak hasil. Macam sahabat saya Yang Berhormat Jelebu, banyak hasil nenas dan nenas itu patut dibangunkan untuk kepentingan penduduk setempat.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan Tuan Pengerusi, adalah di bawah Butiran 22300 – Kawasan Penternakan Babi. Saya nampak tahun 2018, RM4 juta telah digunakan. Tahun lepas, belanjawan sebanyak RM4 juta dan kali ini RM3 juta. Saya hendak tanya, yang RM3 juta ini digunakan di kawasan mana. Ini sebab kalau dahulu, di Negeri Sembilan, di kawasan Bukit Pelanduk, ada kawasan penternakan babi yang berskala besar tetapi selepas insiden yang berlaku 20 tahun dahulu, ia tidak berlaku lagi. Jadi ada tidak mana-mana kawasan di Negeri

Sembilan ataupun di mana tempat yang akan mendapat suntikan peruntukan RM3 juta ini? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau, sila. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Bolehkah Tuan Pengerusi? Untuk tukar dalam *list*? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey.

3.38 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau. Oleh kerana masa lima minit, saya hendak sentuh dua butiran sahaja. Yang pertama, Butiran 020800 – Lembaga Pertubuhan Peladang. Semalam kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini masih tidak dapat dirasai oleh rakyat. Saya hendak bagi tahu dalam Dewan ini, ada satu dasar baharu yang diperkenalkan oleh LPP ini melalui NAFAS memang tidak dapat dirasai oleh rakyat terutamanya peladang-peladang.

Sepertimana Yang Berhormat Jerai kata tadi, bahawa dasar baharu yang dibuat ini ialah memperkenalkan satu Warta Kerajaan Persekutuan, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang. Ini satu warta yang pertamanya, tidak ikut peraturan. Yang kedua, lantikan-lantikan yang diberi iaitu kalau lihat di sini, kalau hendak lantik jemaah pengarah bagi tiap-tiap pertubuhan negeri, empat orang ahli dipilih dalam mesyuarat agung, lima orang ahli yang dipilih oleh Yang Berhormat Menteri. Yang dipilih oleh Yang Berhormat Menteri ini pula yang wakil daripada kementerian, itu saya setuju. Akan tetapi ada seorang peladang muda, seorang peladangnya. Ini dahulu sudah ada dah semasa saya jadi Menteri. Akan tetapi ini semua dipilih oleh ahli-ahli pertubuhan.

Kemudian sudahlah macam itu, sudah lantik pengerusi, hendak dapat pengesahan pula daripada Yang Berhormat Menteri. Ertinya kalau mana-mana negeri esok yang dipilih bukan daripada lantikan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh *overrule*.

■1540

Jadi, dengan adanya ini menunjukkan bahawa ianya tidak mengikut dasar-dasar demokrasi. Bukan sahaja di peringkat negeri, di peringkat kebangsaan, Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan pun sama. Apa yang kita tengok, lima orang ahli yang dipilih dalam mesyuarat agung. Enam orang yang dan dipilih oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, daripada dasar ini tadi macam Yang Berhormat Jerai cakap tadi, memang bertentangan betul dengan prinsip-prinsip demokrasi. Saya hendak *declare*, ini saya ahli Pertubuhan Peladang Tanjong Karang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini menunjukkan dia menafikan hak dan hendak bagi tahu pada Yang Berhormat Menteri sana bahawa...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh, bagi Yang Berhormat Kuala Krau.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kejap. Saya hendak bagi satu ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Celah, satu lagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pertubuhan Peladang ini, ini ialah hak ahli.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hak ahli. Mengapa Yang Berhormat Menteri hendak ambil kuasa hak ahli ini? Kena serahkan kepada ahli untuk menentukan seperti yang telah ditetapkan di dalam peraturan sebelum ini. So, hormat dekat Yang Berhormat Kuala Krau sebab bagi jalan tadi. *[Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebenarnya, saya bagi laluan untuk teks ucapan saya tertinggal dalam kereta. Baru dihantar oleh pegawai. Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebenarnya saya hendak timbulkan juga isu Lembaga Pertubuhan Peladang ini kerana Pertubuhan Peladang saya di kawasan PBK Sri Kerdau. Sudah mesyuarat agung, sudah sah mesyuarat agung tetapi dihantar surat pembatalan. Jadi, masalah kenapa campur tangan di pihak kementerian ini untuk pelantikan Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, bukan saja di Kuala Krau, saya dapat maklum di banyak negeri yang mengadakan mesyuarat pertubuhan negeri baru-baru ini, banyak negeri menolak...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Kedah. Kedah sama.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kedah pun tolak, dia orang tolak semua ini. Jadi saya hendak tanya, kalau sudah ahli dalam mesyuarat perhimpunan agung ini yang selalunya dulu kalau kita hendak buat apa juga perubahan, kita dapat suara daripada ahli-ahli Peladang. Bukan daripada atas ke bawah. Jadi, apakah tindakan? Adakah pendaftar akan menolak tolakan yang dibuat oleh PPN negeri-negeri ini? Itu satu. Tidak cukup dengan itu, ia buatlah pelantikan pegawai, di mana dilantik negeri-negeri ada dua orang, ada negeri satu orang, lantikan Pegawai Pembangunan Peladang mulai Mei 2019. Saya hendak tanya, adakah kaedah-kaedah pelantikan ini mengikut peraturan-peraturan dan juga prosedur-prosedur yang sedia ada?

Saya dapat maklum hanya lantik, kemudian Ahli Lembaga Pengarah NAFAS hanya jadi *rubber stamp*. Ini mana prinsip-prinsip demokrasi? Lebih dahsyat lagi saya hendak bagi tahu, saya hendak sokong, hendak mengesahkan apa yang Yang Berhormat Ayer Hitam cakap tadi iaitu masa PRK Tanjung Piai yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi. Saya sendiri menyiasat hotel ini. Saya ini bukan khabar angin. Saya sendiri pergi, kita menyamar. Kita pergi menyamar. Nama hotelnya, Hotel Wan Loong di Pontian kita pergi, pukul 2.00 pagi saya pergi. Di luar kereta itu kereta Yang Berhormat Menteri ada dekat luar. Saya menyamar, kita tanya,

“*Saya daripada Pertubuhan Ladang. Saya hendak dapat bilik*”. Dia kata, “*Tidak boleh*”. Saya kata, “*Berapa banyak Pertubuhan Peladang sewa bilik?*”. “*38 bilik*”, kata dia. “*Berapa lama?*” “*Sebulan dia sewa. 15 Oktober sampai 15 November*”.

Seorang Ahli: Siasat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kos ia ialah RM100 ribu lebih.

Seorang Ahli: Siasat SPRM.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya kata, “*Invois siapa bayar?*”.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: RM100 ribu? RM100 ribu lebih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia kata, “*Invois daripada NAFAS tapi belum bayar habis*”. So, saya kata, “*Saya ini wakil Peladang*”. Dia kata, “*Minta maaf lah Encik, nama Encik tidak ada*”. Saya pergi menyamar. Saya hendak cabar kalau boleh nafikan. Ini menunjukkan salah guna kuasa. Apa kena mengena Pertubuhan Peladang bawak pegawai Peladang yang dilantik ini tadi berkampung, duduk di hotel? Akan tetapi itulah, kalah 15 ribu juga. Sudahlah kalah teruk, duit rakyat lagi rugi. Ini yang saya hendak minta, hendak bagi tahu bahawa Pertubuhan Peladang ini sebagaimana yang Yang Berhormat Jerai katakan tadi, jelas bahawa digunakan betul-betul sebagai *political tool* oleh kerajaan.

Oleh kerana apa? Oleh kerana kebanyakan, majoriti, boleh dikatakan semualah pemimpin-pemimpin akar umbi Peladang ini terdiri pemimpin-pemimpin orang PAS. Jadi, hendak mengurangkan kuasa pemimpin PAS dan UMNO yang dipilih dalam mesyuarat agung ini, termasuk sayalah. Saya ahli PBK sebab saya boleh bercakap. Saham saya banyak, lebih daripada 10 ribu, saham saya. Sudah lama saya jadi ahli ini. Sebelum saya jadi Ahli Parlimen lagi saya sudah jadi ahli PBK. Jadi, mengapa hak saya ini hendak dirampas? Rampas tidak mengikut peraturan. Jadi, jangan gunakan LPP ini sebagai...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tanjong Karang, adakah ini demokrasi kuku besi? Demokrasi kuku besi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, tidak berkaitan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini namanya demokrasi kuku besi. Butiran yang akhir ialah LKIM ini tadi yang saya sebut tadi, saya minta izin iaitu 020700...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Fasal hotel itu boleh lapor SPRM, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: 020700 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya tengok peruntukan 2019 RM156 juta. Tahun 2020, tahun depan. Peruntutannya diturunkan RM143 juta. Turun peruntutannya tetapi elaun kepada nelayan ditambah daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan. Nampak tidak? Elaun ditambah, peruntukan kurang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kesannya apa? Kesannya ialah penerima. Maka, penerima-penerima, nelayan-nelayan ini menjadi mangsa kerana pegawai-

pegawai tidak boleh marah mereka. Mereka kena menjalankan tugas mengikut peruntukan yang ada.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak bagi habis. Dua butir saja saya cakap.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi kata sudah akhir sekali.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mengikut peruntukan- ini saya hendak gulung lah ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan bazir masa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ramai lagi yang hendak berucap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya kena adil kepada 38 Ahli Yang Berhormat kena berucap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan Ahli Yang Berhormat seorang sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bila Tuan Pengerusi kacau saya, nantilah masa kacau. Sudah hendak habis sudah ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kena adillah kepada rakan-rakan lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak gulunglah ini. Oleh sebab Tuan Pengerusi pun ambil masa saya dekat dua minit. Jadi, janganlah- saya hendak *last* saja. Saya hendak tanya, seperti mana yang Yang Berhormat Pengerang cakap tadi, bahawa saya hendak minta betul-betul sebelum ditamatkan mana-mana nelayan yang dulu dapat, sekarang tidak dapat, mesti bagi sebab mengapa nelayan ini tidak dapat, diberhentikan elaanunya supaya nelayan tahu. Tadi dibagi ada beberapa syarat-syaratnya, bagi tahu. Syarat mana yang nelayan ini langgar. Jadi, kalau dia hendak buat rayuan, dia tahu bahawa dia memenuhi syarat ke tidak. Ini ikut suka hati hendak batal, batal. Duit tidak ada, tidak suka, tamat. Ini zalim namanya. Saya ada contoh ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apalah. *Point's taken* lah, *point's taken*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sampai nelayan ini bawa surat sumpah dengan saya, bahawa apa yang dia bagi itu tidak betul. Saya ada surat sumpah ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi pun janganlah kacau sangat saya cakap. Tuan Pengerusi celah-celah, ganggu masa saya juga.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

3.46 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 020100 - Industri Padi dan Beras. Di Pasir Gudang tidak ada sawah padi tetapi rakyat kami beli beras, makan nasi. Soalan saya ialah adakah benar, makna ada monopoli dalam industri padi dan beras? Kalau ada amalan monopoli itu, monopoli di bahagian yang mana? Apakah usaha untuk menghapuskan monopoli itu? Sudah 19 bulan kerajaan ini berkuasa, memerintah. Kalau GST dapat diubah, ditamatkan dengan cepat, hanya beberapa bulan. Jadi, monopoli dalam industri padi dan beras ini, saya mohon penjelasan.

Kedua, Butiran 020300 - Pertanian. Tuan Pengerusi, Sabah dan Sarawak tanahnya subur dan banyak, luas kawasan tanahnya. Jadi, saya merasakan bahawa Kerajaan Persekutuan perlu berbincang dengan dua kerajaan negeri ini supaya Sabah dan Sarawak menjadi jelapang pertanian bagi negara kita. Jadi, perlu fokus dalam perkara ini.

Kemudian Butiran 020400 - Perkhidmatan Veterinar. Di Johor, ertinya banyak ladang-ladang besar, ladang swasta dan juga FELDA. Tentang veterinar ini, maknanya ia ada kaitan juga dengan butiran tentang tenusu, pembangunan industri lembu, kerbau pedaging, pembangunan industri tenusu. Maksud saya, adakah kemungkinan usaha ladang-ladang swasta, ladang-ladang sawit itu dan juga FELDA supaya industri tenusu ini dan industri pedaging ini dapat dimanfaatkan tanah-tanah yang luas itu? Selain daripada kelapa sawit dan sebagainya, makna ditenak lembu, kambing di kawasan-kawasan itu.

Kemudian berkenaan dengan Butiran 021100 - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Saya ingin tahu daripada kementerian iaitu tentang stesen MARDI di Kluang, apakah keadaannya sekarang? Ada apa-apa masalah umpamanya di situ? Oleh sebab pada satu waktu dulu MARDI di Kluang ini sangat berkembang baik. Jadi saya harap ada penjelasan tentang status MARDI di Kluang itu.

■1550

Kemudian saya berpindah kepada 030200 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Jadi inginkan penjelasan tentang industri nenas ini di mana di Johor antara negeri yang menyumbang tentang penanaman nanas. Jadi selain di Pontian, di manakah tempat-tempat tumpuan tanaman nanas ini. Saya dimaklumkan banyak baka-baka yang baik telah dihasilkan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya berakhir dengan berkenaan nelayan. Di Pasir Gudang ada ramai juga nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru yang terjejas daripada pencemaran sungai dan pencemaran kimia itu. Jadi bolehkah pihak kementerian bantu mereka oleh sebab hasil tangkapan mereka ini ada persepsi daripada orang awam tidak selamat dimakan. Akan tetapi mereka tidak ada kerja lain. Selain daripada, saya hendak tahu tentang elaun sara hidup atau pampasan, adakah usaha pihak kementerian untuk bantu golongan mereka ini.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Sila. Yang Berhormat Kota Tinggi jika tidak hendak berucap saya bagi...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tanjong Malim.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan banyak bertanya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak, boleh— Tuan Pengerusi boleh saya bagi kepada Yang Berhormat Pontian?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini tidak boleh tawar-menawar.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Oh! Tidak boleh tawar menawar okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sini bukan warung kopi ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey saja aje tadi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jika Yang Berhormat Kota Tinggi tidak hendak, saya akan panggil...

3.52 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya ingin merujuk. Saja aje hendak *test* Tuan Pengerusi okey bagus. Terima kasih.

Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 00500 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya hendak tahu tentang status cadangan penubuhan untuk membentuk konsortium. Penubuhan konsortium ini dijangka dapat membantu memodenkan lagi nelayan dengan pemilikan *vesse/* baharu dan sebagainya berserta dengan teknologi kerana kawasan saya pun ramai nelayan, Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh saya sedikit LKIM?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey. Sedikit sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kota Tinggi bagaimana tentang menjadikan Pontian sebagai hab kerang di negara Malaysia, itu satu.

Kedua ialah bagaimana janji Pakatan Harapan untuk memberi RM1,000 kepada nelayan Tanjong Piai yang ditunda.

Ketiga ialah bagaimana nelayan boleh menjadi usahawan? Apakah yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan tidak ada orang tengah menjual produk nelayan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey Yang Berhormat Pontian. Tuan Pengerusi masukkan dalam ucapan saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta sedikit. Tumpat minta juga.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey *last*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Tumpat tumpang sahaja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Berkenaan dengan juga dengan LKIM cuma ini di Kelantan. Mengikut LKIM pendaratan ikan di Kelantan sehingga September 2019 adalah 58,000 metrik tan mengalami penurunan yang tinggi.

Perkara ini berlaku di sebabkan oleh para nelayan sukar untuk memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan. Antara syarat yang diletakkan pihak LKIM adalah berkenaan dengan bot besi baharu, boleh dapatkan lesen atau permit di laut dalam dan pekerja di atas bot hendaklah 80 peratus warganegara Malaysia. Justeru apakah syarat-syarat baharu ini telah mendorong pengusaha-pengusaha bot laut dalam sebelum terpaksa memberhentikan operasi mereka.

Saya juga ingin membangkitkan juga berkenaan pemasangan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Hai! Panjangnya? Dua minit.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Bot besi sedikit, bot besi yang berada di luar kemampuan para pengusaha. Soalan saya yang terakhirnya sejauh mana sesi libat urus diaturkan oleh pihak LKIM dengan para pengusaha bagi meneliti aduan-aduan yang dibangkitkan ini bagi menyelesaikan masalah nelayan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Kota Tinggi masa sudah habis la macam ini.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin meneruskan di bawah Butiran 00900. Ini tentang konsortium tadi, terganggu saya sedikit tadi minta maaf Tuan Pengerusi. Berapa jumlah syarikat swasta yang akan melabur dalam konsortium ini. Adakah kementerian mempunyai kawasan-kawasan tertentu yang akan dijadikan mungkin sebagai kawasan rintis terdahulu sebelum kementerian bersedia untuk memperluaskan lagi konsortium ini secara menyeluruh.

Seterusnya Butiran 00900 – Projek Pertanian Yang Lain, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh mana agaknya peruntukan yang tinggi ini RM51 juta ini dijangka akan dimanfaatkan untuk projek-projek pertanian yang melibatkan pekebun-pekebun kecil sambilan, seperti golongan nelayan yang perlu mencari mata pencarian tambahan terutama dalam musim tengkujuh yang akan melanda. Jadi kita hendak dapatkan apakah perancangan oleh pihak kementerian.

Seterusnya kepada Butiran 02000 – Program Pembangunan Komoditi Tanaman. Saya hendak dapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri sejauh mana penubuhan Majlis Penasihat Pertanian Negara ini, MPPM ini yang dirancang? Agaknya apa hala tuju baharu dalam memodenkan sektor pertanian dalam tempoh lima ke 10 tahun ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh berikan sedikit penjelasan yang berkaitan dengan MPPM ini?

Terakhir Tuan Pengerusi, Pembangunan Usahawan Nelayan. Saya harap boleh dapat penjelasan tentang kemampuan kementerian untuk memberikan bantuan yang lebih baik lagi dan sambil itu tunaikan lah janji yang telah dijanjikan kepada nelayan di Tanjong Piai yang katanya hendak bagi RM1,000.

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tanjong Malim.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan, selepas itu terakhir Yang Berhormat Kepala Batas. Sila.

3.57 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Butiran 020500 – Perikanan. Saya ingin bertanya adakah peningkatan pendaratan tuna direkodkan pada tahun ini dan juga tahun lepas. Apakah insentif-insentif untuk memastikan peningkatan pendaratan tuna? Dikatakan pendaratan tuna di Sabah dan Labuan cuma 20 peratus atau 30 peratus daripada potensinya. Untuk pengetahuan di Labuan sekarang ini, bekalan tuna yang diperlukan oleh sektor hiliran tidak mencukupi. Jadi saya berharap akan ada insentif-insentif diberikan supaya peningkatan kepada pendaratan tuna terutamanya di Labuan.

Satu lagi soalan dahulu sudah diluluskan 200 lesen kelas 'A', kelulusan khas untuk Labuan. Apakah status kelulusan 200 lesen kelas 'A', kelulusan khas ini? Oleh sebab kelas 'A' ini memang sudah dibekukan. Saya diberitahu akan tetapi ada diberikan 200 kelulusan khas. Ini memandangkan di Labuan yang dahulunya nelayan, dia orang berhenti menjadi nelayan dan terus bekerja di sektor minyak dan gas sebagai pembantu dan sebagainya. Apabila mereka kehilangan pekerjaan mereka kembali menjadi nelayan dan mereka sememangnya sekarang memerlukan lesen oleh sebab *enforcement* menjadi semakin ketat dan banyak mereka yang kena saman ataupun kena tahan daripada keluar menangkap ikan.

Seterusnya Butiran 030200 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Seperti yang kita dengar tadi Sabah mempunyai tanah yang luas, begitu juga Sarawak. Jadi apakah insentif-insentif ataupun bantuan-bantuan yang diberikan supaya industri nanas ini dapat berkembang maju dan seterusnya menjadi negeri utama mengeksport nanas.

Satu lagi soalan yang mana saya pernah ditanya atau diminta menyuarakan di Dewan Parlimen untuk adakah bantuan boleh diberikan untuk satu benih nanas yang di panggil *Kenigau Diamond*?

■1600

Diberitahu banyak bantuan diberikan untuk benih-benih seperti MD2 tetapi *Keningau Diamond* yang dikatakan mempunyai kesesuaian yang baik di Sabah dan potensi yang baik belum mendapat perhatian lagi daripada kementerian.

Butiran 00500 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya ingin bertanya apakah status projek jeti baharu untuk Kompleks LKIM Labuan dan begitu juga dengan kelengkapan-kelengkapan lain di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Labuan tersebut.

Butiran 00700 – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Selalu di suarakan oleh ahli-ahli Peladang dan juga pengguna-pengguna di Labuan bertanyakan projek pembesaran pasar LPP Labuan tersebut.

Seterusnya, saya ke Butiran 10730 – Pembangunan Industri Tenusu. Saya ingin bertanya adakah perundingan di antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Pendidikan dalam kita membangunkan pembangunan industri tenusu ini, tidakkah patut program *breakfast* percuma untuk *student* tersebut supaya ia diberikan susu segar. Agar permintaan susu segar yang dikeluarkan penternak tenusu Malaysia akan meningkat besar dan seterusnya akan membantu pembangunan industri tersebut di dalam negara kita.

Last, sekali Butiran 10820 – Pembangunan Makmal-makmal Veterinar Kawasan. Di Labuan ada taman burung yang dikendalikan oleh Jabatan Veterinar. Walaupun ia agak unik, mungkin di Labuan sahaja begitu tetapi saya ucapkan terima kasihlah kerana mengadakan taman burung di Labuan, memang baik untuk produk pelancongan. Namun saya rasa ia lagi baik kalau kita *upgrade* dia menjadi taman burung dan pusat penyelidikan unggas.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat masa sudah tamat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Jadi, saya berharap kementerian dapat melihat permintaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Arau boleh mencelah. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya minta tiga minit sebab saya padi saya bukan...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Ya sekejap, dua minit Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya amat bersimpati tetapi masa amat cemburu. Ya Yang Berhormat Kepala Batas nanti Yang Berhormat Arau boleh mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak ada bandar. Hari ini hari Khamis, kita balik di kawasan orang menunggu dengar.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa yang kita hendak bawa balik?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau sudah banyak kali diberi peluang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peruntukan tidak dapat, semua kerajaan *control*. Jadi yang ada pada kami hanyalah bercakap di Parlimen.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, sila Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadinya, saya minta dua minit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti boleh mencelah. Ya sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak mahu mencelah saya hendak bercakap dua minit sebab saya masukkan nama .

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Ya, ya Yang Berhormat Arau saya beri dua minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi saya minta dua minit benda yang cukup baharu tidak ada benar.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Arau saya bagi nanti.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya nanti Yang Berhormat Kepala Batas boleh bagi.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya hanya hendak bangkitkan dua perkara sahaja. Pertama butiran berkaitan dengan Butiran 02000 – Bekalan Makanan Negara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tidak tukar Menteri Kewangan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya hendak bertanya berkaitan dengan dasar jaminan makanan negara. Ini kerana mengikut apa dapatan daripada *Global Food Security Index 2018*, kedudukan Malaysia berada jauh ke bawah iaitu kepada tangga ke-40. Ini agak berbeza dan juga begitu ironinya kalau kita lihat yang berada di kedudukan pertama adalah Singapura. Malahan negara-negara seperti Kuwait, Saudi Arabia, Israel yang mana menerima *trade sanction* daripada pelbagai negara juga berada di tangga yang ke-20.

Jadi soalan saya, apakah dasar jaminan negara pada keadaan sekarang ini oleh kementerian, kedudukan *self-sufficiency ratio* kepada kebanyakan *basic food item*. Demikian juga dari segi *import bills*. *Import bills* sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut baru-baru ini adalah angka yang masih tidak berubah. Jadi, apakah perancangan di peringkat kementerian untuk melihat *import substitution plan* bagi memastikan ada defisit berkaitan dengan *import bills* ini dapat dikurangkan.

Seterusnya ialah berkaitan dengan Butiran 00500 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya ada bangkitkan sebelum ini dan masih lagi saya memikirkan bahawa ini perlu diberi perhatian kerana ini adalah merupakan perkara yang dijawab berkaitan dengan nelayan-nelayan yang akan menerima kesan daripada projek PSR. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga merupakan kawasan Bayan Baru, dekat dengan situ. Ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa yang akan terkesan ini adalah 10,000 nelayan. Dalam Dewan yang mulia ini dia jawab, 4,900 daripada Pulau Pinang, manakala 6,000 di Perak Utara, sebab itu saya sebut 10,000. Paling utama ialah banyak pendapatan yang akan cukup terkesan antaranya ialah 51,884 tan metrik ikan Pulau Pinang yang membabitkan separuh bilion, ini jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian di Dewan yang mulia ini.

Demikian juga 511 penternak *aquaculture* yang bernilai RM1.67 bilion. Ini ada dalam *Hansard* juga yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Jadi, saya fikir bahawa apakah— kerana ini adalah merupakan kehilangan kekal. Apakah peranan Kementerian Pertanian

hendak pastikan bahawa mereka ini diperjuangkan dan yang paling penting kepada salah seorang daripada anggota dalam Majlis Perancangan Fizikal Negara, wajarnya dibangkitkan supaya projek yang sebegini membebaskan rakyat boleh dibatalkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kepala Batas saya difahamkan bahawa bukan hanya nelayan Selatan Pulau Pinang dan Utara Perak tetapi nelayan Utara Pulau Pinang dan Selatan Kedah juga terjejas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Ya seperti mana yang saya sebut tadi *the magnitude of effect is so extensive* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya bagi dua minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya dapat dua minit sebab janji lima minit tetapi diberi dua. Saya hendak beritahu hari ini hari Khamis Yang Berhormat, semua hendak balik kawasan. Orang kawasan tanya kita. Jadi tidak patut cara atur masa tidak betul. Sebab apa, saya tidak perlu KPKT sebab saya bukan ada pekan. Apa yang saya ada hanya kawasan padi. Jadi patut saya diberi peluang dengan hebatnya untuk berucap.

Okey, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh tentang Butiran 020500 – Perikanan. Ini yang jawab mana Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tahu kah jawab ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi tahu tidak mentarang? Mentarang adalah sejenis siput yang panjang, kerang kita cakap mengenai kerang, sekarang saya hendak cakap mengenai mentarang. Banyak kawasan-kawasan pantai yang berselut ia terkenal dengan mentarang dan mentarang ini harganya cukup mahal. Dahulu mentarang cukup popular di Perlis tetapi selepas Tsunami, tiba-tiba mentarang itu hilang dekat setahun yang kita dengar dia muncul di Kuala Selangor. Begitulah kehendak Allah dia boleh belayar pergi dengan begitu jauh. Sekarang ini bila mentarang itu muncul balik kita terpaksa ambil *supply* banyak daripada Selangor kerana mentarang membiak dengan hebatnya di sana.

Jadi saya hendak minta di bawah perkara perikanan ini, kerajaan cari jalan untuk menggalakkan nelayan menternak mentarang. Sekiranya mereka ada pendapatan tambahan, nelayan ini adalah cukup baik kerana ia ialah di tepi pantai. Sekarang ini kita hanya mengejar mentarang secara bukan dipelihara tetapi yang liar. Jadi kita minta supaya usaha diberikan perhatian kepada perkara tersebut.

Kemudian yang berikutnya ialah saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang tadi tentang nelayan ini. Konsep pemutihan ini apakah ia dibuat dengan adil? Jangan dibuat dengan bentuk yang mungkin ada pemikiran politik sebab pelantikan lembaga pengarah

sekarang ini lebih kepada pemikiran politik. Saya terkejut dalam hidup saya ini, saya ingat kerajaan ini tentulah lebih hebat daripada kami, akan bawa pembaharuan, akan bagi demokrasi, *transparent* terbuka. Sekarang apa? Tertutup, selepas itu buat pula kalau bukan daripada Pakatan Harapan, maka mereka akan diketepikan. Malah seperti yang dibuat di wilayah di mana mereka buat melalui Ahli Parlimen tetapi negeri-negeri lain tiada, dibuat melalui pegawai daripada parti yang dilantik untuk menguruskan MPKKP dan sebagainya.

Jadi yang akhir sekali ialah Butiran 020900 – Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Saya setuju dengan kawan-kawan supaya benih padi ini diberi kepada negeri ataupun Pertubuhan Peladang. Benih daripada negeri yang berkenaan tidak boleh dihantar ke tempat lain untuk tujuan benih itu. Ini kerana benih Perlis ini terkenal sebagai boleh mengeluarkan hasil yang cukup baik dan kenapa dihantar ke tempat lain, selepas itu bila hendak hantar benih ke Perlis, dia hantar benih dari tempat lain datang ke Perlis. Akhirnya padi tidak dapat dikeluarkan dengan baik.

■1610

Adakah kerajaan mencapai matlamat 12 tan sehektar. Dahulu ada kita berlumba-lumba untuk mencapai tahap tersebut. Apakah sekarang ini kita berjaya? Apakah penumpuan diberikan untuk tujuan tersebut.

Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapa elaun kepada petani-petani yang diberi tiga bulan, setahun tiga bulan atau setahun mungkin enam bulan itu dihentikan. Oleh sebab petani juga menghadapi masalah, kita kena ingat, petani sekarang bukan terdiri daripada tuan punya sawah itu sendiri, mereka adalah pekerja. Mereka bergantung harap kepada sewa tanah dan sebagainya.

Jikalau sekiranya elaun ini dihentikan, sudah pasti dia mendatangkan masalah dan pengeluaran padi kurang. Yang Berhormat Menteri, inilah masalah-masalah yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sehingga – oleh sebab masalah banyak yang tergendala, yang tidak boleh diselesaikan rakyat telah memberi *signal*, memberi isyarat kepada kerajaan bahawa kerajaan tidak boleh buat macam ini. Sehingga mereka tewas dengan teruknya di Tanjong Piai. Sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa *Cabinet reshuffle* akan dibuat serta-merta. Kami menyokong, sebab kita tahu bahawa banyak daripada kita yang menjawab, pegawai bagi kertas kita jawab tetapi kita tidak turun ke bawah dan melihat sendiri apa yang terjadi.

Akhirnya, sekarang kita membiarkan, orang kata rakyat menderita, “*ah! Tak kisah menderita pi lah*”. Jadi kita kata barang naik, ah! Barang turun, sampai kita tidak lihat bahawa sekarang rakyat menghadapi masalah. Jikalau rakyat tidak menghadapi masalah, sudah pasti tidak berlaku apa yang berlaku. Saya minta supaya kalau *Cabinet reshuffle* ini dipastikan supaya beberapa Menteri ditukar, diganti dengan kedudukan yang lain termasuklah Menteri Kewangan dan sebagainya.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi. Ini fasal jalan ladang. Jalan ladang dia bagi sebanyak RM8 juta. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, jalan ladang ini – RM8 juta ini untuk Perlis pun tidak

cukup. Ini seluruh negara, kalau RM8 juta ini tidak mencukupi dan peruntukan ini dia bagi macam itu sahaja. Cukup tidak cukup kita punya fasal, jadi akhirnya ditampung oleh projek-projek lain melalui ICU dan sebagainya.

Akan tetapi, kita minta supaya MADA sendiri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri melihat jalan ladang ini jalan keutamaan yang harus kita beri perhatian. Kita kena tengok balik beberapa projek yang dibuat termasuk kok V 300 sekarang ini, yang luasnya sekaki supaya ditukar kepada tiga kaki sebab berlaku kekurangan air yang luar biasa di kawasan MADA. Kita minta di samping kita *supply pump* tetapi kok V300 ini diganti dengan kok V900.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi ruang kepada saya untuk berucap. Maka kawan-kawan di MADA sedang tunggu saya balik dekat *airport sat lagi*, sudah pasti mereka akan bergembira kerana saya telah cakap masalah rakyat terutamanya benih padi yang merupakan masalah yang luar biasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Pengerusi boleh bagi dua minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 23 orang ahli telah berbahas, sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau Timbalannya menjawab selama 45 minit. Silakan.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Segambut, boleh mencelah ya.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mula dengan sedikit pantun.

Buah durian, hasil petani;

Masak jatuh, atas tanah;

Mohon sabar Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kementerian akan jawab tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ingin memulakan mengucapkan penggulungan saya pada hari ini dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Yang Berhormat Kapar tengok sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin: Iaitu seramai 23 orang tambah Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau itu lebih panjang dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, jadi totalnya seramai 24 orang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan 2020 peringkat Jawatankuasa di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, semua pandangan, teguran dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah amat dihargai. Sehubungan dengan itu, izinkan saya memberi

penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkit di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali Yang Berhormat Beaufort yang membangkitkan isu mengenal pasti *varieti* padi lain ditanam di Sabah. Meningkatkan pengeluaran padi di Sabah, pelan makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kerajaan menerusi MARDI berusaha memperkenalkan *varieti* padi moden yang berpotensi mengeluarkan hasil yang tinggi, namun kerajaan tidak ada halangan untuk petani di Sabah mengusahakan *varieti-varieti* tertentu yang telah disediakan seperti padi wangi keladi, organik dan padi perang yang mendapat sambutan dan menjadi pilihan di kalangan penduduk tempatan, selain daripada harga yang lebih tinggi daripada harga padi biasa.

Saya ingin menggalakkan orang-orang di Sabah, petani-petani di Sabah untuk menanam *varieti-varieti* yang *special* seperti contohnya tadi Yang Berhormat Beaufort bangkitkan padi merah, padi perang, padi hitam dan sebagainya kerana ini akan menjadi satu identiti kepada kawasan tersebut dan kalau boleh kementerian akan membantu mendapatkan *geographical identification*. *Geographical identification* untuk padi-padi tertentu ditanam di tempat-tempat tertentu dengan SOP-SOP yang ketat dengan penjenamaan yang bagus akan berjaya meningkatkan pendapatan petani-petani. Ini terbukti di mana-mana dunia.

Saya pernah makan malam dengan duta-duta, mereka telah menceritakan bagaimana Perancis contohnya yang berjaya meningkatkan pendapatan petani-petani dengan *geographical identification*. Tadi saya bangkitkan contohnya padi perang, berwarna perang dan dengan nutrisi yang tertentu mereka kena *register* sebagai *geographical identification* kemudian mereka harus memastikan SOP yang tertentu dan menjaga kualiti, pentingnya menjaga kualiti.

Selepas itu mendapatkan *certification* tentang *geographical identification* kemudian mereka harus memasarkan melalui *corporative*, melalui pertubuhan-pertubuhan peladang. Ini adalah caranya negara Perancis meningkatkan pendapatan petani-petani mereka. Ini bukan terhad kepada padi dan beras. Dia boleh dibukakan kepada semua jenis tanaman atau ikan juga, *aquaculture* dan sebagainya. Ini saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini harus berusaha untuk membantu petani mendapatkan *geographical identification* dan penjenamaan yang bagus supaya semua petani itu boleh mendapatkan keuntungan yang lebih besar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, boleh tanya?

Tuan Sim Tze Tzin: Ya, sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat untuk mengetengahkan produk berdasarkan *geographical identification* (GI) tadi. Sabah dan Sarawak sangat popular dengan padi bukit. Dahulu kita memberikan bajet yang besar juga untuk petani-petani padi bukit di Sabah dan Sarawak. Saya tidak nampak di dalam buku bajet ini. Adakah akan terus diberi atau tidak? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Untuk padi bukit dia punya caranya macam ini. Dia walaupun tidak berada dalam bajet tetapi kita menggunakan sumber dalaman untuk memberi subsidi baja kepada padi bukit. Ini kerana kita pada tahun lepas,

walaupun tidak dapat bajet tetapi kita mencari sumber dalaman untuk memberi subsidi. Jadi subsidi sama, subsidi sama seperti tahun-tahu dahulu. Jadi, ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Berapa juta itu?

Tuan Sim Tze Tzin: Saya tidak ada perincian tetapi lebih kurang RM50 juta, lebih kurang. Jadi kita mencari sumber untuk membantu petani-petani di Sabah dan Sarawak. Okey, antara usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran padi di Sabah adalah pihak kerajaan menumpukan usaha untuk membangunkan infrastruktur di kawasan jelapang terutamanya di IADA Kota Belud bagi memastikan produktiviti pengeluaran padi dapat dipertingkatkan dari dua matriks tan per hektar kepada sekurang-kurang tiga matriks tan per hektar semusim.

Usaha ini dilakukan secara berperingkat kerana memerlukan peruntukan yang sangat besar dan topografi kawasan yang pelbagai. Selain itu, kawasan luar jelapang juga akan terus dibangunkan lagi bagi memastikan kawasan ini turut berupaya menjana peningkatan pengeluaran hasil.

■1620

Sasaran pendaratan subsektor perikanan tangkapan marin bagi tahun 2020 adalah sebanyak 1.74 juta metrik tan. Manakala, sasaran pengeluaran subsektor *aquaculture* bagi tahun 2020 adalah sebanyak 430,000 metrik tan. Peruntukan tahun 2020 yang diluluskan untuk peningkatan pendaratan perikanan tangkapan marin dan pengeluaran *aquaculture* adalah masing-masing berjumlah RM31 juta dan RM45 juta.

Untuk Yang Berhormat Ayer Hitam, saya masih menunggu sedikit butiran dan saya akan jawab pada penghujung ya. Untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa, isu yang dibangkitkan adalah Takaful Agrobank. Berapa juta metrik tan setahun keperluan beras negara untuk tahun 2020, berapakah penggunaan per kapita penggunaan beras tahun 2020? Kecekapan pengeluaran padi kepada beras.

Kementerian sedang meneliti cadangan Skim Bantuan Bencana Agrobank (SBBA) yang mampan bagi petani yang terjejas akibat bencana. Beberapa model sudah diperhalusi termasuklah penambahbaikan ke atas tabung sedia ada dan skim perlindungan melalui agensi-agensinya di kementerian. Keperluan beras negara untuk 32.6 juta penduduk Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta metrik tan setahun. Penggunaan beras bagi seorang penduduk Malaysia per kapita adalah 76 kilogram setahun. Setakat ini, pengeluaran padi negara menghasilkan sebanyak 65 peratus beras setelah melalui proses di kilang pemprosesan padi.

Pengeluaran padi adalah sekitar 70 peratus daripada keperluan beras negara. Bagi menampung kekurangan keperluan beras dalam negara, kerajaan mengimport sebanyak 30 peratus beras. Bagi tahun 2020, diunjurkan keperluan beras negara adalah sebanyak 2.186 juta metrik tan dan per kapita penggunaan beras adalah sebanyak 75.46 kilogram setahun.

Yang Berhormat Sabak Bernam...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri? Mencilah sikit?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pengkalan Chepa tidak ada Yang Berhormat...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Fasal beras. Beras ini dikawal oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). BERNAS menjadi *guardian* kepada industri beras ini selama 45 tahun. Mereka menjaga pengimportan beras, pembelian beras daripada 100,000 *farmer* dan juga menstabilkan harga beras.

Akan tetapi, baru-baru ini saya baca di dalam berita, kerajaan telah memanggil tender *request for proposal* untuk menggantikan BERNAS ataupun membuka industri ini. Jadi, saya hendak tanya sama ada ini langkah yang baik? Oleh sebab, 45 tahun BERNAS telah *proven* dia stabilkan harga, selama 45 tahun ini tidak nampak ada kesuntukan beras, tidak ada nampak kenaikan harga beras.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan, mengapa *request for proposal* ini dibuat? Terima kasih. Lagi satu, saya dimaklumkan BERNAS, selepas pilihan raya sehingga sekarang Kementerian Pertanian belum isi kekosongan pengarah di sana, sudah dua tahun. Mengapa? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sila.

Tuan Sim Tze Tzin: Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, BERNAS adalah syarikat sendirian berhad. Dia adalah di bawah— tidak betul faktanya, 45 tahun itu tidak betul. Dahulu adalah Lembaga Padi dan Beras. Kemudian pada tahun 1990-an, diswastakan. Akan tetapi, pada masa itu, dia adalah *public-listed company*, di mana pemegang saham adalah termasuk syarikat swasta, NAFAS, NEKMAT dan sebagainya.

Akan tetapi, pada lebih kurang tahun 2000, selepas tahun 2004 ke tahun 2005, dia diswastakan menjadi seorang pemegang saham sahaja dan menjadi syarikat sendirian berhad. Jadi, ini adalah isu monopoli dalam industri yang begitu penting di dalam satu syarikat dan dipegang oleh seorang tokoh peniaga yang besar. Tidak dinafikan bahawa sumbangan Lembaga Padi dan Beras, kemudian BERNAS menjamin kestabilan *supply* beras kepada negara dan stabilkan harga. Itu adalah kerana isu polisi negara yang meletakkan siling harga pada RM2.60 satu kilogram. Jadi ini adalah kerana dasar kerajaan yang menetapkan harga.

Walau bagaimanapun, dalam perincian ini, dalam soal ini, kerajaan telah mengikut manifesto Pakatan Harapan yang menetapkan bahawa industri yang penting tidak harus dimonopoli oleh satu syarikat. Kita mahu bahawa pasaran yang lebih kompetitif antara syarikat-syarikat supaya kalau boleh kita menjadikan *supply chain* itu lebih dinamik yang tidak mementingkan sesetengah pihak sahaja.

Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit. Saya mahukan penjelasan tadi mengenai *share* ya. Yang Berhormat Menteri kata *share* syarikat semua, untuk BERNAS ini. Kerajaan ada *share* atau tiada *share* dekat sana? Bukankah kerajaan ada *golden share* dekat sana? Apa juga yang BERNAS hendak buat, hendak jual *share* pun, kerajaan kena lulus. Sebagai contoh, dahulu bila hendak jual, PPK hendak tukar daripada BERNAS masa itu dia

public-listed, dia nak tukar jadi sendirian berhad, kena dapatkan kelulusan kerajaan. Jadi makna ada *golden share* di sana.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila, Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang pun bekas Menteri juga. Kita tahu bahawa kita tidak menjejaskan monopoli mereka. Kontrak monopoli akan tamat pada Januari 2021. Itu sebabnya kerajaan memulakan proses untuk RFP untuk mencari syarikat-syarikat yang berminat dan juga yang berkebolehan yang ada pengalaman dalam pasaran padi dan beras untuk memberikan *proposal* kepada kerajaan untuk kita mencari penyelesaian.

Ini kerana kita tahu dasar kerajaan adalah untuk tidak menggalakkan monopoli dan kita mahu bahawa di sektor-sektor lain seperti dalam KKM, *sorry* dalam Kementerian Kesihatan dan sebagainya, kita pun memerlukan proses untuk memansuhkan monopoli syarikat ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit sahaja. BERNAS dia ada *stockpile*. Berapakah dalam setahun *stockpile* dia itu mesti ada? Berapa ratus tan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini berkaitan. Adakah apabila dibuka monopoli itu, maka tahap *sub-subscription level* (SSL) beras daripada sekarang ini 71 peratus, boleh naik kepada 90 peratus? Adakah harga beras akan turun daripada harga sekarang apabila kita buka monopoli itu?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sikit, sambung. Oleh sebab BERNAS memonopoli dari segi import padi, jadi BERNAS dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan pesawah. Sebagai contoh, pembelian terakhir padi. Maknanya, kalau padi yang tidak bermutu, ditolak oleh kilang-kilang padi lain, BERNAS mesti membelinya.

Jadi, kalau tidak ada BERNAS, maka pesawah tidak boleh menjual padi yang tidak bermutu ini kepada mana-mana kilang pun. Jadi, adakah syarikat-syarikat baharu ini diberikan tanggungjawab seperti BERNAS untuk menjaga kepentingan pesawah?

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih bekas-bekas Menteri Pertanian yang menanyakan soalan. Saya ingin menegaskan bahawa apa yang polisi-polisi sekarang adalah kita ambil daripada dulu. Kita tidak membuat perubahan. Contohnya, isu *stockpile*. Kita tetap sama dengan *stockpile* yang ditetapkan oleh kerajaan terdahulu iaitu 150,000 metrik tan dalam *stockpile*. Kemudian dari segi SSL. SSL ini bukan kena mengena dengan BERNAS, Yang Berhormat Pontian mungkin tidak berapa faham.

Akan tetapi, isunya adalah bagaimana kita menghasilkan padi dan beras oleh petani-petani kita. Kawasan kita terhad. Kita hanya ada 300,000 hektar tanaman tanah untuk sawah padi. Jadi, walaupun kita buka IADA yang baharu, tetapi IADA ini memakan masa dan belanja yang sangat berat.

■1630

Jadi tidak mungkin kita boleh melonjakkan SSL kita dengan mendadak. Ini kerana tidak mustahil dengan- *you know, this is not*, bukan macam *production of handphone* ya. Kalau hari ini tambah *line*, dia boleh terus tingkatan *supply*, tak mungkin. Petani ini dia ada isu cuaca, tanah dan sebagainya.

Kepada Yang Berhormat Bera tentang isu- maaf Yang Berhormat...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kebajikan kepada pesawah.

Tuan Sim Tze Tzin: Kebajikan. Ya lima sosial obligasi, lima sosial obligasi kepada para petani iaitu, contohnya *buyers of the last resort* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera ini akan diteruskan. Ini kerana kita tahu bahawa apa yang perlu kerajaan ini hendak jaga adalah petani, okey. Kita punya komitmen adalah petani kita, dan bukan kepada syarikat-syarikat yang mencari keuntungan. Jadi *our obligation, our commitment* adalah kepada petani. Jadi lima obligasi yang sekarang dikuatkuasakan, akan diteruskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada yang saya tidak berapa faham.

Tuan Sim Tze Tzin: Tak apa, tak apa, cukuplah, cukup lah. Kita *move on*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jika monopoli itu dipecahkan, adakah harga beras akan turun? Kalau harga beras turun, baguslah.

Tuan Sim Tze Tzin: Macam GST lah ya Yang Berhormat, minta supaya- katakan selepas GST, harga barang turun tetapi harga barang naik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak memang ada- 223 barang turun dijawab di sini.

Ini saya tanya, ini saya tanya, betul. Saya tak faham jadi saya tanyalah. Kalau monopoli itu dipecahkan, adakah harga beras akan turun? Itu soalan, *very direct question*. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri tak boleh nak jawab, jawab bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin: Kita akan cari penyelesaian terbaik untuk menjaga para petani dan menjaga industri kita, supaya *supply chain* itu dinamik ya. Terima kasih.

Untuk Yang Berhormat Sabak Bernam isu yang dibangkitkan ialah adalah keperluan baik pulih sistem palung di kawasan Sabak Bernam.

Selain daripada kajian, BPSP telah menjalankan reka bentuk terperinci membina dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan pengairan Sungai Panjang (fasa 2) IADA Barat Laut Selangor. Reka bentuk ini telah selesai dilakukan dan telah ditender pada awal tahun 2019. Projek ini telah bermula pada bulan Mei 2019 dan dijangka tamat pada 21 Mei 2021. Antara pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) membina dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan-kawasan pengairan Sungai Panjang (fasa 2) IADA Barat Laut Selangor. Kerja-kerja yang terbabit adalah menaik taraf tali air tanah kepada tali air konkrit untuk jajaran parit sepanjang 2.27 kilometer di Sungai Panjang. Kerja-kerja reka bentuk telah dilakukan oleh pihak

perunding lantikan BPSP dan kerja-kerja di tapak telah bermula pada 24 Mei 2019. Tujuan projek ini dilakukan bagi memastikan bekalan air ke sawah adalah mencukupi dan memenuhi keperluan petani;

- (ii) menarik taraf tali air *tersier* (palung). Peruntukan bagi RMKe-11 di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sebanyak RM12 juta akan digunakan untuk tujuan menaik taraf dan membaik pulih sebahagian palung-palung di kawasan IADA Barat Laut Selangor; dan
- (iii) menaik taraf struktur pengairan dalam RMKe-11 ini pihak kementerian melalui IADA Barat Laut Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM8 juta melalui projek menaik taraf sistem pengairan di kawasan pengairan IADA Barat Laut Selangor. Projek ini adalah untuk kerja-kerja menaik taraf struktur-struktur pengairan seperti pintu-pintu kawalan air yang dikenal pasti mengalami kerosakan dan kemerosotan dan juga membina dua struktur perangkap sampah di terusan utama. Peruntukan ini juga digunakan untuk kerja-kerja menaik taraf sumber air pengairan iaitu kerja-kerja menaik taraf terusan *feeder* yang bertujuan mengalir dan mendalamkan semula terusan *feeder* bagi memastikan jumlah kualiti dan bekalan air yang mencukupi kepada kawasan pengairan.

Untuk Yang Berhormat Pengerang, isu yang dibangkitkan ialah elaun sara hidup nelayan darat tidak disambung. Bagi perikanan darat, elaun- okey elaun sara hidup nelayan darat diteruskan RM200 sebulan setiap nelayan. Akan tetapi untuk yang di- saya rasa yang dibangkitkan adalah isu yang pemutihan. Jadi daripada segi pemutihan, syarat-syarat pemutihan adalah- mereka haruslah nelayan-nelayan darat itu haruslah, 70 peratus daripada pendapatan adalah daripada aktiviti penangkapan ikan. Sekurang-kurangnya not 25 hari melakukan penangkapan ikan dalam sebulan, bebas daripada dadah, akaun KWSP tidak aktif mencarum, semakan melalui LHDN.

Bagi meminimumkan kesan akibat kawasan perairan yang mengecil, kerajaan bercadang melaksanakan program untuk projek yang boleh memberi kesan jangka panjang untuk meningkatkan sumber pendapatan nelayan seperti projek estet kerang, projek ternakan kupang P-Line, dan projek agropelancongan. Juga menaik taraf jeti pendaratan ikan sedia ada bagi meningkatkan jumlah pendaratan.

Yang Berhormat Tampin, isu yang dibangkit adalah tindakan kerajaan mengurangkan import ikan, bagaimana melibatkan generasi muda di Zon 'A', 'B' dan 'C'. Isu ketiga adalah usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi, dan cara untuk meningkatkan produktiviti negara.

Keempat bagaimana kementerian menangani peruntukan yang tidak sampai kepada pesawah.

Kelima apakah insentif baru yang akan dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan pendapatan pesawah jika pesawah menghadapi perkara yang tidak dijangka.

Untuk makluman Yang Berhormat Tampin, bagi mengurangkan import ikan, kerajaan berusaha menggalakkan pengeluaran ikan dalam negara melalui penggalakan pelaburan dalam perikanan laut dalam dan juga tuna. Selain itu, meningkatkan kolaborasi penguatkuasaan di laut supaya ketirisan ikan dapat dihapuskan.

Bagi menggalakkan generasi muda terlibat dalam industri perikanan, kerajaan berusaha melalui Program Pemodenan *Vessel*, latihan dan program kursus seperti yang dijalankan di Kolej Perikanan Sultan Nazrin, Lumut Perak, dan antara langkah yang meningkatkan pengeluaran padi adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi dengan memanfaatkan peruntukan di bawah program mekanisasi dan automasi kementerian sebanyak RM150 juta dalam Bajet RMKe-11;
- (ii) meningkatkan harga belian padi pada kadar RM1,200 per metrik tan melalui tahun 2014 bagi menggalakkan penghasilan padi yang tinggi, sekali gus meningkatkan pendapatan dalam kalangan pesawah;
- (iii) penggunaan benih padi sah yang berkualiti, di mana RM75 juta diperuntukkan pada setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah yang boleh meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah;
- (iv) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di mana sebanyak RM1.395 bilion diperuntukkan di bawah RMKe-11 untuk meningkatkan produktiviti padi;
- (v) meningkatkan kecekapan bantuan input bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan melaksanakan Program Pemulihan Tanah, *soil profiling* bertujuan mengenal pasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja;
- (vi) membangunkan prosedur operasi standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai yang seterusnya dapat meningkatkan pendapatan petani. Kita tahu bahawa sekarang, selepas tuai, *post-harvest losses* adalah tinggi dan menggunakan mesin-mesin yang tidak efisien menyebabkan *post-harvest losses* yang sangat tinggi;
- (vii) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi menghasilkan *variety* baru yang dapat meningkatkan hasil dan rintangan tahan kepada penyakit;
- (viii) memperkasa aktiviti pengembangan melalui penumbuhan *farmer field school* di bawah Jabatan Pertanian bagi meningkatkan kemahiran pesawah dalam aspek penanaman padi;

■1640

- (ix) selain daripada itu, kementerian juga menggalakkan pesawah untuk melaksanakan penanaman bercampur, *mix cropping* dengan tanaman-tanaman lain yang bersesuaian bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah.

Bagi menangani isu bekalan yang tidak sampai kepada petani, agensi di bawah kementerian iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang telah dilantik sebagai penyelia pelaksanaan skim bantuan kerajaan kepada industri padi bagi pembekalan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) kepada pesawah yang mana sebanyak 198 pertubuhan peladang kawasan memainkan peranan mendaftarkan pesawah-pesawah dan melaksanakan pengedaran seperti ditentukan oleh manual pelaksanaan.

Kementerian melalui PPK sentiasa mengambil langkah-langkah pengawalan bagi mencegah berlakunya penyelewengan dan ketirisan sepanjang aktiviti pengedaran dilaksanakan. Selain daripada mengawasi kaedah pengagihan, kementerian juga sedang giat melakukan usaha pemutihan pesawah bagi memastikan hanya golongan sasaran yang sebenar layak menerima subsidi berkenaan selain pengagihan juga adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar penanaman yang diusahakan.

Yang Berhormat Sabak Bernam...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Boleh mencelah? Tebrau, Tebrau. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut ada berlaku ketirisan dan juga penyelewengan. Adakah ini disebabkan – saya difahamkanlah adalah kerana rekod pesawah di seluruh negara tidak dikemaskinikan sejak 20 tahun yang lalu. Ini adalah salah satu sebab penyelewengan boleh dilakukan kerana di dalam rekod kementerian, pesawah itu kemungkinan sudah tidak wujud lagi.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Isu ketirisan dan penyelewengan ini ada banyak faktor, ia tidak ada satu yang menyebabkan ketirisan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tebrau bahawa memang ada isu-isu tentang rekod sebab orang tua dia sudah tidak bercucuk tanam tetapi saya difahamkan ada pula baja yang dihantar ke rumahnya. Ada pula yang diambil kerana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, mereka telah mengambil baja dan ditukar kulit dan dijual semula.

Ini perkara-perkara yang selalu berlaku dan kita tahu bahawa baru-baru ini SPRM telah membuat serbuan dan telah mendapat gudang-gudang tertentu yang mempunyai baja-baja kerajaan. Ini kita tidak nafikan berlaku. Kita akan terus bekerjasama dengan SPRM untuk terus memastikan bahawa peruntukan kerajaan ini sampai kepada *target* petani. Dahulu mungkin mereka boleh mendaftarkan kawan-kawan mereka, orang-orang tertentu yang berkepentingan yang mendapatkan subsidi, sekarang kita memutihkan.

Pesawah dapat. Pesawah hanya pesawah yang dapat, yang layak dapat dan yang tidak layak jangan dapat. Jangan ambil. Ini akan memberikan – kerana kita tahu bahawa kalau ada penyelewengan, maka dahulu kita boleh bagi lebih banyak kepada petani tetapi ada penyelewengan, duit kerajaan tidak cukup akhirnya yang rugi adalah petani. Kita mahu prinsip

ketelusan dan kebertanggungjawaban supaya petani-petani itu yang layak mendapat baja. Dengan adanya pemutihan dan juga banteras tentang penyelewengan, maka duit kerajaan berlebihan akan disalurkan kepada petani yang betul-betul mengusahakan sawah.

Yang Berhormat sabak Bernam, isu yang dibangkitkan adalah meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa dan pengeluaran kelapa, memastikan bekalan benih kelapa mencukupi. Pembangunan benih kelapa matag dan kelapa pandan adalah seperti:

- (i) penyediaan kawasan untuk pengeluaran benih kelapa di ladang induk dan tapak semaian jabatan pertanian;
- (ii) pengeluaran benih kelapa matag dan kelapa pandan;
- (iii) input-input pertanian seperti baja dan racun perosak termasuk perolehan biji benih;
- (iv) pembangunan infrastruktur dan perolehan peralatan ladang; dan
- (v) pemantapan kepakaran dan promosi benih kelapa matag dan kelapa pandan.

Kedua, pembangunan *blueprint industry* kelapa dan ketiga adalah melaksanakan kajian pewujudan Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia. Peruntukan adalah sebanyak RM1 juta untuk tahun 2020. Cadangan integrasi tanaman di Sabak Bernam. Contoh program yang sedia ada adalah Program Integrasi Nanas yang di mana skopnya adalah pemberian insentif tanaman nanas yang meliputi input pertanian, bahan tanaman...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri boleh?

Tuan Sim Tze Tzin: ...Dan khidmat pengembangan dan kepakaran.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri masa kita tidak ada. Boleh tidak saya cadangkan yang mana tidak ada dalam Dewan ini tidak payahlah jawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Supaya kita boleh...

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Sabak Bernam ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sabak Bernam ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: sebentar tadi ...

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Sabak Bernam tidak ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Sabak Bernam ada di belakang.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ayer Hitam jangan lupa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sabak Bernam ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Ada ya.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Member Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Sim Tze Tzin: Contoh yang sedia ada adalah Program Integrasi Nanas, skop pemberian insentif tanaman nanas yang meliputi input pertanian, bahan tanaman dan khidmat pengembangan dan kepakaran. Cadangan projek untuk tahun 2020 adalah projek peningkatan pendapatan B40 iaitu pesawah, nelayan dan penternak iaitu sebanyak RM30 juta bagi tanaman kontan. *Mix farming* lah. Skopnya adalah tanaman-tanaman kontan terpilih secara insentif yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk input pertanian, kerja-kerja tanah dan penyelenggaraan serta latihan dan khidmat nasihat teknikal.

Untuk pemasaran kelapa. Aktiviti sedia dalam FAMA di Sabak Bernam adalah pembelian kelapa melalui pusat operasi FAMA di sana. Pada ketika ini, FAMA telah membangunkan Pusat Pemprosesan Makanan FAMA (PMMF) Kuala Selangor, untuk memproses kelapa pula menjadi pati santan untuk pasaran setempat dan sekiranya terdapat lebih, kelapa ini dihantar kepada pasaran luar.

Yang Berhormat Pengerang tidak ada. Yang Berhormat Pontian ada. Isu yang dibangkitkan adalah bila SSL negara akan dapat dicapai? Yang Berhormat Pontian, ini isu dasar dan harus dibahaskan dalam peringkat dasar. Akan tetapi tidak apa, kita maafkan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey tidak payah jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah jawab itu.

Tuan Sim Tze Tzin: Tidak apa, kita *gentleman* lah, bolehlah. Buat masa ini kerajaan menyasarkan SSL tidak lebih daripada 75 peratus. Ini mengambil kira keperluan kos yang tinggi untuk membangunkan kawasan-kawasan jelapang baru serta mewujudkan program peningkatan produktiviti. Penumpuan diberikan bagi meningkatkan intensiti pengeluaran padi di kawasan jelapang sedia ada bagi memastikan sekuriti makanan terus terjamin untuk menampung barangan.

Sebarang kekurangan dalam SSL sedia ada, pengimportan daripada luar dirasakan lebih wajar dan kos efektif buat masa ini. Akan tetapi kita akan terus membantu— kalau boleh impian kita adalah untuk meningkatkan hasil petani supaya mereka melipatgandakan hasil. Akan tetapi ini tidak akan mungkin berlaku dalam secara serta-merta. Ia memerlukan masa, cara dan juga penjagaan serta input yang lebih baik dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Tidak ada ya, okey. Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Beaufort tidak ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengerang tidak ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Tampin ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tampin ada.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey Yang Berhormat Tampin ada. Isu yang dibangkitkan adalah penyediaan tanah sesuai untuk usaha orang muda menjalankan projek pertanian. Langkah kerajaan untuk penggunaan teknologi dalam pertanian dan sejauh mana penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan. *Collaborator* bagi teknologi yang dibangunkan hasil penyelidikan dan *transfer* teknologi oleh MARDI. Program Agropreneur Muda telah memberikan banyak bantuan berbentuk barangan kepada usahawan-usahawan muda berumur 18 hingga 40 tahun.

■1650

Walau bagaimanapun, kemudahan tanah tidak disediakan kerana program ini bertujuan menarik minat golongan muda yang mempunyai tanah yang tidak diusahakan atau mereka juga boleh menyewa tanah terbiar bagi tujuan membangunkan projek pertanian yang bersesuaian. Kerajaan amat komited dalam menggalakkan penggunaan teknologi dalam pertanian.

Melalui Jawatankuasa Agro Teknologi dan Ekonomi Digital (JKATED), kementerian sedang merangka dasar dan strategi yang bersesuaian untuk menggerakkan dan menyumbangkan idea-idea ke arah pencapaian Revolusi Industry 4.0 (IR 4.0). Program Entrepreneur Muda juga akan mengenal pasti bentuk bantuan peralatan teknologi yang boleh diberikan berdasarkan syor dan cadangan daripada JKATED itu tadi supaya selari dengan dasar dan hasrat kementerian dalam membangunkan anak muda masa kini dalam bidang-bidang agromakanan.

Teknologi yang dibangunkan bagi tujuan peningkatan produktiviti termasuk padi hibrid MR12H, padi warna MRQ98, tembikai hibrid super hot, varieti hibrid kelapa, *kareka, marena, mileka, karini, maleka, milac*, produk bio *richer* sebagai perapi tanah, teknologi fertigasi halia, *breeze fixer...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Yang Berhormat sebut nama-nama tadi, Yang Berhormat boleh cerita tak, apakah bentuk jenis pokok-pokok—

Tuan Sim Tze Tzin: Bentuk— okey bentuk pelbagai. Nanti saya bawa—

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...sebab tadi disebut nama-nama itu. Ya sebutlah supaya ia bersesuaian dengan nama tempatan. Kadang-kadang kita sebut...

Tuan Sim Tze Tzin: Saya... Boleh, boleh, tapi—

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...nama kajian MARDI tetapi nama tempatan disebut contohnya nama tempatan padi mahsuri. Yang Berhormat sebut jenis kelapa tadi, kelapa itu dengan jenama tempatan bunyi macam mana?

Tuan Sim Tze Tzin: Saya setuju dengan Yang Berhormat. Selalunya—

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...yang sebut ini semua saintifik.

Tuan Sim Tze Tzin: Betul, saya pun setuju. Selalunya saya tegur kepada MARDI dan sebagainya gunalah bahasa orang biasa. Kita jenamakan nama-nama Malaysia. Contohnya, Yang Berhormat Shahidan ya. Kelapa Shahidan boleh? Ini bagus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini sudah bagus. Saya terima kasih tetapi bukan okey. Saya hendak tanya Yang Berhormat, jenis-jenis benih tadi setelah kajian dibuat,

pengeluarannya macam mana? Contohnya kelapa tadi ia boleh mengeluarkan berapa biji satu tandan dan juga satu pokok? Berapa tahun ia boleh *harvest*? Jadi, dengan izin saya hendak minta supaya kita sebut nama-nama ini rakyat akan tengok dia kata ini binatang apa ini? Jadi kita hendak beritahu. Jenis ini 1,000 biji, ini 2,000 biji. Itu lebih mudah. Kalau tidak Yang Berhormat hanya baca pegawai tulis, pening kami ya.

Tuan Sim Tze Tzin: Betul, betul. Saya setuju. Sebenarnya kita ada *brochure*. *Brochure* ini ada diletakkan ini jenis apa, berapa pokok satu hektar, berapa biji...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat bawa tak *brochure* ini? Ada tak?

Tuan Sim Tze Tzin: Ada, ada. Semuanya boleh *download* Yang Berhormat. Yang Berhormat Arau ini jangan terlalu *old school*. Sekarang semuanya *online*. Jadi pergilah ke www...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey *very good*. Jadi petani-petani sekarang kena *download*lah?

Tuan Sim Tze Tzin: *Download, download* www.doa.gov.my. Okey Yang Berhormat, terima kasih ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi petani-petani sekarang kena *download* kajian-kajian yang dibuat?

Tuan Sim Tze Tzin: Boleh. Petani semua celik-celik. Dia pandai. Memang hebat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus, bagus. Jangan bimbang, petani tidak akan bagi undi lagi. Okey, *don't worry*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Yang Berhormat, masa ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Lima minit. Okey, untuk Yang Berhormat Ahli Parlimen Tampin. Yang Berhormat Tampin ada? Untuk isu yang dibangkitkan, berapa nelayan muda sehingga kini? Berdasarkan rekod seramai 1490 orang nelayan kategori zon 'A' berumur antara 18 hingga 40 tahun direkodkan dengan kapasiti NU *boat* di bawah 30 *horse power*.

Selain itu, di bawah Program Agropreneur Muda pula, seramai 23 orang usahawan telah mendapat manfaat program ini sejak tahun 2016 hingga kini dengan jumlah RM470,000 di bawah sektor tanaman ternakan dan industri asas tani.

Yang Berhormat Tampin juga tanya bagaimana menarik minta golongan muda untuk menceburi bidang pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa komited dalam usaha menggalakkan pemuda pemudi menceburi sektor agromakanan yang berkonsepkan perniagaan bagi...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

Tuan Sim Tze Tzin: Okey selepas ini saya akan balik kepada. *Don't worry*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bagi masa kecederaan.

Tuan Sim Tze Tzin: Bagi meneruskan insentif ini, MOA melalui Unit Agropreneur Muda telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas

yang bermula pada tahun 2016 sehingga kini, bertujuan bagi menarik minat pemuda pemudi seluruh negara yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.

Secara keseluruhan, seramai 5449 orang *agropreneur* muda seluruh negara telah menerima kelulusan Program Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 31 Oktober 2019. Pelbagai latihan teknikal berasaskan perikanan turut dijalankan di bawah Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan pada tahun ini bagi memberi pendedahan kepada usahawan selain menarik minat mereka menceburi bidang perikanan seperti kursus ternakan ikan sangkar dan kursus ternakan udang.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu sini, Sibu sini.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya sila.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya tentang *agropreneur* muda ini fertigasi di Sibu kawasan saya sudah ada banyak dilaksanakan oleh pemuda-pemuda di kawasan saya. Mereka menanam cili padi. Jadi masalahnya sekarang ialah hasil yang berlebihan mereka tidak dapat jual. Jadi, bagaimana untuk kementerian untuk membantu mereka memasarkan hasil mereka.

Juga banyak petani di Sibu mereka hendak buat besar-besaran juga ada masalah. Ini kerana kalau hasil terlalu banyak tidak dapat jual. Kita perlu jalan keluar bagaimana menjual barangan kita keluar. Ini merupakan cabaran kita.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Saya nampak bahawa kita nampak ada lambakan di Sibu tetapi di Semenanjung ini kekurangan. Jadi harga cili padi dan juga cili yang lain telah meningkat. Jadi, salah satu cara adalah bagaimana kita memudahkan *supply chain* tersebut. Jadi, Yang Berhormat boleh *contact* FAMA supaya mereka boleh beli dan mereka jual di tempat-tempat lain yang lebih memerlukan.

Akan tetapi saya lebih suka kalau boleh Yang Berhormat mencari jalan untuk *connect* tentang kilang-kilang terutamanya kilang-kilang cili yang mereka selalunya terpaksa import daripada luar negara. Mereka memproses untuk cili maggi dan sebagainya itu cili sos itu yang boleh dilaksanakan. Itu adalah *down strip*. Maksudnya kita harap supaya orang muda ini jangan hanya fokus kepada *midstream*. Kita perlu *midstream* tetapi kita perlu *downstream* juga. *Downstream* itu adalah meningkatkan *value add* kepada produk-produk pertanian.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa FAMA boleh menjalankan tugasnya dengan lebih pelbagai jenis berbanding sekarang mereka hanya bekalkan tamu dan menyediakan beberapa tempat untuk jualkan barangan tempatan. Itu sahaja. Saya rasa mereka perlu perluaskan kerja mereka macam hendak kilang untuk membuat cili sos. Jadi saya rasa FAMA boleh menawarkan projek-projek ini untuk berbincang dengan sesiapa yang berminat supaya bina kan satu kilang di Sibu untuk membantu petani kita.

Tuan Sim Tze Tzin: Itu sebenarnya ada banyak kilang cili sos yang berada di Malaysia dan mereka kebanyakannya perlu import daripada luar negara. Kalau FAMA ada *contract farming* dengan sesetengah pihak, termasuk kilang-kilang pemprosesan. Jadi kita boleh *connect*. Jadi

ada banyak program yang ditawarkan oleh FAMA dan kalau boleh Yang Berhormat kita boleh buat satu taklimat kepada Yang Berhormat tentang peranan dan program-program FAMA.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh Yang Berhormat Menteri minta Pengarah FAMA di Sibu untuk berjumpa saya untuk buat satu taklimat kepada saya.

Tuan Sim Tze Tzin: Boleh, *no problem*. Okey saya teruskan kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, isu nasional tidak dijawab lagi. Kebanyakan isu tempatan ikut Parlimen. Saya minta isu nasional dijawab. Jadi dengan hebatnya.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Arau, ini peringkat Jawatankuasa. Peringkat nasional itu dalam peringkat dasar sudah selesai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ambil masa sebab ini pertanian. *No problem*.

Tuan Sim Tze Tzin: Akan tetapi tidak mengapa. Saya jawab juga kerana kita hendak memberi ruang kepada Yang Berhormat Arau untuk memahami isu-isu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat jangan ikut perangai Menteri lain, jawab bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey Yang Berhormat Ayer Hitam. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam adalah tentang tender membekal, menghantar dan menjalankan kerja-kerja pengkaporan bagi kapur di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) untuk tempoh tiga tahun dan juga tender membekal dan menghantar baja sebatian dan baja urea di bawah Skim Baja Padi dan Kerajaan Persekutuan (SBPKP) untuk tempoh dua tahun.

■1700

Dalam melaksanakan tatacara perolehan ini, pihak kementerian adalah tertakluk kepada peraturan pekeliling sedia ada berkuat kuasa dan mematuhi prinsip-prinsip serta dasar perolehan kerajaan dalam semua urusan berkaitan perolehan antaranya seperti berikut:

- (i) Akauntabiliti awam, *public accountability* – bermaksud perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang sedia ada yang ditetapkan;
- (ii) diurus secara telus *transparent* - bermaksud semua dasar peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas diketahui dan difahami umum selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan;
- (iii) *best value for money*, nilai faedah terbaik – bermaksud pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan;
- (iv) *open and fair competition*, saingan terbuka – bermaksud proses perolehan hendaklah dilaksanakan secara terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing; dan
- (v) adil dan saksama, *fair dealing* - bermaksud sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

Setakat ini, untuk makluman Yang Berhormat Ayer Hitam, setakat ini proses tender secara terbuka masih dalam perjalanan dan tidak timbul isu-isu yang dibangkitkan dan dipertikaikan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin: Ini bukan isu 1MDB, ini bukan isu SRC atau skandal-skandal besar yang Yang Berhormat Bagan Datuk hadapi sekarang. *[Dewan riuh]*

Ini adalah skandal yang proses yang masih berjalan. Dalam proses...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Tuan Sim Tze Tzin: Boleh, boleh, sila.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya minta Yang Berhormat tengok balik Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya tidak hendak Yang Berhormat sendiri memesongkan Dewan. Saya tanya soalan berdasarkan kepada bukti yang ada. Apa Yang Berhormat cakap tadi, semua tatacara kewangan yang dipatuhi. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, perakuan telah dibuat oleh KSU, wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan pun sudah tandatangan, wakil Ketua Pengarah JKR pun sudah tandatangan. Cuma tunggu surat SST dan itu pun boleh dibatalkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya, Yang Berhormat Menteri ini sebenarnya dia mungkin tengah berucap dengan tuan-tuan dan puan-puan dan tidak ingin datang berjumpa dengan Ahli Parlimen. Kita bawa ini supaya kita jaga imej kerajaan yang ada sekarang.

[Dewan riuh]

Tatacara tadi kalau Yang Berhormat kata tatacara kewangan tadi ada tidak sistem songsang?

[Dewan riuh]

Nanti, dengar-dengar. Saya ingat Yang Berhormat Pasir Gudang pun hendak tahu. Kenapa pula sudah dibuat satu tender terbuka, sudah dimuktamadkan tender, saya sudah bagi nombor tender itu 'QT19000000058589'. Kenapa kes ini dibatalkan, orang yang sudah dapat tender itu terus dibatalkan dan digantikan dengan NAFAS, itu pertama.

Kedua, kes itu RM52 juta dan kedua RM1.4 bilion. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri anggap itu sangat kecil perkara '*sap sap so*' dalam bahasa Kantonis, dengan izin, itu saya rasa saya cuma ucapkan *all the best* kepada Pakatan Harapan. Oleh kerana apa yang diucapkan sebelum ini ialah tidak boleh ada rundingan terus.

Persoalan saya kenapa ada tender terbuka sudah dimuktamadkan kemudian terbalik pula buat satu rundingan terus. *[Tepuk]* Ada tidak tatacara kewangan prosedur kewangan yang mana satu dikeluarkan oleh siapa yang membenarkan ianya berlaku.

Kalau Yang Berhormat hendak melindungi Yang Berhormat Menteri biarlah mungkin jaga boss tetapi dalam kes ini kita minta Yang Berhormat Menteri jawab. Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab kerana dia tidak tahu. Saya kalau cakap lagi apa Yang Berhormat Menteri cakap ini, lagi malu.

[Dewan riuh]

Jadi saya minta Yang Berhormat Menterinya sendiri buat pengakuan. Dia kata ini telah dalam peringkat tender terbuka. Dia merayu kepada Perdana Menteri supaya buat rundingan terus. Eh! Apa sudah jadi? Oleh sebab itu saya sudah kata, saya elok-elok membentangkan minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma melayan saya dengan *motherhood statement* sepertimana yang dihuraikan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buang masa, jangan buang masa lah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Apa buang masa kalau itu tidak penting—duduk!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, *you* diamlah, *you* dengarlah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Jadi saya kata saya sabarlah...

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudahlah, jangan buang masa, jangan buang masa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, *you* diamlah. *You* tidak tahu apa.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk. Saya bersabar 45 minit, saya tunggu jawapan walaupun masa sudah habis tetapi saya cuma minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai *junior* saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau tidak boleh jawab secara bertulis kepada kita pun tidak apa. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila...

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order. Point of order.* Tuan Pengerusi, *point of order.* Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik perkataan skandal-skandal besar tadi sebab skandal ini masih dalam perundangan mahkamah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of order* bacalah *point of order* itu. Takkan tidak tahu, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini mengelirukan Dewan, 36(12).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu skandal betullah. Rakyat sudah tahu hangpa dok sapu duit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, duduk, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dok libas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Mampuslah kamu!

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Ini belum dibuktikan lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan, jangan kacau dia.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau keluar kan, makan ubat. Keluar makan ubat lah!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia belum dibuktikan lagi tiba-tiba bercakap macam itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, 36(6) dia kata *hangpa* dok sapu duit. Suruh dia tarik balik. Tidak bolehlah macam itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak, tidak. Yang Berhormat Jelutong cakap tadi *hangpa dok* sapu duit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, ini *floor* Yang Berhormat Arau.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak saya buat 36(6), sangkaan jahat daripada Yang Berhormat Jelutong, *point of order*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kata *hangpa dok* sapu duit ini ialah sangkaan paling jahat dalam dunia.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Hangpa dok* sapu duit, tadi dia cakap tadi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, Yang Berhormat Arau. Tuan Pengerusi, saya dengarlah ada suaralah, suara daripada hantu tetapi saya tidak nampak orang dia. Mana orang itu tidak nampak. Nampak *line* tiga dahululah jadi kita jangan layanlah suara-suara hantu ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi, ini mungkin suara hantu. Kalau dia bukan suara hantu, tentu kena halau Dewan. Ini kita anggap dia suara hantu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana boleh halau Pakatan Harapan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita pun tidak nampak. Saya tidak nampak Tuan Pengerusi, mana satu dekat mana, saya tidak nampak. Jadi, tidak nampak itu kita bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Syaitan-syaitan lah sebelah sana.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pasir Salak hendak suruh cabut mic kah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Amat Berhormat Langkawi kata betullah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Pembesar suara dimatikan]* Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia sebut syaitan lagi, *point of order* itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Unparliamentary*, 'syaitan'. Syaitan tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, dia sebut syaitan itu, *unparliamentary*, *unparliamentary*. Dia kata kat kita.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, duduk, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia kata syaitan sekejap tadi. Saya hendak kata kat dia...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Pembesar suara dimatikan]* Yang Berhormat Pendang, duduk Yang Berhormat Pendang. Baik, terima kasih.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta tarik balik perkataan, 'syaitan' sebenarnya kamu iblis.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk *response* dalam masa tambahan.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk menjawab Ahli Parlimen Ayer Hitam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, bagaimana pula skandal besar Bukit Cina yang DAP *handle* itu macam mana.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Arau, cukuplah. Yang Berhormat Arau, cukuplah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Skandal-skandal besar Bukit Cina.

[Dewan riuh]

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Arau, cukuplah. Hendak dengar kah taknak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kutip duit tetapi ke mana duit pergi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, tidak ada standardlah, tidak ada standard.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Pembesar suara dimatikan]* Saya tidak benarkan celahan-celahan seperti ini. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Tuan Sim Tze Tzin: Aiyo! Saya hendak jawab tetapi Yang Berhormat Arau dan semuanya tidak mahu dengar.

[Dewan riuh]

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Ayer Hitam, tidak betul, tidak batal tender ini. Ini memang dalam proses. Sekarang dalam proses dimuktamadkan oleh MOF. Belum dikeluarkan, belum dimuktamadkan. Jadi ini adalah isu yang proses yang sedang berjalan, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak campur tangan dalam tender proses. Ini dipengerusikan oleh kementerian dan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak campur tangan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya minta ini daripada apa yang saya tanya tadi, ada tidak satu surat dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian bertarikh 7 November, No. Rujukan: KP/PB/R/216 Jld. 14(38). Kalau ianya tiada sila lapor kepada polis kerana ada orang menyamar sebagai Menteri Pertanian. Kalau ia ditandatangani oleh Perdana Menteri ada orang menyamar, Yang Amat Berhormat Langkawi.

Jadi minta tolong kalau ada keputusan hendak buat *u-Turn* balik tidak jadi batal, biarlah cakap secara ikhlas. Jangan pula orang sudah tahu, sudah batal sekarang tidak mengaku. Sudah salah itu okeylah kalau dibuat *u-Turn* demi kebaikan.

■1710

Jadi saya cuma nasihatkan, kalau ada cakap tak ada campur tangan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa ada satu surat bertarikh 7 November 2019 yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri pula jawab pada 8 November 2019. Takkan orang nak siarkan surat, baru Yang Berhormat Timbalan Menteri nak percaya? Itulah, saya nak minta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Padan muka Jelutong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini saya nak tanya, bagaimana Yang Berhormat Ayer Hitam boleh dapat surat-surat tersebut?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mesti ada hantu ini.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya tak boleh jawab Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri selalu dapat rayuan daripada pelbagai pihak. Sesiapa, macam apa yang dapat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, ini bukan surat rayuan daripada orang lain. Yang Berhormat Menteri menulis surat kepada Perdana Menteri, itu yang jadi masalahnya.

Tuan Sim Tze Tzin: Tak, tak. Saya nak bagi tahu...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tanya supaya buat pengesahan sama ada, ada atau tidak? Kalau tidak, ada surat palsu, bukan laporan polis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak tanya, bagaimanakah Yang Berhormat Ayer Hitam boleh dapat surat tersebut? Macam mana dia boleh dapat surat itu?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada hantu raya bagi lah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Macam mana Yang Berhormat Air Hitam boleh dapat surat yang diutuskan? Dengar dahulu, dengar dahulu. Macam mana Yang Berhormat Air Hitam boleh dapat surat yang diutuskan oleh Yang Berhormat Menteri...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Eh! Kami punya suka kami dapat macam mana.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau nak orang tak tahu, jangan buat. Jadi apabila berlakunya sesuatu yang dilaporkan kepada SPRM...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Air Hitam, kalau *you* ambil surat daripada kerajaan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, Yang Berhormat Air Hitam, *you* bagi tahu. *You tell the House how did you get the letter?... [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah tamat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey. Nak selamatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, biarlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Buat laporan terhadap Yang Berhormat Air Hitam.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri merumuskan.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya nak bagi tahu bahawa...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Saya tunggu 45 minit. Soalan yang saya bangkit, dia belum jawab. Tolong jawab soalan saya.

Tuan Sim Tze Tzin: Tak apa, tak apa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kalau surat itu tidak ada OSA, semua orang boleh dapat... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, merumuskan.

Tuan Sim Tze Tzin: Kita sebagai Menteri dan Timbalan Menteri, selalu dapat rayuan daripada pelbagai pihak dan kita panjangkan apa yang rakyat mahu. Dan saya nak bagi tahu juga, Yang Berhormat Ayer Hitam, sekarang dia macam nak lobi, bukan lobi lah tetapi merayu untuk orang-orang yang masuk tender, kata tidak adillah dan sebagainya. Betul ya?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tarik balik Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tak kata lobi. Saya tanya, kenapa pula dibuat rundingan terus setelah proses tender terbuka telah dibuat?

Kalau nak buat *direct nego*, boleh mula daripada atas sebab ada lima prasyarat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sendiri dalam Dewan ini memberitahu, lima prasyaratnya. Saya nak bertanya, kalau nak buat, kenapa tidak dibuat pada awal? Sampai sudah dimuktamadkan, kenapa nak buka tender? Eh! Iklan ini nampak?... *[Menunjukkan lembaran iklan berkaitan]* Dia buka pada 24 Julai 2019, 21 hari. Muktamad pada 29 Ogos 2019. Ini untuk cantik kah apa? Ini untuk apa, kosmetik kah?

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat, saya nak bagi tahu. Proses masih berjalan. Kenapa Yang Berhormat semua kata, "*Oh! Ini sudah tamat?*" Yang Berhormat ini Menteri kah? Duduk dalam kementerian kah? KSU kah? Bukan! Yang Berhormat dengar khabar angin daripada luar dan sekarang menuduh kerajaan pelbagai.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Kita nak bagi tahu, sekarang proses ini masih lagi berjalan. Sekarang, tunggu dimuktamadkan dalam MOF. Okey? Kita tunggu, tunggu. Tunggu apa SST keluar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh! Jadi MOF lah kontrol semua, Yang Berhormat Baganlah kontrol semua ini?

Tuan Sim Tze Tzin: Ini proses lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudahlah. Yang Berhormat Pasir Salak meroyanlah. Pergi bergaduh dengan Yang Berhormat Kuala Kraulah.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Pasir Salak tak tahu kah?... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tak mahu ada gangguan daripada yang lain. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat Pasir Salak bekas Menteri, tak tahu sistem?...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Bagan ini *very powerful* lah sekarang?

Tuan Sim Tze Tzin: ...Buat malu sahaja.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: DAP lah kontrol semua!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Baganlah, DAP lah kontrol semua!

Tuan Sim Tze Tzin: Ini Yang Berhormat Pasir Salak bekas menteri tapi tak tahu tentang prosedur... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua tender Yang Berhormat Bagan DAP lah kontrol lah! Kerajaan Pakatan Harapan ikut telunjuk DAP lah!

Tuan Sim Tze Tzin: Jangan politikkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila rumuskan. Masa telah pun tamat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Eh! Yang Berhormat Pasir Salak, dia PKR bukan DAP, dia PKR.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, saya nak gulung. Kita nak bagi tahu kita ini, seperti mana yang saya kata...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan dalam MOF, untuk *Committee Tender* ada Jawatankuasa Teknikal, ada Jawatankuasa *Legal*, ada Jawatankuasa *Finance*. Yang ini telah diputuskan, apa yang saya difahamkan.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, ini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Nanti sekejaplah, saya nak jelaskan ini. Bila diputuskan, telah diputuskan untuk diaward kepada dalam *open tender*.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey. *This is my floor; this is my floor*. Duduk, duduk.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, baik. Ketiga-tiga jawatankuasa ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, sila duduk Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang, *this is floor* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *I think you* tak tahulah ini. *You* tak tahulah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Panggil Yang Berhormat Menteri jawablah! Saya ingat *you* tak tahulah! Saya nak bagi tahu.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya nak bagi tahu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, peraturan Tuan Pengerusi. Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, minta duduk. Yang Berhormat Pendang, ini *floor* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah respons dan menjawab. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, peraturan. Peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tender ini bukan MOF punya kerjalah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Pi* lah! Daripada semalam menipu sampai ke hari ini hendak menipu! Duduklah kamu!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, kita nak tahu bagaimanakah Yang Berhormat Ayer Hitam boleh memiliki dokumen itu. *This is a very serious matter. How is he got the quotation?*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Eh! *Whistleblower* lah. Kami dapat daripada mana, *you* jangan tanyalah! Tapi kami boleh buktikan dengan tarikh dan sebagainya!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah perkara yang wajib diambil tindakan!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Diamlah! Kita dah dapat tarikh semua cukuplah!

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, saya rumuskan ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini *floor* Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya rumuskan, saya rumuskan. Saya nak bagi tahu, kita ini sebagai Menteri dan Timbalan Menteri termasuk dengan Yang Berhormat Ayer Hitam, ada ramai orang jumpa. Pelbagai rayuan, permohonan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tak tahulah! Tak perlu jawablah!

Tuan Sim Tze Tzin: Ini proses...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak boleh jawablah! Jangan jawablah, cukuplah!

Tuan Sim Tze Tzin: Jangan berlagak tahulah ya! Tolong duduk lah. Ini *my floor*. Saya nak bagi tahu, proses masih berjalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Floor, floor.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, duduklah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* tak jawab!

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Pendang, sila duduk. Kita dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau mengenai MOA, saya boleh bagi tahu. Saya pernah kerja di sana.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya, tapi tak tahu sistem.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tender diputuskan oleh *Tender Committee* di kementerian, bukan di MOF.

Tuan Sim Tze Tzin: Selepas yang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada tender yang nombor satu, tender nombor dua. Tender yang nombor satu diketuai oleh KSU, tender yang bawah RM100 juta kah apa dipengerusikan oleh Timbalan KSU. Kenapa pula MOF nak campur tangan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Dia selepas tender ini selesai di peringkat MOA, dia dimuktamadkan di MOF. Ini tatacara.

Kalau Yang Berhormat Pasir Salak tak tahu tapi saya rasa Yang Berhormat Air Hitam tahu. Ia dimuktamadkan di MOF sebab *payment* atau SST itu dimuktamadkan di dalam MOF kemudian akan dikembalikan kepada MOA untuk dikeluarkan SST. Proses ini belum selesai. Okey? Dalam proses.

Sekarang, pekeliling yang baharu adalah lebih daripada RM50 juta harus dimuktamadkan di MOF. Jadi sekarang, kita dalam proses dan sekarang ada banyak pihak bila dengar- maka dia datang merayu seperti apa Yang Berhormat Ayer Hitam lalui lah. Ada orang pun bagi tahu, merayu, minta tolonglah. Okey, Yang Berhormat Menteri dia baik hati. Dia tolong panjangkan suara kepada pihak-pihak atasan. Ini kita semua tahu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tolong bagi kroni kah tu?

Tuan Sim Tze Tzin: Bagi saya habiskan. Ini *floor* saya, ini *floor* saya ya. Nanti, saya habiskan. Ini *floor* saya.

Yang Berhormat Air Hitam, ada orang pergi jumpa dan mohon bantuan untuk bawa suara kepada Parlimen. Ini tugas Yang Berhormat, saya tidak mempertikaikan. Kami pun ada orang yang datang.

Saya nak bagi tahu, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Bera, mereka pun bangkitkan isu yang lebih kurang sama dalam Parlimen ini iaitu merayu untuk pihak NAFAS, okey? Kenapa, sekarang saya nampak ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh untuk NAFAS tetapi buatlah cara betul.

Tuan Sim Tze Tzin: Tak apa, duduk. Duduk.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, dengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita sokonglah bagi dekat NAFAS tapi buatlah cara betul.

Tuan Sim Tze Tzin: Tengok, tengok apa yang berlaku.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan kita bantah bagi kepada NAFAS.

Tuan Sim Tze Tzin: Ini adalah UMNO dan MCA, semua tidak faham. Apa ini- Muafakat Nasional?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini buat *flip flop*, *flip flop* ini yang menjadi masalah. Tahu, *flip flop*?

Tuan Sim Tze Tzin: Kita ini bawa suara. Jadi saya tidak mempertikaikan Yang Berhormat Air Hitam... [Disampuk] Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tak apa. Saya cuma nak tambah sedikit sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin: *Last, gentleman. Last, gentleman* lah ya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya setuju Yang Berhormat kata tadi. Dalam kes-kes tertentu mungkin ada Yang Berhormat Menteri buat surat sokongan. Apa yang saya maksudkan, yang saya huraikan dengan terperinci tadi, ini bukan kesnya. Itu adalah satu kes yang mana telah dimuktamadkan tender. Sudah buat perakuan dalam- cuma tunggu SST. Adakah ianya bermaksud itu masih dalam proses dan belum lagi dibatalkan? Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya, betul. Jadi saya nak bagi tahu Yang Berhormat Air Hitam, yang *you* kata itu- Yang Berhormat tidak duduk dalam kementerian. Yang Berhormat bukan Menteri, Yang Berhormat bukan Menteri Kewangan. Janganlah...

■1720

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tapi Yang Berhormat bila sebut kata...

Tuan Sim Tze Tzin: Yang belum muktamad, itu belum muktamad.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat biasa berdepan dengan keadaan ini, senario dia lain daripada apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Tidak, tidak. Yang belum muktamad.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *And so...*

Tuan Sim Tze Tzin: Ini adalah apa yang *you* dengar.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Yang Berhormat kata orang cari minta sokongan, ini bukan. Ini adalah satu keputusan yang dibuat Lembaga Perolehan Tender. Sebab itu kalau Yang Berhormat baca balik *Hansard* saya, turuti apa yang saya kata satu persatu.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat tidak duduk dalam *tender board* ya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tanya Yang Berhormat adakah ianya benar.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat ada kawan-kawan dalam *tender board* kah tidak?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya minta pengesahan sama ada ianya berlaku. Kalau ada ketirisan, sila perbaiki.

Tuan Sim Tze Tzin: Kita...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Persoalannya bukan kata NAFAS dapat atau tidak. Kenapa sistemnya jadi terbalik. Terbalik bermaksud kalau sudah rundingan terus, daripada mula atas sebab keselamatan atau lain-lain sebab, dia patut buat. Tidak bolehlah sudah terbuka.

Tuan Sim Tze Tzin: Yang Berhormat, sudah. Okey *that's my point*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Last-last* kita buat rundingan terus. Itu yang saya hendak tanya.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya sudah faham terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dalam rumusan, jawapan dalam peringkat Jawatankuasa. Saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri rumuskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya cadangkan beri kepada NAFAS *direct nego*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan Yang Berhormat Sik belum jawab lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Direct nego* dengan NAFAS.

Seorang Ahli: Kenapa tidak bagi...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Minta soalan saya dijawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah lagi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Daripada awal lagi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Open tender* daripada awal. Lain kali buat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi terus pada NAFAS. Orang tidak pertikai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahun depan bagi pada NAFAS 100 peratus. Tidak payah *open tender*.

Tuan Sim Tze Tzin: Tengok apa yang Yang Berhormat Pasir Salak cakap ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita pun tidak boleh masuk.

Tuan Sim Tze Tzin: Jadi ini isu masih dalam proses. Belum dimuktamadkan. MCA dengan UMNO sekarang tidak sama, *same page*, mereka bergaduh-gaduh. Tapi tidak apa.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya bangkitkan soal rakyat, itu saja. Saya berdasarkan apa yang saya kata Yang Berhormat jawab. Yang Berhormat jawab apa yang saya tanya itu saja.

Tuan Sim Tze Tzin: Baik. Tugas kita.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Takkan melibatkan parti pula. Ini soal mana ada parti, apa yang masuk, tidak ada. Kita tanya kenapa sistem jadi terbalik, songsang. Itu saja. Kita hendak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat telah dijawab. Sedang dalam proses. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ayer Hitam sokonglah bagi kepada NAFAS.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa DAP tidak ambil tindakan kepada Ronnie Liew yang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cuma buat lah cara betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang mengkritik Yang Berhormat Langkawi...

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih banyak kepada semua pada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Ini menunjukkan bahawa dalam Pakatan sudah berlaku popokan iaitu...

Tuan Sim Tze Tzin: Yang tidak sempat saya baca, isu-isu yang dibangkitkan, saya memberi jawapan bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,533,985,900 untuk Maksud B.21, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,533,985,900 untuk Maksud B.21, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,364,024,500 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,364,024,500 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.43 [Jadual] -
Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada menerima beberapa senarai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak memulakan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Daripada sebelah kanan dulu. Saya kena catat nama. Saya hendak memulakan dengan Yang Berhormat Segamat, kemudian Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Kemudian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sebut ya. Siapa angkat tangan. Saya bagi Yang Berhormat Rasah.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas itu siapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas itu.?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, lepas Yang Berhormat Kubang Kerian, saya bagi...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas itu?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas itu Yang Berhormat Sibuti.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Amboi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas Yang Berhormat Sibuti saya jemput Yang Berhormat...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Tebrau. Lepas Yang Berhormat Tebrau, saya jemput Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Tebrau, lepas Yang Berhormat Tebrau?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selepas Yang Berhormat Jelebu, lepas itu saya jemput Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas Yang Berhormat Jelutong saya jemput Yang Berhormat Dungun.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Dungun.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selepas Yang Berhormat Dungun saya jemput...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timr dengan Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas Yang Berhormat Dungun siapa?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur dengan Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya nombor tiga. Lepas itu Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas Yang Berhormat Bandar Kuching, saya kena jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Lepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Ipoh Timur ya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Taiping, minta Yang Berhormat Taiping.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey boleh mula sudah, boleh mula sudah. Boleh mula dulu, boleh mula dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita boleh mulakan dengan Yang Berhormat Segamat. Kita mula 10 minit, kemudian kita akan kurangkan 5 minit. Silakan Yang Berhormat Segamat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Siapa bahas, duduk sampai tengah malam, jangan balik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, boleh tidak saya hendak cadang, tidak payahlah Tuan Pengerusi, terus bagi lima saja, ramai yang dapat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Semua setuju lima minit.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terus lima minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, mula dengan Yang Berhormat Segamat dengan lima minit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, sebelah sini bagi 10 minit, sebelah sana bagi lima minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu tidak adil.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong itu bagi tiga minit saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Ini dia...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, itu tidak adil Yang Berhormat Jelutong. Semua lima minit. Sila Yang Berhormat Segamat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelebu, tiga minit cukup.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong itu tiga minit. Dia tidak ada idea Tuan Pengerusi, dia merepek saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini pandangan yang agak kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Segamat boleh mulakan Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada 10 orang dapat 10 minit. Lepas 10 orang, lima minit.

5.26 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Butiran B.43/P.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu kerana berjaya mengurangkan masa saya. Tapi tidak apa. Butiran 0201 - Kerajaan Tempatan. Walaupun ada kenaikan kepada RM48.9 juta, saya mendapati kerana banyak kerajaan tempatan mempunyai masalah kekangan kewangan dan juga banyak projek-projek dan juga dewan-dewan dan juga keperluannya. Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah wang ini mencukupi ataupun mungkin ada keperluan tambahan kepada kementerian nanti.

Merujuk kepada Butiran 030100 - Bomba dan Penyelamat. Terdapat kenaikan kepada RM874.5 juta. Ini merupakan yang baik tapi pada masa yang sama saya ingin membawa perkara mengenai bomba ini. Kita mendapati bahawa mereka tidak ada satu Suruhanjaya Perkhidmatan Bomba dan ini menyebabkan apabila pangkat dan juga sebagainya, mereka tidak mendapat yang sama berbanding agensi-agensi lain yang mempunyai suruhanjaya seperti polis dan juga sebagainya.

Apabila pangkat mereka adalah tidak sama ataupun tidak seimbang dengan jawatan-jawatan lain dalam kementerian lain khususnya apabila berlaku kes-kes kecemasan dan juga sebagainya. Kita mendapati pegawai bomba itu tidak mempunyai pangkat yang tinggi dan juga sebagainya. Padahal daripada polis dan juga lain-lain mempunyai lebih tinggi.

Maka dia tidak mempengerusikan mana-mana gerak kerja untuk menyelamatkan dan juga sebagainya. Tapi mereka yang harus menyelamatkan, mereka yang harus buat dan juga sebagainya. Maka ini merupakan satu kekangan yang dihadapi oleh bomba dan saya berharap kementerian dapat mengkaji kembali untuk adakan suruhanjaya perkhidmatan untuk bomba. Maka bomba ini akan diberikan keutamaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Seterusnya Butiran 31000 - Perolehan Kenderaan Helikopter dan Kelengkapan Bomba. Dinaikkan kepada RM21 juta. Ini adalah sesuatu yang baik khususnya kepada kawasan-kawasan yang selalunya menghadapi banjir dan juga sebagainya. Kita mendapati kadang-kadang bot-bot dan juga sebagainya adalah sudah usang dan juga sudah tidak ada. Ini satu perkara yang saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri contohnya di kawasan Segamat dan juga sebenarnya selalu banjir ini dan juga kawasan-kawasan yang selalu banjir ini agar kementerian ataupun bomba dapat mengadakan aset-aset tersebut.

Berkenaan dengan 3600 - Kempen Mencegah Kebakaran daripada sifar telah dinaikkan kepada RM300 ribu, bagus. Tapi pada masa yang sama saya rasa ini merupakan suatu yang penting dan saya mencadangkan kepada bomba agar kempen mencegah kebakaran ini jangan kita mula lewat, kalau boleh mulakan di peringkat sekolah lagi di mana kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan agar kita dapat membawa kesedaran ini di peringkat sekolah.

Saya juga ingin membawa perkara mengenai Butiran 030400 - Perumahan Negara. Di mana walaupun ada sedikit pengurangan, saya hendak tahu sebab kita mendapati ialah isu perumahan negara ini adalah suatu yang penting dan juga sebenarnya memerlukan satu perancangan yang baik. Maka saya hendak bertanya kepada KPKT, Yang Berhormat Menteri agar walaupun ada pengurangan ini, maka ianya tidak membantutkan perancangan perumahan negara.

■1730

Saya juga ingin membawa perkara mengenai Butiran 0151 – Program Perumahan Rakyat Bersepadu di mana telah diperuntukkan sebanyak RM517 juta. Perkara yang saya ingin bawa ini contohnya di Segamat ini, kita mendapati ada banyak kekurangan rumah dan juga sebagainya ada proses di mana kerajaan harus menulis proses kepada KPKT dan barulah mereka boleh mencari tanah dan juga sebagainya.

Akan tetapi adakah KPKT bersedia seandainya tanah kerajaan sedia ada akan tetapi kita mulakan *reverse* proses di mana contohnya apabila Ahli Parlimen berjaya mengenal pasti tanah dan juga pejabat tanah dan juga daerah maka tidak perlu tunggu untuk negeri pula memohon. Akan tetapi kita mempunyai dua proses pada masa yang sama KPKT sendiri boleh memulakan proses itu bersama-sama dengan negeri.

Ini satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri, saya rasa itu sahaja daripada saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu yang berjaya mengurangkan lima minit saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Seterusnya Yang Berhormat Tanjung Karang. Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih lima minit sahaja satu isu sahaja.

Tuan Pengerusi: Lima minit.

5.01 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Butiran 020100 – Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Isu kerajaan tempatan ini Tuan Pengerusi ialah mengenai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Ini dalam manifesto Pakatan Harapan pun ada dan semalam dibangkit juga semasa Kementerian Wilayah juga dia ada yang membangkitkan mengenai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Dalam soalan lisan yang daripada saya ini pun banyak ahli-ahli kita tanya mengenai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Hanya saya dapat pengesahan dalam Dewan ini kerana ada menimbulkan kekeliruan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Wilayah dan juga Yang Berhormat Menteri KPKT.

Saya semalam berbangkit bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut ini. *“Tidak akan ada Pilihan Raya Kerajaan Tempatan”* kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *“Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak akan diadakan oleh kerana ia akan mengundang konflik antara kaum dan melebarkan jurang antara bandar dan luar bandar”*. Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ini. Semalam bila dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah telah ini saya bagi *Hansard* ini. Sebenarnya *Hansard* semalam.

Saya sudah *check* balik dan kalau saya silap. *“Tuan Khalid Abdul Samad “Biar saya jawab, biar saya jawab”*. Masa itu saya tengah *argue* dengan dia. *“Kabinet telah memutuskan ini Yang Berhormat Menteri Khalid, Kabinet telah memutuskan soal Pilihan Raya Local Council Election akan dikaji oleh pihak KPKT dan KPKT sudah kata tiga tahun dia akan buat kajian dan sekarang ini dia pun sedang buat engagement. Memang niat kita adalah kita akan melakukan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjamin satu prestasi.”*

Yang dia tambah lagi ini ialah yang mengatakan bahawa Kabinet telah pun meluluskan perkara ini dan juga Tuan Pengerusi Tuan Nga Kor Ming bila saya *argue* saya kata betulkah? Dia kata “ya” dan disahkan oleh Tuan Pengerusi Tuan Nga Kor Ming dia sebut semalam *“Yang Berhormat Menteri telah pun mengulangi ada keputusan Kabinet oleh sebab itu Yang Berhormat Tanjong Karang janganlah bazir masa Yang Berhormat masa sudah tamat.”* Baik.

Sekarang ini Yang Berhormat Menteri Wilayah kata sudah bawa Kabinet dan didengar sendiri oleh Tuan Pengerusi pada masa itu tetapi di dalam jawapan lisan yang bertarikh 8 Oktober ditanya oleh Tuan Wong Chen daripada Subang. Dia punya tanya jangka masa bagi pelaksanaan bagi Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Malaysia. Jawapannya ialah di sini di antara yang saya sebut, *“Untuk makluman Yang Berhormat juga memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dijadualkan untuk dibentangkan pada Jun 2020 dan (pindaan) Akta 171 dijangka akan dibawa untuk kelulusan Parlimen pada bulan Oktober tahun 2020”*.

Tulis kajian kata *“Kajian RINTIS Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2001 setelah kelulusan Jemaah Menteri dan Parlimen diperolehi”* dan di sini mengatakan bahawa *“KPKT sedang mengkaji pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan*

Tempatan dan akan dibentangkan dan akan membentangkan model- untuk dilaksanakan di Malaysia pada Jemaah Menteri.”

Jadi, ertinya kertas kerja ini atau memorandum pada Kabinet belum lagi dibuat kalau ikut KPKT saya tahu yang membuat kerja ini ialah KPKT akan tetapi bila saya jawab Yang Berhormat Menteri Wilayah kata saya bukan Ahli Kabinet saya tahu apa? Jadi saya hendak tanya kepada KPKT yang mana satu betul ini? Jawapan KPKT kah betul? Ataupun Yang Berhormat Menteri Wilayah yang betul? Adakah memorandum ini kepada Yang Berhormat Menteri telah dibuat mengenai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini hendak tanya? Itu yang pertama.

Kedua mengenai ada masa sedikit Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat (PPR). Saya tengok mengambil hendak buat rumahnya PPR ini lambat dan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri yang sudah dua setengah tahun lebih satu rumah pun tidak boleh buat. Adakah kerajaan kementerian bercadang selain daripada hendak buat, beli rumah yang sudah siap. Harga saya tengok harga yang beli rumah yang sudah siap lebih murah kadang daripada rumah yang dibuat. Rumah PPR buat kadang naik hampir RM130,000 RM150,000 akan tetapi rumah kadang-kadang kita beli lebih murah dari dahulu kita beli rumah di Sungai Petani.

Kita baharu beli hanyalah RM86,000 kalau tidak silap saya lebih murah akan tetapi saya hendak tanya rumah yang Sungai Petani sudah beli sudah lama sudah lebih dua tahun adakah sudah mula diisi? Berapakah harga yang akan dijual kepada rakyat? Adakah masih kekal jual dengan harga RM35,000? Dan sistem *rent-to-own* akan dilaksanakan?

Kedua, rumah yang saya tanya juga kepada pihak Kementerian Wilayah pun dia pun tidak boleh hendak jawab saya hendak tanya lagi pada KPKT mengenai pengisian rumah PPR di Kepong. Adakah telah penuh? Adakah pelaksanaan itu dibuat secara *rent-to-own*? Ataupun pembeli terpaksa membuat pinjaman bank ataupun terpaksa membuat pinjaman daripada Yayasan Wilayah ke untuk menduduki rumah tersebut?

Jadi saya hendak beritahu kerana kalau itu berapa banyak rumah yang belum diisi? Jadi saya hendak tekankan di sini KPKT Menteri lebih baik uruskan rumah rakyat rancang baik-baik daripada sibuk-sibuk pergi luar negara hendak suruh hendak tarik pembeli-pembeli luar beli rumah-rumah yang mewah ini untuk apa? Itu biar pemaju buat akan tetapi saya minta KPKT ini mainkan peranan dia untuk memastikan rumah PPR terutamanya hendaklah dilaksanakan dengan segera oleh kerana di bawah sana rakyat masih lagi tertunggu-tunggu banyak yang kita telah lulus akan tetapi masih tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

5.37 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Ada beberapa perkara. Perkara pertama di bawah Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Saya nampak satu peruntukan yang sangat besar daripada tahun sebelumnya RM921 juta naik kepada RM1.22 bilion yang sebahagian besar daripada peruntukan untuk KPKT. Saya hendak tanya kenapa berlaku satu penambahan yang begitu mendadak lebih 30 peratus daripada belanjawan 2019? Apakah ini menandakan ada perancangan mega satu perancangan yang besar untuk pengurusan sisa pepejal di negara kita ataupun kegagalan daripada perancangan sebelum ini termasuk apakah langkah ataupun kempen untuk kitar semula kita telah gagal yang menyebabkan banyak wang peruntukan terpaksa digunakan untuk peringkat pengurusan sisa pepejal.

Saya juga hendak tahu bagaimana dengan pembinaan tidak kira apa nama akan tetapi bagi saya ia insinerator di Tanah Merah saya masih ingat Yang Berhormat Menteri pernah melawat kawasan tersebut walaupun kawasan tersebut terletak di Parlimen Port Dickson bukan di Parlimen Rasah akan tetapi dia bersebelahan sempadan so kalau apa-apa terjadi apa-apa ASAP daripada insinerator tersebut dia akan masuk ke Parlimen Rasah. Jadi, saya hendak bertanya apakah status insinerator di Tanah Merah tersebut?

Perkara Kedua adalah berkaitan dengan Butiran 030600 – PR1MA dan saya gabungkan nya sekali dengan Peruntukan Pembangunan Butiran 001100 – PR1MA juga dan di sekaligus dengan Butiran 40000 – SPNB. Saya nampak peruntukan untuk PR1MA jatuh dan sebaliknya peruntukan untuk SPNB meningkat dengan mendadak. Apakah ia merupakan sesuatu yang diberikan untuk tujuan yang sama diberikan untuk subjek yang sama akan tetapi cuma disebabkan tukar tajuk selepas kerajaan baharu pada tahun lepas mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1740

Keduanya, apakah status pembinaan PR1MA, rumah *apartment* di kawasan Parlimen Rasah iaitu di Bukit Tembok sebab kawasan Parlimen Rasah pun ada rumah PR1MA. Saya juga ada dengar kontraktor dan juga sub kontraktor untuk projek PR1MA di Rantau, Negeri Sembilan yang mengadu dan merungut tentang hutang kepada sub kontraktor tidak dibayar. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, benar atau tidak. Mungkin benda ni khabar angin ini kadang-kadang ia sengaja hendak merosakkan kerajaan, buat khabar angin yang tidak betul. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Perkara ketiga yang saya hendak sebutkan adalah Butiran 040300 iaitu di bawah tajuk sumbangan membantu kadar SMK. Saya nampak ia melibatkan peruntukan yang besar. Tahun sebelumnya RM300 juta dan kali ini RM312 juta. Jadi, saya hendak tanya untuk tujuan apa peruntukan yang lebih RM300 juta ini diperuntukkan dan agensi mana, tujuan apa dibawa wang sebanyak ini lebih RM300 juta diperuntukkan?

Seterusnya adalah berkenaan dengan Butiran 00100 iaitu di bawah peruntukan pembangunan di bawah tajuk projek kecil di kawasan PBT. Saya nampak tahun ini walaupun ada berkurangan sedikit tetapi lebih RM230 juta diperuntukkan. Saya hendak tanya secara spesifik untuk tahun 2019, sebab 2019 diperuntukkan RM338 juta.

Daripada RM338 juta, berapa banyak kah telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Seremban dan berapa banyak juga yang telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Nilai? Sebab Parlimen Rasah melibatkan dua majlis perbandaran yang kedua-duanya bakal digabungkan untuk menjadi Majlis Bandaraya Seremban tidak lama lagi. Jadi, saya mohon spesifik, tahun ini berapa yang telah diberikan?

Sebab saya sendiri telah menerima permohonan daripada Majlis Perbandaran Seremban, memohon untuk menggunakan peruntukan BMR Ahli Parlimen, untuk membantu projek-projek kecil. Jadi saya *suspect* mungkin ada kurang. Kalau kurang mohon bagi lebih. Cuma saya hendak merekodkan di sini juga kekecewaan saya terhadap Majlis Perbandaran Seremban, apabila mohon kepada saya, saya benarkan merujuk kepada ICU untuk peruntukan di bawah projek mesra rakyat Ahli Parlimen tetapi pelaksanaannya, ia patut dilaksanakan oleh MPS semula, dia gagal laksanakan, selepas tiga, empat bulan yang menyebabkan kelengahan. Saya hendak merekodkan di sini dan saya berharap PBT boleh memperbaiki prestasi masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya mohon satu minit tambahan untuk perkara terakhir di bawah Butiran 17400 di bawah program pembangunan Kampong Bharu. Saya nampak kalau dalam buku belanjawan ini, kalau 2019 sebanyak RM85 juta diperuntukkan tetapi tahun ini hanya RM60 juta. Apakah angka ini benar sebab saya difahamkan bukan RM60 dan kekal RM85 juta. Jadi mohon kepastian. Saya juga hendak menegaskan di sini, saya nampak *figure* peruntukan sebenar yang telah digunakan pada tahun 2018 adalah hanya RM33 juta. Padahal saya masih ingat pada Belanjawan 2018, RM77 telah diperuntukkan. Jadi, daripada RM70 juta, kenapa hanya menggunakan RM33 juta? Manakah silapnya?

Saya sendiri hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kaedah pengagihan untuk kampung-kampung baru ini sebab ini penting. Ini sahajalah peruntukan yang ada untuk Kampong Bharu. Sebab walaupun ketua kampung dan sebagainya oleh kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri dia tidak ada dana, tidak ada peruntukan yang besar dan memang tidak ada peruntukan pembangunan untuk Kampong Bharu . Ini sahaja tempat bergantung. Jadi saya berharap supaya mendapat kepastian dan permintaan saya supaya kekal kepada sekurang-kurangnya pada RM85 juta. Hendak tanya macam mana, adakah sama dengan tahun 2019 kaedah pengagihan?

Cuma saya hendak tegur juga ini teguran terakhir berkenaan dengan Kampong Bharu ini. setiap kali saya membangkitkan soalan tentang Kampong Bharu dalam Dewan ini sama ada di Dewan ini ataupun dalam Kamar Khas, PKP untuk Parlimen Rasah akan ditegur oleh pegawai KPKT. Saya tidak tahu apakah silapnya? Mungkin itu caranya untuk menghalang Ahli Parlimen daripada membangkitkan masalah. Secara terus terang saya kata, setiap kali— ini idea saya sebagai Ahli Parlimen tetapi PKP yang dilantik di bawah Parlimen Rasah pula dipersalahkan. Seolah-olah beliau yang memberikan idea.

Ini saya sebut ini pun PKP saya tidak tahu. Kalau dia menonton *online* mungkin dia tahulah tetapi kalau tidak menonton, dia pun tidak tahu apa yang saya sebut. Ini idea saya

sebagai Ahli Parlimen, jadi pegawai dari KPKT sendiri, ia tidak berlaku kepada mana-mana kementerian lain, hanya KPKT ini saya rasa. Saya minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, sabar mendengar dan saya memang suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah sudah tamat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...yang perkara-perkara yang saya sebutkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Seterusnya Yang Berhormat Kubang Kerian. Silakan.

5.45 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 010000. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Segamat bahawa perlunya disegerakan Suruhanjaya Perkhidmatan Bomba bagi menyemak tentang perkhidmatan tangga gaji, pangkat, kebajikan anggota. Oleh sebab saya tengok bomba ini bukan sahaja melibatkan soal kebakaran, pelbagai isu yang melibatkan keselamatan orang ramai, kebakaran, kemalangan jalan raya, banjir, ular dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya diwujudkan unit-unit yang khusus supaya pihak bomba apabila berdepan dengan isu tragedi kebakaran, dia dapat menumpukan kepada tugas utama dan unit-unit lain dapat memberikan pengkhususan kepada bahagian-bahagian yang tertentu.

Butiran 020000 – Kemajuan Persekitaran. Saya hanya ingin menjelaskan tentang selain daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya dapati tidak ada suatu institusi khas untuk menyediakan latihan kepada PBT bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan budaya kerja dalam kalangan PBT. Saya juga ingin bertanya, adakah pihak Jabatan Audit Negara melakukan proses audit kepada semua PBT supaya isu pembangunan, penguatkuasaan dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cara yang betul.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada SMK Kubang Kerian di atas pengiktirafan *World's Largest Lesson (WLL)* menjadikan SMK Kubang Kerian satu-satunya sekolah di Malaysia yang berjaya merangkul anugerah bagi kelayakan menyertai iCAN Global Children's Summit pada 26 November ini di Itali.

Mereka telah berjaya mencipta projek bagi kitar semula sisa makanan menjadi baja tanaman khusus bagi mengatasi isu 16,000 tan makanan yang dibazirkan setiap hari di Malaysia yang boleh menampung 12 juta orang untuk makan tiga kali sehari. Kejayaan ini saya ucapkan tahniah kepada pihak sekolah dan pihak pengurusan kerana mengambil inisiatif terhadap isu-isu semasa yang berlaku dalam negara.

Butiran yang sama saya juga ingin mendapatkan penjelasan kepada kerajaan tentang projek insinerator yang telah pun beroperasi. Ada beberapa buah yang telah pun dibina. Sejauh mana ia telah memenuhi piawaian yang sepatutnya dan sejauh mana kerajaan menyegerakan

bantuan bagi membeli mesin kompak sampah bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu sebelum dibawa ke tapak pelupusan di Bachok, Kelantan.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Kesejahteraan Komuniti. Di bawah Butiran 030400 – Perumahan Negara. Piawaian kemampuan memiliki rumah di Malaysia secara keseluruhannya telah pun merosot kepada MM 5.1 pada tahun 2016, iaitu berada dalam kategori sangat tidak mampu melebihi piawaian yang sepatutnya iaitu MM3.0. Harga medium rumah juga meningkat daripada RM170,000 kepada RM280,000. Kadar ini menyebabkan rumah dalam kategori RM200,000 hingga RM400,000 paling banyak tidak dapat dijual.

Saya ingin mendapatkan butiran daripada kementerian berhubung dengan corak perolehan perumahan di Malaysia pada tahun 2015 hingga tahun 2018. Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mengenai jumlah dan jenis penawaran rumah mengikut kategori dan julat harga. Data ini sebenarnya sangat penting bagi kita melihat sejauh mana penawaran dibuat memenuhi kehendak permintaan sebenar di kalangan rakyat.

Butiran 03000 – Kawalan Kredit Komuniti. Butiran 030400. Tinjauan kestabilan kewangan separuh pertama 2019 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan pertumbuhan hutang isi rumah meningkat 5.1 peratus. Hutang isi rumah pada akhir Jun 2019 menokok daripada 80 peratus kepada 80.2 peratus daripada KDNK atau bersamaan dengan RM1.2 trilion sehingga akhir Jun 2019. Hutang isi rumah Malaysia antara yang tertinggi di Asia jika dibandingkan dengan Jepun hanya 58 peratus, Singapura 54 peratus dan Hong Kong 73 peratus.

Timbalan Gabenor Bank Negara pernah mendedahkan kenaikan hutang isi rumah banyak disumbangkan oleh sektor pinjaman, pembiayaan peribadi yang diberikan oleh institusi kewangan bukan bank atau IKBB atau boleh juga diistilahkan sebagai *shadow banking system*.

■1750

Sasaran utama IKBB ialah dalam kalangan penjawat awam lebih 80 peratus hutang yang diluluskan oleh IKBB kepada penjawat awam adalah mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Adakah pihak kementerian bercadang agar kredit komuniti diletakkan di bawah pemantauan Bank Negara Malaysia sepenuhnya, selaras dengan strategi Literasi Kewangan Kebangsaan, dan dapat mengawal pertumbuhan hutang isi rumah dan mendedahkan kepada risiko kredit. Ia wajar dilakukan bagi memastikan isi rumah tidak terdedah dengan penggunaan kredit yang tidak wajar, dan membebaskan pengguna.

Tuan Pengerusi, saya- oleh sebab masa tidak mengizinkan, walaupun ada beberapa item lagi. Cuma saya ingin kepada dua perkara untuk dapat penjelasan iaitu Butiran 040300 – Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

Sebanyak RM312 juta diperuntukkan dan mohon penjelasan di atas butiran tersebut, apa yang dimaksudkan kerana jumlahnya sangat besar sebanyak RM312 juta.

Demikian juga sewaan CCTV pada Butiran 040400, sebanyak RM11.6 juta diperuntukkan, dan saya mohon perkara ini dapat diperincikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat bagan Serai.

5.51 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat.

Sebanyak lima kebakaran yang berlaku di Parlimen Bagan Serai. Kampung Tebuk Matau, Bagan Seberang, Kampung Tebok Haji Dollah, Kampung Sungai Kepar, semua ini tempat yang tidak boleh masuk jentera besar. Oleh sebab jalan sempit dan di kawasan pendalaman. Jadi, Parlimen melihat perkara ini adalah perkara yang penting kerana ini boleh menyelamatkan orang ataupun kalau lambat datang boleh menyebabkan nyawa boleh hilang.

Parlimen dalam ini kita telah pergi dan memberikan sumbangan dan sebagainya kita menolong dengan pam air dan sebagainya. Saya ingin bertanya, adakah boleh ditubuhkan bomba sukarela di DUN Selinsing dan juga di DUN Semanggol yang tidak ada ketika ini. Dan adakah boleh kerajaan memberikan dana untuk menambahkan pam air bergerak dan juga jentera yang lebih kecil lagi supaya jentera ini boleh masuk ke dalam, bila berlaku kebakaran terutamanya di kampung yang padat. Adakah boleh ditambah pili bomba yang berdekatan. Ini pili bomba tidak ada.

Saya juga melihat bangunan bomba di Bagan Serai, kuartersnya agak begitu lama dan pendawaiannya yang begitu lama dan selalu ada problem, jadi kita dapat lihat ini.

Seperkara lagi tentang ahli bomba, memanglah seperti yang saya dengar daripada perbincangan yang awal ini, mereka ini menempuh risiko setiap hari dan risiko yang sangat bahaya sebenarnya. Jadi, apalah kiranya kerajaan melihat balik tangga gajinya, kebajikannya ataupun insurans khususnya, ataupun melihatlah bagaimana dapat memberikan mereka lebih lagi kelebihan dalam menghadapi kehidupan ini.

Butiran 030600 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Ini di Bagan Serai ada sebanyak 1,200 unit. Macam sudah jadi 'gajah putih' sudah. Jadi, saya hendak tanyalah, sudah siap ini, cantik, besar, luas tetapi sangat sunyi. Jadi, berapa yang sudah terjual sehingga sekarang? Berapa harganya sekarang? Ada pengubahsuaian harga atau tidak? Apakah struktur, apakah strategi kerajaan untuk menjual unit-unit yang berbaki ini. Bagaimanakah tentang pinjaman yang dibuat? Saya diberitahu beberapa orang anak-anak muda pinjaman kena tendang, tidak lulus, jadi tidak beli. Ini satu lagi perkara yang sangat-sangat penting.

Tuan Pengerusi, Butiran 030400 – Perumahan Negara. Ini saya ingin bercakap tentang lambakan rumah mewah, lambakan rumah mewah yang dikatakan hampir RM100 bilion. Banyak itu, banyak itu. Masa buat tidak fikir kah? Masa buat rumah mewah ini tidak adakah kajian yang dibuat, sama ada permintaan dan penawaran ini bolehkah atau tidak bolehkah rakyat Malaysia untuk beli? Ini kerana kita tahu rakyat Malaysia ramai tidak mampu, yang mampu sedikit sangat, yang buat banyak sangat.

Jikalau ramai yang tidak mampu, ini berkaitan dengan kos sara hidup. Kita dapati hari ini, sebenarnya 60 peratus hingga 70 peratus perbelanjaan harian ini, dia bergantung kepada tiga faktor. Pertamanya, dia pergi kepada makanan; kedua dia pergi ke pengangkutan; dan yang ketiga dia pergi kepada perumahan. Jadi, kita haraplah tumpuan diberi sentiasa kepada masalah kos sara hidup, masalah begini dan tidak bermusim dan tidaklah sampai apabila sudah dekat hendak mesyuarat peringkat kebangsaan baru kita hendak buat umpamanya.

Jadi yang saya hendak sarankan, perlu ada petugas-petugas khas, *special team* yang meneliti, yang mengkaji, yang memantau, yang melaporkan dan bertindak secara komprehensif dan efektif. Ini kita hendak tengok ini. Apabila kita buat pelan, selalu apabila sampai masanya tidak dapat, gagal. Akan tetapi, adakah benda-benda yang kita sebutkan tadi berlaku hari ini.

Saya hendak melihat sendiri, kalau kempen yang dibuat untuk jual kepada warga asing umpamanya, bagaimana tentang isu imigresen, bagaimana tentang isu kependudukan, bagaimana tentang isu harta ini. Ini bukan jual komputer, kalau kita jual komputer kepada orang Hong Kong, dia beli komputer rosak, habis cerita. Akan tetapi apabila kita jual rumah kepada dia, maka orang Hong Kong ini ada rumah dan bertapak di negara ini. Ha, macam itu! Sampai bila-bila. Itu harta dia. Ini harta, aset hakiki ini. Adakah pandangan yang meluas dari semua pihak yang penting telah dibincangkan.

Saya ingin sentuh Dasar Perumahan Negara 2018/2025 dengan lima fokus, 16 strategi, dan 57 pelan tindakan. Apakah cadangan untuk jual rumah kepada warga asing seiring dengan Dasar Perumahan Negara? Apakah cadangan ini dapat menangani empat isu dan cabaran besar perumahan negara, dan apakah ia terangkum dalam lima fokus dalam Dasar Perumahan Negara.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutlah tentang yang saya sebut pada awal tadi tentang antara *demand and supply*. Biasanya kalau *demand* rendah, *supply* tinggi harga akan jatuh. Macam jual durianlah. Kalau durian berlonggok banyak, harga durian akan jatuh. Akan tetapi, dia tidak jadi dekat rumah. Kalau durian jatuh berlonggok tepi jalan, selonggok murah sahaja tetapi dia tidak jadi dekat rumah. Saya bimbang apabila kerajaan begitu bersusah payah, sebab apa?

Sebab rangkaian untuk bina rumah mahal ini melibatkan jurutera, arkitek, jurubina, pemaju, pembekal dan sebagainya. Ini besar dan kerugiannya besar. Apabila kerajaan cuba buat banyak pakej untuk menyelamatkan lambakan rumah mahal ini, apakah yang akan wujud *morale hazard*.

Saya bagi contoh *simple* Tuan Pengerusi. Kalau orang jual- pemaju jual rumah kalau dia tidak boleh jual, bagaimana perhatian kerajaan? Dan kalau orang jual goreng pisang, goreng pisang dia tidak laku, bagaimana pula perhatian kerajaan? Yang mana kerajaan lebih perhati? Tentulah pemaju rumah. Sebab apa?

Kenapa orang jual goreng pisang ini goreng banyak-banyak, tidak kira kah berapa orang hendak beli? Hari ini, hari ini hari hujan, siapa hendak makan goreng pisang- umpamanya.

Akan tetapi rumah tidak difikirkan begitu. Jadi saya bimbang takut wujudnya *morale hazard*. Oleh sebab pemaju bina, jual, untung, dia punya. Akan tetapi apabila pemaju bina, tidak boleh jual, kerajaan kena tanggung.

Jadi, ini kita harap kalau betul pemaju hendak buat rumah mampu milik, dia perlu buat satu komitmen. Dia perlu ada kajian antara permintaan dan penawaran. Adakah orang sanggup beli rumah mampu milik itu. Jikalau kerajaan hendak tolong jual rumah yang dikatakan melambak itu, pastikan keuntungannya adalah senipis-nipisnya sebab dia kena belajar tanggung kerugian. Dia kena belajar sedikit *punishment*. Sebab apa? Dia buat rumah dia tidak kira unsur-unsur yang saya katakan tadi. Jadi...

Tuan Pengerusi: Masa sudah tamat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Sibuti.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Eh! Bukan Jelebu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu selepas Yang Berhormat Tebrau.

5.58 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat.

Saya ingin mengetahui dan bertanya kepada pihak kementerian, apakah cadangan saya berkenaan tentang memperkenalkan dan juga mewajibkan pemasangan pili bomba di setiap rumah panjang di Sarawak. Ini memandangkan sejak tahun 2018 dan juga tahun 2019, hampir 30 buah rumah panjang terbakar dan juga kebakaran rumah panjang ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Memandangkan sebuah rumah panjang melibatkan 20 buah pintu hingga 30 buah pintu.

Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan berkenaan tentang- seterusnya pergi ke Butiran 30001 – Pembinaan Bangunan JBPM di Sarawak. Saya ingin mengetahui, mengapakah status pembinaan balai bomba di Batu Niah masih lagi perlahan, dan juga apabila balai bomba ini siap, adakah bangunan balai bomba ini akan dilengkapi dengan jentera dan juga pegawai-pegawai yang bertugas.

Seterusnya, Butiran 31000 – Perolehan Kenderaan/Helikopter dan Kelengkapan Bomba. Adakah pihak kerajaan akan meneruskan cadangan untuk pembelian kapal terbang *Bombardier* memandangkan banyak berlakunya kebakaran hutan di seluruh Malaysia, Sabah dan juga Sarawak, dan saya melihat sendiri pesawat *Bombardier* ini banyak membantu kebakaran hutan di Miri baru-baru ini.

Saya terus pergi kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat, dan juga Butiran 40000 - SPNB.

■ 1800

Ini berkaitan juga dengan kebakaran rumah panjang apabila sebuah rumah panjang ini terbakar, untuk proses membina semula kehidupan ini memakan masa tiga ke empat tahun sekiranya kerajaan tidak membantu pun penduduk rumah panjang untuk membina semula rumah panjang tersebut. Adakah pihak kerajaan telah mengkaji satu polisi sekiranya rumah-rumah

panjang ini terbakar, adakah kerajaan dapat menyediakan peruntukkan khusus bagi pembinaan semula rumah-rumah panjang melalui projek khas SPMB atau projek rumah mesra rakyat? Dan juga projek rumah mesra rakyat ini dibangunkan sebagai rumah panjang di tapak-tapak rumah yang terbakar.

Sebelum ini pihak kerajaan melalui Kementerian Luar Bandar dapat menyediakan peruntukkan program bina baru rumah untuk dijadikan rumah panjang bagi tapak-tapak rumah panjang yang terbakar. Saya merasakan perkara ini sangat penting dan juga saya mengetahui bahawa Yang Berhormat Menteri ada melantik salah seorang ahli Pakatan Harapan di Sarawak untuk melihat berkenaan tentang isu-isu pembangunan rumah panjang tetapi sehingga kini saya belum dapat melihat apakah perkembangan perkara tersebut memandangkan untuk membangunkan sebuah rumah panjang adalah berbeza dengan pembangunan rumah yang biasa kita lihat.

Seterusnya, saya ingin bertanya tentang Butiran 020300 - Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Dan juga saya melihat satu peruntukan yang besar telah diperuntukkan dan juga pada tahun lepas Yang Berhormat Menteri telah menarik perhatian saya apabila menyatakan berkenaan tentang *waste to energy* dan juga adakah projek *waste to energy* ini akan diperkenalkan di negeri Sarawak dan juga Sabah memandangkan tiga projek sedang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan juga adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf tapak pelupusan sampah di Bekenu untuk dimasukkan konsep *waste to energy* ini memandangkan *landfill* yang sedia ada sudah tidak dapat menampung sampah-sampah yang terdapat di *landfill* tersebut.

Juga berkenaan tentang Butiran 04000 - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Berlaku peningkatan yang besar sebanyak RM42 juta. Saya ingin mendapatkan perincian berkenaan program ini berapakah jumlah yang boleh dipohon di negeri Sarawak dan juga khususnya Parlimen Sibuti dan juga apakah bentuk-bentuk program pembasmian yang dilakukan di bawah kementerian?

Akhir sekali, berkenaan tentang Butiran 38000 – PPAM. Saya ingin mengetahui adakah pihak kerajaan akan meneruskan projek tersebut? Dan untuk negeri Sarawak berapakah jumlah projek-projek PPAM yang akan dimulakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang Yang Berhormat Tebrau diikuti oleh Yang Berhormat Jelebu.

6.03 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sertai perbahasan dengan penyentuh Butiran 202300 - Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dengan peningkatan hampir RM300 juta di bawah butiran ini, apakah langkah-langkah akan diambil untuk memastikan negara kita bebas daripada isu pembuangan sampah haram yang telah lama mengganggu kesejahteraan kehidupan rakyat khususnya kesihatan yang dibawa oleh lalat dan juga tikus.

Setelah saya mendengar beberapa isu pembuangan sampah haram di kawasan saya dan melalui kes-kes ini saya mendapati bahawa peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak berkesan untuk membanteras pembuangan sampah haram. Pada pendapat saya, ini sebab hukuman dan denda yang dikenakan ke atas pemilik tanah yang mengizinkan tanah digunakan sebagai tempat pembuangan sampah tidak mencukupi sebagai satu penghalang yang berkesan. Saya meminta pihak kerajaan menggubal atau meminta undang-undang supaya tanah yang digunakan untuk membuang sampah haram boleh disita dan kemudian dijual atau pemilik tanah dipenjarakan sebagai satu inisiatif yang serius bagi pihak kerajaan untuk membanteras isu sampah haram.

Satu isu lagi adalah bagi kawasan saya adalah ada satu kawasan perindustrian Tanjung Langsat di situ ada satu *landfill* yang semua sampah akan dihantar di situ dari kawasan Pasir Gudang ini dijaga oleh Majlis Pemandaran Pasir Gudang tetapi masalahnya adalah *landfill* ini sudah penuh dan masih beroperasi dan ini adalah salah satu masalah yang mengganggu kesihatan penduduk-penduduk sekitar kawasan di situ khususnya Kampung Tanjung Langsat dan juga Taman Kota Masai yang berhampiran. Saya berharap satu langkah akan diambil supaya *landfill* ini ditutup dan kaedah yang lebih berkesan akan diwujudkan untuk menampung sampah-sampah lapuk.

Butiran yang saya akan sentuh adalah Butiran 030200 - Kawalan Kredit Komuniti. Saya meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan macam mana kementerian memastikan kesemua pemberi pinjaman wang berlesen dan pemegang pacak gadai menjalankan aktiviti mereka mematuhi undang-undang dan syarat-syarat KPKT supaya rakyat yang memerlukan kemudahan ini tidak dibebankan dengan kos tinggi atau kerugian sekiranya pelesen menutup kedai dan melarikan diri. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan.

Butiran yang terakhir yang saya akan sentuh ialah Butiran 04001 - Penyenggaraan Perumahan. Maksud butiran ini menunjukkan bahawa anggaran peruntukan pembangunan tahun 2020 adalah sebanyak RM70 juta, peruntukan telah meningkat dengan kadar sebanyak RM59 juta. Peningkatan ini merupakan inisiatif yang baik untuk memperbaiki projek perumahan kerajaan yang sering kali menghadapi masalah kualiti rumah. Namun kerja pembangunan ini mungkin kurang berkesan disebabkan oleh beberapa punca seperti *joint management board*, Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga yang tidak berfungsi dalam mengenal pasti dan menyelesaikan masalah penduduk.

Selain itu, kualiti asal hasil perumahan yang tidak memuaskan juga menyebabkan kos penyelenggaraan yang tinggi kerana sentiasa memerlukan kerja pemuliharaan. PPR Desa Mutiara di kawasan Tebrau merupakan satu contoh yang baik kerana kesemua 22 blok ada masalah pelbagai sejak hari pertama. Saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan macam mana peruntukan RM70 juta akan digunakan dan beberapa projek perumahan telah dikenal pasti untuk diselenggarakan. Itu sahaja daripada saya terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang Yang Berhormat Jelebu silakan.

6.09 ptg.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya terus pergi kepada Pembangunan 43, Butiran 40000 – SPNB. Tuan Pengerusi, peruntukan RM318 juta tahun 2020 peningkatan RM234 juta, pertama saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian pada tahun 2020 Negeri Sembilan dan Parlimen Jelebu khususnya tentang penyenaaraian dan pendetilan projek-projek baharu yang bakal dilaksanakan.

■1810

Yang kedua Tuan Pengerusi, Astro Awani– Timbalan Menteri KPKT pada 2 Disember 2018 buat kenyataan dan mewajibkan kepada semua kerajaan negeri untuk memberikan tanah wakaf di negeri-negeri yang berkenaan bagi digunakan untuk dibina dan dijadikan kawasan perumahan bagi kawasan B40.

Saya minta penjelasan kementerian tentang perkembangan perkataan wajib kepada negeri-negeri sama ada negeri yang diperintah oleh Pakatan Harapan ataupun negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Kedua dalam kepala ini Tuan Pengerusi saya juga kita tahu bahawa tanah wakaf ini sebenarnya adalah di bawah penguasaan kerajaan negeri yakni Majlis Hal Ehwal Agama Islam.

Jadi persoalan saya, saya memohon penjelasan pada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri tentang perancangan dan juga tentang projek-projek perumahan yang akan dilaksanakan di tanah-tanah wakaf di seluruh negara.

Saya ingin membangkitkan satu perkara isu lagi Tuan Pengerusi yakni kawasan di bawah kepala ini di bawah kepala yang sama, di bawah butiran yang sama yakni pada tahun 2018 ketika Kerajaan Barisan Nasional dahulu kita telah kenal pasti satu projek berkelompok perumahan mesra rakyat generasi kedua SPNB di Simpang Durian sebanyak 113 lot kerajaan negeri telah bagi tanah, kerajaan negeri sudah bagi pun geran bagi setiap pemilik 113 dan juga pemilik ini telah ditemu duga oleh SPNB.

Seramai tak silap saya 70 orang kita sudah temu duga, geran kita telah *surrender* kepada SPNB tetapi sampai hari ini projek ini belum berjalan lagi. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang kedudukan projek rumah berkelompok SPNB di Simpang Durian sampai hari ini hendak minta tolong kepada kerajaan supaya pemilik yang telah memiliki geran dan *surrender* geran kepada SPNB untuk kita laksanakan projek ini secepat mungkin. Ini semua penerima ini adalah penerima daripada golongan B40 yang kerajaan negeri kenakan hanya premium minima yakni RM500 ketika Barisan Nasional mengurus tadbir kerajaan Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan kepada kementerian sebenarnya Kementerian KPKT ini antara kementerian yang sentiasa fikir tentang projek perumahan untuk rakyat terutamanya B40. Akan tetapi saya hendak cadang kepada pihak kementerian bahawa projek-projek perumahan B40 ini sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional dulu sudah banyak *launch*

sudah, kita sudah banyak kenal pasti antaranya beberapa projek yang telah saya sebut dan beberapa tempat yang kita kenal pasti sesuai untuk kita bina dengan kos yang begitu rendah. Cumanya saya hendak minta sekarang ini projek yang telah kita kenal pasti itu tidak dapat dilaksanakan ataupun diberhentikan pelaksanaannya sehingga ke hari ini.

Jadi saya hendak minta penjelasan kementerian ada tidak membuat kerjasama dengan KKR umpamanya Kementerian Kerja Raya. Berapa banyak tanah-tanah kerja raya di sepanjang kawasan terutamanya di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Jelevu saya hendak bagi contoh di suatu kampung, Kampung Kerangai namanya. Kawasan tanah kerajaan JKR yang tidak digunakan apabila saya telah kira balik satu persatu kalau kita pecah lot boleh dapat hampir 21 lot Tuan Pengerusi.

Jadi, saya hendak minta kalau kerajaan boleh *collaborate* dengan JKR bagikan tanah ini kepada penduduk kampung sekitar untuk kita agihkan tanah-tanah lot ini maka ini boleh menyelesaikan masalah rumah generasi kedua yang bakal ataupun yang menjadi masalah kepada masyarakat luar bandar. Itu pertama.

Kedua Tuan Pengerusi masalah FELCRA Lakai walaupun ini bukan bawah KPKT tetapi FELCRA tidak ada peruntukan. Tanah kita sudah ada tanah FELCRA dan juga kita sudah tahun 168 unit hendak bina rumah generasi kedua FELCRA. Apa salahnya Kementerian KPKT runding dengan FELCRA buat *collaborate* dan serah kepada KPKT sama ada SPNB dan sebagainya dan kita boleh bina 160 lot ban unit ini dengan rumah kos rendah ataupun kos separa rendah 40,000 atau 60,000.

Ini akan menjadikan supaya masalah generasi kedua rumah-rumah di luar bandar ini terutamanya dan menghalang generasi kedua FELDA dan generasi kedua kampung tradisional ini daripada meninggalkan kampung dan sebagainya. Jadi kawasan Parlimen saya pengundi-pengundi muda tidak lah bertambah kurang dia akan bertambah dari semasa ke semasa Tuan Pengerusi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi saya hendak mohon juga kepada Yang Berhormat Menteri untuk kita buat semakan dan juga beri maklum balas sebenar status sebenar projek-projek tentang rumah-rumah terbengkalai di kawasan Negeri Sembilan, di Jelevu tidak ada semua okey cuma rumah Simpang Durian tetapi di Negeri Sembilan dan juga makluman perkembangan tentang projek-projek rumah terbengkalai di Negeri Sembilan yang telah dan sedang diambil tindakan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelevu. Saya tak boleh baca nama seterusnya ya. Oh! Yang Berhormat Jelutong ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]: Memang Yang Berhormat Jelutong itu saya setuju.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Batu pun ada Tuan Pengerusi, Batu pun ada.

6.15 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020200 – *Solid Waste Management and Public Cleansing*

Corporation. Saya di sini ingin memohon penjelasan di kawasan saya terdapat kawasan Jelutong *landfill* dan saya ingin bertanya bilakah pihak kementerian bercadang untuk menukar kegunaan tempat tersebut kerana saya yakin bahawa tempat itu digunakan secara optimum dan tidak lagi boleh menampung pembuangan sampah.

Walaupun secara prinsipnya telah dipersetujui oleh kerajaan tempatan dan kementerian bahawa pembuangan sampah akan diberhentikan. Akan tetapi kita lihat masih ada lagi sampah sarap daripada pihak-pihak yang tertentu yang masih dibawa dan dilonggokkan di tempat tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa keselamatan Jelutong *landfill* juga menjadi persoalan kerana dewasa ini saya difahamkan bahawa memandangkan tempat tersebut telah digunakan lama ada kecenderungan untuk tempat tersebut dengan izin *give in* yang boleh mengakibatkan masalah dan gejala-gejala yang lain seperti pembiakan nyamuk, lalat dan sebagainya. Saya memohon penjelasan di atas perkara ini. Pada masa yang sama saya ingin merujuk kepada butiran kesejahteraan bandar 030700. Terdapat juga *flat-flat* PPR di kawasan saya di Jalan Sungai flat PPR di mana kita lihat semua, bukan sahaja di Jalan Sungai...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong *one minute, one minute*. Pasal sampah, *solid waste*. Ya, pihak kerajaan tidak bertanggungjawab mengutip sampah pepejal di kawasan industri tetapi di kawasan industri khususnya di Kuala Lumpur sampah dia, isu masalah sampahnya sangat teruk. Sebagai contoh di kawasan Kepong, Taman Industri, Taman Usahawan Kepong. Sampah dia cukup teruk kerajaan tak mahu kutip. Jadi, saya cadangkan kerajaan mengutip fi daripada semua industri ini selepas itu boleh mengutip sampah di kawasan industri. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian kementerian kepada isu flat PPR dan juga tempat-tempat lain terutamanya *flat* PPR di kawasan saya supaya kebersihan di *flat* tersebut diselenggarakan dari semasa ke semasa.

Kita lihat kebersihan tidak diselenggarakan, keselamatan juga tidak diselenggarakan kerana banyak juga tangga dan juga besi-besi pengadang yang terdapat untuk digunakan oleh penduduk-penduduk yang menaiki tangga itu tidak diselenggarakan ada juga yang rosak dan juga yang sudah reput. Saya mohon penjelasan kalau boleh peruntukan dana diserahkan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan pembaikan atas isu ini.

Isu yang lain adalah berkenaan dengan bomba dan penyelamat. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada bomba dan penyelamat di kawasan saya iaitu di Jalan Perak. Saya melihat bahawa mereka sedang melaksanakan tugas dengan begitu baik sekali. Cuma saya ingin memohon supaya kementerian beri perhatian dan juga menyelenggarakan dan dengan izin koordinat dengan pihak berkuasa air. Ini kerana bila adanya cadangan untuk memasang pili bomba yang baru mereka menghadapi masalah untuk memasang pili bomba yang baru kerana terdapat masalah untuk pihak berkuasa air untuk menutup bekalan air untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan pili bomba tersebut.

Butiran yang terutama sekali pada saat-saat yang terakhir adalah Perbadanan PR1MA Butiran 030600. Saya di sini memohon penjelasan daripada kementerian bilakah rumah-rumah PR1MA akan tiba di Pulau Pinang. Perkara ini telah diumumkan daripada kerajaan dahulu kalau kita lihat daripada dulu tiap-tiap kali terdapat pilihan raya Yang Berhormat Pekan akan sampai di Pulau Pinang, di kawasan Bukit Gelugor, di kawasan Ayer Hitam mengumumkan kalau menang pilihan raya Rumah PR1MA, Rumah PR1MA akan dibina. Sampai sekarang habuk pun tak ada.

■1820

So, saya hendak minta penjelasan supaya...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, boleh? Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bagi masa. Saya minta supaya rumah PPR adalah sesuatu yang diperlukan oleh rakyat Pulau Pinang sebagai negeri yang menyumbangkan hasil kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya memohon penjelasan bilakah rumah-rumah PR1MA ini boleh dibina supaya kita dapat menunjukkan kepada rakyat bahawa kita bukanlah kerajaan haprak macam Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, bagilah saya cakap. Bagilah saya masuk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong bagi laluan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, boleh saya celah sedikit tentang PR1MA?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak cakap tidak bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh, boleh saya bagi. Boleh, boleh silakan Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu kah mana?

Tuan Pengerusi: Ringkas, ringkas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau kah Yang Berhormat Jelebu?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai dengan PR1MA, kita lihat beratus juta telah dibelanjakan oleh kerajaan yang lepas dan semua projek PR1MA boleh dikatakan semua gagal. Hari ini kerajaan baru cuba sedaya upaya untuk menyelamatkan semua projek PR1MA ini.

Soalan saya ialah apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan sekarang terhadap mereka yang telah menyalahgunakan dana tersebut? Hari ini kita hendak menyelamatkan PR1MA tetapi pada masa yang sama, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang salah gunakan dana-dana tersebut?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sekian ucapan saya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong janji hendak bagi saya. Bagilah saya. Tuan Pengerusi, boleh saya tanya sedikit pasal PR1MA ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tanya, apakah tindakan yang akan diambil kepada penyalahgunaan dana Bukit Cina yang dikawal oleh DAP.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, dengar dahulu. Saya hendak jelaskan pasal PR1MA ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Arau...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Dungun, silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Arau, apa kena mengena Bukit Cina dengan kementerian ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini penyalahgunaan dana oleh kerajaan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, mahu keluar kah? Tunggulah, hoi!

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Apa salah guna? Apa kaitan kerajaan dengan Bukit Cina?

Tuan Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat Kota Melaka duduk. Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi penyalahgunaan dana, penyelewengan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, belum sampai.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Arau, saya cabar awak. Yang Berhormat Arau, saya cabar awak ulang semula di luar Dewan. Saya cabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya akan ulang sekarang. Sekarang saya akan ulang.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya cabar awak ulang di luar Dewan. Saya cabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya akan ulang sekarang! Saya ulang sekarang!

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Di luar Dewan, di luar Dewan, ulang semula apa Yang Berhormat Arau kata. Saya cabar Yang Berhormat Arau kalau berani luar Dewan ulang. Kalau berani. Kalau awak berani, ulang sekali di luar Dewan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cabar. Saya ulang penyalahgunaan dana Bukit Cina. Kalau awak berani, sekarang awak ...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Baik, saya tidak ada cabaran. Saya hendak suruh duduk dua-dua orang. Silakan Yang Berhormat Dungun.

6.23 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 020000, kemajuan persekitaran di bawah pengurusan sisa pepejal negara dengan peruntukan tahun 2019 RM921,557,700 tetapi peruntukan yang lebih besar diberikan dalam tahun 2020 melebihi daripada RM1.2 bilion.

Jadi, Tuan Pengerusi kita berhadapan pertambahan penduduk, khususnya penghijrahan rakyat ke bandar selain peningkatan taraf ekonomi dan perubahan gaya hidup, kita juga berhadapan dengan penjanaan sisa pepejal. Data menunjukkan jumlah janaan sisa pepejal sehari ialah 36,243 kilogram dan anggaran kadar per kapita sehari ialah 1.17 kilogram pada tahun 2018.

Peningkatan ini sangat drastik jika dibandingkan dengan 0.8 kilogram pada tahun 2005. Persoalannya kita masih belum berjaya melaksanakan konsep 3R atau 4R serta kerjasama dalam kalangan masyarakat masih rendah. Justeru, apakah perancangan terbaru kementerian supaya dapat menurunkan sisa pepejal tahun depan, yakni tahun 2020.

Seterusnya Butiran 01604 - Pemulihan dan Penyelenggaraan di mana peruntukan tahun 2019 ialah RM8,253,689 tetapi peruntukan tahun 2020 hanya RM8 juta. Tuan Pengerusi, saya tidak melihat butiran untuk peruntukan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dalam dokumen anggaran perbelanjaan Belanjawan 2020 ini. Saya ingin memohon penjelasan, adakah TPPM ini masih beroperasi?

Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta peruntukan berjumlah RM17.4 juta daripada TPPM untuk melaksanakan projek menaik taraf skim perumahan di negeri tersebut. Namun di antara syarat yang ditetapkan sebelum ini, Kerajaan Persekutuan menampung sebahagian besar kos, manakala JMB atau persatuan penduduk akan menampung selebihnya. Justeru, saya ingin meminta penjelasan, adakah peruntukan TPPM ini akan diagihkan mengikut negeri. Jika ya, berapakah jumlah peruntukan setiap negeri?

Seterusnya kesejahteraan komuniti di bawah Butiran 030000 - Perumahan Negara. Dengan peruntukan yang telah diagihkan dalam tahun 2019, RM29,516,700 dan peruntukan bagi tahun 2020 dikurangkan kepada RM28,760,600. Tuan Pengerusi, jumlah keseluruhan rumah kediaman yang tidak terjual dalam tempoh separuh pertama 2019 ialah 130,517 unit. Daripada jumlah tersebut, unit *over hang* adalah sebanyak 32,810 unit yang dianggarkan bernilai RM19.76 bilion dan tidak termasuk pangsapuri perkhidmatan.

Pangsapuri perkhidmatan mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam unit *over hang* iaitu 60 peratus iaitu sebanyak 18,186 unit dalam tempoh separuh pertama 2019, berbanding 11,371 unit dalam tempoh separuh pertama 2018. Ironinya, jumlah unit yang telah siap dibina dalam tempoh yang sama juga meningkat 56.7 peratus mencecah lebih 16,000 unit tidak termasuk stok yang sedia ada berjumlah 228,000 dan yang sedang dibina berjumlah lagi 22,000.

Mengapa kementerian tidak mengawal pembinaan pangsapuri perkhidmatan kerana telah berlaku lambakan dan jumlah unit *over hang* yang tinggi. Sementara itu, jumlah rumah kediaman

over hang paling tinggi adalah dalam lingkungan harga RM200,000 hingga RM400,000 iaitu sebanyak 13,059 unit atau bersamaan dengan 39.8 peratus. Kemudian rumah kediaman yang berharga RM1 juta dan ke atas iaitu sebanyak 4,213 unit yakni bersamaan dengan 12.8 peratus.

Keadaan ini menunjukkan rumah yang boleh dianggap sebagai mampu milik berhadapan dengan masalah yang kritikal. Soalan saya, adakah kempen dan langkah pemilikan rumah bagi golongan sasaran rumah mampu milik tidak berkesan? Adakah Kementerian telah menjalankan kajian, mengapa rumah kategori ini banyak tidak terjual? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Silakan.

6.28 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada Butiran 030600 - Perbadanan PR1MA Malaysia. Kita sebenarnya tahu dari *1st March* ke 31 Julai satu diskaun 10 peratus telah diberikan di bawah *Home Ownership Campaign* atau HOC dan tambahannya PR1MA juga telah memberikan diskaun sebanyak 20 peratus rebet. Jadi pada masa itu jumlah diskaun adalah 28 peratus. Dari *1st August* tahun ini, rebet telah dikurangkan kepada 15 peratus dan jumlah diskaun sekarang adalah 23.5 peratus.

Saya memang menyokong apa-apa inisiatif atau insentif untuk mengurangkan kos rumah supaya dapat dibeli oleh rakyat kita semua. Namun begitu, yang mungkin tidak berapa adil untuk pembeli-pembeli awal PR1MA ini yang tidak mendapat rebet atau insentif ini. Saya tahu Yang Berhormat Menteri telah membuat satu dialog dengan pembeli-pembeli awal PR1MA di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jadi saya memang berharaplah satu dialog juga dapat diadakan di Kuching, di Sarawak. Ini kerana di kawasan saya ada juga pembangunan PR1MA di Kuching dan juga seluruh Malaysia.

■1830

Sebenarnya pada Sabtu ini, Yang Berhormat Menteri telah berkata kita akan buat satu dialog di Kuching. Kita telah buat semua persiapan, kita sudah buat publisiti, sudah keluar *press statement*, pembantu saya sudah telefon satu-satu pembeli rumah, 200 lebih kita telefon tetapi tiba-tiba kita mendapat satu telefon cakap, itu haruslah ditunda pada masa yang terdekat.

Jadi saya berharap dan saya menyeru kepada pihak Kementerian jangan lagi tunda, saya harap satu tarikh baru akan diberikan kerana kita kena menjawab kepada rakyat kita. Inilah satu hak mereka dan mungkin kita dapat cari satu *win-win solution*, mungkin lebih memahami isu yang ada dan jangan kita bagi alasan lagi untuk menunda isu yang penting ini.

Seterusnya Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Saya tahu untuk membina satu perumahan mampu milik, tanahnya haruslah digazet oleh Kerajaan Negeri disebabkan ini di bawah bidang kuasa negeri. Saya cuma hendak *update* tentang *progress* di Sarawak, adakah kerajaan negeri telah menggazet tanah untuk pembinaan rumah mampu milik di Sarawak?

Berapa luas tanah yang telah digazet? Berapa luas tanah yang kami telah pohon? Berapa yang telah dibeli, dan berapa buah rumah yang dijangka akan dibina untuk seluruh Sarawak? Ini kerana memang satu perkara yang sangat penting disebabkan semakin banyak migrasi dari luar bandar ke bandar, maka rumah ini amat diperlukan oleh rakyat kita.

Butiran 36000 – Kempen Mencegah Kebakaran. Di Sarawak, tahun ini sahaja dalam beberapa bulan ini, sebanyak 17 kes kebakaran rumah panjang yang kita mengalami kerugian hampir RM11.5 juta, dan yang banyak rugi ini adalah penduduk luar bandar yang kebanyakannya miskin.

Jadi isu ini haruslah ditangani. Kita haruslah melakukan lebih banyak program untuk mendidik penduduk rumah panjang itu bagaimana kita hendak mencegah kebakaran. Mungkin kita harus juga pasang lebih banyak pili air di setiap rumah panjang. Program-program ini haruslah dihadiri oleh semua pihak termasuk tuai rumah, termasuk anggota JKKK.

Saya mendapat berita, ada di kawasan di mana pihak bomba cuba hendak buat program pencegahan kebakaran ini tetapi dilarang oleh Kerajaan Negeri supaya tuai rumah tidak boleh datang. Bagi saya ini merentasi politik. Kita haruslah mengajar penduduk-penduduk kita, rakyat-rakyat kita bagaimana kita mencegah kebakaran ini sebelum kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Butiran 04000 – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Di sini kita memang nampak ada peningkatan yang sangat ketara. Saya memang menyambut baik usaha ini kerana disebabkan urbanisasi, *urbanization* kita banyak migrasi luar bandar ke kawasan bandar terutamanya di kawasan Bandar Kuching, di kawasan saya, jadi saya cuma hendak tanya, apakah pelan-pelan yang ingin dilakukan oleh kerajaan untuk butiran-butiran ini di seluruh negara, bukan sahaja di Kuching. Dan untuk di Sarawak, bagaimana kita boleh bekerjasama untuk menangani isu kemiskinan bandar? Ini satu isu yang sangat besar, dan akan bertambah besar jika kita tidak melakukan, menanganinya dengan betul. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong, dipersilakan.

6.33 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal.

Saya ingin meminta justifikasi, mengapa kementerian masih meneruskan projek pelupusan sampah *waste to energy* di Bukit Payung, Johor sedangkan ia masih mendapat bantahan bukan sahaja daripada penduduk setempat tetapi juga daripada pengkaji sejarah dan pakar geologi.

Mantan Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Johor sendiri telah mengakui bahawa kawasan WTE yang menggunakan teknologi *incinerator* itu akan mengganggu tapak sejarah dan geologi purba yang dikenali sebagai formasi Paloh di Bukit Payung.

Saya juga ingin bertanya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan sekiranya banjir melanda kawasan kampung, di sekeliling tapak projek, air sampah tidak akan membanjiri penempatan.

Kemudian, apakah komen kerajaan mengenai dakwaan teknologi *incinerator* ini akan menyumbang kepada pemanasan global kerana ia membebaskan gas karbon dioksida yang lebih banyak berbanding loji jana kuasa biasa. Jadinya, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab persoalan tersebut.

Seterusnya kepada Butiran 001100 – PR1MA. Setakat September 2019, sebanyak 48,585 unit rumah berharga RM300 ribu ke bawah di seluruh negara masih belum terjual. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada berkata, berdasarkan laporan suku pertama 2019 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, jumlah itu merangkumi 36,512 unit rumah dalam pembinaan, dan 12,073 unit rumah yang sudah siap.

Masalah utama rumah berkenaan tidak terjual adalah kegagalan pemohon terutama daripada golongan B40 dan M40 untuk mendapatkan pinjaman bank. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah relevan di sebalik pengumuman Skim Perumahan Warga Asing semasa pembentangan Bajet 2020 yang lalu, tetapi sebanyak 56 daripada 121 projek perumahan mampu milik yang dirancang semasa zaman Kerajaan Barisan Nasional dengan nilai pembangunan RM25.64 bilion dibatalkan. Selain itu, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam membantu pemohon yang gagal untuk memenuhi syarat permohonan PR1MA untuk turut sama mendapatkan rumah selain daripada apa yang ditawarkan melalui PR1MA.

Butiran 04000 – SPNB. Pada Mei 2019, Malaysia telah bekerjasama dengan beberapa syarikat China untuk membina sehingga 100 ribu unit rumah mampu milik untuk tahun ini bagi menampung keperluan rakyat berpendapatan rendah. Susulan daripada perjanjian ataupun MOU itu, saya ingin bertanya, apakah jaminan bahawa isu pergantungan projek daripada China seperti sebelum ini tidak akan berlaku? Apakah bentuk kajian terperinci yang dilakukan bagi memastikan projek daripada China boleh dipercayai dan syarikat-syarikat mereka berupaya menjalankan projek berkenaan?

Berpanduan daripada rekod *The Edge Property*, golongan berpendapatan pertengahan mampu untuk memiliki rumah pada harga RM260 ribu namun purata harga rumah di Malaysia jauh melepasi angka tersebut. Oleh itu saya ingin bertanya kepada SPNB, sejauh manakah kementerian merancang untuk menjalinkan kerjasama dengan sebuah syarikat bagi membantu pembeli melengkapkan jumlah pembiayaan perumahan tidak mencukupi, dan sebuah lagi syarikat untuk memudahkan pembeli mendapatkan pinjaman.

Apakah sebarang kajian untuk penstrukturan ke atas SPNB, dalam usaha memperkasakan lagi gerak kerja badan berkenaan, dalam masa yang sama mengelakkan berlakunya pertindihan tugas antara agensi di bawah selia KPKT, dan sejauh manakah kementerian dapat merangka pembaharuan bagi memantapkan strategi pemasaran SPNB dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi pembeli kediaman.

Butiran 01604 – Perumahan Negara, Pemulihan dan Penyelenggaraan. Saya ingin tahu peruntukan ini dikhususkan di kawasan perumahan mana? Ini kerana- saya ingin tahu, adakah tidak peruntukan ini boleh disalurkan untuk membaik pulih projek perumahan rakyat termiskin-PPRT di kawasan saya kerana di kawasan saya ada satu kawasan PPRT di Seri Medan dan rupanya agak usang dan didiami oleh warga emas.

Jadinya adakah cadangan untuk membaik pulih, dan bolehkah membaik pulih rumah PPRT di kawasan Seri Medan. Jadinya saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab persoalan-persoalan yang saya utarakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur. Selepas Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Padang Serai.

6.38 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus ke butiran untuk maksud bekalan, Butiran..

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ada, ada.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, boleh ya. Boleh saya teruskan?...

Tuan Pengerusi: Semua ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey, okey bagi saya teruskan dahulu. Untuk Butiran 030500 – Kampong Bharu, yang mana untuk tujuan bekalan diberikan satu peruntukan RM16,190,000, dan untuk bahagian kampung baru ini, Tuan Pengerusi, kita ada 70 orang Pegawai Kemajuan Perkampungan yang kita menamakan mereka sebagai PKP, yang mana kesemua mereka antaranya, sekiranya kurang mereka hendak menjaga lima hingga enam kampung baharu, yang lebih ada yang mencecah lebih kurang 15 hingga 17 kampung baharu, di bawah jagaan mereka, dan tanggungjawab mereka merupakan satu tugas yang amat penting. Mereka memainkan satu peranan yang amat berat.

■1840

Namun demikian, saya difahamkan bahawa gred yang diberikan kepada mereka adalah dalam gred S19 sahaja dan saya percaya bahawa sudah sampai masa untuk menimbangkan semula gred untuk jawatan PKP ini dan saya boleh cadangkan supaya satu gred yang bersamaan dengan penghulu di kampung tradisi iaitu N29 boleh dipertimbangkan.

Pada masa yang sama, untuk maksud Pembangunan Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru dengan butiran yang saya sebutkan tadi. Kita sekarang menghadapi sedikit masalah yang mana ada antara kampung baru yang belum diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada kampung baru di bawah KPKT yang mana di negeri Perak, saya

boleh namakan dua iaitu Kampung Baru Cina Pangkor dan juga Kampung Baru Cina Sungai Pinang Kecil yang mana kedua-duanya tidak termasuk di bawah jagaan KPKT dan bukan di bawah bahagian Pembangunan Luar Bandar pula.

So, ini menyebabkan bahawa jawatankuasa MPKK mereka tidak dapat berfungsi dengan baik dan tidak akan mendapat peruntukan daripada KPKT dan juga elaun pengerusi dan juga jawatankuasanya juga tidak dibayar. So, saya berharap bahawa kerajaan ataupun kementerian boleh mengkaji semula secara keseluruhan di seluruh negara berkenaan dengan status kampung baru yang tidak dimasukkan di bawah Bahagian Kampung Baru di KPKT.

Perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Tuan Pengerusi, negeri Perak merupakan salah satu negeri yang mana sebelum ini tidak mengendorsekan dan tidak menandatangani persetujuan terhadap *Solid Waste Management Act* yang mana satu konsesi akan dilantik.

Akan tetapi pada baru-baru ini, apa yang terjadi adalah saya pun tidak bersetuju yang mana Kerajaan Negeri Perak telah pun melantik sebuah syarikat bernama Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. untuk mengambil alih kesemua kerja tempatan seperti pembersihan longkang, penyelenggaraan jalan, pembersihan rumput dan sebagainya dan *source of fund* yang digunakan, sumber kewangan yang digunakan adalah daripada MARRIS yang mana sekiranya sumber kewangan dari MARRIS ini tidak diberikan kepada pihak berkuasa tempatan, apa yang berlaku adalah mereka tidak boleh menggunakan *fund* itu untuk kerja-kerja mereka contohnya kerja-kerja sambilan kadang-kadang nak membuat penyelenggaraan jalan dan sebagainya.

Pelantikan syarikat bernama Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. ini sememangnya tidak mendapat apa-apa konsultasi dengan pihak berkuasa tempatan. Hanya mengikut arahan daripada kerajaan negeri sahaja dan dalam pada ini, saya berharap bahawa KPKT boleh memainkan satu peranan di negeri Perak sekurang-kurangnya untuk berbincang dengan pihak kerajaan negeri bagaimana kita boleh memastikan bahawa sumber kewangan khasnya daripada MARRIS kepada pihak berkuasa tempatan di negeri Perak ini tidak akan terjejas tetapi apa yang berlaku sekarang, kesemua sumber kewangan tersebut diberikan kepada syarikat konsesi tersebut. Saya memohon supaya pihak KPKT juga tengok bagaimanakah atau ada apa cadangan untuk membantu pihak berkuasa tempatan yang mana sekarang sudah tentu menghadapi masalah daripada segi kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Dengan itu, sekian daripada saya. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai diikuti oleh Yang Berhormat Arau.

6.44 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Butiran 030100 – Bomba dan Penyelamat. Parlimen Padang Serai hanya ada beberapa orang bomba sukarelawan pada tahun 2017, paling sedikit di

negeri Kedah. Apakah insentif yang disediakan kerajaan untuk Ahli Parlimen disebarkan kepada rakyat Parlimen mereka bagi menarik lebih ramai anggota bomba sukarelawan.

Seterusnya Butiran 030200 – Kawalan Kredit Komuniti. Data tunggakan Skim Pinjaman Perumahan SPP menunjukkan Kedah mempunyai tunggakan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain melebihi RM2.8 juta. Apakah tindakan kerajaan untuk membantu meringankan tunggakan bayaran dan memahami masalah mereka. Kedua, masalah pembayaran hutang kredit adalah antara masalah kewangan utama di negara ini. Apakah insentif kementerian untuk mengawal dan mendidik penduduk luar bandar terutama sekali mengenai pengurusan kewangan dan kredit dalam jual beli rumah.

Seterusnya Butiran 030400. Penduduk Kedah meningkat seramai 0.2 juta setiap tahun sejak tahun 2015 tetapi Kedah antara negeri tersedikit terima bantuan bina rumah dan di daerah Kulim masih tiada perancangan pembinaan rumah mampu milik menurut DOSH. Apakah pelan atau rancangan kementerian di negeri Kedah?

Seterusnya, kejadian tanah runtuh selalu terjadi ketika musim tengkujuh hampir setiap tahun. Untuk elakkan kejadian begini berlaku di kawasan rumah-rumah, adakah kementerian bercadang untuk memasang *culvert* dengan izin, di taman perumahan yang berdekatan di kawasan bukit dan parit terutama sekali di kawasan Parlimen Padang Serai.

Apakah rancangan jangka panjang kerajaan untuk menambah rumah mampu milik kepada penduduk B40 di luar bandar seperti di Daerah Kulim supaya kekurangan keperluan mereka untuk pindah keluar daripada daerah mereka.

Itu sahaja daripada Padang Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau, silakan.

6.47 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jumlah rumah PR1MA sewaktu PH mengambil alih pemerintahan adalah sebanyak 38,000 dan jumlah tempahan adalah sebanyak 14,000 dan pada 27 September 2019 yang lalu, PR1MA memperbaharui perjanjian perkongsian bernilai RM3.29 bilion dengan 17 rakan pembangunan untuk mengukuhkan komitmennya menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada rakyat. Perjanjian perkongsian ini adalah untuk bekerjasama secara strategik termasuk aspek jualan dan pemasaran projek bagi menyiapkan projek PR1MA dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Jadi persoalan saya ialah, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membatalkan tempahan PR1MA sebanyak 14,000 tersebut disebabkan terdapat banyak rumah PR1MA yang belum disiapkan serta masih belum terjual dan apakah kesan-kesan yang akan berlaku jika pembatalan ini berlaku?

Mohon juga pihak kementerian menyenaraikan 17 rakan pembangunan yang telah menandatangani perjanjian perkongsian bernilai RM3.2 bilion dan setakat ini, apakah mekanisme yang telah dilakukan di atas pelantikan tersebut. Apakah langkah-langkah strategik yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi menjual rumah-rumah PR1MA yang belum terjual selain daripada *Home Ownership Campaign (HOC)*? Apakah kempen-kempen yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah lambakan rumah yang terjadi?

Tuan Pengerusi, peruntukan bekalan PR1MA telah diberi sebanyak RM20 juta tetapi peruntukan pembangunan hanya diberi RM1 juta daripada RM8 bilion yang telah dipersetujui. Pada tahun 2018, telah diberi RM500 juta. Pada tahun 2019, RM100 juta tetapi pada tahun 2020, hanya RM1 juta. Jadi setelah dilantik pengerusi baharu, setelah dilantik semua orang baharu, kita lihat seolah-olahnya macam ada satu *grand design* untuk menutup PR1MA. Adakah kerajaan bercadang untuk menutup PR1MA dan kalau kerajaan nak tutup PR1MA, apakah yang terjadi dengan tanah-tanah yang telah dibeli oleh pihak PR1MA? Kalau sekiranya kerajaan masih hendak mengekalkan PR1MA, kenapa diberi RM1 juta? Di manakah apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan itu untuk memberi sekian banyak peruntukan dan kenapa setelah ditandatangani perjanjian untuk RM3.29 bilion?

Jadi kita nak tanya, apakah ini satu *grand design* yang dibuat untuk menutup PR1MA? Apakah sama seperti *grand design* yang berlaku sekarang iaitu kita lihat pihak DAP tidak mengiktiraf Parti Bersatu PBM untuk mengetuai kerajaan dengan mengkritik kerajaan habis-habisan termasuk di luar Parlimen dan juga di dalam Parlimen.

■1850

Jadi apakah *grand design* ini sekarang ini berlarut-larut kepada perkara-perkara yang lain. Kemudian yang berikutnya ialah berhubung dengan pemulihan dan penyelenggaraan. Saya minta supaya pihak kerajaan mempertimbangkan termasuk projek kecil dan juga di bawah 00100, mempertimbangkan taman rekreasi Bukit Lagi. Di Malaysia ini Tuan Pengerusi hanya satu negeri saja yang mempunyai bukit dalam pekan. Macam di Ipoh, bukit ada, dia dekat dengan pekan, tetapi bukitnya, separuh daripada bukit itu telah rosak. Kalau kita naik kereta melalui *highway* kita akan lihat telah dirongkah bukit itu dengan teruknya.

Akan tetapi di Bukit Lagi, di Kangar ini, bukit ini betul-betul dalam pekan dan di keliling bukit itu telah dibina oleh kerajaan yang lepas. Bukan maksudnya kerajaan yang lepas, kerajaan BN juga tetapi pemerintah BN yang dulu telah membina jalan di keliling Bukit Lagi. Hanya satu bukit yang kita boleh pergi keliling yang sepanjang 8 kilometer ini dan telah dibina, telah ada asas. Sekarang telah rosak dengan teruk. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memerhatikan supaya Bukit Lagi ini dijadikan satu destinasi utama di negeri Perlis, sebagai negeri yang terhujung dan kadang-kadang dilupakan. Kita lihat bahawa ada negeri-negeri yang mereka wujud cerita-cerita yang menarik berkenaan negeri itu, maka negeri itu menjadi tumpuan dan untuk membina cerita-cerita menarik itu, kerajaan yang membiayainya.

Jadi oleh kerana kita duduk di bawah kerajaan persekutuan dan kerajaan persekutuan mesti mengagihkan peruntukan dengan sebaik-baiknya, adil bagi semua negeri. Kita kena ingat,

kita menuntut supaya kawasan konsesi minyak itu dibagi sama rata kawasan federal. *Anything that* selepas tiga batu nautika ialah hak federal. Jadi kerajaan Perlis juga menuntut hak minyak, pendapatan minyak itu sama seperti negeri-negeri yang lain sebab ini ialah di bawah kerajaan persekutuan bukan di bawah kerajaan negeri. Bawah kerajaan negeri itu hak kerajaan negeri. Bawah kerajaan persekutuan ialah hak kerajaan persekutuan.

Jadi Tuan Pengerusi saya hendak ucap terima kasih dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak datang, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Menteri ini adalah di antara Yang Berhormat Menteri yang baik, yang terbaik kerana telah berjaya membawa kementeriannya ke tahap yang boleh dibanggakan. Kalau sekiranya berlaku apa-apa *reshuffle* dalam Kabinet nanti, kita berharap Yang Berhormat Menteri ini dapat dikekalkan kerana dia telah memandukan dengan baik. Yang Berhormat Menteri Penerangan pun okeylah sebab dia pun datang petang ini kira okeylah. Kalau boleh naikkan pangkat Yang Berhormat Jelutong sebagai Duta Khas ke India bersama dengan Yang Berhormat Segamat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang Yang Berhormat Hulu Selangor, silakan. Diikuti Yang Berhormat Kemaman.

1853 mIm

Puan Leow Hsaid Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya cuba sentuh dua, tiga butiran saja. Terus kepada Kepala Pembangunan P.43, Butiran 00100 dengan peruntukan RM230 juta, projek kecil di kawasan pihak berkuasa tempatan. Apakah mekanisme agihan yang akan dilaksanakan. Adakah secara *one off* serta apakah kriteria bagi pengagihan tersebut. Butiran 04000 – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar mendapat peningkatan peruntukan sebanyak RM16 juta. Adakah program ini hanya memfokuskan masyarakat di bandar. Adakah pihak kementerian juga mempunyai program khusus bagi pembasmian kemiskinan di luar bandar. Tuan Pengerusi, Butiran 04001, Penyelenggaraan Perumahan dengan peruntukan RM70 juta. Adakah akan diberi keutamaan bagi perumahan di kawasan luar bandar terutamanya di Hulu Selangor. Apakah fokus pihak kementerian untuk tahun 2020 bagi penyelenggaraan perumahan di negara kita.

Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat dengan peruntukan berjumlah RM517 juta. Mohon kementerian menyenaraikan kawasan yang akan menerima peruntukan ini. Adakah program ini akan menerima impak pada tahun hadapan disebabkan penurunan sebanyak RM54 juta berbanding tahun ini. Butiran 01604 – Pemulihan dan Penyelenggaraan hanya dapat peruntukan sebanyak RM8 juta. Apakah projek pemulihan yang akan dijalankan menggunakan peruntukan ini. Selain itu adakah projek-projek perumahan terbengkalai akan dikaji semula dan dimulakan sebarang proses pemulihan projek di masa hadapan khususnya di kawasan Hulu Selangor.

Butiran 01605 – Kemudahan Insentif Perumahan menurun peruntukannya sebanyak RM73 juta berbanding tahun lepas. Apakah program insentif yang akan digugurkan pada tahun hadapan dan adakah kementerian akan terus membantu terutamanya golongan belia bagi

mendapatkan rumah pertama. Tuan Pengerusi, Butiran 17400, Program Pembangunan Kampung Baru dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Apakah perancangan kementerian dalam pembangunan Kampung Baru bagi tahun 2020 dan adakah Kampung Baru di Hulu Selangor turut terdapat dalam pembangunan ini. seterusnya Butiran 30000, Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung berjumlah RM40 juta. Hulu Selangor mohon status adakah pembinaan kuarters bomba Bukit Sentosa dapat dijalankan pada tahun 2020. Balai Bomba Bukit Sentosa baru mula berfungsi awal tahun ini tapi tiada disediakan kemudahan kuarters untuk seramai 15 orang staf. Selain itu bagaimana pula dengan permohonan untuk bina satu balai bomba dan penyelamat di Batang Kali.

Tapak bagi pembinaan baharu balai bomba ini telah sedia ada. Permohonan ini masih menunggu kelulusan dari pihak kementerian. Kepadatan penduduk di kawasan Batang Kali kini telah mencecah 50 ribu penduduk. Besar harapan masyarakat terutamanya di Batang Kali agar permohonan ini dapat dipertimbangkan sewajarnya oleh pihak kementerian. Mohon maklum balas daripada pihak kementerian.

Yang terakhir, Butiran 31000 – Perolehan Kenderaan Helikopter dan Kelengkapan Bomba mendapat RM21 juta. Saya juga ingin menyentuh bahawa balai bomba Bukit Sentosa yang baru saja beroperasi, oleh itu mohon pertimbangan pihak kementerian agar dapat membantu menambahkan lagi kelengkapan di balai bomba ini bagi melancarkan lagi perkhidmatan bomba di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang Yang Berhormat Kemaman. Silakan. Lepas ini Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kota Tinggi.

6.56 mlm.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan untuk saya untuk sama-sama membahaskan di peringkat jawatankuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi merujuk Butiran 020200 Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Peruntukan 2020 sedikit menurun sebanyak RM4.8 juta. Saya melihat fokus utama SW Corp ini, termasuk pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam, penguatkuasaan dan program kitar semula 3R yang mana saya ingin menyentuh isu berkenaan. Seterusnya isu berkenaan dengan tapak pelupusan sampah haram dalam negara yang semakin menjadi seumpama cendawan yang tumbuh. Oleh itu saya ingin mengetahui apakah tindakan kementerian dalam menangani isu tapak pengurusan sampah haram ini sehingga mengakibatkan kesihatan penduduk terjejas, sungai tercemar di samping mengotori pemandangan sekeliling.

Saya ingin mengetahui juga beberapa kes sampah haram yang telah dikenakan tindakan dan sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan yang dilakukan dalam menangani masalah ini dengan kerjasama pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan dan sejauh manakah bantuan geran

ataupun peruntukan yang diberi oleh pihak kementerian untuk membantu pihak PBT dalam menguruskan tapak pelupusan sampah ini. Seterusnya Butiran 020300 iaitu Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang mana saya ingin mempersoalkan kelestarian pengurusan sisa pepejal yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Saya lihat peruntukan yang diterima dalam pengurusan sistem pepejal negara meningkat kepada RM1.22 bilion berbanding RM921.6 juta pada tahun 2019.

■1900

Oleh itu saya minta perincian pihak kementerian dengan peruntukan yang besar diberikan ini dan ke manakah peruntukan ini disalurkan?

Kita melihat setiap tahun tapak pembuangan sampah negara kita dipenuhi dengan sisa makanan, lampin buang dan juga sisa kitar semula seperti kertas, botol, tin dan lain-lain turut dibuang. Saya difahamkan bahawa pada tahun 2019 jumlah sampah sebanyak 38,000 tan sehari bersamaan 1.17 kilogram setiap individu di negara kita. Saya lihat ini merupakan satu jumlah yang kritikal berbanding dengan tahun 2005 hanyalah 19 tan sampah sahaja sehari. Saya kira jumlah sampah ini dapat dikurangkan sekiranya cara pembuangan dan pengurusan sampah dilakukan dengan betul dan secara lestari.

Seterusnya saya ingin mengetahui, apakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian bagi meningkatkan dengan konsep kitar semula memandangkan statistik kadar kitar semula dalam negara kita hanyalah 28 peratus sahaja tahun ini. Sekiranya kadar kitar semula dapat ditingkatkan, secara langsung kos pengurusan sisa pepejal kita yakin ia dapat dikurangkan.

Seterusnya dalam Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Saya teruskan dengan Butiran Pengurusan Sisa Pepejal. Apabila diteliti peruntukan yang diterima berkurang juga sebanyak RM25 juta. SWCorp menyatakan banyak makanan yang masih elok dan tidak disentuh dari hotel, penduduk kediaman dan sumber-sumber lain telah dibazirkan. Malahan makanan yang dibazirkan akan terus meningkat apabila bulan Ramadan dan musim perayaan.

Saya ingin mengetahui keberkesanan kempen atau program yang diadakan dalam memberi kesedaran kepada rakyat selain tidak membazirkan makanan malah mengasingkan sisa-sisa makanan. Sejauh mana penglibatan yang diadakan dengan pengusaha-pengusaha yang menyumbang makanan yang tinggi seperti hotel, restoran, kilang makanan. Saya difahamkan juga di Universiti Malaya mereka telah menggunakan plastik yang berlainan warna khusus untuk sisa buangan makanan.

Oleh itu saya ingin mengetahui, sejauh manakah tindakan yang diambil oleh kementerian sendiri dalam menggembelng kan usaha, bukan sahaja memberi kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan pengasingan sisa makanan, malah menyediakan platform yang mudah kepada mereka bagi memastikan konsep pengasingan sisa makanan dilaksanakan dengan teratur dan sistematik. Saya juga ingin mengetahui sejauh manakah usaha sama antara kementerian dengan pihak universiti tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan R&D berkenaan dengan sisa-sisa pepejal termasuk sisa makanan yang dilakukan? Saya kira kaedah menukarkan sampah menjadi baja kompos bukan sahaja menjimatkan kos malah memberi kesuburan kepada tanaman negara seperti mana kaedah pengkomposan Takakura dengan

penstrukturan semula, sepertimana yang dilakukan secara lebih berkesan sepertimana yang dilakukan di Indonesia, Thailand dan juga di Filipina. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lipis.

7.04 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 40000 – SPNB. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2020 sebanyak lebih kurang RM318 juta.

Saya sebenarnya merakamkan ucapan tahniah kepada KPKT kerana pada tahun 2020 ini ada pertambahan ditingkatkan, daripada RM84 juta bagi tahun 2019 kepada RM318 juta dan ini merupakan salah sebuah rumah mesra rakyat, di bawah rumah mesra rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang diperkenalkan satu ketika oleh kerajaan zaman Barisan Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mersing ketika itu dan sekarang Yang Berhormat Mersing dalam kerajaan iaitu Parti Bersatu.

Saya berharap supaya saya mengambil contoh di kawasan saya sendiri semasa pentadbiran Barisan Nasional dahulu, kawasan saya merupakan salah satu kawasan yang mempunyai, mendapat peruntukan yang begitu banyak daripada peruntukan SPNB ini dan setakat hari ini, apabila pertukaran kerajaan ini saya mungkin agak ketinggalan sedikit oleh kerana saya tidak tahu prosedur-prosedur yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Jadi saya di sini bertanya kepada pihak kementerian, apakah prosedur-prosedur SPNB sekarang ini? Saya masih menerima kunjungan yang begitu ramai di kawasan saya untuk memohon SPNB ini.

Oleh sebab ketika kami dahulu, hanya kita mengisi melalui *online* ataupun boleh juga mengisi secara manual mengisi borang dan kita hantarkan kepada SPNB dan dapat menjawab jawapan yang tidak lebih daripada sebulan. Maka kita sekurang-kurangnya kita tahu apakah keputusan ini dan waktu peninggalan pada 9 Mei itu, masih banyak permohonan-permohonan yang dipohon dalam kawasan saya. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian sebagai mana Yang Berhormat Arau katakan, KPKT adalah Yang Berhormat Menteri yang bertimbang rasa dan dapat menjalankan tugas dengan baik. Jadi, saya mengharapkan supaya jawapan-jawapan dapat diberikan terus bagi proses-proses keseluruhan seterusnya oleh kerana di kawasan saya masih lagi menunggu jawapan-jawapan daripada kementerian itu sendiri.

Saya hendak pergi kepada Butiran 30000 iaitu kesejahteraan komuniti. Saya dapati ada kawan-kawan yang menghubungi saya, minta bantu bahawa kita hari ini banyak sebenarnya sama ada rumah *flat* ataupun kondominium ataupun *apartment* sudah semestinya menggunakan lif dan juga merupakan tinggi kedudukannya. Maka masalah yang dihadapi adalah selalu rungutan daripada rakan-rakan saya masalah lif dan juga masalah air yang sering terputus apabila kawasan ini tinggi.

Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian peruntukan yang begitu besar ini RM975 juta lebih kurang, RM975 juta hampir RM1 bilion dan adakah pihak kementerian juga dapat membantu *apartment-apartment* selain daripada *flat-flat* yang dibiayai oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, saya hendak tanya yang terdekat. Sebagai contohnya rakan-rakan daripada Putra Villa Kondominium yang sering bermasalah lif, yang selalu lif ini rosak dan adakah pihak kementerian dapat membantu dalam hal ini kerana memandangkan *commissioner of building* dalam bahasa Melayu nya, pesuruhjaya bangunan yang menguruskan di kondo ini.

Akan tetapi sedangkan kita ada melantik pihak *management* yang dibayar lebih kurang hampir RM500 sebulan. Akan tetapi kenapakah perkara-perkara ini berlaku? Sepatutnya pihak komuniti sendirilah yang membuat keputusan umpamanya dan juga ada sesetengah kondominium ini mempunyai kedudukan kewangan yang tinggi tetapi tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik. Jadi, adakah pihak KPKT akan melaksanakan untuk membantu dalam hal ini. Sebagai contohnya dia akan boleh diselesaikan secara segera bagi yang mengalami masalah.

Ini saya sebutkan satu contoh sahaja. Akan tetapi mungkin contoh-contoh lain lebih banyak lagi yang berlaku perkara ini. Saya berharap supaya pihak kementerian dapat membantu hal ini memandangkan apabila berlaku perkara-perkara seperti ini, berlakulah penjualan ataupun penyewaan di Putra Villa ini. Saya dimaklumkan bahawa penyewaan terlalu banyak kepada warga asing dan warga asing ini adalah terdiri daripada Bangla.

Saya tidak menghalang perkara ini akan tetapi akan tetapi inilah punca-punca salah satu lif ini rosak dan berlaku kecurian yang amat ketara di Putra Villa ini dan lif ini rosak juga oleh kerana sikap mereka itu kerana satu rumah itu, mereka tinggal lebih kurang sampai 16 orang, 20 orang. Maka sudah pastilah tidak dapat dijaga dengan rapi dan mungkin boleh diminta kepada kementerian bantu sekuriti yang lebih baik diberi nasihat supaya pihak *management* ini dapat melaksana tugas mereka.

Terima kasih Tuan Pengerusi dan dapat saya berbahas dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Taiping, kemudian Yang Berhormat...

7.09 mlm.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Taiping mula dengan ucapan tahniah kepada KPKT atas Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM200 sebulan. Satu tanda penghargaan kepada 14,400 anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang sentiasa berkhidmat dengan peruntukan RM35 juta.

■ 1910

Ini merupakan satu inisiatif yang jelas membuktikan keprihatinan kerajaan baharu terhadap anggota perkhidmatan awam. Besarlah harapan saya, pemberian elaun khas akan diperluaskan kepada anggota perkhidmatan awam di jabatan lain, mengikut keperluan dan berasaskan prestasi perkhidmatan masing-masing.

Seterusnya, Butiran 31000 - Perolehan Kenderaan/Helikopter dan Kelengkapan Bomba, di mana RM21 juta diperuntukkan untuk perolehan kenderaan- helikopter dan kelengkapan bomba.

Sejak 10 tahun yang lalu beberapa buah bangunan tinggi dan kompleks membeli-belah moden telah dibangunkan di kawasan Taiping. Tidak lupa juga kilang-kilang pembuatan yang besar saiznya seperti *Toyo Tyre*, *Spritzer*, kilang air mineral semula jadi, kilang sarung tangan, dan sebagainya. Jadi, Taiping terpanggil untuk membangkitkan keperluan Jabatan Bomba Taiping dan Kemunting dinaik taraf daripada segi kelengkapan moden demi menangani insiden-insiden yang bakal dihadapi.

Beralih ke Butiran 040400 - Sewaan CCTV. Didapati hanya separuh sahaja peruntukkan tahun 2020, berbanding tahun 2019 dengan penurunan sebanyak RM10.58 juta. Adakah ini satu penjimatan yang tercapai? Jadi, minta perincian daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana pihak kementerian mencapai peratusan liputan kamera litar tertutup dalam kawasan PBT pada tahap yang sama iaitu 85 peratus, dengan kos sewaan separuh sahaja berbanding tahun sebelum ini.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 00500 - Pengurusan Sisa Pepejal. Keadaan tapak sisa pepejal Majlis Perbandaran Taiping di Matang adalah kritikal kerana hampir penuh. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Majlis Perbandaran Taiping telah mengeluarkan tawaran secara terbuka, *request for proposal* untuk pengusaha-pengusaha yang berminat dengan konsep *waste to energy*. Sementara menunggu tawaran yang terbaik, saya memohon pihak KPKT turut membantu dan memberi panduan demi mencapai penyelesaian yang terbaik dalam pelupusan sisa pepejal melalui konsep *waste to energy*, demi kelestarian alam sekitar.

Seterusnya ke Butiran 00100 - Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan peruntukkan sebanyak RM230.5 juta, Taiping mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9 juta kepada MPT untuk menaik taraf Pasar Besar Taiping, semasa lawatan Yang Berhormat Menteri ke Taiping pada bulan April yang lalu.

Untuk makluman Jawatankuasa, Pasar Besar Taiping adalah premis pasar tertua di Malaysia yang dibina sekitar tahun 1880-an. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa Majlis Perbandaran Taiping telah menawarkan kepada *conservator* untuk melaksanakan kajian laporan dilapidasi Pasar Besar Taiping berdasarkan keperluan garis panduan Jabatan Warisan Negara. Kerja ini sedang berjalan lancar. Selepas menyediakan laporan kajian tersebut perunding akan mereka bentuk berdasarkan laporan tersebut dan skop kerja.

Saya mewakili seluruh warga Taiping menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri serta Kerajaan Pusat atas sokongan demi merealisasikan usaha menaik taraf semula Pasar Besar Taiping yang berbentuk *heritage* demi mengekalkan nilai tradisionalnya dan terus menjadi tarikan utama industri pelancongan Bandar Warisan Sejarah Taiping. Itu sahaja isu yang saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran?... Yang Berhormat Maran tiada? Yang Berhormat Tumpat?... Silakan.

7.15 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkasnya saya ingin menyentuh Butiran 030400 - Perumahan Negara.

Pertama sekali, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai peruntukkan bahagian aset yang telah dinaikkan daripada RM1,000 sahaja, kepada RM191,500 apakah perincian untuk peruntukkan di bahagian ini?

Seterusnya, saya tertarik untuk menyatakan sokongan terhadap program *Home Ownership Campaign* (HOC) pihak kementerian yang telah dilanjutkan sehingga penghujung tahun ini. Soalan saya, berapakah kos yang telah digunakan bagi menampung *stamp duty exemption* tersebut? Berapakah sasaran asal unit hartanah, dan berapa unit yang telah di terjual kepada pasaran di bawah program HOC ini? Dan apakah usaha kerajaan supaya langkah ini ada *give and take* antara pihak kementerian dengan pihak pemaju dalam usaha mengurangkan lambakan, *overhand properties* dalam pasaran hartanah hari ini. Mohon penjelasan kementerian.

Seterusnya di bawah butiran sama, berkenaan dengan cukai keuntungan harta tanah-CKHT. Saya menyambut baik langkah kerajaan meletakkan nilai pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan bagi pelupusan harga tanah yang diperoleh sebelum tahun 2013, dan telah mula dikuatkuasakan pada 12 Oktober yang lalu. Cuma saya ingin bertanya, apakah kementerian menetapkan satu mekanisme bagi meletakkan satu garis yang memisahkan kelompok spekulator, dan kelompok *long term property investment*. Ini kerana caj CKHT itu tetapi sama tidak mengira berapa banyak hartanah yang dilupuskan selepas tempoh tertentu. Justeru, perlu ada satu mekanisme yang memisahkan kedua-dua kelompok ini. Mohon perhatian pihak kementerian.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyentuh Butiran 020300 - Pengurusan Sisa Pepejal Negara Tuan Pengerusi. Peruntukkan di bahagian aset dan pemberian kenaan bayaran tetap telah mendapat kenaikan. Bahagian aset mengalami peningkatan daripada RM5,000 kepada RM14,700. Manakala bahagian pemberian dan kenaan bayaran tetap telah meningkat daripada RM900 juta kepada RM1.2 bilion. Justeru, mohon perincian kementerian berkenaan peruntukkan yang dimaksudkan itu.

Perkara seterusnya, saya ingin bangkitkan adalah berkenaan isu pengurusan sesi pepejal khususnya di kalangan isi rumah. Soalan saya, berapakah kadar kitar semula sisa pepejal ketika ini, dan apakah sasaran yang diletakkan oleh kementerian? Apakah bentuk kempen yang telah dirancang oleh pihak kementerian bagi meningkatkan kesedaran untuk mengasingkan sisa pepejal di kawasan-kawasan perumahan, termasuklah di sekolah?

Selain isu pengasingan sisa pepejal, saya juga ingin mendapatkan respons kementerian berkenaan kempen pengasingan minyak masak terpakai. Saya menyambut baik komitmen yang dilaksanakan secara usaha sama di antara pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan

CIMB sejak tahun 2017, yang menjalankan projek pengumpulan minyak masak terpakai untuk dihasilkan biodiesel.

Justeru itu, saya ingin bertanya, apakah kementerian berhasrat untuk mengangkat projek ini ke Peringkat Persekutuan supaya ia lebih menyeluruh dan mempunyai capaian sasaran yang lebih meluas. Perkara ini boleh dilakukan dalam kerjasama yang erat antara pihak pemain industri dan pihak komuniti. Mohon pandangan kementerian dalam soalan ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 04000 - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Apabila saya merujuk laman web KPKT, paras garis kemiskinan, PGK, masih mengguna pakai PGK pada tahun 2004 iaitu RM940 bagi isi rumah dalam definisi miskin.

■1920

Manakala miskin tegar adalah di bawah pendapatan isi rumah RM580 sahaja. Apakah kementerian masih mengguna pakai PGK yang sama atau sudah ada peningkatan tahap PGK. Jika ada, mengapa ia tidak dikemas kini bagi kita merujuk paras PGK yang terkini.

Saya juga ingin bertanya, selain program baik pulih rumah daif di bandar dan kiosk penjaja bandar, apakah program-program baru yang dirancang oleh pihak kementerian bagi menasaskan kelompok mudah miskin khususnya di bandar-bandar utama.

Akhirnya, saya juga ingin mendapat penjelasan kementerian dari sudut pengagihan program pembasmian miskin bandar ini ke seluruh negara. Sejauh manakah pengagihan itu dilakukan dengan teliti supaya lebih ramai kelompok miskin bandar mendapat manfaatnya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi dan diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu.

7.21 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Lama menunggu sudah. Sakit badan.

Seorang Ahli: Boleh duduk.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020300 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri apakah status terkini Projek Loji Sisa Ke Tenaga ataupun *Waste to Energy (WTE)* yang dibina di Ladang Tanah Merah Port Dickson. Adakah pihak kementerian bercadang untuk kembangkan lagi atau buat lebih banyak WTE di negeri-negeri lain. Walaupun keberhasilan projek ini belum lagi dapat dilihat. Contoh, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong di TPS Bukit Payong yang mendapat bantahan daripada orang kampung ataupun rakyat tempatan.

Seterusnya, saya ke Butiran 030300 – Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah pihak kementerian merasakan perlu wujud keperluan untuk melakukan satu lagi semakan atau kajian

semula ke atas Dasar Pengurusan Strata di bawah COB dan juga pengurusan strata. Dalam masa yang sama, adakah kerajaan juga berhasrat untuk lebih memperkasakan Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata (TPPS). Ini termasuklah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis yang berlaku di banyak bangunan kediaman berstrata akan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Seterusnya, kepada Butiran 01605 – Kemudahan Insentif Perumahan. Mohon Yang Berhormat Menteri berikan sedikit penjelasan apa maksud kemudahan insentif perumahan ini. Adakah ia insentif untuk perumahan mampu milik, harga RM50,000 hingga RM300,000 dan adakah dia nya satu program di bawah RTO dan saya harap Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kementerian yang akan memberikan tumpuan yang Khususnya kepada rakyat B40 dan juga M40 untuk mendapatkan insentif ini. Apakah syarat, kriteria, kelayakan dan sebagainya. Ini kerana kita harap mudah-mudahan dengan insentif ini akan dapat membantu rakyat yang di bawah B40 dan M40 ini dapat memiliki rumah yang dihasratkan oleh rakyat.

Seterusnya saya ke Butiran 00110 – PRIMA. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah. Saya pun hendak tanya kenapa penurunan mendadak ini? Yang Berhormat Rasah pun tanya. Sebanyak RM100,000 juta pada tahun 2019 turun kepada RM1 juta 2020. Adakah apa-apa yang kementerian boleh buat dengan RM1 juta ini? Mengapa berlaku penurunan yang sangat ketara ini. Adakah kerana komitmen kontraktor kah yang menyiapkan projek perumahan PRIMA ini menurunkan atau adakah kerana kurang sambutan daripada pembeli PRIMA yang tidak mungkin. Adakah program PRIMA ini akhirnya akan ditutup dan disatukan di bawah Jabatan Perumahan Negara. Soalannya, adakah status dasar rumah PRIMA ini akan diteruskan seperti yang telah pun dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat Jelutong dahulu.

Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian akan terus mengekalkan harga jualan PPR ini iaitu pada kadar RM35,000 ataupun kementerian ada cadangan untuk naikkan kadar harga unit rumah PPR ini daripada RM35,000 kepada RM65,000.

Saya harap pihak kementerian akan bertahan untuk memikirkan bahawa bukan semua rakyat mampu untuk beli unit jualan rumah PPR ini. Jikalau sekiranya dinaikkan pada kadar RM65,000 dan mungkin kalau kementerian ada cadangan sebegitu, jadi kekalkan unit rumah harga RM35,000 pada keluasan 700 kaki persegi atau keluasan 750 kaki persegi dan RM65,000 pula pada kategori keluasan mungkin 800 kaki persegi atau 890 kaki persegi ataupun 900 kaki persegi. Kita harap mudah-mudahan dua jenis PPR ini akan dapat diperuntukkan supaya lebih ramai lagi rakyat akan berupaya untuk membeli rumah PPR.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Rumah PPR di Kluang ini, saya harap dapat diteruskan. Ini kerana kalau pihak kementerian mahu membina rumah mampu milik menggantikan projek PPR yang telah pun dilancarkan di Kluang

ini Yang Berhormat Menteri. Saya tidak fikir, saya ini orang Kluang, hari ini kalau Ahli Parlimen Kluang ada mungkin dia boleh bantu. Saya tidak fikir orang Kluang dapat – yang kategori B40 ini yang dapat beli rumah mampu milik yang RM300,000 ke bawah. Jadi, mungkin projek PPR yang telah pun kita lancarkan di Kluang ini akan dapat diteruskan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Terengganu kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Krau tidak ada boleh Yang Berhormat Pontian. Kemudian Yang Berhormat Batu, kemudian Yang Berhormat Sandakan terakhir, terima kasih.

7.26 mlm.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Oleh sebab masa yang begitu terhad, saya terus kepada apa yang ingin saya bangkitkan dalam KPKT ini.

Butiran 020200 – *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp)* bersama dengan Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal. Yang mana SWCorp diperuntukan pada tahun lepas sebanyak RM87.3 juta menurun menjadi RM82.5 juta berkenaan dengan pengurusan pepejal juga berlaku penurunan. Jadi apa yang ingin saya bangkitkan di sini Tuan Pengerusi ialah pusat pembuangan sampah di Hulu Terengganu yang terdapat di Kuala Berang. Di mana pada pendapat rakyat di Kuala Berang bahawa tempat tersebut tidak sesuai. Ini kerana ia berada di tengah kawasan perumahan yang berada sekelilingnya. Kemudian di tepi jalan utama antara Kuala Berang dan Ajil. Jadi apakah tindakan daripada kementerian untuk mengkaji balik tempat ini atau dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai ataupun menggunakan *incinerator* untuk mengatasi masalah bau busuk dan sebagainya.

Berkaitan juga dengan perkara ini Tuan Pengerusi, satu sikap yang saya rasa mungkin terdapat juga di mana-mana iaitu pengguna-pengguna yang ingin membuang sampah kemudian mereka membawa sampah tersebut di atas bonet belakang kereta, kemudian sampah itu jatuh di jalan. Jadi pertanyaan saya, apakah ada undang-undang ataupun tindakan yang perlu untuk mendidik mereka yang melakukan hal tersebut untuk diberi pengajaran dan sebagainya. Apakah kuasa yang ada pada KPKT dalam hal tersebut.

Tuan Pengerusi, saya pindah kepada Butiran 40000 iaitu SPNB. Di mana peningkatan yang begitu mendadak daripada RM84 juta pada tahun lepas menjadi RM30.3 juta pada tahun hadapan. Apa yang ingin saya bangkitkan pada isu SPNB ini, sepanjang beberapa tahun yang lalu telah banyak pemohon-pemohon yang telah menyerahkan geran dan menandatangani perjanjian dengan SPNB. Akan tetapi statusnya tidak diberi tahu, apakah rumah mereka akan dibina ataupun tidak. Jadi ini menimbulkan tanda tanya kepada pemohon-pemohon dan kita berharap agar status ataupun permohonan mereka ini dimaklumkan dalam kadar yang segera agar mereka ini dapat mengetahui apakah status. Ini kerana mereka telah menandatangani perjanjian, geran-geran telah pun diserahkan kepada SPNB. Ada setengahnya tapak pun telah

dibuat tetapi rumah masih belum dibina. Jadi diharap supaya SPNB mengatasi masalah ini dengan menyegerakan pembinaan ini ataupun menyatakan status berjaya ataupun tidak untuk memberi kegembiraan kepada pemohon-pemohon ini.

Kemudian saya berpindah kepada B.43, Butiran 040400 iaitu Sewaan CCTV.

■1930

Persoalan saya Tuan Pengerusi, dengan CCTV ini berapakah jumlah yang akan dipasang di Hulu Terengganu khususnya di bandar Kuala Berang dan juga Ajil dan Manir agar saya yakin dengan adanya CCTV ini, ia banyak kebaikannya di samping ia dapat mencegah berlakunya jenayah, ia juga penting untuk keselamatan pengguna-pengguna di sekitar bandar-bandar yang saya sebutkan tadi. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

7.30 mlm.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walaikumsalam.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:...Salam sejahtera. Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai PPAM iaitu Perumahan Penjawat Awam. Presiden CUPECS menyatakan bahawa pada 26 Jun 2019, sebanyak 95 peratus penjawat awam berumur 30 tahun ke bawah belum ada rumah. Kedua, beliau Datuk Azih Muda menyebut 75 peratus penjawat berumur 40 tahun ke bawah belum ada rumah. Jadi pada pandangan saya, PPAM perumahan penjawat awam ini perlu diperbanyakkan. Mengapakah penjawat awam itu belum ada rumah? Jawapan yang paling utama yang dinyatakan ialah harga rumah mahal Tuan Pengerusi. Mereka memerlukan rumah RM250,000 ke bawah.

Satu lagi dinyatakan juga oleh CUPEACS bahawa Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPSSA), saya berharap KPKT akan berbincang dengan MOF, Kementerian Kewangan untuk menurunkan caj perkhidmatan yang tinggi. Disebut sebagai 45 *percent* dan 55 peratus daripada 1.6 juta penjawat awam ini meminjam untuk membeli rumah daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam. Saya kira 15 peratus komisen, 15 hingga 20 insurans yang dikenakan itu terlalu tinggi jadi saya berharap KPKT akan berbincang dengan MOF untuk menurunkan.

SPNB, perkara yang kedua ialah berapa rumah mesra rakyat yang sudah dibina? Sejak wujud SPNB sehingga Mei 2018, berapa rumah mesra rakyat mulai Mei 2018 hingga sekarang. RM318 juta yang diperuntukkan ini pecahannya, projeknya, jumlahnya berapa? Ada 35 ekar tanah di Taman Megah Yang Berhormat Timbalan Menteri – Pontian. Ini kita boleh jadikan untuk PPAM ataupun SPNB bagi menilai tempat itu.

Perkara yang ketiga iaitu mengenai PR1MA, kelihatan nampak PR1MA ingin dimansuhkan itu sebabnya tinggal sejuta. Kenapa perlu dihentikan? Apa kata kalau kita belajar

daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, mereka tidak suka RUMAWIP, mereka hanya tukar kepada residensi. Jadi PR1MA ini kalau tidak suka nama PR1MA, tukar sahaja kepada perumahan harapan kah apa kah tetapi pada saya jangan dihentikan.

Keempat mengenai pembasmian kemiskinan bandar. Saya kira perkara penting untuk menjadi usahawan ini ialah kita hendaklah memberikan latihan yang pertama. Kedua, kita bagi pinjaman modal. Jangan bagi geran tetapi pinjaman modal. Ketiga, kita mengajar mereka produk-produk yang perlu untuk mereka keluarkan. Keempat yang penting di bawah KPKT ini perlu ada premis perniagaan yang sesuai dan strategik di bandar-bandar dan seterusnya dibantu dari segi pemasaran.

Perkara yang kelima ialah mengenai kajian penyelidikan perumahan. Purata nilai hartanah di Malaysia ini harga rumah di Malaysia sangat tidak mampu milik, ini kata Bank Negara Malaysia. Melalui satu piawaian antarabangsa sangat tidak mampu milik. Kuala Lumpur, RM793 ribu seunit. Selangor, RM480 ribu seunit. Sabah, RM432 ribu seunit. Penang, RM439 ribu seunit. Sarawak RM 426 ribu seunit. Johor RM350 ribu seunit. Jadi pada saya yang paling penting untuk kajian penyelidikan perkara 010402 ini turunkan harga rumah dan turunkan harga sewa atau kawal harga rumah dan kawal harga sewa.

Kemudian bomba dan penyelamat. Saya ingin tanya apakah status kes arwah Adib. Saya berharap perkara ini yang sudah menjadi isu negara, keadilan mesti ditegakkan segera dan jangan dilewatkan. Apa yang ingin dilakukan seterusnya?

Perkara ketujuh, bahagian Kampung Bharu. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia pada 2 Oktober 2019 dalam surat khabar *Sinar* menyebut Tun Mahathir, Yang Amat Berhormat Langkawi dalam majlis Kampung Bharu pada 2 Mac 2018 menyebut bahawa sekurang-kurangnya tanah di Kampung Bharu itu ialah RM2000 sekaki persegi. Kenapakah kerajaan hanya memberikan 850 dan RM150,000 – RM150 hanya 1000 sekaki persegi sahaja. Ia hanya sejengkal daripada KLCC yang harganya, nilainya tiga hingga empat ribu.

Satu lagi ialah kerajaan tempatan 020100. Saya ingin menyarankan kepada KPKT supaya menambah kawasan majlis untuk Pontian di Parit Betak, Tampuk, Parit Sikom, Sanglang dan Kayu Ara Pasong, semuanya ini berada dalam daerah Pontian. Jika dapat dibantu terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu.

7.35 mlm.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 040001 – Penyelenggaraan Perumahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian bahawa adakah tabung penyelenggaraan wujud lagi ataupun telah dimansuhkan? Hal ini kerana banyak lagi JMB atau MC pengurusan rumah di mana tidak mampu untuk memperbaiki infrastruktur dalam kawasan perumahan dan ada banyak soalan daripada JMB-MC ingin mengetahui bahawa tabung penyelenggaraan ini ada atau tidak ada.

Saya juga ingin memohon status JMB-MC, status strata *title* untuk Parlimen Batu yang mana belum selesai lagi. Boleh nyatakan dalam jawapan bertulis.

Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat. Adakah kementerian ada rancangan untuk membangunkan PPR di kawasan Kuala Lumpur? Hal ini kerana terdapat banyak permohonan untuk rumah PPR tetapi rumah PPR tidak cukup. Hampir 50,000 permohonan yang sedang menunggu hampir 10 hingga 20 tahun tetapi tiada rumah yang mencukupi untuk penduduk Kuala Lumpur dan kebanyakan orang ini adalah golongan B40 dan segelintir orang daripada itu memang menyewa rumah yang sekadar sewa RM700 hingga RM800 untuk rumah biasa yang tidak mampu untuk mendapatkan rumah DBKL.

RUMAWIP di Kuala Lumpur. Terdapat banyak RUMAWIP di kawasan Parlimen Batu tetapi saya nampak bahawa banyak yang belum penuh lagi. Saya ingin minta kementerian memberikan data RUMAWIP di Kuala Lumpur dan juga berapa jumlah unit yang telah pun dijual sebab saya tadi berbual dengan Ahli Parlimen lain, ada juga mereka memberikan pandangan di mana rumah PR1MA di satu kawasan Parlimen. Jumlah rumah adalah 1200 tetapi yang sudah dijual hanya 38 unit. Ini adalah tahun keempat. Mohon penjelasan kementerian kenapa rumah-rumah PR1MA ataupun RUMAWIP tidak dapat dijual.

KPKT telah memperkenalkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) di mana setiap JPP mempunyai lapan biro termasuk biro kebajikan dan ekonomi bagi seluruh kawasan yang merangkumi 148 kawasan PBT. Adakah kedua-dua biro ini berfungsi sepenuhnya atau tidak kerana kementerian seolah-olah tidak mendapat maklumat penduduk daripada JPP mahupun PBT.

Oleh sebab perkara ini, kawasan perumahan kos rendah dan sederhana dilihat terlalu kurang dibangunkan. Manakala rumah mampu milik yang bernilai di atas paras nilai RM300,000 terlalu banyak dibina sehingga berlaku lebih produk sehingga terpaksa dijual kepada bukan warganegara. Apakah peranan kementerian bagi menangani isu ini.

Saya juga ingin memberikan pandangan kerajaan perlu mengkaji semula harga rumah di mana di Kuala Lumpur RUMAWIP sampai paras RM300,000. Ada yang tidak mampu membeli rumah.

■1940

So, saya mencadangkan kurangkan harga kos tersebut di mana yang isu ini berlarutan hampir 4 tahun. Jika dia lebih daripada 5 tahun kurangkanlah harga tersebut mungkin setengah daripada RM300,000 itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu dan yang terakhir saya jemput Yang Berhormat Sandakan.

7.40 mlm.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua isu dalam perbahasan saya hari ini. Pertama sekali, saya ingin merujuk kepada Butiran 030600 dan 00100 di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia. Pada masa ini

terdapat dua projek perumahan PR1MA di Sandakan iaitu PR1MA Borneo Cove Sandakan mempunyai 999 unit dan sepatutnya disebabkan pada tahun 2018. Manakala satu lagi adalah PR1MA Sandakan City Centre mempunyai 750 unit dan sepatutnya disiapkan pada akhir tahun 2018 juga.

Sehingga hari ini PR1MA Borneo Cove telah disiapkan sebanyak 95 peratus manakala PR1MA Sandakan City Centre cuma disiapkan sebanyak 60 peratus. Kedua-dua projek ini telah berhenti dan telah dibiarkan dengan begitu sahaja sejak enam bulan yang lalu. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah status terkini bagi *progress* kedua-dua projek perumahan ini, adakah kerajaan mempunyai peruntukan yang secukupnya untuk memastikan kedua-dua projek perumahan ini disiapkan dan mencapai matlamat projek ini dan bukan dibiarkan begitu sahaja.

Kedua saya ingin merujuk kepada muka surat 379, Butiran 01513 di bawah Program Perumahan Rakyat di mana anggaran untuk tahun 2020 adalah RM517 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian, di bawah RMKe-11 kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM160 juta untuk pembinaan 900 unit perumahan PPR di Kampung Batu Putih Sandakan. Di mana projek ini akan dibahagikan kepada dua fasa pada fasa pertama sebanyak 500 unit PPR telah siap dan baki 400 unit akan dibina pada fasa dua. Walau bagaimanapun sampai hari ini, fasa dua ini belum ada apa-apa pembinaan. Kembali pada bulan Jun tahun ini, fasa dua pembinaan perumahan PPR ini belum lagi ditender dan masih dalam proses untuk mendapatkan tanah kerajaan.

Oleh itu apakah status terkini berkenaan dengan perkara ini. Adakah kerajaan dalam rancangan untuk menambah lebih rumah perumahan PPR bagi kawasan Sandakan oleh sebab permintaan yang tinggi dan sekarang terdapat lebih daripada 3,000 permohonan telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Sandakan yang tidak dapat diproses. Itu sahaja soalan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 25 Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas usul anggaran bajet peringkat jawatankuasa Kementerian KPKT. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya menjawab. 45 minit, dipersilakan Yang Berhormat.

7.43 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya akan cuba menjawab 24 soalan daripada Ahli-ahli Parlimen ada yang saya akan jawab di bawah topik atau di bawah tajuk kerana ada yang orang kata *over lapping* dan ada yang saya akan jawab mengikut kawasan Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Mungkin kalau ada Yang Berhormat tak ada, boleh jawapan secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya terima kasih. Baik secara umumnya rasa lebih banyak persoalannya adalah tentang sisa pepejal yang saya akan jawab ya sekali gus dalam satu rangkaian. Tindakan terhadap pemilik tanah sampah haram yang telah ditimbulkan. Kementerian melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sememangnya amat serius bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram di negeri-negeri yang menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, termasuk di Johor.

SWCorp juga telah mengambil langkah bagi menyusun semula anggota penguatkuasaan bagi mendakwa individu yang membuang sampah secara haram. Ini juga *applicable* kepada situasi yang terdapat di Hulu Terengganu ya dan beberapa tempat yang telah disebut tadi termasuk juga di Johor. Untuk makluman, lokasi sampah haram yang telah dibasmi bagi tahun 2014 hingga tahun 2019 adalah sebanyak 2,278 lokasi yang mana 843 adalah lokasi bagi tahun 2019. Sebanyak 81 kes berjaya dibawa ke mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM825,500.

Kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat untuk merampas dan melelong tanah persendirian yang membenarkan pelupusan sampah haram tadi iaitu dari Yang Berhormat Tebrau ya. Berikutan juga tentang isu jumlah sisa pepejal yang meningkat. Kementerian amat serius bagi menangani isu pengurusan sisa pepejal dan berusaha keras untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih. Sehubungan dengan itu, kementerian telah melancarkan Dasar Kebersihan Negara pada 3 November 2019. Di antara teras utama dasar ini ialah untuk melibatkan penyertaan penduduk bagi membantu kerajaan dalam aspek pengurusan sisa pepejal.

Penduduk akan menjadi agen utama dalam aspek untuk mengurangkan jumlah sampah dan menggalakkan aktiviti kitar semula di kalangan mereka. Tema dasar ini adalah, *let's do it right* bagi menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah, membuang sampah ke dalam tong dan menjadikan sampah sebagai sumber pendapatan tambahan iaitu *thrash to catch*. Kementerian percaya selain daripada penggunaan teknologi baru, pelupusan sampah seperti *waste to energy*, penglibatan penduduk dalam memastikan jumlah sisa pepejal dapat dikurangkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kita juga perlu mengadakan satu disiplin di mana *separation at source* akan menjadi begitu kritikal untuk membuat skim ini berjaya.

Menyentuh tentang sisa pepejal lagi, sisa industri yang tidak diuruskan dengan baik. Merujuk kepada soalan khusus kepada Yang Berhormat Kepong yang membangkitkan mengenai kutipan sisa industri di kawasan Kepong yang tidak diuruskan dengan baik, kementerian akan mengambil tindakan segera dan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan menguatkuasakan peraturan komersil, industri dan institusi di semua premis di tujuh negeri termasuk kawasan industri di Kepong mana-mana kawasan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kepong. Dia ucap terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Okey. Bagi memastikan premis komersil industri dan institusi menguruskan sisa pepejal dengan baik, kementerian telah memperkenalkan Peraturan-peraturan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam iaitu skim bagi sisa pepejal komersil perindustrian dan keinstitusian 2018. Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Mac 2020. Tanggungjawab pihak premis komersil industri institusi perlu lah mengasingkan sisa pepejal, sisa baki kitar semula, sisa taman dan sisa pukal.

Menyediakan bekas penstoran dan tempat pungutan sisa pepejal yang sesuai yang tidak mendatangkan kacau ganggu, melantik syarikat perkhidmatan pungutan yang berlesen dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Menyimpan salinan rekod bagi setiap kutipan sisa pepejal yang dikeluarkan oleh syarikat perkhidmatan, pemungutan yang berlesen selama 7 tahun. Penguatkuasaan akan dilaksanakan di tujuh negeri yang menggunakan Akta 672.

Kegagalan mematuhi peraturan ini akan berdepan dengan denda tidak melebihi RM10,000. Menyentuh tentang Kempen Kitar Semula yang ada yang menganggap kurang berkesan. Peruntukan pengurusan sisa pepejal di bawah kod 20300 sebahagian besarnya adalah peruntukan untuk membiayai penswastaan pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan tiga syarikat konsesi utama iaitu Alam Flora Sdn. Bhd., SWM *Environment* Sdn. Bhd. dan *Environmental Idaman* Sdn. Bhd. di tujuh negeri.

Kerajaan perlu membayar hampir RM2 bilion setiap tahun kepada syarikat konsesi dan sebahagian besarnya iaitu hampir RM1.5 bilion adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan RM500 juta adalah sumbangan daripada PBT. Tentang Program Kitar Semula untuk menjawab daripada Yang Berhormat Rasah, peningkatan peruntukan kepada sisa pepejal bukan disebabkan kegagalan Program Kitar Semula sebenarnya.

■1950

Program kitar semula telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2019 yang mana kadar kitar semula telah meningkat kepada 28.06 peratus pada tahun 2019, yang meningkat daripada 24.6 peratus pada tahun sebelumnya- 2018 iaitu kenaikan sebanyak 3.46 peratus. Pencapaian kadar kitar semula ini adalah melebihi sasaran asal iaitu 22 peratus pada tahun 2020. Ini adalah melebihi *target* yang kita hajatkan.

Di antara program kitar semula yang dilaksanakan adalah seperti berikut. Data sehingga 30 September, sesi ceramah dan pameran, program *drive thru* 3R, program 3R bersama industri, program 3R di pejabat kerajaan, program 3R di peringkat tadika kerana perlunya kita memupuk kesedaran di peringkat yang begitu muda supaya ini dijadikan supaya budaya. Program 3R di sekolah rendah dan menengah. Ini juga kerana mengambil contoh betapa berjayanya di negara-negara seperti Jepun dan Korea- di peringkat lebih muda lagi. Program 3R di IPT, Program 3R bersama komuniti, dan seterusnya.

Baik kita beralih kepada status pembinaan projek PR1MA di Rasah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Rasah, Residensi Serembah Sentral masih dalam pembinaan dengan kemajuan sebanyak 94 peratus. Projek ini sedang dijual secara aktif di bawah Program HOC, dan HOC ini

ada banyak kemajuan yang kita dapati, dan *target* nya telah melebihi apa yang kita buat *projection* sebelum pada ini. Oleh kerana itulah, kita menyambung selama enam bulan lagi.

Tentang perumahan rakyat- untuk menjawab Yang Berhormat Sibuti, tentang apakah kerajaan dapat menyediakan projek khusus untuk rumah panjang yang terbakar....

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: PR1MA ini adakah akan dijawab lagi selepas ini tak Tuan Pengerusi?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, kita akan sentuh lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab apa, kalau hendak jawab saya ingat kalau di bawah tajuk PR1MA itu saya pun bercakap. Jadi saya hendak tanya tentang soalan itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah akan dijawab secara berasingan ataupun di...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: PR1MA ini ada *specific area*, jadi saya akan jawab individual.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh sebab HOC tadi jadi...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: HOC adalah umum secara keseluruhan. Kita akan sentuh *in syaa Allah*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Baik KPKT tidak menyediakan peruntukan khas khusus untuk rumah panjang yang terbakar. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri boleh mengusahakan cadangan tapak untuk dipertimbangkan bagi pembangunan PPR. Ini adalah dengan kerjasama kerajaan negeri kerana *land is a State Matter*, dengan izin. Daripada segi reka bentuknya kami bolehlah memberi nasihat supaya ia bersesuaian dengan kehendak, dan *safety regulation* mengikut peraturan-peraturan bomba dan seterusnya.

Tentang PPR di Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, PPR Lorong Selamat Pulau Pinang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 19 Oktober 2006 bagi tujuan pengurusan, pengisian dan penyenggaraan. Sebenarnya bukanlah tidak ada projek yang dirancang di Pulau Pinang, atau dipinggirkan tetapi adalah mungkin kerana tanah atau *real estate value* di Pulau Pinang agak tinggi berbanding tempat-tempat lain, dan usaha untuk mendapatkan tanah ini mungkin memakan sedikit masa dan usaha yang lebih diperlukan.

Status projek terbengkalai di Negeri Sembilan- tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelebu. Sebanyak 27 projek perumahan terbengkalai telah direkodkan di Negeri Sembilan sehingga 31 Oktober...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat akan menjawab tentang isu rumah PR1MA, yang telah saya bangkitkan.

Rumah PR1MA yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Pekan, dan Barisan Nasional tetapi sehingga sekarang tidak dibina. Persoalan saya di dalam perbincangan, adakah ia akan dibina? Bila ia akan sampai?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Okey, baik. Tentang rumah PR1MA, salah satu daripada masalah, kalau kita tengok, kalau saya boleh katakan *casualty rate* PR1MA adalah, atas *costing* atau cara modal yang telah diusahakan, di mana harga tanah adalah satu isu yang amat kritikal.

Oleh kerana itulah ada sebahagian besar projek-projek PR1MA tidak dapat diteruskan atau masih di dalam proses kajian. Dan mungkin salah satu daripada sebabnya Pulau Pinang masih belum diusahakan projek-projek PR1MA adalah untuk mengenal pasti tanah yang membolehkan projek ini menjadi *viable*. Ini kerana kalau kita lihat untuk tanah projek mampu milik, harga kos tanah adalah kritikal, juga *locality* dan juga *public transport* serta infrastruktur adalah gandingan yang penting.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih di atas makluman yang telah diberikan dan pencerahan yang telah diberikan. Ini kerana sekurang-kurangnya pada hari ini rakyat di Pulau Pinang akan mengetahui bahawa kerajaan kita lebih telus dan bukan seperti Yang Berhormat Pekan dan Barisan Nasional pada masa yang lalu yang selalu membuat pengumuman-pengumuman tetapi tidak melaksanakan sebarang pembinaan.

Ini adalah perkara serius. Saya berbahas tentang isu ini kerana pada hari ini kita lihat pendedahan yang dibuat oleh Nor Salwani Mohamad, Jabatan Audit Negara Kebangsaan yang menyatakan bahawa beliau diminta untuk cuba melenyapkan laporan-laporan yang sebenarnya melibatkan ketirisan rasuah yang dilakukan oleh Barisan Nasional...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita hendak pastikan Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab. Ini penyamun Yang Berhormat Jelutong ini cakap peraturan mana? Bedebah. Peraturan mana *you* cakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, tujuan pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya, kalau ada maksudnya. Maksudnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Ini bukan- kenapa hendak dikait-kaitkan? Sampai langsung tidak ikut peraturan. *Lawyer* cabuk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maksudnya bahawa, sebelum ini janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah bukanlah sebenarnya. Bukan telus. Setiap kali ada pilihan raya, rakyat di Pulau Pinang ditipu. Ada pengumuman rumah PR1MA akan dibina. Pada hari ini saya berterima kasih kepada kementerian di atas penjelasan yang telah diberikan. Sandiwara yang dimainkan oleh kerajaan dahulu adalah semuanya penipuan belaka.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei, kerajaan dahulu, menteri yang bertanggungjawab...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelutong. Saya minta Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Webside* punyalah banyak rumah PR1MA di seluruh Malaysia dibina. Seluruh Malaysia rumah PR1MA dibina.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seluruh Malaysia menceritakan tentang rumah PR1MA.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pulau Pinang tidak ada rumah PR1MA. Pulau Pinang... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk respons soalan PR1MA... *[Dewan riuh]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik. Faham. Saya kawal. Perbincangan ini Yang Berhormat Jelutong, tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, dia kata Barisan Nasional tidak tunai janji itu satu dakwaan yang bodoh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi dahulu adalah Ahli Undangan Negeri...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya saya tahu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi memang amat mengetahui tentang perkara ini. Setiap kali apabila ada pilihan raya, Barisan Nasional dan penyamun Yang Berhormat Pekan datang buat pengumuman. Pencuri... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan sangat riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tak *on* kan *mic* ini kerana kalau *on mic* semua perkataan-perkataan itu saya catat. Saya hendak minta tarik balik. Saya catat ini, “cabuk”, “penipu”, “pukimak”, “biawak”, “sial”, “babi”, “kurang ajar”. Semua saya catat ini tetapi saya kasihan tengok Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Kalau saya *on*, masuk dalam *Hansard*. Ahli-ahli Yang Berhormat..

■2000

[Dewan riuh]

Baik saya tahu Yang Berhormat Jelutong, saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk *response* soalan PRIMA.

[Dewan riuh]

Ahli-ahli Yang Berhormat..

[Dewan riuh]

Sila-sila, duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Faham.

[Dewan riuh]

Minta Yang Berhormat...Yang Berhormat Jelutong.

[Dewan riuh]

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, minta semua Ahli Yang Berhormat, duduk. Saya menyelamatkan semua Ahli Yang Berhormat daripada perkataan-perkataan tersebut oleh sebab itu saya *off*. Kalau *on*, *Hansard* akan *copy* dan saya boleh, kita boleh buka balik *Hansard*.

Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta soalan PRIMA minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk *response*.

[Dewan riuh]

Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Goblok punya Yang Berhormat Jelutong, goblok.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya keputusan KPKT dibuat berdasarkan kajian yang telah diamanahkan kepada mereka yang telah ditugaskan untuk buat *due diligence*. Jadi daripada model yang kita telah dapati, kita akan buat keputusan *strictly business decision*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta kuat sedikit sahaja. Minta cakap dekat mic supaya yang lain boleh dengar.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, saya sebutkan tadi kita membuat *decision* atau keputusan atas laporan daripada *due diligence* di mana contohnya akan diambil iktibar untuk projek-projek PRIMA yang akan datang. Itu adalah satu keputusan yang orang kata *strictly professional* daripada pihak ketiga bukan daripada kementerian kita sendiri. Itulah sebagai latar belakang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya mohon berbahas balik kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Mana ada bahas Tuan Pengerusi, sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah, tidak payah bahaslah. Dengarlah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bangkitkan perkara ini ..

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak payah bangkit, *let the minister answer you* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya, suara rakyat Pulau Pinang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya pun wakil rakyat Jelebulah. Saya pun Ahli Parlimenlah, tidak jadi macam itulah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di Pulau Pinang tidak ada PRIMA langsung.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bagi *Minister* jawablah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong, soalan telah pun ditanyakan. Minta penjelasan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab atau teruskan menjawab.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Teruskan tentang status projek terbengkalai di Negeri Sembilan. Sebanyak 27 projek perumahan terbengkalai telah direkodkan di Negeri Sembilan sehingga 31 Oktober, ini saya sudah sentuh tadi. Tentang audit kepada pembangunan PBT, soalan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian ia telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara sebagai satu *independent body*.

Tentang isu cadangan projek B40 yang dihentikan PPR, soalan daripada Yang Berhormat Jelebu tentang status pelaksanaan PPR sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 21 November 2019 sebanyak 89,124 unit PPR telah disiapkan di seluruh Malaysia manakala 16,726 unit dalam pembinaan dan sebanyak 8,772 unit adalah dalam perancangan untuk dibina.

Ini bermakna projek perumahan untuk B40 masih diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang. Buat masa ini, belum ada perancangan untuk mengadakan kerjasama dengan JKR dan FELCRA. Kementerian bersedia untuk membincangkan perkara ini sekurang-kurangnya ada cadangan daripada agensi berkenaan. Saya juga difahamkan sudah ada perbincangan awal dengan pihak FELDA sebagai satu contoh.

Ada soalan lagi tentang kementerian akan menukar kegunaan tempat pelupusan sampah di Jelutong tersebut kerana telah digunakan secara optimum...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum kita masuk tajuk lain boleh saya dapatkan penjelasan tentang yang pertama tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab 27 projek Negeri Sembilan terbengkalai perkembangannya. Kemudian yang kedua, tentang Projek Rumah Simpang Durian itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Spesifik tentang Simpang Durian. Saya rasa kita tidak ada maklumat spesifik sekarang ini, mungkin kita akan jawab secara bertulis. Insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Kita akan uruskannya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jawapan bertulis, Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bertulis. Okey, terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Tentang tapak pelupusan Jelutong adalah merupakan tapak pelupusan yang menerima sisa lengai daripada Majlis Bandar Raya Pulau Pinang. Pengoperasiannya tersebut dikendalikan oleh pihak PBT. Pada masa ini, Pulau Pinang tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Oleh yang demikian, operasi dan peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

Beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Sibuti tentang cadangan *waste to energy* yang akan diperkenalkan. Sehingga 2025, kementerian merancang untuk melaksanakan lima projek loji *waste to energy* dengan cadangan lokasi seperti berikut iaitu:-

- (i) Sungai Udang, Melaka;
- (ii) Bukit Payung, Johor;
- (iii) Semeling, Gurun, Kedah;
- (iv) Seelong, Johor; dan
- (v) Jabor-Jerangau di Pahang.

Itu adalah di antara cadangan yang kita ada sekarang ini.

Tentang adakah terdapat rancangan untuk menaik taraf bagi tapak pelupusan Bekenu, kementerian telah memohon peruntukan bagi kerja-kerja naik taraf untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan Keempat Tahun 2020. Walau bagaimanapun, berdasarkan kedudukan semasa kewangan kerajaan, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan. Oleh itu, untuk sementara waktu kerajaan negeri hendaklah mencari peruntukan alternatif untuk menaik taraf tapak pelupusan tersebut. Sekiranya peruntukan masih diperlukan, kementerian akan memohon peruntukan tersebut di bawah Rancangan Malaysia yang akan datang.

Beralih kepada isu daripada Yang Berhormat Taiping dan juga Yang Berhormat Parit Sulong, saya *combine* ini dua tentang panduan untuk pelupusan sisa pepejal melalui *waste to energy*. Di dalam proses *request for proposal* (RFP) pemilihan teknologi adalah berdasarkan kepada teknologi yang telah terbukti berkesan dan mesra alam serta tidak menyebabkan

pencemaran alam sekitar. Ini adalah untuk memastikan pelepasan gas mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Kita telah mengambil kira *the latest* teknologi supaya *it will not contribute towards global warming in a significant way*, dengan izin. Begitu juga situasinya yang di Johor walaupun ada sedikit sebanyak bantahan tetapi kita telah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor dan pihak tempatan yang telah mengatasi masalah dan segala pandangan yang telah diterima.

Menyentuh tentang soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong lagi, bagaimana kerajaan hendak memastikan geologi tapak kawasan sejarah di kawasan berkenaan tidak terancam disebabkan oleh tapak pelupusan tadi. Bagi projek-projek lain juga sembarangan pembinaan sesebuah tapak pelupusan kajian terperinci kesan terhadap alam sekitar iaitu EIA – Environmental Impact Assessment akan dibuat untuk mengkaji kesan-kesan terhadap alam sekitar, sosioekonomi dan komuniti setempat.

Selain itu juga, ia merangkumi kesan hidrologi dan geologi kawasan setempat. Memandangkan tapak pelupusan ini berada di kawasan tinggi dan zon penampunan melebihi 500 meter daripada kawasan penempatan, kementerian ini percaya kelulusan kajian EIA oleh Jabatan Alam Sekitar menunjukkan tidak akan berlaku sebarang kesan terhadap alam sekitar, sosioekonomi dan komuniti setempat.

Kita juga ada *standard procedure* untuk *buffer zone* di mana ia perlu mencukupi sebelum sesuatu tapak baru dibina kemudahan tersebut dan pembinaan tapak pelupusan ini juga telah mengambil kira sistem perparitan untuk mengalirkan air permukaan atau air hujan supaya tidak berlakunya banjir di kawasan tapak.

Selain daripada itu, selain daripada *surface run-off*, *ground water* dan *water table* juga akan diambil kira di dalam kajian EIA yang merupakan satu kajian teknikal yang agak terperinci. Bagi *leachate* yang tidak terawat pembinaan *leachate treatment plant* dengan teknologi yang terbukti berkenaan akan diadakan untuk memastikan *success* projek ini untuk merawat dan mengikut standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Di dalam proses *request for proposal* pemilihan teknologi adalah berdasarkan kepada teknologi yang telah terbukti berkesan dan mesra alam serta tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar.

■2010

Ini bagi memastikan pelepasan gas mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. *Insyah-Allah* ya. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tebrau tentang isu TPS Tanjung Langsat yang sudah penuh memberikan masalah kepada penduduk. TPS Tanjung Langsat dioperasikan oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang. MPPG telah mengemukakan permohonan untuk menyerahkan tapak tersebut kepada KPKT dan KPKT telah mengadakan perbincangan bersama MPPG dan akan mengadakan penilaian di tapak sebelum keputusan untuk mengambil alih tapak tersebut dimuktamadkan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Minta pencerahan ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau selepas ambil alih, macam mana hendak menangani sampah-sampah

sekarang yang tinggi hampir enam tingkat kerana selama ini sampah hanya dibuang di situ, tidak buat apa, pun tidak dibakar tetapi kadangkala dia berlaku kebakaran. Jadi sampah itu yang sedia ada di situ punya akan ditangani dengan cara untuk membakar mereka guna insinerator kah apa. Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad: Ya saya percaya kerana sekarang ini *open burning* akan merupakan satu perkara yang amat sensitif yang tidak dibenarkan. Jadi saya rasa satu cara teknikal akan diusahakan secara *more scientific* untuk memastikan tiada pencemaran yang berlebihan akan berlaku. *Insyah-Allah* ini akan dikuatkuasakan termasuk di bawah juga kajian EIA. Banyak syarat-syarat akan dikenakan untuk mengetatkan kawalan ya. Okey, menjawab soalan daripada sahabat saya daripada Hulu Terengganu tentang perancangan kerajaan bagi tapak pelupusan di Hulu Terengganu ya. Berdasarkan perancangan kerajaan untuk sisa pepejal di Hulu Terengganu, sebanyak 50 tan sehari dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal Tertak Batu, Marang untuk dilupuskan.

Perkara ini telah pun dikemukakan kepada kerajaan persekutuan melalui SUK negeri Terengganu untuk diteliti dan diambil tindakan selanjutnya. Manakala bagi tapak pelupusan Hulu Terengganu, kerajaan persekutuan bercadang untuk menutup selamat sekiranya tapak tersebut tidak diguna pakai dan permohonan peruntukan akan dimohon dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Untuk menjawab tentang status projek PRIMA di Borneo Ko dan Sandakan oleh Yang Berhormat Sandakan. Untuk projek PRIMA Residensi Sandakan City Center, projek ini sedang diteliti dan diperhalusi melalui Pelan Rasionalisasi PRIMA dan akan diteruskan kalau ianya tidak menjadi satu bebanan dari segi *financial implication*. Manakala bagi Residensi Borneo Koh, peratusan kemajuan tapak ialah 97 peratus dan dijangka siap pada Februari 2020. Namun begitu lanjutan masa mungkin diperlukan untuk merencanakan hasil jualan, untuk sukses projek tersebut.

Menyentuh soalan daripada Yang Berhormat Tumpat tentang kitar semula minyak masak dengan kadar kitar semula di sekolah, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan untuk mengitar semula minyak masak terpakai. Saya rasa sukses cara ini bergantung kepada disiplin *household* untuk mengadakan sistem yang lebih teratur di mana ianya dibuat *separation at source* dan sebagainya supaya minyak-minyak ini dapat digunakan dengan baik dengan pengasingan di tempat asalnya. Untuk makluman, kementerian melalui SW Corp. telah mengarahkan syarikat konsesi di tujuh buah negeri untuk membeli minyak masak terpakai melalui pusat-pusat kitar semula dan program-program seperti *three round wheel*, *kitar cycle* dan *recycle for life*. Syarikat konsesi perlu bekerjasama dengan pihak pengeluar tempatan bagi memproses semula minyak untuk menjadi bio *fuel* untuk kegunaan industri.

Bagi program kitar semula, jumlah program dan kutipan *site* adalah kongsi semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Rasah tadi. Tentang program kitar semula pula, kementerian sedar tentang tahap pengamalan kitar semula yang masih rendah di kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Kebersihan Negara pada 3 November bagi mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera. Antara

usaha yang dilaksanakan adalah melalui inisiatif sifar sisa atau dikenal sebagai *ZICOM* di PPR yang terpilih. *ZICOM* bertujuan untuk menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sisa makanan dan sisa kitar semula yang mana penduduk akan diberikan ganjaran berbentuk barangan keperluan harian. Ini untuk adakan inisiatif *separation at source* seberapa boleh ya.

Pada masa kini enam buah pusat *ZICOM* telah dibangunkan dan akan terus diperluaskan untuk rekod jumlah sisa makanan yang terkumpul adalah sebanyak 9,863 kilogram sisa kitar semula, 11,394 kilogram dan minyak masak sebanyak 556 kilogram. Selain itu, program kitar semula di peringkat sekolah akan terus dipergiat meliputi sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pontian tentang status kes kematian arwah Adib. Saya rasa isu ini Mahkamah Koroner telah memutuskan bahawa kematian arwah Adib adalah kematian melalui pembunuhan. Oleh itu kementerian menyerahkan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk meneruskan tindakan selanjutnya dan ini terpulanglah kepada proses perundangan. Kita daripada KPKT memanglah memandang berat dan mengambil cakna tentang bukan saja tentang arwah Adib tetapi keluarga beliau sendiri.

Tentang program TPPM yang masih wujud, soalan daripada Yang Berhormat Batu. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, program TPPM masih lagi diteruskan di bawah Butiran 04001. Penyelenggaraan perumahan dan sebanyak RM30 juta peruntukan bagi program TPPM penyelenggaraan rumah strata kos rendah swasta. Strata *title* bukan di bawah bidang kuasa KPKT, ia adalah di bawah bidang kuasa JKPTG di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli atau KATS ya. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi, keperluan semakan dasar pengurusan rumah strata dan memperkasakan Tribunal Pengurusan Strata. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian sedang menjalankan kajian untuk menambah baik Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Sehingga kini sebanyak empat bengkel telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Kajian ini akan mengambil kira keperluan-keperluan untuk memperkasakan COB dan Tribunal Pengurusan Strata bagi membolehkan ianya berfungsi dengan efektif.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lipis tentang hasrat kerajaan membantu perumahan seperti kondo-kondo yang menghadapi masalah lif rosak seperti Visa Seri Putera ya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan perumahan adalah dikhususkan untuk perumahan awam dan swasta dengan harga jualan pertama bernilai RM80 ribu ke bawah. Peruntukan ini adalah secara *one off* bagi perumahan swasta dengan kos melebihi RM80 ribu, pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan harta bersama adalah di bawah tanggungjawab *joint management body* atau *management corporation* yang terdiri daripada semua pembeli dan pemilik.

Jadi dalam isu ini saya rasa yang pentingnya adalah *joint management body* ini perlulah menjadi satu badan yang aktif dan efisien yang mengambil cakna tentang apa yang berlaku. Akan tetapi malangnya ada tempat-tempat yang tertentu, *joint management* ini tidak berfungsi seperti yang sepatutnya dan satu lagi cara adalah untuk mengadakan lebih banyak kesedaran di

kalangan komuniti yang tinggal di unit-unit tersebut untuk menjaga harta bersama kerana itulah kita baru-baru ini melancarkan dasar komuniti yang bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan gotong-royong untuk menjaga kawasan atau *common area*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, sikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya bangkitkan perkara ini sebentar tadi. Memang saya faham apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri itu. Akan tetapi dalam soal ini saya membangkitkan supaya bolehkan pihak kementerian supaya dapat menasihati COP ataupun *condominium management* itu.

■2020

Yang saya sebutkan tadi, Putra Villa Kondominium ya takut tersilap yang saya sebut tadi. Saya dengar Yang Berhormat sebut lain tadi bukan Putra Villa di Jalan Sultan Ismail. Ini yang maksud saya, maknanya perkara-perkara ini saya minta supaya ada campur tangan daripada kementerian maknanya menghubungi ataupun perkara ini telah dibangkitkan dalam Parlimen maknanya minta kementerian supaya dapat membantu dalam hal ini.

Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sikap itu memang betul oleh kerana satu rumah oleh kerana pemilik itu sudah *fed up* dengan perkara ini maka mereka berpindah tempat lain dan sewa kepada boleh dikatakan Bangla yang menduduki sana dan satu rumah sehingga 16 orang tinggal. Ini yang menyebabkan lif itu bertambah parah dan air juga bertambah parah. Ini saya minta supaya pihak kementerian boleh membantu dalam hal ini.

Sebenarnya saya faham bahawa ini adalah *management* itu sendiri yang kena laksanakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa tinggal tujuh minit setengah. Adakah persoalan saya akan dijawab dalam ini? Saya minta jawablah. Saya tadi Tuan Pengerusi nombor dua tadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tolong jawab saya punya dahulu lah.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Okey salah satu daripada soalan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang ya tentang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ya okey.

Isu ini tidak akan dilaksanakan sehingga mendapat kelulusan dasar Jemaah Menteri yang harus mengambil kira tempoh dan kos pelaksanaan sebagai latar belakang sepenuhnya. Sepanjang tempoh 2018 sehingga 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan tiga siri bengkel Kajian Kebolehlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan lanjutan daripada siri bengkel tersebut, KPKT sedang menyediakan kertas cadangan Dasar Pelaksanaan Semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan kertas pindaan Akta Kerajaan Tempatan Akta 171 untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Selain itu, KPKT juga sedang mengkaji model terbaik bagi pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Saya pernah sebut pada sidang lepas bahawa kita telah mengambil contoh beberapa negara Komanwel lain seperti di United Kingdom, Australia dan juga India. India merupakan demokrasi yang terbesar dan juga mempunyai berbilang kaum dan agama.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri ya sini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya cadang kerajaan cuba satu Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, mulai di Kuala Lumpur dahulu. Kalau Kuala Lumpur ada apa yang boleh kena *ratify*, baharu buat di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sila.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Biar saya habiskan dahulu ya. Sekarang ini belum *complete* lagi jawapan itu. Selain itu KPKT juga sedang mengkaji model terbaik bagi pelaksanaan *looking at the eleven model throughout the world* dan akan membentangkan model yang paling sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia kepada Jemaah Menteri. Ini adalah untuk dirumuskan bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dijadualkan untuk dibentangkan pada Jun 2020. Itulah *targetnya* dan pindaan Akta 171 dijangka akan dibawa untuk kelulusan Parlimen pada bulan Oktober 2020. Kajian Rintis Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 setelah kelulusan Jemaah Menteri dan Parlimen diperolehi. Itulah ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, inilah jawapan dia saya sudah baca sudah 100 persen Yang Berhormat ulang balik apa yang ada pada tangan saya.

Soalan saya senang sahaja, iaitu saya sudah dapat kepastian semalam Yang Berhormat Menteri Wilayah kata *paper* untuk Pilihan Raya Kerajaan Tempatan ini telah pun dibawa ke Kabinet sedangkan daripada jawapan yang Yang Berhormat baca, yang ada di tangan saya ini bahawa *paper* itu belum lagi bawa. Tidak ada *paper* dibawa ke Kabinet.

Persoalan saya Tuan Pengerusi, yang mana satu betul? Adakah Yang Berhormat Menteri KPKT betul ataupun Yang Berhormat Menteri Wilayah betul? Akan tetapi kalau jawapan ini yang betulnya ialah KPKT kerana KPKT yang akan membawa *paper* ke Kabinet. Jadi, saya hendak dapat petua daripada Tuan Pengerusi ini jelas Yang Berhormat Menteri Wilayah ini menipu Dewan ini, mengelirukan Dewan. Apakah tindakan Tuan Pengerusi boleh beritahu saya ini Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri pula jawab macam itu. Apa tindakan yang kita boleh ambil Yang Berhormat Menteri yang macam ini? Menipu Dewan.

Faham tidak? Yang Berhormat Menteri Wilayah kata *paper* itu telah bawa ke Kabinet hari ini KPKT kata belum bawa ke Kabinet *paper* untuk mengadakan Pilihan Raya PBT, faham tidak?

Saya tahu sepatutnya *paper* ini bukannya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang bawa ialah KPKT kena bawa ke Kabinet.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: KPKT bawakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi semalam dia sudah *argue* dengan saya dia kata *paper* ini telah di bawa ke Kabinet. Itu yang saya tanya tadi jadi menunjukkan jelas Yang Berhormat Menteri menipu Dewan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya baik terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi boleh tidak Tuan Pengerusi bagi apa ini? *You still* janganlah kata hendak cari gaduh dengan saya. Saya tidak cakap macam itu dengan *you* lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa. Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta petua kalau saya bawa Usul 36(12) di mana Yang Berhormat Menteri menggunakan Dewan dalam usul saya boleh dijanjikan dibawa? Kita baru suruh, selanjutnya tidak bawa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *You shut up* lah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You shut up* lah!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya belum kasi *you* mati sudah baiklah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon] Tidak apa. Yang Berhormat Tanjong Karang teruskan. Baik saya telah dengar baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi boleh bagi kah? Boleh bagi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong sekejap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat dahulu Yang Berhormat Pekan tipu satu negara pun. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Silakan.

[*Dewan Riu*]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kami memang jelas bahawa memang ada penipuan. Ini jawapan yang mengelirukan Dewan yang saya akan buat 36(12). Hanya saya hendak merayu bahawa kalau saya bawa usul itu nanti saya harap Dewan tolong terimalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita akan buat siasatan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu saya hendak minta oleh sebab jelas bahawa memang belum bawa Kabinet, betul Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang baik.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta teruskan. Hanya tinggal satu minit 36 saat sahaja lagi, silakan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini saya punya itu. Yang Berhormat Parit Sulong sudah jawab, saya punya tidak jawab.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peruntukan PR1MA yang telah diperuntukkan awalnya RM8 bilion tetapi telah dikeluarkan RM500,000 juta pada tahun 2018 dan RM100 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, 1 juta. Kita menyebut berbagai-bagai projek akan tetapi di bawah pembangunan RM1 juta itu, apa yang kita boleh buat dengan RM1 juta?

Agreement telah sains dengan 17 orang *developer* yang bernilai RM3.2 bilion, jadi duit itu di mana kita dapat? Sumber kewangan itu yang macam mana?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya timbulkan lapan perkara Tuan Pengerusi. Saya baharu dijawab satu, bererti tujuh lagi harap jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis, sila.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kota Tinggi pun sama. Baharu jawab satu, lain semua belum.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey jawab bertulis.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Harap jawab bertulis.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Tuan Pengerusi saya ada 25 soalan untuk dijawab ya, jadi harap bersabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, semua Yang Berhormat Menteri yang menjawab bertulis satu hari ini pun tidak tulis agaknya. Jadi apa cerita? Bertulis ini adakah satu permainan kata-kata untuk menyeronokkan hati...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi tidak ada yang bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Patut dalam seminggu boleh hantar. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh Yang Berhormat sebut kalau bertulis akan diberi dalam masa 3 hari?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jangan bagi tahun depan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini kami ini hanya seronok dengan permainan kata-kata. Tunggu Parlimen bagai hendak rak untuk membolehkan perdebatan rakyat ini dibuat dengan hebatnya tetapi inilah yang kita dapat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat jangan risau kakitangan kita semua akan buat kerja secara telus bukan macam dahulu.

[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan saya adalah tentang isu jawapan bertulis, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk merumuskannya. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Pengerusi, kesimpulan apa pun kita tidak tahu. Tuan Pengerusi kena beritahu bertulis ini berapa hari? Oleh sebab semua Yang Berhormat Menteri tidak tulis pun.

Jadi sekarang ini kita hendak minta Yang Berhormat Menteri bagi jawapan serta-merta, jadi yang kita cakap ini nampaknya kosong sahaja. Saya bukan- saya bercakap dengan fakta Yang Berhormat, saya hendak penjelasan. Rakyat hendak tahu...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau. Mesej sudah jelas sudah. Mesej sudah jelas baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu, tetapi saya hendak tahu berapa hari hendak jawab? Hendak bagi hari apa? Kalau hendak hantar bertulis, apa makna bertulis? Kita *settle* memang semua orang hendak balik tetapi kenapa beritahu supaya rakyat dengar, telus kepala hotak kamu. Telus tiga hari? Telus empat hari? Ini tidak bagi sampai hari ini. Yang Berhormat Jelutong pun belum dapat tahu apa jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk merumuskannya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Saya hendak menyentuh dua isu yang terakhir tadi. Pertama berkaitan dengan kenyataan semalam, saya tidak ada di Dewan ya, semasa apa yang berlaku.

■ 2030

Jadi, kemungkinan juga Kabinet juga ada berbincang daripada segi konsepnya, asasnya apakah tujuannya? Memang perkara ini akan dibawa dan telah pun dibawa kepada Kabinet dan sebagainya untuk perbincangan awal. Jadi kemungkinan apa yang maksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah adalah daripada segi prinsipnya, ia akan dibentangkan. Jadi saya

tidak menghadiri Kabinet tetapi saya rasa itu mungkin satu daripada kemungkinan apa yang telah berlaku.

Menyentuh tentang apa Yang Berhormat Arau sebutkan tadi tentang...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya ialah *Paper* Kabinet. Saya tahulah bila- *Cabinet Paper* ini seperti saya kata, kita pun ada *Cabinet Paper*. Saya tanya semalam, bila *Cabinet Paper* sebab kalau bincang-bincang ini, "Hal-hal Lain" dalam Kabinet, itu lain. Kalau Kabinet ini, dia ada agendanya. Ia bukan boleh cakap-cakap macam tu, tidak tentu hala.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itulah maksud saya. Jadi, Yang Berhormat Menteri mengesahkan, memang belum ada *Cabinet Paper* yang dibawa lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Saya ingin menyentuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi, tentang PR1MA sebenarnya PR1MA ini kita perlu halus dengan seberapa halus yang kita boleh, kerana PR1MA telah mengalami banyak masalah yang kita telah menyerahkan kepada satu syarikat rasional untuk membuat *due diligence* dan ia memerlukan masa yang lebih panjang daripada apa yang kita jangka.

Jadi, tidak timbul yang kita tidak mahu meneruskan legasi lepas dan sebagainya kita hanya melihat PR1MA sebagai satu *business entity*. Sama ada ia *viable* atau tidak, itu adalah satu *objective decision* yang kita perlu buat, dengan izin, dan tidak ada apa-apa sentimen.

Sama juga dengan SPNB. Jadi peruntukkan yang diadakan dan tambahan yang mungkin akan diadakan akan berdasarkan tentang apa yang kita akan buat selepas pada ini. Kita perlu ada satu *rationalization move* untuk mengemas kini semua badan seperti PR1MA, SPNB dan pelbagai lagi agensi perumahan, kerana kita perlu menjimatkan kos dan juga untuk membuat projek-projek ini *viable* kerana seperti yang disebut tadi, orang bertanya kenapa begitu banyak projek PR1MA di *abandoned* kan? Ini adalah kerana kita perlu menyelamatkan seberapa banyak wang yang boleh. Kalau kita sudah kenal pasti projek itu tidak lagi *viable* daripada segi ekonomi dan sebagainya kita perlu *cut our losses*, dengan izin.

Itu sahaja. Dan saya rasa tidak ada satu percubaan untuk menukar nama dan sebagainya. Nama itu hanyalah jenama. Akan tetapi yang pentingnya, perumahan mampu milik adalah perkara yang penting...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Kita perlu menyediakan rumah untuk rakyat yang betul-betul mampu milik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Very good.*

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Akan tetapi, kalau tanah sudah dibeli dengan harga yang mahal dan sebagainya, kita perlu membuat projek itu satu projek yang rasional, yang *viable*. Kita tidak boleh meneruskan hanya untuk menyiapkan fizikalnya tetapi tidak ada pembeli. Itulah masalah yang kita hadapi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalannya, berapakah tanah yang telah dibeli dengan harga mahal? Jangan buat *general statement*. *Number one*.

Number two, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sains *agreement* dengan 17 orang *developers*, dengan izin, yang bernilai RM3.2 bilion lebih, tetapi peruntukan yang dibagi RM1 juta, itu soalan saya. Jangan sebut kata, harga mahal. Ini Yang Berhormat Menteri sains *agreement* RM3.2 bilion dengan 17 orang *developers*. Saya ingin tanya, siapakah *developer* yang 17 orang itu?

Yang kedua, nilai RM3.2 bilion ini hendak ambil sumber mana? Yang Berhormat Menteri sudah sains *agreement* ini, ada gambar.

Kemudian yang ketiganya ialah, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa terdapat tanah yang dibeli dengan harga mahal. Namakan tempat itu kita hendak dengar. Sebab kita lihat perubahan projek perumahan PR1M di Cheras yang dibagi kepada orang muda, kita lihat sudah berjaya. Dan ini antara projek yang terindah dan terulung. Termasuk juga di Sungai Petani.

Yang Berhormat Menteri, kejayaan yang PR1MA buat itu kena sebut juga. Jangan kerana itu dibuat oleh kerajaan yang lepas, tiba-tiba Yang Berhormat tidak mahu sebut. Perumahan PR1MA adalah perumahan untuk kelas menengah- untuk masa depan. Ini pelaburan masa depan. Kita bukan sahaja bagi rumah tetapi kita bagi pelaburan masa depan, sebab dia di pinggir bandar...

Seorang Ahli: Okey, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu kena sebut tetapi Yang Berhormat tidak sebut. Prinsip PR1MA itu saya hendak cerita balik, sebab saya di antara Menteri yang bertegas mengenai PR1MA pada masa yang lepas...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Di atas sebab Yang Berhormat kita perlu memastikan, kita setuju ini adalah untuk kelas pertengahan atau menengah. Dan kalau projek itu tidak *viable* maka untuk siapkan kita membina unit-unit ini? Itulah prioriti kita- untuk memastikan, memerlukan satu pendekatan yang munasabah dengan golongan yang akan duduk di situ, bermastautin di situ, dan juga membayar rumah tersebut, dan juga kemudahan. Mengambil kira juga tentang *public transport*, infrastruktur dan sebagainya. Bukan hanya untuk menyiapkan rangka rumah, tanpa kemudahan asas. Jadi kita perlu melihat keseluruhannya.

Saya sebut sekali lagi, kita ada apa-apa hajat atau hasrat untuk *erase legacy* atau nama. Jenama itu tidak penting tetapi yang pentingnya rumah rakyat perlu *delivered to them at a cost* yang mereka mampu. Itu merupakan prioriti kita dan tidak ada selain daripada itu. Kerana itu

melantik *external evaluation* bukan kita membuat di *department*, adalah untuk memastikan ada *neutrality* daripada segi analisis tersebut. Jadi, itulah saya rasa yang saya perlu tambahkan di sini, kerana projek-projek ini adalah *price sensitive*.

Jadi, saya rasa Tuan Pengerusi, adakah saya akan dibenarkan masa lagi atau kita perlu gulung sekarang?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingat masa telah tamat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya cadangkan mana-mana yang tidak terjawab, buat jawapan secara bertulis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini gambar Yang Berhormat Menteri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat, saya minta satu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu benda yang berkenaan dengan peruntukan untuk kampung baharu? Kalau tak silap RM60 juta kah atau RM85 juta? Saya singkat sahaja. Minta pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tadi dalam perbahasan, saya ada sebutkan, peruntukkan untuk kampung baharu, semua kampung baharu di Malaysia- kalau ikutkan dalam buku ini ia cuma RM60 juta sahaja, tetapi saya dimaklumkan ia RM85 juta. Saya mohon pengesahan. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Okey, Tuan Pengerusi. Lipis.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tentang PR1MA.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka dahulu, silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tanya, tadi saya ada sebut kalau bagi kes PR1MA mereka beri harga tanya dengan begitu tinggi, adakah kementerian akan ambil tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab yang memberikan tanah tersebut dengan harga yang mahal?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangkitkan tadi pertanyaan soal rumah SPNB tetapi saya ingat masa sudah lewat habis, saya setuju untuk dijawab secara bertulis sebab saya hendak memperjelaskan kembali kepada masyarakat di kawasan saya, sebab saya tanya mungkin sudah ada perubahan-perubahan berlaku dalam Malaysia Baharu kononnya.

Akan tetapi, masalah yang dibangkitkan ini, contoh saya bangkitkan semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dia janji saya secepat mungkin. Saya tanya berapa hari? Dalam dua, tiga hari saya akan balas tetapi hari ini sudah dua minggu tidak berbalas surat. Maknanya cukuplah kena kencing, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Jadi, saya akan jawab dua soalan sahaja. Satu daripada sahabat saya di sana tadi tentang...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kerajaan yang lepas mereka beli tanah yang lebih tinggi daripada pasaran.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Itu merupakan proses perundangan. Kita hanya membuat *evaluation* tentang *viability project*. Saya rasa, apa-apa aduan perlulah dibuat oleh pihak lain. KPKT tidak akan terlibat dalam proses tersebut... [Tepuk] Itu terpulanglah kepada pihak yang ada kepentingan. Saya rasa itulah pendekatan dan kita hanya *concentrate* untuk menyelamatkan projek atau meneruskan projek untuk rakyat.

Dan untuk jawapan Yang Berhormat yang menunggu jawapan, sebenarnya pegawai-pegawai saya telah menyiapkan begini banyak sudah ada, dan saya rasa saya hanya baca 30 peratus sahaja.

Jadi, soalan-jawapan sudah siap. *Insyah-Allah* kita akan kemukakan. Bukan kita tidak siap Tuan Pengerusi tetapi kita tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi hari Isnin ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: *Insyah-Allah*. Jadi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,785,425,100 untuk Maksud B.43, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM 2,785,425,100 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM840,722,000 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,785,425,100 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak pantun terakhir, minggu ni...

Seorang Ahli: Boleh, boleh !

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini ya.

*Handphone dibeli talian hayat;
Balik kawasan jumpa rakyat dengan selamat.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Isnin, 25 November 2019. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam]